



**PENYATA RASMI PALIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

Bil. 29

Isnin

15 Julai 2019

---

**K A N D U N G A N**

**PEMASYHURAN DARIPADA TUAN YANG DI-PERTUA:**

- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

(Halaman 35)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Profesjon Guaman Syarie  
(Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019 (Halaman 41)

Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam  
(Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) (No.2) 2019 (Halaman 113)

Rang Undang-undang Standard Minimum Perumahan dan  
Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019 (Halaman 138)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

Isnin, 15 Julai 2019

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta yang telah diluluskan oleh Parlimen Ke-14 dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Ke-14 yang lalu seperti berikut:

1. Akta Levi Pelepasan 2019;

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalau-alukan kehadiran ke dalam Dewan pegawai-pegawai daripada Pejabat Wakil-wakil Rakyat Parlimen Kangar. *[Tepuk]*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selamat datang ke Dewan Rakyat.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, mohon pantun jugalah.

*"Hari Ahad masa berhibur,  
Hari Sabtu tawa berderai,  
Enam dekad berbilion terlebur,  
Soalan satu dari Bagan Serai". [Tepuk]*

1. **Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah kos menangani isu penagihan dadah dapat dikurangkan jika penagih diberi kaedah rawatan seperti Medical Assisted Therapy (MAT) daripada kaedah "Zero Tolerance" yang memenjarakan mereka dan berapakah bajet yang disediakan untuk pembelian strip ujian air kencing untuk dadah.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh jawab pantun ini tetapi saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran pegawai-pegawai Kementerian Dalam Negeri dalam Dewan yang mulia ini.  
[Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Selamat datang juga ke Dewan Rakyat.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan memandang serius isu dan masalah penyalahgunaan dadah dan *substance* di negeri dan mengambil pelbagai pendekatan baru dalam menanganinya. Implikasi kewangan sentiasa dititikberatkan melalui inisiatif holistik yang melibatkan pendekatan psikososial, *pharmacotherapy* dan juga spiritual bagi memastikan kejayaan dan pengekalan kepulihan keupayaan. Kejayaan program rawatan dan pemulihan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melibatkan gabungan kerjasama dengan semua agensi dan jabatan kerajaan yang berkaitan yang sentiasa terjalin erat, antaranya Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia dan badan bukan kerajaan. Kerajaan melalui Agensi Antidadah Kebangsaan menyediakan dua perkhidmatan dengan penggunaan modul-modul pemulihan psikososial tertentu seperti berikut:

- (i) pemulihan dalam institusi yang memberikan rawatan dan pemulihan kepada *client* yang memasuki fasiliti pemulihan AADK melalui seksyen 6(1a), 6(1b) dan seksyen 8(3a) Akta Penagih Dadah 1983 di Cure & Care Rehabilitation Center (CCRC) dan Klinik Cure & Care menggunakan psikososial, antaranya modul Cure & Care Therapeutic Community dan lain-lain;
- (ii) pemulihan dalam komuniti yang memberi rawatan dan pemulihan kepada *client* dalam pengawasan di AADK daerah di bawah seksyen 6(1a), 6(1b) dan seksyen 8(3a), 8(3b) Akta Penagihan Dadah 1983 serta seksyen 15(1a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan residen Cure & Care Service Center (CCSC) serta *client* Pusat Integrasi Sosial.

Melalui Program Pemulihan Dalam Komuniti yang juga melibatkan peranan NGO, pihak kerajaan berjaya menjimatkan kos dan implikasi kewangan dengan memberi perkhidmatan kepada 53,363 *client* dalam kalangan Orang Kena Pengawasan (OKP), berbanding seramai 6,000 orang yang menerima perkhidmatan dalam institusi. Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan membelanjakan secara purata sebanyak RM35.00 seorang untuk kos pemulihan bagi seorang penagih sehari dan secara kasarnya perbelanjaan sebulan untuk seorang penagih adalah sebanyak RM1,050 ataupun RM12,775 setahun.

Dalam pelaksanaan Program Pengurangan Kemudaratian di peringkat kesihatan *premier*, Klinik Kesihatan telah memudahkan pesakit mendapatkan rawatan *methadone*. Peranan AADK membantu Kementerian Kesihatan Malaysia dari sudut program psikososial dan juga psiko spiritual untuk memulihkan penyalahgunaan dadah. Terapi program Medical-Assisted Therapy (MAT) bukanlah suatu kaedah yang tunggal untuk memulihkan penyalahgunaan dadah. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bajet yang disediakan untuk pembelian *strip* ujian air kencing bagi pengesanan dadah pada tahun 2018 adalah sebanyak RM500,000. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tahniah KDN dan semua kementerian yang terlibat. Enam dekad berjuang memerangi dadah ini dan berbilion sudah dihabiskan sedangkan isu dadah masih menjadi-jadi. Tuan Yang di-Pertua, penangkapan dengan kaedah urin/air kencing ini, pemeriksaan air kencing dan penggunaan dadah yang sedikit ini hanya memenuhi penjara dan kebanyakannya berakhir dengan sindrom sehenti apabila mereka keluar nanti. Soalan saya, mengapakah kerajaan tidak ikut polisi antarabangsa seperti WHO, UNODC dan juga polisi negara-negara maju seperti Portugal, Switzerland yang telah berjaya menangani masalah ini dengan memperkasakan *decriminalization* dan juga MAT, dengan izin, Medical-Assisted Treatment Programme daripada meningkatkan peruntukan untuk membina penjara-penjara untuk menyimpan mereka yang disabit dalam seksyen 15(1) Akta Dadah 1952. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih dengan soalan tambahan yang telah diberikan sebentar tadi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya cadangan pelaksanaan *decriminalization* penagih dadah sebenarnya sekarang ini dalam perbincangan kementerian.

**■1010**

Isu *decriminalization* penagih dadah telah mendapat perhatian sejak tahun 2017 sebenarnya melalui cadangan oleh badan-badan bukan kerajaan dalam mengkaji semula program-program, rawatan dan pemulihan yang sedang dilaksanakan Agensi Antidadah Kebangsaan dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia.

Untuk makluman juga baru-baru ini ada mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang juga membincangkan tentang cadangan untuk *decriminalization* penagih-penagih dadah ini. Jadi untuk makluman masih di peringkat perbincangan kita di peringkat kementerian dan *insya-Allah* ia juga akan kita putuskan dalam masa yang terdekat. Terima kasih.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, apa pula rawatan yang bersasar bagi penagih kategori dadah *non psychoactive substance drugs* kerana NPS ini mengandungi bahan-bahan kimia yang tidak menyalahi undang-undang tetapi setelah dicampur, ia mampu menimbulkan halusinasi. Pertama masalah rawatan akan timbul kerana susahnya untuk mengenal pasti golongan ini walaupun telah diambil dadah ini.

Kedua, bentuk rawatannya harus bertepatan sebab mereka selalunya diambil oleh golongan profesional dan bijak pandai. Terima kasih.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dengan soalan tambahan. Berikut merupakan enam konsep dalam rawatan dan pemulihan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (i) penagihan dadah, penyakit kronik yang mudah relaps;
- (ii) penagihan dadah boleh dirawat;
- (iii) penagihan dadah sebagai pesakit;
- (iv) pendekatan holistik;
- (v) tiada pendekatan rawatan dan pemulihan tunggal dalam mengesan untuk keperluan semua individu yang terlibat dalam permasalahan dadah; dan
- (vi) penglibatan keluarga, pasangan dan masyarakat penting dalam membantu pemulihan individu.

Jadi, maksudnya di sini Ahli Yang Berhormat bahawa kita sebenarnya melihat keadaan ini sebagai satu perkara yang cukup serius. Oleh sebab itulah kita sentiasa berbincang dan melihat kaedah-kaedah baharu dalam memastikan agar proses-proses pemulihan ini dapat kita perbaiki dari semasa ke semasa.

2. **Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) berapakah perincian pembayaran semula pinjaman PTPTN mengikut pecahan umur daripada tahun 2013 hingga Jun 2019; dan
- (b) apakah strategi dan dasar baharu yang akan dilaksanakan Kementerian untuk menggalakkan peminjam membayar balik pinjaman ataupun Kementerian akan melaksanakan semula strategi dan dasar pentadbiran terdahulu.

**Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk tempoh 2013 sehingga Mei 2019, PTPTN telah berjaya mengutip bayaran balik berjumlah RM6.23 bilion daripada seramai 1.13 juta orang peminjam. Perincian pembayaran semula peminjam mengikut pecahan umur seperti dinyatakan berikut.

Pertamanya bagi julat umur 20 tahun hingga 29 tahun, seramai 642,410 peminjam telah membuat bayaran balik sebanyak RM3,330,319,281.96. Bagi julat umur 30 tahun hingga 39 tahun pula, seramai 449,403 peminjam telah membuat bayaran balik sebanyak RM2,652,965,343.18. Bagi julat umur 40 tahun hingga 49 tahun, seramai 33,047 peminjam telah membuat bayaran balik sebanyak RM228,441,538.21. Bagi julat umur 50 tahun hingga 59 tahun, seramai 2,531 peminjam telah membuat bayaran balik sebanyak RM16,148,892.77. bagi julat umur 60 tahun dan ke atas, seramai 80 peminjam telah membuat bayaran balik sebanyak RM367,234.42.

Untuk strategi dan dasar baru bayaran balik PTPTN, satu Kertas Konsultasi Rakyat atau KKR telah disediakan dan dipaparkan untuk cadangan serta pandangan rakyat mulai 16 Mei sehingga 13 Jun 2019. Dapatan daripada KKR akan diperhalusi oleh satu panel penasihat khas bagi mengenal pasti cadangan terbaik yang akan diguna pakai sebagai mekanisme bayaran balik PTPTN, seterusnya akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan sekitar bulan Ogos nanti. Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Persoalan saya adalah bagaimana peminjam-peminjam PTPTN ini dapat kita jaga kebijikan mereka sebagai anak muda Malaysia apabila mereka disenaraihitamkan kembali. Bagaimanakah masa depan mereka untuk membuat pinjaman khususnya untuk membuat pinjaman rumah. Bagaimana pula kementerian mengawal selia kenaikan

yuran seperti mana demonstrasi tempoh hari di hadapan Parlimen. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini kita belum laksanakan senarai hitam semula seperti mana yang pernah dilakukan sebelum ini. Jadi itu tidak timbul persoalan di Dewan mulia ini. Seperti mana telah saya sebutkan tadi, satu Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) akan dikemukakan dan akan dibentangkan kepada Kabinet dan di situ akan terdapat semua persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya kira isu yang di depan kita ialah ada dua jenis manusia yang meminjam. Pertama yang tak nak bayar langsung, peminjam tegar lebih kurang 19 peratus. *Balance* itu bayar sat, tidak bayar, bayar sat, tidak bayar tetapi saya rasa harus dilihat bagaimanakah mereka yang tidak bayar langsung ini, peminjam tegar ini. Saya ingat kita kena ambil tindakan.

Keduanya, adakah Yang Berhormat Menteri merasakan bahawa ada kaedah lain. Contoh sekarang ini ada eWallet, teknologi yang *high tech*. Mungkin di antara yang kita boleh gunakan ini mereka pinjam tetapi kita juga ambil sedikit-sedikit daripada eWallet mereka. Contohnya kita adakan kaedah sebelum mereka pinjam ini, depa kena *sign* siap-siap apakah yang harus mereka lakukan dan harus kita lakukan selepas pinjaman dibuat. Saya rasa, kalau ini terjadi, maka yang tidak bayar langsung ini *insya-Allah* boleh kita kurangkan. Terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani di atas cadangan yang telah diberikan. Seperti mana yang telah saya sebutkan tadi, satu Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) akan dibawa dan dibentangkan kepada Kabinet pada bulan Ogos nanti. Saya kira di dalam kertas tersebut segala cadangan yang baik seperti dikemukakan oleh Yang Berhormat Sungai Petani tadi ada dimasukkan dan jika tidak dimasukkan, saya sendiri akan membawa kepada mereka cadangan-cadangan tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**3. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]** minta Menteri Pertahanan menyatakan keberkesanan pengoperasian Hospital Medan Malaysia di Cox's Bazaar. Apakah hala tuju penglibatan Malaysia dalam usaha kemanusiaan terhadap krisis Rohingya.

**Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]:** Hospital Medan Malaysia yang mempunyai kapasiti 50 katil dengan kemudahan Unit Rawatan Rapi mempunyai

keupayaan penuh dalam melaksanakan pembedahan seperti pembedahan am, ortopedik serta perbidanan dan sakit puau. Selain itu, kemudahan rawatan pergigian turut disediakan oleh hospital ini.

Pada masa ini, Hospital Medan ini telah dapat memenuhi sebahagian besar keperluan perubatan di kem pelarian dan ia merupakan hospital rujukan di daerah berkenaan semenjak pengoperasian pada 20 November 2017, daripada kerajaan dulu sebanyak 74,103 kes telah dirawat oleh hospital ini yang bukan sahaja memberikan rawatan dan manfaat penduduk tempatan di kawasan Cox's Bazaar itu sendiri. Hospital Medan Malaysia ini mendapat kepujian daripada *World Health Organization* dan juga *Refugee Relief and Repatriation Commissioner* dan juga *International Committee of the Red Cross*. Kehadiran Hospital Medan ini juga telah meningkatkan hubungan baik dengan negara Bangladesh dan menjadikan operasi ini sebagai medan latihan untuk meningkatkan kesiagaan ATM dalam menghadapi situasi bantuan kemanusiaan dan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan meletakkan komitmen yang tinggi bagi pengoperasian Hospital Malaysia Medan, Hospital Malaysia di Cox's Bazaar. Ini terbukti dengan persetujuan kerajaan untuk melanjutkan pengoperasian Hospital Medan Malaysia sehingga 31 Disember 2019. Di samping itu, Timbalan Menteri saya sendiri telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Bangladesh pada 14 Mei hingga 17 Mei 2019 yang lalu untuk menilai sendiri keadaan pengoperasian hospital berkenaan serta berbincang dengan kepimpinan tertinggi Bangladesh berkenaan hala tuju hospital berkenaan.

#### ■1020

Pihak kepimpinan Bangladesh menyambut baik sumbangan yang telah diberikan oleh Hospital Medan Malaysia dan bercadang supaya hospital ini meneruskan pengoperasiannya hingga tahun 2021. Bagi cadangan ini, pihak kerajaan masih lagi mempertimbangkan akan kewajaran meneruskan pengoperasiannya sehingga tahun 2021 dengan mengambil kira kesan utama ke atas pelarian Rohingya itu sendiri. Terima kasih.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Setiawangsa ingin bertanya, adakah dalam— sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, antara perkiraan yang diambil ialah kesan kepada pelarian sendiri sama ada kita nak lanjutkan sehingga ke tahun 2021. Adakah kita melihat tentang risiko dengan keadaan yang begitu, dengan izin, *hostile* di Myanmar khususnya di Wilayah Rakhine dan juga banyak pengaruh yang ada di sana untuk

pelarian ini terjebak ke dalam keganasan sebagai satu perkiraan di dalam keputusan untuk melanjutkan hospital ini sehingga ke tahun 2021?

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sering dibincangkan di peringkat ASEAN. Dalam pertemuan menteri-menteri pertahanan, selalunya saya timbulkan soal apabila sekumpulan manusia berkumpul di satu tempat yang begitu sempit— misalnya di Cox's Bazar, lebih daripada satu juta pelarian yang majoritinya orang-orang Islam yang di antaranya mereka dinafikan kerakyatan dan dihalau keluar daripada tanah air mereka. Usaha bersama dengan UNHCR kita lipat gandakan di pelbagai kementerian dan di dalam ASEAN supaya mereka ini dapat kembali ke tanah air mereka.

Segala bentuk bantuan kepada pelarian ini mesti diusahakan oleh Kerajaan Malaysia dan juga badan-badan antarabangsa supaya dapat mengelakkan terutamanya bila berkumpul di satu tempat dan mereka mudah dihasut supaya bertindak tidak ada jalan lain melainkan mengangkat senjata untuk mendapatkan hak kembali ke tanah air mereka. Ini adalah perkara yang perlu dielakkan dan kita berusaha terus di peringkat antarabangsa melalui Kementerian Luar, Kementerian Pertahanan dan semua kementerian supaya Myanmar mengambil pendekatan yang lebih positif pada masa yang akan datang.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Di dalam misi-misi kemanusiaan seperti hospital medan di Cox's Bazar ini, keperluan kepada kapal logistik sangatlah penting. Sejak daripada terjadinya kebakaran KD Sri Inderapura pada tahun 2009, apakah sebenarnya status perancangan di pihak Kementerian Pertahanan daripada segi perolehan kapal *Multi-Role Support Ship (MPSS)* yang sudah tentu boleh menempatkan hospital medan, kelengkapan pembedahan dan sebagainya yang lebih di dalam kawalan pihak ketenteraan kita sewaktu menjalankan operasi kemanusiaan? Terima kasih.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Sebarang bentuk peralatan, kita usahakan daripada semasa ke semasa termasuklah kita berusaha untuk meminta negara-negara lain bersama dengan Malaysia dalam hal hospital medan ini. Setakat ini Arab Saudi dan UAE bersama dengan Brunei bersama dengan kita untuk membantu hospital medan di Cox's Bazar ini.

Adapun persiapan-persiapan lain akan diteruskan terutama— walaupun dalam keadaan begitu, mereka kebanyakannya yang lari ini berkeluarga. Maka hubungan kasih sayang itu tetap ada di kalangan suami isteri dan sebagainya. Di kem itu pun yang baru beranak pun cukup banyak. Oleh itu, perkhidmatan untuk menguruskan soal kelahiran

ini juga penting. Malaysia sedang berusaha bersama rakan-rakan yang lain memperlengkapkan peralatan terutama dalam hendak mengendalikan soal pengurusan beranak di kem pelarian itu. Dan semua kebijakan lain akan terus kita usahakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh kerana tajuk ini penting, saya benarkan satu lagi soalan tambahan. Silakan Yang Berhormat Kepala Batas.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Terima kasih. Soalan saya ialah, salah satu daripada kesukaran yang dihadapi adalah berkaitan dengan repatriasi Rohingya kembali kepada, sebagaimana yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Setiawangsa.

Saya nak bertanya, atas semangat *centrality of ASEAN*, adakah Kementerian Pertahanan berhajat untuk menggunakan *military diplomacy*? Sebab, salah satu daripada halangan utama adalah dalam kerajaan Aung San Suu Kyi ini adalah junta. Junta masih membentuk 25 peratus daripada keseluruhan dan kementerian-kementerian utama. Saya rasa ada bijaknya juga ASEAN meneroka untuk melihat *military diplomacy* sebagai penyelesaian yang lebih tuntas dan lebih berpanjangan. Terima kasih.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kepala Batas. Memang saya sebut tadi di peringkat Kementerian Pertahanan, bila berlaku bilateral antara Malaysia dan Burma di antara Menteri Pertahanan, kita timbulkan soal bagaimana boleh menyelesaikan hal ini. Mereka memberi jaminan beberapa kali iaitu mereka sedia menerima kembali pelarian ini yang ada identiti.

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah di antara mereka yang berhijrah ini, di antaranya mereka tidak mempunyai identiti dan tidak mempunyai kad kerakyatan dan sebagainya. Perkara ini sama ada disengajakan supaya mereka tidak ada kad kerakyatan atau tidak, itu perlu kepada penyelidikan tetapi ia menjadi kesukaran termasuk yang berada di Malaysia. Lebih daripada 160,000 sekarang ini. Akan tetapi, Kerajaan Malaysia membantu mereka sekadar yang termampu termasuklah di bawah Kementerian Dalam Negeri berikhtiar untuk membantu mereka. Akan tetapi bagi yang berada di Bangladesh, memang soal identiti ini perkara yang cukup penting. Mereka menggunakan hal ini supaya mereka ada alasan tidak menerima mereka yang tidak beridentiti.

Diplomasi pertahanan akan kami teruskan daripada semasa ke semasa dan tanggungjawab ini mestilah dipertanggungjawabkan oleh semua negara-negara ASEAN untuk membantu Kerajaan Myanmar menyelesaikan masalah pelarian ini. Terima kasih.

4. **Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapakah kemasukan pelaburan luar secara langsung (*foreign direct investment*) di dalam negara untuk enam bulan pertama tahun 2019 dan perincian mengenainya.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ignatius Dorell Leiking]:** Selamat pagi dan *kopivosian*, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada saudara saya, Yang Berhormat dari Bera.

Saya ingin memohon untuk menjawab bersama pertanyaan-pertanyaan Yang Berhormat Bera dengan Yang Berhormat Taiping dan Yang Berhormat Petrajaya kerana ketiga-tiga soalan ini adalah berkaitan dengan jumlah pelaburan langsung asing untuk tahun 2019 serta usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bagi terus menarik minat pelabur ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Rakyat sedia maklum, cabaran ekonomi global ketika ini amat tidak menentu dan sebagai negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, Persekutuan Malaysia tidak terkecuali daripada menerima impak dan terkesan akibat daripada keadaan tidak menentu pada ketika ini terutama sekali konflik perdagangan di antara Amerika Syarikat dan China.

Atas sebab ini, kementerian dan juga agensi-agensi di bawah seliaan MITI sentiasa berusaha memastikan Malaysia terus menjadi tumpuan dan keutamaan oleh pelabur-pelabur asing melalui pelbagai inisiatif yang dijalankan. Hasilnya dapat dibuktikan melalui jumlah kelulusan pelaburan langsung asing yang diterima oleh Persekutuan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Bera serta Ahli-ahli Dewan yang lain, bagi tempoh suku tahun pertama 2019 Januari hingga ke Mac, jumlah pelaburan yang diluluskan adalah sebanyak RM53.9 bilion. Daripada jumlah tersebut, pelaburan langsung domestik, dengan izin, *domestic direct investment* adalah RM24.6 bilion iaitu 45.6 peratus daripada jumlah yang diluluskan, manakala— soalan Yang Berhormat Bera— pelaburan langsung asing, dengan izin, *foreign direct investment* yang diluluskan adalah sebanyak RM29.3 bilion ataupun 54.4 peratus daripada jumlah *investment* yang diluluskan.

#### ■1030

Jumlah pelaburan langsung asing yang diluluskan menunjukkan peningkatan sebanyak 73.4 peratus berbanding 16.9 bilion dalam tempoh yang sama pada tahun 2018. Daripada jumlah keseluruhan *foreign direct investment* ini, sektor perkilangan

masih menjadi tumpuan pelabur asing iaitu sebanyak RM20.2 bilion dan RM8.1 bilion dalam sektor perkhidmatan dan RM1 bilion dalam sektor utama lain yang meliputi perlombongan, perladangan dan komoditi serta pertanian. Peningkatan ini mencerminkan daya saing berterusan negara sebagai destinasi pilihan pelaburan asing di rantau ini. Tuan Yang di-Pertua, saya tahu masa sudah lepas tapi adanya satu soalan Yang Berhormat Bera berkelaan langkah-langkah untuk meningkatkan FDI.

Tuan Yang di-Pertua, bagi terus meningkatkan keyakinan pelabur ke Malaysia, kerajaan akan memanfaatkan trend mega terkini terutamanya Revolusi Perindustrian 4.0 menerusi dasar kebangsaan *Industry Forward*. Kerajaan juga akan terus menggunakan pendekatan pengukuhan ekosistem dalam strategi penggalakan pelaburan. Pada tahun 2018 Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini juga telah memperkenalkan strategi yang kita telah namakan sebagai 4S iaitu dengan izin dalam bahasa Inggeris, ‘Search, Seek, Secure and To Service’. Saya juga telah mengarahkan agensi di bawah MITI untuk terus menekankan aspek perkhidmatan pasca insentif dengan izin, *Post Incentive Service* untuk terus membantu para pelabur di negara kita menjalankan aktiviti mereka.

Tuan Yang di-Pertua ada banyak lagi tapi saya akan hantar jawapan ini. *Thank you very much.* Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Yang Berhormat dengan jawapan yang diberikan jelas. Saya difahamkan, dimaklumkan bahawa sebahagian besar pelaburan yang terbesar daripada FDI ini adalah daripada Jepun iaitu RM8.4 bilion untuk suku pertama, RM8.4 bilion, Austria RM3.7 bilion dan sebagainya. Persoalan saya dengan pelaburan yang besar daripada Jepun yang merupakan yang tertinggi, adakah pelaburan daripada Jepun itu di masuk kira pembelian saham ataupun ekuiti di dalam *Health Care International* (IHS) yang dibeli oleh syarikat Mitsui daripada Jepun. Adakah perkiraan pembelian itu termasuk di dalam pelaburan yang dimaksudkan oleh Jepun?

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Terima kasih Yang Berhormat Bera. Tuan Yang di-Pertua, soalan itu pernah dijawab oleh Setiausaha Politik kepada Menteri Kewangan. Saya fahami bahawa beliau juga telah menjelaskan bahawa pelaburan ini sudah dimasukkan dalam kita punya data dan bagi yang terperinci saya akan memberi dalam jawapan bertulis. *We take it that confidence* daripada negara-negara seperti Jepun kepada Malaysia dan juga negara asing menunjukkan bahawa

mereka sedia untuk membawa pelaburan yang seperti begini dan seperti mana yang disoal, jika ini adalah satu daripadanya, saya akan memberikan jawapan lebih terperinci.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan kedua. Yang Berhormat Tebrau. Silakan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Soalan saya adakah pemberian IHS itu termasuk di dalam pelaburan luar atau FDI Jepun tadi *because Setiausaha Politik Menteri Kewangan dia tidak boleh menjawab di dalam Parlimen ini. Dia pun tidak ada authority untuk menjawab.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Dia pernah jawab dan saya akan memberikan jawapan yang lebih terperinci dalam tulisan supaya kita mendapat satu jawapan yang dapat di - *that you can digest dengan izin into more details. I'll give more details into it.....*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tebrau, silakan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tuan Yang di-Pertua, itu masih soalan aset negara, itu bukan FDI.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Sorry.

**Dato' Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Maknanya pelupusan RM8.9 bilion pegangan IHS itu adakah termasuk... formula dia.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Dalam....

**Dato' Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Kalau termasuk adalah agak janggal.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Nanti ya.

**Dato' Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** *It is not the FDI. It is disposal of position.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** *No, this is a – I will more details into this sebab I believe that there are other figures sudah involve. You must remember the investment yang telah dikeluarkan di sini adalah investment yang telah diluluskan. Data approval tidak masuk IHS yang dimasukkan BOP, FD sahaja. It's not included in this particular answer sebab IHS ini tidak termasuk....*

**Dato' Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Baik, Terima kasih.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** *because this is not approve.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya silakan Yang Berhormat Tebrau.

**Tuan Steven Choong Shiao Yoon [Tebrau]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya untuk Yang Berhormat Menteri adalah, apakah atau adakah kerajaan PH akan utamakan industri-industri apa yang digalakkan untuk pelabur

di negara kita dan apa kekangan yang akan menghalang pelabur-pelabur dari negara asing masuk ke negara kita. Terima kasih.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Dalam soalan itu saya berpendapat bahawa Yang Berhormat ingin tahu apakah kekangan dalam pelaburan. Satunya adalah kita mesti menerima bahawa banyak *choice* ataupun banyak pilihan bagi pelabur-pelabur asing. Satunya adalah negara kita dan Malaysia mesti membawakan satu platform di mana mereka boleh masuk dengan senang dan tidak banyak birokrasi ataupun *red tape*. Ini juga telah dijalankan ataupun dilaksanakan oleh pihak MITI, MIDA, MATRADE dan juga *Invest KL* di mana kita memberikan *very easy entry* bagi pelabur-pelabur asing ini dan juga dalam kelulusan yang baru ini di *National Investment Committee* yang diketuai oleh Menteri Kewangan dan juga Menteri dari MITI adalah bertujuan untuk mempercepatkan kelulusan pelaburan yang ingin dibawakan ke Malaysia.

**5. Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [ Mersing ]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan adakah kementerian akan mempergiatkan perikanan laut dalam agar dapat menambah hasil tangkapan ikan yang didaratkan di Malaysia. Apakah insentif Kementerian yang ditawarkan kepada industri laut dalam?

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Salahuddin bin Ayub]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih rakan saya daripada Mersing. Kementerian menyasarkan pendaratan perikanan tangkapan marin pada tahun 2020 berjumlah 1.5 juta tan metrik. Sebagai perbandingan tahun 2018, jumlah pendaratan ikan laut dianggarkan sebanyak 259,801 tan metrik bernilai RM1.47 bilion iaitu merupakan 17 peratus daripada keseluruhan pendaratan ikan.

Pelan Strategik Tangkapan Ikan Malaysia ini, izinkan saya memberitahu tentang telah wujud pelan ini yang kami sedang *review* dan membuat penambahbaikan. Kita telah mengenal pasti sejumlah 1,138 vesel penangkapan ikan laut dalam dilesenkan dan masih aktif. Terdapat sembilan buah kompleks pendaratan ikan laut yang telah dibangunkan, di antaranya adalah Kompleks Perikanan Kuala Perlis, Tok Bali yang akan ditambah baik dan Kuantan yang sangat pro aktif dan juga lain-lain yang sedang dalam pemerhatian kementerian.

Kita telah memberikan beberapa pendekatan termasuk pemerkasaan sumber perikanan laut, peningkatan kapasiti melalui *Monitoring Control and Surveillance* (MCS) dan juga penguatkuasaan, ini yang paling penting sekali. Menaik taraf infrastruktur serta

logistik dan juga pembangunan pengukuhan sumber manusia. Melalui program khusus ini kita telah menyediakan Transformasi Pukat Tunda B melalui permodenan vesel yang kita teliti, jangan berlaku lagi di masa depan pengklonan ataupun penipuan. Kemudian penyediaan spesifikasi peralatan menangkap ikan yang mesra sumber yang tidak menjahamkan ekosistem laut itu sendiri. Kita juga membuat Pembangunan Bersepadu Kompleks Pendaratan Ikan termasuk pengezonan semula kawasan kompleks dan kita menumpukan aktiviti *up stream*, *main stream* dan juga *down stream* dengan izin dan kita menaik taraf kemudahan serta fasiliti pendaratan ikan dan pelaksanaan *Port State, Measure* (PSM) dan juga *Port In, Port Out* (PIPO).

#### ■1040

Kita juga akan mengesyorkan kepada pihak kerajaan supaya pembelian vessel laut adalah insentif pengecualian cukai pendapatan di bawah Akta Cukai 1967. Kita hendak *encourage* pembelian vessel canggih ini dan kita mohon kerjasama daripada pihak kerajaan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kalau lihat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri hasil tangkapan melalui laut dalam di mana mereka menangkap ikan di antara 30 batu nautika sehingga 200 batu nautika sempadan Sempadan Ekonomi Eksklusif (ZEE), ia hanya 17 peratus.

Kalau kita tengok di negara-negara maju tangkapan ikan ini adalah sampai ke 40 peratus ke 50 peratus daripada hasil protein ikan. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, lesen yang kita bagi pada C2 ini amat mudah disalahgunakan. Mereka boleh pergi ke dalam 30 nautika yang mengacau hasil nelayan pantai tetapi bila mereka pergi ke zon yang sebenarnya akan wujud juga mereka boleh tangkap ikan, curi dan jual di tengah laut yang akan merugikan hasil kerana mereka ini dapat banyak subsidi daripada pemerintah.

Ada tidak usaha-usaha kementerian dalam mengekang fenomena ini seperti meletakkan dalam MCS itu satelit. Selain daripada denda berat kapal-kapal ini tidak dapat melakukan salah guna, itu satu. Kedua, ada tidak kementerian sedang fikir dengan membuat satu insentif baru iaitu membenarkan *trawler* daripada *steel* atau bahan komposit yang lebih canggih yang mungkin harganya lebih daripada RM4 juta supaya ia dapat memberikan satu *upstream* dan juga hasil pertambahan negara. Terima kasih.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Mersing mengemukakan soalan tambahan yang sangat relevan. Dua hari lepas, tiga hari lepas saya mengadakan pertemuan dengan ibu Susi, Kementerian Kelautan Indonesia.

Di mana-mana saja ada dua isi yang pertama sekali *trawler* yang menjahannamkan ekosistem, yang kedua *vessel*/yang diberikan disalahgunakan, menjual ikan di tengah laut dan seumpamanya. Perkara ini Yang Berhormat, kita mesti berlaku tegas. Mungkin di peringkat awal orang mengatakan kita kejam tetapi saya berjanji di dalam Dewan yang mulia ini beberapa polisi baru tentang perikanan akan saya kemukakan untuk pemerhatian kerajaan dan diharap dapat diluluskan. Termasuklah kita harus memberhentikan serta-merta *vessel* yang menyalahgunakan kuasa ini.

Kedua, kita harus bertindak tegas untuk menenggelamkan atau menghapuskan *vessel* yang bukan sekadar *vessel* asing masuk, *vessel* yang sedia adapun sekiranya mereka melanggar peraturan itu harus kita kuatkuasakan. Empat tahun testimoni yang dibuat, saya rasa bukan sekadar *homework* yang kita pelajari dari ibu Susi tapi negara maju yang disebutkan tadi, empat tahun ikan-ikan tuna yang jauh di lautan itu berenang ke pantai dan *insya-Allah* pemilik-pemilik lesen A nanti dalam tempoh lima tahun akan dapat menangkap hasil laut yang banyak dan ini menguntungkan semua pihak.

*Insya-Allah* saya, Yang Berhormat kita akan membuat segala pendekatan secara holistik dan komprehensif dan bukannya kita...

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Lenggong mana ada laut...

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Menyelesaikan masalah secara runcit-runcit, secara *piecemeal* tapi keseluruhan sistem itu harus diperbaiki. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rompin silakan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Pendang.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rompin bangun terlebih dahulu.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Adakah kerajaan mempunyai dasar berperingkat, akhirnya pengeluaran ikan laut dikurangkan, pengeluaran ikan darat dipertingkatkan sebagai sumber protein utama negara. Adakah dasar kerajaan untuk menghapuskan sama sekali lesen pukat tunda berperingkat-peringkat dan kemudian membuat seperti negara Jepun membela ikan laut, tuna umpamanya di Sulawesi, ikan-ikan tuna dibela di laut sebagai sumber yang berpanjangan. Terima kasih.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rompin. Kita jangan mengambil pendekatan mengurangkan tangkapan itu dan laut kurang, darat kita naikkan. Saya rasa kita perlu membuat satu pendekatan yang holistik, yang *balance*.

Isunya adalah bagi saya supaya contohnya pukat-pukat tunda yang menjahamkan ekosistem ini, ini yang harus kita kenal pasti siapa pemiliknya dan kita berhentikan terus menerus serta-merta lesen-lesen itu. Ini tindakan yang paling penting.

Keduanya, pencerobohan *vessel* asing ke dalam *waters* kita ataupun perairan kita. Jadi saya rasa dengan wujudnya sekarang Operasi NAGA itu yang Kabinet telah pun memutuskan operasi ini diteruskan dan kapal-kapal perang kita, Menteri Pertahanan pun ada di depan saya, supaya berlabuh di tempat-tempat strategik dalam perairan kita. Ini membantu sebenarnya supaya tidak ada lagi pencerobohan kapal-kapal Vietnam di atas perairan kita.

Jadi segala usaha yang akan kita lakukan ini Yang Berhormat adalah penguatkuasaan tegas dan juga suatu pendekatan yang bersistematik untuk kita mengawal perairan kita dan meningkatkan hasil kita, *insya-Allah* dalam masa tempoh yang terdekat terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seterusnya Yang Berhormat Baling.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta satu soalan lagi.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Tuan Yang di-Pertua, satu daripada Papar.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Saya penting di bawa oleh persatuan nelayan untuk saya bangkitkan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, ada 10,000 orang nasib nelayan selatan Penang dan utara Perak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Persaingan di antara Yang Berhormat Pontian dengan Yang Berhormat Pendang. Saya benarkan Yang Berhormat Pendang dululah. Dia bangun lebih awal saya tengok.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bangkitkan soalan yang ada kaitan terus sepetimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Mersing, oleh persatuan nelayan yang membawa satu memorandum kepada saya di Pendang iaitu berkenaan dengan penggunaan pukat dikatakan efisien tetapi lebih banyak bersifat destruktif, merosakkan.

Operasi pukat tunda yang menggunakan dua papan tunda akan merosakkan ekosistem atau habitat marin dan mengancam sumber rezeki terutamanya di kawasan pantai dan akhirnya akan menjelaskan sumber pendapatan nelayan, ia termasuk juga

pengabaian terhadap konsep warisan bersama manusia. Sejauh mana program transformasi pukat tunda yang telah diperkenalkan antaranya seperti mengetatkan syarat-syarat pelesenan dan pengenalan musim tertutup Zon B dipatuhi? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat daripada Pendang. Saya dalam pengetahuan tentang *double trawler* itu dan saya membuat *homework* saya, lesen itu dikemukakan pada zaman purba kala, zaman-zaman dulu atas beberapa faktor politik di kawasan itu, yang ini kita akan hapuskan tidak akan diizinkan sama sekali.

Tentang pukat-pukat tunda ataupun pukat-pukat yang sah ataupun ada bukti melakukan pencerobohan, memusnahkan ekosistem contohnya B masuk kepada A. B akan kita transformasi kepada C dan pergi ke laut dalam dengan kita akan berikan, insentif ini cara yang terbaik. Kalau degil saya rasa kita harus batalkan lesen mereka dan musnahkan bot-bot mereka. Terima kasih.

**6. Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah langkah-langkah alternatif kementerian dalam memastikan tindakan tegas diambil bagi menangani kes-kes penderaan rumah tangga khususnya di kawasan luar bandar seperti di Baling.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam isu keganasan rumah tangga tiga strategi telah digunakan dalam menangani isu penderaan iaitu melalui kaedah perundangan, tindakan penguatkuasaan undang-undang dan kempen evokasi. Namun, selain daripada tindakan tegas melalui peruntukan undang-undang, kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita dan Pejabat Pembangunan Wanita Negeri juga telah mengambil beberapa langkah proaktif dengan mengadakan kempen kesedaran dan evokasi untuk menangani kes penderaan rumah tangga.

## ■1050

Antara program alternatif yang telah dijalankan termasuklah:

- (i) perkhidmatan kaunseling motivasi;
- (ii) klinik guaman;
- (iii) Program Wanita Anti Jenayah; dan
- (iv) kempen menangani keganasan terhadap wanita sepanjang tahun.

Melalui perkhidmatan kaunseling dan motivasi, JPW melatih kumpulan wanita dalam komuniti dengan ilmu asas kaunseling yang dikenali sebagai *lay counselor*. Kumpulan ini merupakan sukarelawan barisan hadapan yang membantu komuniti setempat yang mengalami pelbagai masalah termasuklah isu keganasan dalam rumah tangga. Pada tahun ini, seramai 1,434 orang *lay counselor* telah dilatih menerusi program ini.

Manakala klinik guaman pula dilaksanakan bertujuan memberi pendedahan mengenai tindakan undang-undang yang boleh diambil oleh golongan wanita jika berlakunya kes penderaan dan keganasan dalam rumah tangga. Sebanyak 24 program telah dilaksanakan tahun ini melibatkan 2,940 orang peserta manakala tiga program khas yang melibatkan 142 orang peserta berjaya diadakan di negeri Kedah kerana Ahli Parlimen yang bertanya dari Kedah.

Program Wanita Anti Jenayah pula dilaksanakan melalui seminar dan ceramah dengan tujuan memberi pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat mengenai jenayah yang membabitkan wanita. Secara keseluruhannya, sebanyak 30 program telah dilaksanakan melibatkan 6,632 orang peserta dan seramai 324 orang peserta terlibat dalam empat program yang dijalankan di negeri Kedah.

Selain itu, JPW juga telah melancarkan kempen menangani keganasan terhadap wanita yang dilaksanakan sepanjang tahun dan diadakan secara berterusan di setiap program JPW. Kempen ini antara lain telah berjaya mengumpul sebanyak 24,008 tandatangan sebagai tanda sokongan menolak keganasan terhadap wanita dan negeri Kedah berjaya mengumpul sebanyak 1,320 tandatangan bagi menyokong kempen ini.

Selain mengadakan kempen advokasi untuk menangani kes penderaan rumah tangga, kementerian percaya dengan memberi pendedahan awal kepada pasangan yang bakal mendirikan rumah tangga mengenai kemahiran mengenali pasangan, persediaan mengenai tanggungjawab dalam perkahwinan dan hak pasangan dalam rumah tangga adalah sangat penting. Namun semua tindakan ini perlu dilaksanakan secara bersepadu melibatkan pelbagai agensi dan kementerian yang lain serta dijalankan secara berterusan di komuniti setempat termasuklah di kawasan Parlimen masing-masing. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama sekali saya ingin rekodkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri yang dilihat sebagai pejuang hak asasi wanita. Terima kasih dan teruskan kerja yang murni ini.

Di kesempatan ini saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa statistik yang menunjukkan bahawa kes-kes penderaan ini pada tahun 2018 contohnya adalah sebanyak hampir 4,963. Pada tahun ini, empat bulan pada tahun ini sudah menjangkau sehingga 1,980. Persoalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, salah satu isu utama dalam kes penderaan rumah tangga adalah keengganan mangsa itu sendiri untuk membuat laporan. Inilah yang menyebabkan kes yang utama.

Jadi wujud kah usaha antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kementerian-kementerian lain seperti PDRM dan juga Jabatan Agama Islam iaitu JPM kerana kalau kita lihat dulu kita ada *National Blue Ocean Strategy (NBOS)*. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri sendiri tahu bahawa enam faktor utama daripada kes-kes penderaan ini adalah kerana cemburu buta yang keterlaluan sehingga ramai golongan profesional pada hari ini takut tampil ke hadapan untuk membuat laporan. Antara lain panas baran, perselisihan faham, masalah penagihan dадah, kewangan dan juga campur tangan pihak ketiga. Jadi soalan saya tadi, adakah *inter* kementerian dengan izin. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hannah Yeoh:** Terima kasih, soalan yang bagus sekali. Dalam sidang Parlimen yang lepas, saya telah menjawab bahawa satu *multi stakeholders meeting* akan dilaksanakan di peringkat Putrajaya. Kita telah memulakan perbincangan ini dan dua mesyuarat telah diadakan di peringkat kementerian kita untuk menyelaraskan model jawatankuasa ini yang akan melibatkan kementerian yang lain seperti Kementerian Dalam Negeri. Timbalan Menteri pun faham dan tahu mengenai masalah ini. Kita akan melancarkan *multi stakeholders meeting* ini hanya khas untuk isu *domestic violence* kerana seperti apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, isu keganasan rumah tangga melibatkan laporan yang harus dilakukan terhadap ahli keluarga sendiri.

Oleh sebab itu kita telah turun seperti program klinik guaman tersebut di mana saya telah pergi ke satu program di PPR *flat* di mana kita libatkan polis untuk memberikan maklumat terperinci kepada wanita di mana kalau mereka melaporkan sesuatu aduan keganasan rumah tangga, kita kena maklumkan kepada mereka *the whole process* kerana mereka takut selepas buat laporan polis, apa yang akan berlaku kepada anak, apa yang akan berlaku kepada suami. Jadi kalau kita tidak bagi mereka *the full picture* dengan izin, mereka tidak akan keluar tampil untuk melaporkan aduan. Jadi *engagement* sedang berterusan sekarang dan *multi stakeholders meeting* itu kita akan libatkan bukan sahaja di peringkat Putrajaya tetapi di peringkat negeri juga kita akan teruskan. Hanya beberapa negeri sahaja yang ada *multi stakeholders meeting* setakat ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya sama ada pihak kementerian bercadang untuk menggubal undang-undang iaitu Kanun Acara Jenayah kerana kita lihat bahawa pada masa sekarang terdapat peruntukan dengan izin *interim protection order* yang memberi perlindungan seketika kepada seseorang wanita yang membuat aduan khususnya berkenaan dengan *domestic violence*. Akan tetapi tidak ada apa-apa peruntukan khas di dalam Kanun Acara Jenayah yang boleh memberi perlindungan kepada kaum wanita sepanjang masa sehingga perbicaraan kes itu selesai. Jadi adakah kementerian bercadang untuk berbincang dengan Peguam Negara untuk membuat pindaan kepada undang-undang tersebut. Terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh:** Seperti yang saya telah jawab dalam mesyuarat *multi stakeholders meeting* yang akan kita laksanakan, semua pihak yang terlibat dalam memberikan perlindungan kepada wanita akan dipanggil dan kita akan tengok dalam mengambil sesuatu aduan itu, apakah cara yang terbaik yang paling pendek dan cara yang kita boleh berikan perlindungan bukan sahaja kepada mangsa, kepada anak-anak juga yang menyaksikan *the violent act* dengan izin.

7. **Puan Wong Shu Qi [Kluang]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan rancangan untuk mempromosikan kopi *liberica* Malaysia serta meningkatkan hasil keluaran yang kini mencapai satu peratus daripada jumlah keluaran biji kopi sedunia.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia hanya mempunyai dua *variety* kopi yang banyak ditanam iaitu *liberica* dan *robusta*. Pada tahun 2017, jumlah keluasan tanaman kopi di Malaysia adalah sebanyak 2,392 hektar dengan pengeluaran hasil sebanyak 7,999 metrik tan. Sebanyak 1,982 hektar kopi *liberica* ditanam dengan pengeluaran 7,649 metrik tan. Negeri Johor dan Selangor merupakan antara pengeluar utama kopi *liberica*.

Antara inisiatif khusus kementerian dalam meningkatkan hasil keluaran kopi adalah melalui, pertama, program pembangunan industri kopi peringkat huluan iaitu penanaman semula pokok-pokok yang telah tua dan tidak produktif dengan *variety* kopi *liberica* berhasil tinggi seperti MKL5, MKL bermaksud multi kopi *liberica* 5, MKL6 dan MKL7. Ini adalah *research* daripada MARDI. Pemulihan kawasan tanaman kopi sedia ada dengan tujuan supaya pokok-pokok yang terbiar tetapi masih produktif dipulihkan agar hasil akan terus meningkat. Integrasi tanaman kopi dengan tanaman lain juga

digalakkan. Insentif-insentif yang diberikan ini adalah meliputi pembersihan kawasan perparitan, pagar, pembaikan infrastruktur asas bagi memulihkan kawasan sedia ada dan input-input pertanian lain seperti baja dan racun perosak.

Kedua, program di peringkat hiliran (*downstream*) iaitu bantuan sokongan kementerian yang disediakan untuk mempergiatkan promosi industri kopi dalam pengeluaran produk-produk asas tani seperti Program Geran Pemadanan (*matching grant*), *change upgrade product (CUP)* dan geran pemadanan *high impact product (HIP)* meliputi kajian nutrisi dan jangka hayat produk.

#### ■1100

Pembungkusan, pelabelan, pemasaran dan pensijilan premis dan Program Pembangunan Modal Insan seperti kursus penjenamaan dan pemasaran, kursus pensijilan halal dan MeSTI, kursus pembungkusan dan pelabelan. Selain itu, kementerian juga turut terlibat dalam mempromosikan kopi Liberica di peringkat tempatan dan di luar negara melalui kerjasama strategik dengan pihak industri melalui Simposium Kopi Borneo 2019 telah diadakan di Sarawak pada 6 dan 7 April dan satu memorandum persefahaman telah ditandatangani antara kerajaan Sarawak melalui Jabatan Pertanian Sarawak dengan Earthling's Coffee Workshop Sdn. Bhd. *earthling's coffee* pada 8 April 2019.

*The National Focal Point Working Group on Coffee ASEAN* yang mana ia merupakan persidangan tahunan dan Malaysia merupakan ahli jawatankuasa tetap dalam *committee* tersebut. Kerjasama strategik bersama MIDA dan MATRADE dalam penyertaan *roadshow* dan mengadakan rundingan dengan negara luar yang berpotensi dan seterusnya membuka laluan pasaran pelabur-pelabur luar dalam industri ini. Ini bermaksud bahawa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani fokus dan juga ingin membantu industri kopi dan kita ini semua peminat-peminat *coffee* dan kita memang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan terus membantu penanam petani-petani kopi. Terima kasih.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberikan jawapan yang cukup lengkap. Saya lihat pada usaha yang telah dilaksanakan oleh kementerian agak banyak tetapi kita masih nampak ada masalah dengan industri kopi di Malaysia ini. Ini kerana kopi Liberica di Malaysia ini saya lihat rasanya cukup berdaya saing sekaranglah dengan biji kopi Robusta dan Arabica. Akan tetapi kurang pasaran ataupun kurang menarik orang masuk untuk menanam biji kopi Liberica ini.

Walaupun sudah ada insentif tetapi tidak ada ramai penanam atau petani untuk masuk kerana untung terlalu rendah. Kalau mereka tidak ada modal *business* yang *vertical* monopoli. Jadi saya ingin tahu macam mana kementerian akan membantu mereka jadi *entrepreneur* kopi dan juga bolehkah kita sebagai kerajaan bermula untuk mempromosikan kopi Liberica yang hasilan tempatan di tiap-tiap pejabat Ahli Parlimen dan juga kementerian sebagai hadiah kepada pelawat dari luar negara untuk mempromosikan produk tempatan kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kluang. Kita seperti yang saya katakan tadi memang ada banyak program dan insentif yang kita daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang ingin membantu industri kopi. Sebanyak satu juta geran yang telah disediakan untuk membantu industri kopi tetapi malangnya *take-up rate* itu tidak berapa tinggi. Maka ada geran lagi untuk diberikan kepada pengusaha-pengusaha. Cuma saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya ada dari segi *comparative advantage*, dari segi cuaca dan juga penanaman kopi, kita ada kekurangan dari segi *labor cost* dan juga tanah yang terhad.

Maka industri ini tidak dapat berkembang dengan maju di Semenanjung. Akan tetapi di Sabah dan Sarawak sebenarnya ada potensi yang besar di mana *access to land* dan juga *labor* itu lebih tinggi dan mereka lebih akan – dia akan boleh menanam dengan kos yang lebih rendah. Apa yang penting adalah pengusaha industri untuk meningkatkan kopi kita ke pasaran yang lebih tinggi. Itu cabaran kita. Pengusaha, pengilang sekarang masih fokus kepada *3 in 1 coffee* dan sebagainya. Sebenarnya kita *can move our coffee into the next level*.

Sekarang orang Jepun telah mencipta mesin espresso contohnya dengan kapsul. Ini adalah trend yang baharu dan saya rasa rakyat Malaysia, pengusaha-pengusaha Malaysia *have to go beyond 3 in 1. We are so far the best 3 in 1 coffee if not in the world but for sure in the region*. Dalam rantau ini kita *the best 3 in 1 coffee* tetapi *the consumer taste, consumer behavior has change to capsule espresso* macam itu dan perlu kita mengarah ke sana. Itulah saya hendak bagi mesej kepada pengusaha kopi bahawa *there must change with consumer change of behavior in consumer then there have to catch up in this scheme*. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya kita di dalam negara kita ada jelapang padi kita khususkan untuk tanaman padi. Selepas itu getah kita tanam khusus di kawasan Baling secara besar-besaran getah dan juga

Musang King kita ada di Raub, ada di Segamat dan sebagainya. Soalan saya adakah kerajaan bercadang untuk mengenal pasti kawasan yang betul-betul sesuai untuk kita tanam kopi ini secara besar-besaran. Ini kerana kita tengok kalau di kedai-kedai, di gerai-gerai memang banyak kopi ini dijual macam kopi jantan, timbalan menteri – Hang Tuah Jaya selalu beli Kopi Jantan untuk menguatkan semangat dia.

Jadi adakah kerajaan bercadang untuk mempromosikan atau mengenal pasti tanah yang betul-betul sesuai untuk tanaman kopi ini. Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin:** Terima kasih Yang Berhormat, kita sebenarnya sememangnya kita ingin dari segi kopi kita menyediakan jelapang padi kerana itu adalah *security crop* di mana kalau itu memastikan bahawa rakyat mempunyai beras yang mencukupi, itu *security crop*. Untuk kopi dan *crop-crop* yang lain mereka dikatakan *is a drink crop* maksudnya minum dan sebagainya. Jadi kita memberi kebebasan untuk petani-petani yang ingin menceburi tanaman-tanaman seperti *drink crop* dan sebagainya. Untuk adakan satu tanah yang khusus itu memerlukan – kita tidak dapat memastikan kerana ia perlukan *investment* daripada kerajaan untuk *make sure that they plant the same crop forever*. Itu tidak *viable*, belum *viable* lah tetapi saya hendak nampak bahawa potensi itu besar untuk tanaman kopi kerana kita mempunyai pasaran yang sangat baik dan *we are the best 3 in 1 coffee in the world*.

Kalau bukan *in the world pun this region we are the best* dan eksport *3 in 1* kopi kita *more than RM1 billion a year* maksudnya ia mempunyai pasaran yang besar. Cuma *farmers* rasa belum kerana harga kopi naik turun, *world market*, ia komoditi. Jadi daripada negara-negara seperti Brazil dan sebagainya mereka mempunyai *climate* yang lebih sesuai untuk menanam dan *labor cost* yang lebih tinggi. Akan tetapi Malaysia kita ada cabaran dari segi *climate*, *labor* dan juga tanah. Itu pandangan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Terima kasih.

**8. Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]** minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan adakah pihak kementerian telah mengkaji semula tarif elektrik baru berikutnya pergerakan harga arang batu dan gas di pasaran antarabangsa yang merosot dalam beberapa bulan kebelakangan ini agar rakyat dapat menikmati tarif yang lebih rendah.

**Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Yeo Bee Yin]:** Terima kasih, selamat pagi Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan sejak tahun 2015 telah melaksanakan penentuan tarif elektrik berdasarkan mekanisme *Incentive-based*

*Regulation* (IBR) iaitu kawal selia yang berdasarkan insentif. Dalam mekanisme IBR, tarif asas elektrik disemak setiap tiga tahun di mana tempoh *regulatory* pertama IBR bermula pada tahun 2015 hingga tahun 2017. Manakala tempoh *regulatory* kedua IBR bermula tahun 2018 hingga tahun 2020.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berdasarkan mekanisme IBR tarif asas adalah ditentukan dengan andaian harga purata bahan api, arang batu dan gas dalam tempoh *regulatory* tersebut dan sebarang perbezaan kos sebenar dengan harga andaian akan diselaraskan setiap enam bulan di bawah mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through* atau dengan pendek ICPT sama ada dalam bentuk surcaj atau rebat bergantung kepada kos bahan api dalam tempoh tersebut.

#### ■110

Bagi tempoh *regulatory* kali ini, harga arang batu adalah ditetapkan pada kadar USD75 per metrik tan. Manakala harga gas adalah berdasarkan Pelan Rasionalisasi Harga Gas Berpaip.

Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun harga pasaran bahan api mengalami trend penurunan tiga bulan ini tetapi penetapan ICPT bagi tempoh Julai hingga Disember 2019 adalah berdasarkan harga purata bahan api bagi tempoh Januari hingga Jun 2019. Ini di mana jika Yang Berhormat Gerik masih ingat lagi, harga arang batu pada suku pertama 2019 pernah meningkat mencecah paras USD100 per metrik tan yang jauh melebihi kadar harga asas arang batu yang telah ditetapkan pada USD75 per metrik tan.

Harga arang batu baru mula menurun sejak April ini. Yang Berhormat Gerik, secara keseluruhannya, berdasarkan mekanisme ICPT, kos bahan api dan peningkatan kos penjanaan lain yang perlu dilepaskan kepada pengguna bagi tempoh Julai hingga 2019 adalah berjumlah RM1.592 bilion melalui surcaj kepada pengguna. Sebenarnya surcaj perlu ditingkatkan sebanyak RM0.39 sen per kilowatt jam. Walau bagaimanapun, untuk mengurangkan beban rakyat serta pihak komersial dan industri, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk mengurangkan kos yang perlu dilepaskan kepada pengguna iaitu:

- (i) kementerian melalui Suruhanjaya Tenaga telah membuat pelarasan ke atas hasil dan kos elektrik pada tahun 2018 dan 2019 di bawah IBR berdasarkan peruntukan *Regulatory Implementation Guidelines (RIGs)* dan berjaya mendapatkan jumlah penjimatan sebanyak RM336.7 juta; dan

- (ii) kementerian juga telah mendapatkan kelulusan Kabinet untuk menyumbang subsidi kepada tarif elektrik melalui peruntukan dana daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) sebanyak RM107.16 juta.

Oleh itu, walaupun terdapat peningkatan yang tinggi dalam kos penjanaan dan sebenarnya kadar elektrik perlu ditingkatkan dengan mengambil kedua-dua langkah di atas. Sukacita saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa tiada kenaikan tarif elektrik untuk semua kategori pengguna elektrik baik domestik, pihak komersial dan industri untuk tempoh Julai hingga Disember 2019.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan penjelasan yang amat jelas. Cumanya saya hendak bertanya, apakah jaminan kementerian bahawa tiada kenaikan surcaj tarif elektrik dan harga bahan api pada tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2019 kepada pengguna domestik terutamanya? Sejauh manakah keyakinan kementerian bahawa harga barang, harga bahan mentah itu tidak akan naik dalam tempoh tersebut? Terima kasih.

**Puan Yeo Bee Yin:** Bagi makluman Yang Berhormat Gerik, tadi saya telah panjang lebar untuk katakan bahawa kita telah mengambil dua langkah untuk memastikan bahawa tiada kenaikan tarif. Saya telah umumkan bahawa dari Julai sehingga Disember tiada kenaikan tarif elektrik. Diharap saya telah jelaskan ini dengan baik. Bagi bahan api pula, saya hendak katakan di sini, kita ada dua jenis bahan api iaitu:

- (i) arang batu; dan
- (ii) coal gas.

Kerajaan tidak boleh mengawal harga pasaran dunia arang batu disebabkan kita tiada *supply*, kita tiada arang batu di Malaysia. Maka, kita tidak boleh mengawal harganya. Bagi gas pula, kita telah tengok, gas asli sekarang pula ada trend peningkatan. Oleh itu, apa-apa pun, kerajaan telah mengambil langkah tersebut.

Kita telah mengambil langkah dalam satu inisiatif di mana kita panggil inisiatif *Reimagining Malaysia Electricity Supply Industries*. Salah satu agenda di dalamnya ialah bagaimanakah kita menggunakan cara-cara untuk meningkatkan daya saing pembekalan bahan api di Malaysia. Ini supaya loji jana kuasa ada insentif yang lebih tinggi untuk mendapatkan sumber bahan api pada harga yang lebih kompetitif. Kita telah ada rancangan dan kita akan bersama-sama dengan agenda ini dan juga agenda-

agenda lain dalam inisiatif *Reimagining Malaysia Electricity Supply Industries*. Di dalam pengumuman, kita akan jelaskan dengan lebih teliti lagi.

**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya, negara kita ataupun daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa kita menikmati subsidi tentang tarif elektrik. Kita juga adalah negara yang agak terendah dalam tarif elektrik ini di mana kebanyakan kerajaan menyediakan subsidi bagi gas asli. Akan tetapi, dalam jangka panjang, ia akan memberikan kesan negatif terhadap ekonomi negara. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk memupuk sifat berjimat dalam kalangan pengguna elektrik pada rakyat Malaysia? Agar penjimatan perbelanjaan elektrik ini dapat dilakukan dan juga kewangan negara dapat digunakan di tempat yang lebih baik dalam pembangunan negara. Terima kasih.

**Puan Yeo Bee Yin:** Soalan yang baik. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian juga dalam proses merangka Akta Kecekapan Tenaga dan Konservasi Tenaga. Akta ini akan dibentangkan dan akta ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kecekapan tenaga di Malaysia, di negara kita. Ini di mana bukan sahaja dari segi domestik tetapi dari pihak komersial dan juga industri supaya kita lebih cekap dalam tenaga.

Untuk makluman Yang Berhormat, kalau kita boleh meningkatkan kecekapan tenaga, maka kita boleh menurunkan penggunaan elektrik dan bil elektrik kita. Oleh itu, ini adalah agenda ataupun *low-hanging fruit* kementerian yang menuju ke arah ini. Kita akan bentangkan draf, ya. Draf ini akan – telah pun disiapkan dan saya akan mendapatkan satu *engagement* dengan Ahli-ahli Parlimen. Apabila saya menjemput Ahli-ahli Parlimen, saya mohon Ahli-ahli Parlimen boleh datang dan berbincang dengan kita untuk memberikan *feedback* kepada kerajaan tentang draf Akta Kecekapan Tenaga dan Konservasi Tenaga ini.

Selain itu, saya juga hendak katakan *in the interim*, ya. Sementara itu, kita juga ada pelan Tindakan Kecekapan Tenaga yang ada – sasaran kita adalah meningkatkan penjimatan tenaga sebanyak lapan peratus menjelang tahun 2025. Kalau Yang Berhormat berminat lagi, kita boleh bagi pelan tindakan ini untuk rujukan Yang Berhormat.

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya ingin merakamkan pihak Dewan ini mengalu-alukan kehadiran rombongan dari kawasan Parlimen Gopeng [*Tepuk*] Juga merupakan kawasan asal saya sebelum ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selamat datang.

9. **Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]** meminta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan berapa pemohon serta jumlah geran diberikan mengikut kategori bagi program pemberian Geran 1 Pelajar 1 Perniagaan (1P1P) dan apakah mekanisme untuk memastikan geran tersebut digunakan untuk berniaga?

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

**[Tuan Chong Chieng Jen]:** Tuan Yang di-Pertua, sejak Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan (S1P1P) dilancarkan sehingga 31 Mei 2019, seramai 46,072 orang pelajar telah mendaftarkan perniagaan di bawah skim ini. Sebanyak RM2,707,400 telah digunakan daripada jumlah keseluruhan geran tersebut.

S1P1P adalah merupakan satu inisiatif yang memberi peluang kepada para pelajar di institusi pengajian tinggi di dalam negara yang berhasrat untuk mendaftarkan perniagaan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 secara percuma. Walaupun mereka masih belum menjalankan perniagaan lain, setiap pelajar yang layak boleh mendaftarkan satu perniagaan sahaja. Fi bagi pendaftaran perniagaan tersebut adalah untuk tempoh setahun yang akan ditampung oleh geran yang diperuntukkan di bawah skim ini.

**■1120**

Manakala, fi bagi pembaharuan pendaftaran perniagaan tersebut untuk tahun-tahun seterusnya adalah tidak tertakluk di bawah skim ini. Pengenalan skim ini adalah merupakan salah satu daripada program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Suruhanjaya Syarikat Malaysia dalam usaha memberi pendedahan dan memupuk kesedaran di kalangan para pelajar terhadap keperluan di bawah undang-undang berkaitan mendaftarkan perniagaan sekiranya mereka ingin berkecimpung di dalam perniagaan sebagai salah satu kerjaya. Pada masa yang sama, kementerian ini berharap melalui penglibatan pelajar-pelajar di dalam Program S1P1P tersebut juga dapat mengembangkan lagi komuniti perniagaan di negara ini secara amnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan terima kasih kerana kerajaan menyediakan skim ini, S1P1P. Akan tetapi apa yang kita nampak adalah– tahun lepas saya nampak ramai antara anak muda yang diberhentikan bayaran BR1M ini disebabkan kerana mereka sudah mendaftar S1P1P tetapi tidak hantar di penyata kewangan untuk syarikat kerana mereka tidak memulakan atau langsung tiada perniagaan walaupun sudah mendaftar. Maka, saya anggap ini satu kegagalan

walaupun kita bagi secara percuma daftar tetapi perniagaan tidak dijalankan. Maka pihak kementerian, saya hendak tanya adakah pihak kementerian akan mengkaji semula sekiranya dalam pendaftaran syarikat yang sudah mendaftar 46,000 tersebut tiada memulakan perniagaan itu, adakah lebih baik kita berhentikannya supaya tidak membebankan pihak kementerian untuk mendaftar, kemas kini syarikat yang begitu banyak ini? Sekian, terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Terima kasih Yang Berhormat. Tujuan kita melaksanakan S1P1P ini adalah untuk mencetuskan minat para pelajar untuk menceburi dalam bidang perniagaan. Di bawah undang-undang, ia adalah tanggungjawab untuk sesiapa yang mendaftarkan mereka sebagai satu syarikat. Kalau mereka tidak berminat untuk meneruskan perniagaan mereka, mereka perlulah mengisikan satu *form*, borang untuk menghentikan pendaftaran mereka. Dalam angka yang saya ada di sini, di antara 40,000 lebih yang mendaftar melalui skim ini, lebih kurang 40 peratus yang masih aktif status mereka iaitu mereka membayar fi pembaharuan untuk meneruskan perniagaan mereka. Akan tetapi baki itu, 60 peratus yang luput, hanya 1,000 lebih yang mereka isikan borang untuk menutup syarikat iaitu kalau mereka yang mendaftarkan melalui skim ini, kalau mereka tidak berminat untuk meneruskan perniagaan, adalah tanggungjawab mereka untuk memberi maklumat kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia supaya menutup syarikat mereka. Saya yakin bahawa kalau mereka ada mengisi borang menutup syarikat yang didaftarkan itu, mereka akan terus menerima bantuan sara hidup. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hasrat murni untuk pelajar-pelajar kita tidak makan gaji tetapi menjadi usahawan. Walaupun demikian, hasratnya 143,000 perniagaan didaftar, yang didaftarkan cuma 46,072 ataupun 32 peratus sahaja. Kita telah memulakan ini pada tahun 2017 lagi, bukan baru. Oleh sebab itu, kenapa gagal hanya 32 peratus sahaja daripada sasaran? 7.4 juta geran yang dibelanjakan, cuma 2.7 juta sahaja, jadi 36 peratus sahaja geran dibelanjakan. Itu pun daripada 46,000, hanya 40 peratus sahaja yang aktif. Jadi, pada saya perkara yang patut dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang ada di sini ialah untuk memastikan budaya keusahawanan itu betul-betul ditanamkan di peringkat sekolah menengah dan IPTA, barulah geran ini boleh diterima dan boleh sampai kepada 100 peratus misalnya. Apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri? Kalau tidak boleh jawab, Yang Berhormat Menteri Pendidikan jawab. Terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Terima kasih. Saya akan jawab apa yang di bawah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua dalam satu ya?

**Tuan Chong Chieng Jen:** ...kementerian saya. Skim ini adalah sejumlah RM10 juta telah diperuntukkan dan tempoh untuk pelaksanaan skim ini adalah untuk 10 tahun. Skim ini telah bermula pada tahun 2017, maka lebih kurang 25 peratus, satu suku masa tempoh yang telah dijalankan daripada 10 tahun. Daripada sejumlah RM10 juta itu kita pun berbelanja lebih kurang 25 peratus. Oleh itu, adalah tidak adil untuk membuat tuduhan bahawa skim ini telah gagal. Sekurang-kurangnya daripada 40,000 yang kita daftarkan, mereka masih belajar di universiti ataupun kolej itu, kalau tidak ada skim ini, mereka langsung tidak akan menceburi bidang perniagaan, mereka tidak langsung akan mendaftar dengan SSM. Oleh itu, sekurang-kurangnya setakat ini selepas dua tahun lebih kita menjalankan skim ini, sekurang-kurangnya ada 18,000 lebih orang yang masih aktif dalam perniagaan. Oleh itu, saya rasa ini adalah satu kejayaan di bawah skim ini. Sekian, terima kasih.

**10. Tuan Sabri bin Azit [Jerai]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan program rancangan yang menjurus kepada motivasi generasi muda ke arah menambah nilai jati diri sebagai warganegara Malaysia.

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Jerai. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) terus berusaha secara berterusan untuk memupuk semangat patriotik bagi menerapkan pemikiran dan menyampaikan konsep kenegaraan yang betul di dalam kalangan rakyatnya di pelbagai peringkat umur melalui pelbagai platform siaran dan saluran TV dan radio. Selaras dengan garis panduan penyiaran yang menetapkan agar bahan siaran RTM perlulah sentiasa menyokong wawasan negara dan ini tidak terkecuali bagi bahan siaran yang dapat meningkatkan jati diri anak muda di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, menerusi pelbagai wadahnya, RTM sejak dahulu lagi komited menyiaran rancangan pelbagai genre, termasuk drama, filem, *telemovie*, bual bicara, pesanan khidmat masyarakat, lagu-lagu patriotik, promo, malah menyelitkan elemen semangat cinta negara dan patriotik menerusi *talking points* bagi DJ radio dan pengacaranya.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Januari tahun ini RTM menerusi saluran TV1 telah menyiaran hampir 40 buah rancangan pelbagai genre yang melibatkan suntikan motivasi dan semangat cintakan negara dalam kalangan penontonnya, terutama

generasi muda. Ia termasuklah program-program berat seperti Bicara Inspirasi yang memberi motivasi agar anak muda berjaya dalam kerjaya sehingga kepada rancangan yang ringan seperti *telemovie* dan rancangan hiburan seperti konsert yang masih membawa tema kenegaraan. Manakala di saluran TV Okey, rancangan motivasi generasi muda ini disiarkan meliputi 2.3 peratus jam siaran setahun. Di antara program-program Bicara Inspirasi yang telah pun ditonjolkan adalah Bicara Inspirasi: Cinta Jadi Cita-cita iaitu bersama Ketua Pengarah FRIM, Dato' Dr. Abd Latif Mohmod dengan topik Inspirasi Cinta Jadi Cita-cita. Bermula cita-cita beliau ingin menjadi tukang kebun, akhirnya berjaya menjadi seorang yang berjaya sehingga menerima Anugerah Saintis Muda Negara ketika beliau berusia 33 tahun dan juga berjaya memegang enam rekod individu dalam *Malaysia Book Of Records*.

Kita juga ada Bicara Inspirasi: Tiang Seri Negara, di mana kita ada program Yang di-Pertuan Agong umpama payung yang menaungi rakyat jelata, menjadi inspirasi perpaduan dan keharmonian, menyatukan masyarakat berbilang bangsa dan fahaman di negara ini.

### ■1130

Tuan Yang di-Pertua, saya ada banyak senarai di sini, saya tidak bercadang untuk baca kerana masa tidak mengizinkan. Sekiranya sahabat saya mahu, beliau boleh dapat melalui secara bertulis. Manakala untuk— Yang Berhormat saya habis kan, minta maaf saya tahu masa tidak mengizinkan. Manakala melalui BERNAMA Yang Berhormat, agensi ini mempunyai program rancangan yang menjurus kepada motivasi generasi muda ke arah menambah nilai jati diri sebagai warganegara Malaysia.

Menerusi saluran *news channel* pula dan Bernama Radio, BERNAMA telah menyiaran beberapa program rancangan bual bicara dan temu bual menampilkan tetamu daripada generasi muda yang berjaya mengharungi cabaran dan dugaan dalam kehidupan dan perniagaan. Untuk ini juga Tuan Yang di-Pertua, saya ada maklumat lanjut dan saya akan salurkan, sampaikan secara bertulis. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Terima kasih atas jawapan agak panjang lebar. Soalan tambahan saya, jika kita lihat filem-filem zaman kegemilangan dahulu, banyak diterapkan nilai jiwa nasional berdasarkan suasana masyarakat zaman itu. Contoh watak Mak Dara dalam Ibu Mertuaku, lakonan sebagai ibu mertua yang kejam hingga terlafaz dialog, “*Aku hairan mengapakah engkau Allah ciptakan menjadi manusia, kan lebih baik kau menjadi haiwan*”. Lalu Mak Dara kata “*Astaghfirullah Kasim*”. Persoalannya, apakah langkah-langkah atau strategi kementerian untuk mengembalikan warna-warna

kegemilangan lampau agar generasi muda merasakan negara ini kaya dengan semangat ketimuran dan berjiwa nasional, mohon penjelasan.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya cukup setuju bahawa ada perlunya untuk kita lihat bagaimana kita boleh kembalikan khususnya banyak program-program daripada masa dahulu, di mana apa yang dibangkitkan di situ ialah semangat, bukan sahaja kenegaraan tetapi juga semangat yang boleh menunjukkan apakah sebenarnya kedudukan pada masa itu dan sebagainya.

Kementerian akan mengambil tindakan dan langkah-langkah yang perlu untuk kita memberikan fokus kepada perkara itu dan sekiranya Yang Berhormat mempunyai cadangan dan sebagainya yang ingin disampaikan kepada saya, sila teruskan. Tuliskan surat kepada saya atau jumpa untuk dibincangkan, kita akan lihat bagaimana kita boleh bersama-sama melangkah ke arah tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas penjelasan yang diberikan. Adakah kerajaan bercadang untuk juga menerbitkan rencana-rencana yang menunjukkan individu-individu ataupun pemimpin-pemimpin daripada Pakatan Harapan, di mana kita dapat juga sedikit sebanyak menggunakan rencana-rencana tersebut untuk menanamkan sifat-sifat yang baik dalam generasi muda di kalangan rakyat Malaysia. Terutamanya seperti Yang Amat Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Iskandar Puteri dan sebagainya. Oleh kerana ini merupakan pemimpin-pemimpin tersohor Pakatan Harapan sekarang.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang sijil palsu tidak payah jemputlah.

**Tuan Gobind Singh Deo:** *[Ketawa]* Yang Berhormat Kuala Krau, Kuala Krau. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa di Malaysia ini ada banyak pemimpin-pemimpin tersohor. Bukan sahaja daripada Pakatan Harapan, tetapi daripada semua lapisan masyarakat. Sekiranya perlu untuk kita mengadakan program-program untuk kita membawa ke hadapan sebenarnya apakah sumbangan mereka kepada negara ini, saya bersedia untuk kita pertimbangkan perkara itu. Memang sekarang juga kita sudah ada program-program seperti itu, sepertimana saya sebutkan tadi melalui program *Bicara Inspirasi*. Saya bagi satu contoh di mana kita ada *Bicara Inspirasi* yang bertajuk '*Dari Seni ke Politik*' di mana kita ada program bersama dengan Yang Berhormat Lembah Pantai dengan tajuk tersebut, '*Dari Seni ke Politik*'.

Jadi, ini adalah satu perkara yang telah pun kita laksanakan, mana tahu mungkin program selepas daripada ini kita boleh fokus kepada Tuan Yang di-Pertua. Satu program untuk menonjolkan sebenarnya apakah Tuan Yang di-Pertua telah pun melaksanakan...

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Yang Berhormat Jelutong satu, Jelutong.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah tentu saya akan setuju. Saya ingin mencuri masa sedikit, sebab kita hanya sampai nombor 10, mungkin kita ambil nombor 11 sebab Yang Berhormat Menteri Pendidikan ada di sini.

11. **Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]** minta Menteri Pendidikan menyatakan status terkini pelaksanaan projek penyambungan ke talian grid bekalan utama elektrik kepada sekolah-sekolah luar bandar di negeri Sarawak.

**Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha memastikan setiap sekolah di Malaysia perlu mencapai tahap keperluan infrastruktur yang minimum bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat, bersih dan kondusif tanpa mengira lokasi, saiz dan jenis sekolah tersebut. Keperluan ini termasuklah akses air bersih yang terawat, bekalan elektrik sekurang-kurangnya 12 jam sehari serta keperluan-keperluan asas yang lain.

Berkaitan dengan penyediaan bekalan elektrik kepada sekolah luar bandar di Sarawak, KPM telah mengemukakan senarai 113 buah sekolah kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk disambungkan kepada talian grid. KPM akan sentiasa mengemas kini jumlah bilangan sekolah ini dari semasa ke semasa agar semua sekolah di Sarawak akan dapat disambungkan ke talian elektrik. Kerja-kerja penyambungan ini akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak melalui agensinya iaitu Sarawak Energy Berhad ataupun SEB.

Bagi tahun 2019, Kerajaan Negeri Sarawak sedang menjalankan tinjauan tapak di 21 buah sekolah bantuan kerajaan untuk disambungkan kepada talian grid bagi fasa pertama. Walau bagaimanapun, didapati hanya 16 buah sekolah sahaja yang sesuai untuk disambungkan kerana lokasinya berhampiran dengan talian grid ini. Lima buah sekolah lain didapati terlalu jauh dan ia tidak sesuai untuk disambung kepada talian grid.

Kerajaan Negeri Sarawak sedang melaksanakan proses tender dan dijangka syarikat berjaya akan masuk ke tapak pada September 2019.

Pihak kementerian berbesar hati dan berterima kasih atas hasrat Kerajaan Negeri Sarawak untuk membiayai kos projek penyambungan grid bekalan bantuan elektrik kepada sekolah-sekolah yang terlibat. KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan Kerajaan Negeri Sarawak sentiasa bekerjasama dengan mengadakan mesyuarat secara berkala bagi memastikan semua kerja penyambungan ini berjalan dengan lancar. Bagi pihak KPM, kita meletakkan kepentingan anak-anak sekolah, guru-guru dan juga masyarakat setempat sebagai keutamaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, daripada RM400 juta yang diumumkan dan saya difahamkan di bawah Yang Berhormat Menteri sendiri di dalam *Facebook* 2 Ogos 2018, dia berkata, “*Berhubung dengan bekalan elektrik pula, KPM sedang mengusahakan bekalan elektrik ke sekolah Sarawak secara berfasa dengan melibatkan belanja sebanyak RM400 juta dalam empat fasa di mana ia termasuk memasang grid elektrik kepada sekolah-sekolah yang berdekatan dan juga dengan memasang sistem hybrid solar*”. Saya hendak tanya, berapakah yang diperuntukkan kepada pemasangan grid elektrik kepada sekolah-sekolah yang tersenarai di Sarawak dan berapakah pula yang diperuntukkan kepada pemasangan sistem *hybrid* solar.

Ada satu lagi, saya difahamkan bahawa kementerian ada terima RM50 juta daripada Kerajaan Negeri Sarawak untuk 113 buah sekolah yang bersambungkan grid elektrik, tetapi semua sekolah yang dibawa dekat dengan grid adalah 300 lebih sahaja. So, kalau macam itu saya fikir kurang lebih RM150 juta sudah cukup untuk sambungkan semua sekolah. Akan tetapi kenapakah Yang Berhormat Menteri di dalam *Facebook* ada berkata ada kurang RM400 juta untuk semua sekolah di Sarawak untuk bersambung.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Persoalan tersebut merupakan satu yang berbeza daripada jawapan yang telah saya berikan kerana ia melibatkan peruntukan tahun yang lepas, tahun 2018. Namun untuk— kerana ia melibatkan isu teknikal saya akan memberikan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat yang bertanya.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Okey. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sungguh seronok mendengar berkenaan tentang penyambungan elektrik. Akan tetapi saya ingin bertanyakan kepada pihak Yang Berhormat Menteri, bilakah jangka masa dan juga tarikh untuk menyiapkan projek penyambungan grid elektrik ini yang menggunakan peruntukan sebanyak RM50 juta

yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Adakah peruntukan sebanyak RM50 juta ini telah dimuktamadkan dan juga saya tidak ingin melihat peruntukan ini dipolitikkan sama seperti peruntukan sebanyak RM1 bilion yang telah dipersetujui menggunakan mekanisme kontra, dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri tetapi sehingga kini kita tidak mencapai kesepakatan untuk menyelesaikan masalah sekolah daif. Juga, saya ingin bertanyakan kepada pihak Menteri, bagaimanakah status peruntukan RM50 juta ini pada masa sekarang?

■1140

**Dr. Maszlee bin Malik:** Sepertimana yang telah saya sebutkan tadi, bagi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, kita bekerjasama erat dengan Kerajaan Negeri Sarawak dalam memastikan kebijakan dan juga kepentingan anak-anak di sekolah akan tetap terjaga.

Jadi, sepertimana yang telah diketahui, pemasangan elektrik ke sekolah melalui grid tersebut mempunyai beberapa isu yang berkaitan dengan kontrak Jepak yang berada di dalam pengadilan pada waktu ini. Walau bagaimanapun, pada bulan Mei yang lepas, kita telah mendapat keizinan untuk menarik talian elektrik ke sekolah walaupun kontrak Jepak masih berlangsung yang melibatkan pembekalan solar elektrik yang begitu sensasi dan kita tahu masih lagi dalam perbicaraan di mahkamah. Melalui proses tender terbuka dan sebagainya, sebelum hujung tahun ini kita akan pastikan semua sekolah akan dapat disambungkan kepada elektrik. Terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempergerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat, masa pertanyaan soalan lisan sudah tamat.

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]*

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG MATA WANG 2019****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengurusan mata wang Malaysia, pengawalseliaan perniagaan, pemprosesan mata wang dan aktiviti pemprosesan mata wang dan bagi perkara yang berkaitan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN) 2019****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 2009; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Profesional Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019, Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) (No.2) 2019 dan Rang Undang-undang Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019, di nombor 1, 2 dan 3 seperti yang tertera dalam Aturan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa, 16 Julai 2019.”

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy]:** Kota Belud mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya mohon untuk merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 36(12) iaitu usul untuk merujuk Ahli kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan mengelirukan Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam *Penyata Rasmi DR.8.8.2018*, Yang Berhormat Menteri Kewangan ataupun Yang Berhormat Bagan telah mengeluarkan kenyataan bahawa sebanyak RM19.4 bilion wang tuntutan bayaran balik GST telah dirompak oleh kerajaan yang lepas. Di dalam penyata PAC yang dibentangkan pada hari ini, jelas daripada segi keputusan PAC menyatakan bahawa tidak ada kehilangan wang ataupun tidak ada wang yang dirompak seperti yang dituduh oleh Yang Berhormat Bagan.

Dengan ini, Yang Berhormat Bagan telah pun mengelirukan Dewan ini dan pihak pembangkang ingin menggunakan Peraturan Mesyuarat 36(12) untuk merujuk Yang Berhormat Bagan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih kepada Ketua Pembangkang yang bangun di bawah Peraturan 36(12).

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya minta Yang Berhormat Ketua Pembangkang membuat surat secara bertulis kepada Tuan Yang di-Pertua, kemudian keputusan akan dimaklumkan. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *[Bangun]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin membalias kepada perkara...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak perlu berbalas...  
[Ketawa] Di mana saya telah nasihatkan Ketua Pembangkang supaya buat surat secara bertulis dan akan dibawa kepada pertimbangan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Baik, terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat yang sama. Merujuk Ahli Majlis kepada jawatankuasa ini ada dua cara. Satu, melalui secara bertulis. Satu lagi boleh diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Memandangkan perkara ini adalah perkara semasa, walaupun ucapan itu dibuat beberapa bulan yang lepas iaitu pada bulan Ogos, tetapi oleh kerana laporan ini dibentangkan pada hari ini dan mengesahkan hari ini bahawa kenyataan yang dibuat oleh Menteri Kewangan, Yang Berhormat Bagan adalah tidak benar dan tidak tepat dan ini telah memberikan gambaran yang sangat buruk kepada kerajaan yang lepas, ini sudah menjadi satu perkara yang *urgent*, yang perlu disegerakan oleh Dewan.

Kalau sekiranya Tuan Yang di-Pertua minta kita hantar surat dan sebagainya, sudah pasti ia akan dibincangkan dalam Majlis yang akan datang. Jadi, saya harap kalau sekiranya Tuan Yang di-Pertua minta supaya perkara ini dimajukan melalui surat, ia dapat dibincangkan dalam Mesyuarat penggal sesi kali ini juga dan bukannya sesi yang akan datang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Yang Berhormat Rembau telah bangun di bawah Peraturan 36(12) tetapi telah katakan perkara itu perlu disegerakan iaitu di bawah peraturan yang lain.

Akan tetapi, cara yang lebih adil kepada semua pihak adalah supaya Ketua Pembangkang membawa satu usul bertulis kepada Speaker, senaraikan alasan-alasan. Ini kerana seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Rembau, Laporan PAC hanya diletakkan di atas meja pagi ini. Saya pun belum baca lagi tetapi jika terpaksa kita buat keputusan sekarang juga, saya rasa ia kurang adil dan tidak memuaskan hati kepada kedua-dua belah pihak. Okey?

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Peraturan yang sama. Kalau laporan ini perlukan masa untuk membaca, adakah setelah pihak pembangkang buat satu usul, ada atau tidak jaminan bahawa ia akan dibincangkan dalam tempoh Mesyuarat ini juga sampai hari Khamis? Kalau itu boleh dibincangkan, saya rasa lebih adil kepada semua. Ini kerana tuduhan dibuat ialah dirompak. Sekarang kesimpulannya, tidak ada yang hilang... [Dewan riuh] Jadi saya rasa ini kesimpulan yang kita baca.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, itu bukan— baca sepenuhnya.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Ayer Hitam mengelirukan Dewan.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Lihat pendapat Peguam Negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak apa, tidak apa.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Ayer Hitam mengelirukan Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rembau juga cuba mengelirukan Dewan.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Rompak atau tidak merompak, belum lagi tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Ayer Hitam sudah habis ya?

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Ayer Hitam jangan hendak menegakkan benang yang basah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ada pecah amanah, ada pecah amanah.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional cuba mengelirukan Ahli Parlimen.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Dengan jelas Peguam Negara mengatakan pecah amanah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Baca betul-betul, Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *There is criminal breach of trust.*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ini adalah Dewan yang mulia. Saya beri peluang dan ruang yang mencukupi kepada semua Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Ayer Hitam sudah habis? Yang Berhormat Rembau hendak tokok tambah lagi? Sila.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon sepermama sahabat saya daripada Yang Berhormat Ayer Hitam, Tuan Yang di-Pertua memberikan jaminan bahawa perkara ini dapat dibahaskan sebelum tamatnya sesi kali ini. Walaupun kita akan hantar surat dan sebagainya tetapi jaminan itu perlu sebab kalau tidak, perkara ini akan jadi *dated* kalau dibahaskan pada bulan Oktober. Saya pohon, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ketua Pembangkang.

#### ■1150

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Sekali lagi, daripada jawapan dan bangkangan daripada pihak kerajaan, nampak ada isu yang perlu kita bincangkan – yang perlu kita perbahaskan. Jadi, saya setuju bahawa dari segi peraturan, perlu ada surat dan sebagainya. Akan tetapi, kerana isu ini, isu yang besar, yang melibatkan integriti kerajaan lama dan sebagainya, yang tuduhannya merupakan tuduhan yang amat serius. Jadi, saya setuju dengan rakan-rakan, walaupun kita ikut perkara yang diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua, tetapi perbahasan jangan kita tunggu bulan Oktober akan datang, apabila sidang bermula pada bulan Oktober nanti. Kita bahaskan di sini dan kita putuskan secara bersama, *insya-Allah* selepas itu kita boleh tentukan apa keputusan yang sepatutnya.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tuan Yang di-Pertua, minta sedikit

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Ketua Pembangkang.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** 36(12)...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Saya menyokong supaya disegerakan prosiding ini sebab saya melihat kepada laporan yang dibentangkan oleh PAC ini pada bilangan 18. Apabila mereka ini memanggil Akauntan Negara iaitu muka surat lima yang mengatakan, Datuk Saat bin Esa yang menjadi Akauntan Negara sekarang yang telah menjelaskan bahawa duit ini tidak hilang, cuma salah masuk ke dalam akaun *consolidated*.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Ada. Melihat kepada... *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]* Ya, bagi– *That is my floor*. Tidak apa, saya hendak menyokong...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, ya. Perkara yang sama sudah dimaklumkan dan saya ambil maklum. Ahli Yang Berhormat...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** ...nanti kita bahas dalam jawapan Ketua Akauntan Negara. Jadi, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli Yang Berhormat, saya rasa Ketua Pembangkang dan Yang Berhormat Rembau sudah buatkan – supaya perkara tidak payah berulang-ulang. Hari ini kita ada tiga rang undang-undang untuk dibahaskan dan diluluskan. Jika, perkara yang sama, *point taken*. Saya memberi jaminan supaya keputusan akan dibuat mengikut sepenuhnya lunas undang-undang dan peraturan mesyuarat. Sekiranya peraturan mesyuarat mengehendaki keputusan untuk sesi ini, maka ia akan dibuat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** *[Bangun]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Keputusan adil mengikut seluruh peraturan mesyuarat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua 36(12) ada perkara lain.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak payah kita ulang perkara yang sama, ini membazir masa. Sudah, *point taken*. Ketua Pembangkang, Rembau, Ayer Hitam, Pendang semua telah diwakili. Perkara yang sama kita tidak perlu mengulang-ulang lagi.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Perkara lain, Tuan Yang di-Pertua. Perkara yang lain Tuan Yang di-Pertua, 36(12).

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Seterusnya saya menjemput Rang Undang-undang untuk perbahasan. Minta Yang Berhormat Kuala Nerus. Setiausaha dahulu.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua, 36(12).

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sama juga.

**Seorang Ahli:** Duduklah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Perkara yang berbeza. saya ingin merujuk Yang Berhormat Menteri Kewangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sama sahaja!

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tidak! Ini perkara yang berbeza yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan..

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pontian tidak payahlah mencari...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sama sahajalah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri Kewangan sebut RM19.4 bilion itu semua telah di – Ketua Audit Negara menyatakan *[Dewan riuh].... bilion sahaja yang disahkan, bererti dia mengelirukan Dewan dua kali, bukan sekali ya, bukan sekali mengelirukan Dewan, tetapi dua kali.*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Bacalah, baca! Rumusan Peguam Negara, sama sahaja rumusan Peguam Negara. Sama sahaja rumusan Peguam Negara. Yang Berhormat Pontian baca rumusan Peguam Negara, Peguam Negara... *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pontian, jangan lagi membazir masa, saya sudah ulang lagi, *point taken*. Saya tunggu sekarang ini usul daripada Ketua Pembangkang. Setiausaha.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PROFESION GUAMAN SYARIE (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. **(11 Julai 2019)**

**11.51 pg.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya meminta Yang Berhormat Kuala Nerus, masa 10 minit selepas itu Yang Berhormat Bagan Serai dan Yang Berhormat Setiu menutup tirai, sila.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin sedikit masa yang sebelum Yang Berhormat Kuala Nerus meneruskan perbahasan. Saya ingin...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Saya ingin mengucapkan welcome—kedatangan pelawat daripada Kota Melaka.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Mana peraturan mesyuarat ini Tuan Yang di-Pertua?

*[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Pelawat tidak ada peraturan mesyuarat. Di bawah peraturan berapa ini Yang Berhormat?

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** ...daripada Dun Duyong.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Ini Yang Berhormat, kata tadi tidak hendak benarkan membazir waktu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila semua Ahli Yang Berhormat, semua anggota Dewan dan pelawat saya ucapkan selamat datang. Sila Yang Berhormat Dato' Kuala Nerus.

*[Dewan Tepuk]*

#### 11.54 pg.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *Bismillaahir Rahmani Rahim [Membaca sepotong doa]. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya mulakan dengan satu firman Allah SWT, [Membaca sepotong ayat Al-Quran]. Maksudnya, Allah Taala berfirman; “Sekiranya orang yang ada tanggungjawab atas dirinya merupakan seorang yang bodoh, ataupun lemah akalnya ataupun tidak mampu untuk merencana, maka hendaklah merencana bagi pihaknya pelindungnya dengan penuh keadilan”, Surah Al-Baqarah, ayat 282.*

Ayat ini menunjukkan kepada kita bahawa Islam memberi suatu kelebihan kepada mereka yang berada di bidang guaman syarie ataupun guaman sivil. Ini kerana, mereka inilah orang yang memperjuangkan hak golongan yang tidak mampu untuk berhujah kerana barangkali dengan sebab hujah yang tidak mampu disampaikan, ada orang yang hilang haknya ataupun ditarik haknya. Dalam hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menyebut, *[Membaca sepotong Hadis]*, “Barang siapa yang berjalan bersama orang yang kena zalim hingga Allah tetapkan baginya haknya, maka Allah Taala akan tetapkan dua kakinya di atas sirat Allah SWT pada hari semua kaki akan tergelincir” Hadis diriwayat oleh Hassan Al-Albani.

Jadi, hadis ini juga menunjukkan kepada kita besarnya fadilat mereka yang terlibat di bidang guaman termasuk sebagai guaman syarie. Islam memperingatkan kita

bahawa [*Membaca sepotong ayat*], “*Jangan pula menjadi tukang hujah ataupun orang pertahankan orang-orang yang khianat*”. Ini juga peringatan kepada pada peguam.

Hari ini kita bincang tentang satu akta baharu, Rang Undang-undang Profesional Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019. Tentulah antara tujuannya adalah untuk kita perkasakan kedudukan peguam syarie dari sudut hak mereka yang kita lihat sebelum ini agak tidak diberikan hak yang sebenarnya kerana mereka dilihat sebagai orang yang berada tahap yang kedua selepas peguam sivil.

Akan tetapi, dalam masa yang sama, kita terima juga persoalan, kenakah tidak akta ini dijadikan sebagai akta yang menyeluruh, bukan hanya untuk Wilayah Persekutuan sahaja, tetapi menyeluruh untuk seluruh negara yang akan memberi manfaat kepada semua para peguam syarie yang jumlah mereka kalau berdasarkan data dalam Konvensyen Nasional Peguam Syarie Malaysia ke-4 pada tarikh 10 November 2017, jumlah semua adalah sebanyak 2,768 orang. Adapun peguam syarie yang terlibat untuk Wilayah Persekutuan, hanyalah sejumlah 506 orang iaitu 18.3 percent. Ertinya, kalau hari ini kita berikan hak kepada peguam syarie, di peringkat Wilayah Persekutuan, macam mana pula dengan orang lain yang kena kita berikan hak? Maka, timbulah persoalan kepada kita bahawa adakah Yang Berhormat Menteri ataupun kerajaan telah berunding dengan Majlis Raja-Raja atau Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk kita usahakan, bukan hanya akta di peringkat Wilayah Persekutuan, tetapi juga untuk semua peguam syarie seluruh Malaysia, diwujudkan Majlis Peguam Syarie di bawah Majlis Raja-Raja. Mungkin Yang Berhormat Menteri akan menjawab dengan kaedah yang menyebut [*Membaca sepotong ayat dalam bahasa Arab*], “*Sesuatu yang tidak boleh dibuat semua sekali, kita buat sebahagian, jangan tinggal sebahagian besar daripadanya*”.

Akan tetapi, dalam masa yang sama, soalan yang mesti dijawab oleh Yang Berhormat Menteri ialah apakah perancangan Yang Berhormat Menteri untuk seterusnya? Selepas kita luluskan akta ini, apa dia perancangan Yang Berhormat Menteri untuk baiki benda ini lagi. Sejauh mana Yang Berhormat Menteri telah berunding dengan Majlis Raja-Raja? Bila agaknya dalam perancangan Yang Berhormat Menteri akan kita wujudkan akta yang sama yang menyeluruh untuk semua seluruh negara? *Insya-Allah*. Itu soalan yang mesti di jawab oleh Yang Berhormat Menteri pada hari ini.

Juga antara persoalan yang penting yang Yang Berhormat Menteri kena jawab ialah, bolehkah peguam syarie di negeri lain, menjadi ataupun mendaftar secara automatik dalam Majlis Peguam Syarie di peringkat Wilayah Persekutuan? Oleh sebab, mereka tidak perlu berulang kali – kalau hari ini kita hendak pada peguam syarie ini ,

mereka terpaksa mendaftar bagi setiap negeri. Tentulah bila ada Akta Rang Undang-undang Profesjon Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019 ini, tentulah mereka berhasrat untuk juga beramal di peringkat wilayah Persekutuan. Adakah mereka ini perlu memohon lagi atau diberikan status automatik bila mereka berdaftar dengan negeri lain? Automatik diberikan. Dengan cara ini, kita boleh meramaikan lagi orang yang terlibat atau beramal sebagai peguam syarie di peringkat Wilayah Persekutuan.

Itu perkara pertama yang ingin saya sentuh. Kedua, kalau kita lihat, sebelum wujudnya akta ini, akta yang dirujuk bagi peringkat Wilayah Persekutuan untuk menguruskan perkara yang berkaitan dengan masyarakat ini ialah seksyen 2 dan juga seksyen 69 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 dan juga Kaedah-kaedah Peguam Syarie 1993.

#### ■1200

Persoalan yang timbul ialah apabila kita wujudkan akta baharu ini, macam mana status akta yang sedia ada ini? Sedangkan kita tidak bawa ke Parlimen untuk dipinda. Seolah-olah akan berlaku dua rujukan bagi isu yang sama melibatkan Majlis Peguam Syarie atau melibatkan peguam syarie. Itu satu. Kedua, dari sudut kuasa, kalau kita lihat akta yang sedia ada sekarang, seksyen 29 memberikan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong dalam menetapkan kaedah-kaedah termasuklah kaedah prosedur, kelayakan fi dan sebagainya.

Akan tetapi, kalau kita lihat dalam akta yang kita bawa pada hari ini, kuasa itu diberikan kepada Menteri. Kalau kita lihat begitu banyak dalam peruntukan yang kita bincang sekarang. Antaranya, fasal 9, fasal 64, fasal 65, fasal 66, fasal 68, fasal 92 dan fasal 93. Ini semua asalnya kalau kita lihat dalam akta yang sedia ada sekarang, kuasa itu ada pada Yang di-Pertuan Agong. Akan tetapi sekarang dipindahkan kepada Menteri. Persoalannya, kenapa? Kenapa kuasa Yang di-Pertuan Agong ini ditiadakan dan diberikan pula kepada Menteri? Adakah Menteri ingin menjadi Raja atau Sultan pula, menggantikan sultan yang sedia ada? Itu persoalan yang perlu dijawab. Ini kerana, seolah-olahnya akta ini tidak merujuk kepada Raja-raja.

Kalau kita lihat dalam Perlembagaan kita sendiri, ada peruntukan yang menjelaskan Perkara 38(4), tentang kuasa yang ada pada Majlis Raja-Raja, tidak ada sebarang undang-undang yang digunakan itu melibatkan kuasa Raja-raja yang boleh diluluskan tanpa berunding dengan Majlis Raja-Raja. Jadi seolah-olahnya Menteri telah mengambil kuasa Raja-raja tanpa berunding dengan Raja-raja. Jadi, ini persoalan besar yang mesti dijawab oleh Menteri.

Kita bimbang, di mana kuasa diberikan kepada Menteri, kita bimbang akan berlaku salah guna kuasa. Ini kerana semuanya di bawah pertimbangan Menteri belaka termasuklah kuasa dalam menetapkan fi, menetapkan bayaran yang mesti dikenakan kepada para peguam. Jika yang menetapkan itu adalah Menteri dan tadbir kuasa pada Majlis Peguam Syarie sendiri, tentulah akan menimbulkan persoalan tentang kepentingan Menteri dalam berurusan dengan peguam-peguam seumpama ini. Itu perkara yang kedua.

Ketiga, saya hendak menyokong usaha akta ini yang membuat syarat untuk menerima masuk peguam syarie dalam seksyen 12, dinyatakan antaranya dalam (b) beragama Islam. Saya sangat menyokong untuk kita menetapkan hanya orang yang beragama Islam sahaja yang boleh menjadi peguam syarie. Kenapa? Ini kerana, pertama sekali telah ada fatwa yang dikeluarkan di peringkat Majlis Fatwa Kebangsaan dan juga fatwa di peringkat Negeri Sembilan yang mengatakan bahawa hanya orang Islam yang diberikan hak. Persoalannya kenapa? Bagi saya persoalan yang paling penting ialah berkaitan dengan kelayakan. Kelayakannya ialah kelayakan ilmu. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Kata Allah SWT, “*Bertanyalah pada orang yang ada ilmu sekiranya kamu tidak tahu*”.

Dalam urusan berkaitan dengan guaman syarie, perlukan hanya undang-undang yang bertulis, yang mesti dirujuk oleh peguam dalam dia mengamalkan guaman syarie. Akan tetapi, ada kaedah yang ditetapkan dalam undang-undang, apa sahaja perkara yang kabur dalam undang-undang sedia ada yang bertulis mesti dirujuk pada hukum syarak. Maka, adakah peguam syarie, peguam syarie yang bukan Islam, yang hanya mempelajari undang-undang bertulis sahaja mampu merujuk semua undang-undang dalam kitab-kitab fiqah yang begitu besar untuk dia faham apa lagi perkara melibatkan hukum yang mesti kita bawa bila kita membawa satu kes yang melibatkan undang-undang syarie?

Oleh sebab itu kita mengatakan bahawa, kelayakan itu tidak ada kepada peguam syarie yang bukan beragama Islam. Dia ada pada orang yang beragama Islam. Oleh sebab itu saya menyokong bahawa, syarat yang ditetapkan sebagai syarak bagi akta yang kita bincang pada hari ini.

Seterusnya, perkara yang penting untuk kita lihat ialah tentang perkara yang bersabit dengan persoalan-persoalan hukuman tatatertib. Dalam undang-undang yang kita lihat, kenapa ditetapkan tatatertib itu hanya dalam konsep kaedah sahaja? Kenapa tidak dijadikan akta? Oleh sebab kita semua tahu bahawa kaedah ini sangat terhad sifatnya, berbeza dengan akta. Adakah ia satu usaha untuk merendahkan perkara

berkaitan dengan tata tertib? Kalau kita lihat juga, denda yang dikenakan dalam akta yang baharu ini, denda yang dikenakan ialah RM50,000 sedangkan kalau kita dalam peguam sivil, tidak lebih daripada RM50,000.

Ketiga, persoalan hukuman juga, kita bimbang bukan hanya peguam syarie dikenakan tata tertib menerusi akta ini tetapi juga akan dikenakan tata tertib menerusi satu lagi akta yang melibatkan peguam sivil. Oleh sebab, sebahagian peguam syarie ini mereka juga adalah peguam sivil. Mungkin dikenakan hukuman dua kali. Maka, bagi kita tidak adil kepada peguam syarie.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kuala Nerus, sila menggulung. Masa sudah tamat.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Saya rasa itulah antara perkara penting yang saya harap Menteri boleh jawab sempena yang kita bincang pada hari ini. Saya menyokong undang-undang ini. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bagan Serai.

#### 12.05 tgh.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Membaca sepotong Doa] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan Serai bangun menyokong Rang Undang-undang Profesional Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019, mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat selama begitu banyak tahun selama ini. Sehingga hari ini, adalah satu rang undang-undang yang dikira bersejarah untuk kita bahaskan dan luluskan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hairan 30 tahun usaha-usaha awal daripada tahun 1984 untuk memartabatkan peguam syarie kerana ada *double standard* antara peguam syarie dan peguam sivil ini. Selama 30 tahun diambil sedangkan dalam Perkara 31, Perkara 32 dan Perkara 33 Perlembagaan Persekutuan, agama Islam adalah agama Persekutuan dan agama-agama lain bebas mengamalkan dengan aman dan damai. Di negeri di mana ada Sultan maka Sultan yang menjadi ketua agama. Negeri yang tidak ada Sultan maka Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua agama. Ini soal

memartabatkan, ini soal ke arah taat dan sunah Rasullah SAW. Ini peguam agama, Mahkamah Syariah. Benda yang sangat penting.

Kita sebagai rakyat Malaysia yang beragama Islam dan Islam adalah agama persekutuan. Saya hairan kenapa 30 tahun? Kenapa lama sangat ambil? Kenapa? Apa masalahnya sebenarnya? Ini kerana kerajaan kita, kerajaan hakiki kita, “*La Ilaha Illallah Muhammadur Rasulullah*”. Adakah kita sibuk mempertikaikan antara satu sama lain?

Adakah kita sibuk berkelahi antara satu sama yang lain? Bergaduh, sompong ataupun mempertikaikan siapa lebih islamik? Negeri mana lebih islamik? Orang mana lebih islamik? Bendera mana lebih islamik? Yang pakai songkok kah? Yang pakai ketayap putih kah? Yang pakai serban kah ataupun yang tidak pakai apa-apa yang lebih islamik? Ini yang dipertikaikan. Ini kerana, apabila ada pertelingkahan, ada pergaduhan ini maka syaitan laknat masuk di celah-celah. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Akan tetapi umat hari ini tidak amalkan.

Jadi kebimbangan, saya melihat 30 tahun. Kita ada undang-undang kita. Penubuhan empat badan entiti Lembaga Kelayakan Profesional Guaman, Badan Peguam Syarie yang *equivalent to Malaysian Bar*, seolah-olah macam *Malaysian Medical Association* (MMA).

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Mohon mencelah, boleh?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Dan juga Badan Majlis Peguam Syarie *equivalent to Bar Council* ataupun *Malaysian Medical Council* (MMC).

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Rompin, Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Keempatnya, Lembaga Tatatertib seksyen 77, yang akan diwujudkan yang saya rasa penting.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Rompin, Yang Berhormat Bagan Serai? Sikit?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Minta maaf Yang Berhormat Rompin sebab 10 minit. Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh bagi saya lima minit lagi saya bagi Yang Berhormat Rompin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak boleh.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tidak boleh ya? Tuan Yang di-Pertua terus buat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Masa itu emas.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ya, masa itu emas. Masa itu – Allah sumpah dengan masa! “*Wal Asr.*” Tuan Yang di-Pertua, dalam Lembaga

Kelayakan Profesional Undang-undang Malaysia, umpamanya ada CME. Sini saya sebutlah, sebab saya seorang doktor, jadi ada macam hubung kaitnya, saya dapat buat perbandingan iaitu Pembangunan Profesional Peguam (CPD) lah kan? *Continuing Professional Development* (CPD). Ini penting sebab untuk mengangkat martabat ilmu mesti bagus. Jadi dia mesti ikut peraturan, ikut zaman supaya ilmu ada, ini penting sekali.

Selain itu juga, saya lihat dalam Lembaga Tatatertib, ini pun sebab manusia ini bukan maksum. Kita bukan maksum. Kita insan pelupa! Ada syaitan ganggu kita, ada nafsu ganggu kita, ada tabiat-tabiat buruk manusia yang mengganggu kita. Jadi sudah tentu ada *negligence*. Saya ingin tanya, adakah peguam-pegawai syarie ini perlu mengambil insurans seperti *doctors*? Oleh sebab ada masalah *negligence* dan sebagainya? Saya lihat pada perkara-perkara baharu yang diperkenalkan pada rang undang-undang ini iaitu latihan dalam kamar selama enam bulan, *chambering*. *Chambering* ini, kalau macam doktor itu *housemanship* lah, dua tahun.

Akan tetapi, *chambering* ini kita tengok laluan-laluan mereka. LLB *students*, bila keluar kalau buat *chambering* dia buat sembilan bulan di *court* ataupun dia tidak mahu buat dan dia *end up* dekat industri ataupun dia mahu buat syarie, kalau dulunya hanya *interview* dan diterima. Hari ini dikatakan kena buat *chambering* selama enam bulan. Bagaimana pula *lawyers*? Mereka yang hendak buat civil dan juga syarie? Adakah mereka terpaksa melalui sembilan bulan *chambering* dan ditambah lagi dengan enam bulan *chambering*, menjadi setahun setengah?

## ■1210

Tidak bolehkah dia bagi diskaun umpamanya tiga bulan? Tidak bolehkah dia buat pengecualian? Adakah ini juga mendera, menyeksa *lawyers* kerana masa yang diambil? Sudahlah belajar teruk. Gaji tidak berapa tinggi. Ini *lawyer* yang cakap dengan saya. Saya tidak tahu kalau ada *lawyer* di sini tolong betulkan.

Satu lagi keperluan untuk mendapat perakuan amalan tahunan. *Like doctors* juga. Kita ada kita punya *licensing*, tetapi *doctors* kena ambil 20 *point* sekarang ini. 20 *point* untuk meneruskan kerjayanya. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang fi. Ada kawan saya bawa satu kes pergi jumpa *lawyer* dia tengok macam itu RM60,000. Letak dahulu RM15,000 baru boleh buat kerja. Wah! Ada *guideline* kah? Mati budak itu. Terpaksa jual kereta, jual ini, jual itu sebab apa? Fi *lawyer* RM60,000. Saya hendak tanya mana *guideline* dia?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ini ikut kepakaran masing-masing.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jadi perlu ada *guideline*. Kalau macam itu saya hendak tanyalah apa nasib doktor pula Tuan Yang di-Pertua?

Doctors ini *consultation fee*-nya RM10 hingga RM15 selama 27 tahun. Daripada tahun 1992 sampai sekarang ini. Apabila *Private Healthcare Facilities and Services Act* wujud tahun 1998 berapa pindaan telah dibuat? Dan pada tahun 2013, GP doktor perubatan am yang bekerja di hospital dinaikkan kepada RM35. Akan tetapi *doctors private* di klinik-klinik biasa RM10 hingga RM15 sehingga sekarang.

Apakah soal kadar inflasi tidak diambil kira? Sebab selama 20 tahun sewa naik, gaji staf naik, barang naik, instrumen naik, harga ubat naik. Ini belum kita kira lagi Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan TPA dan MCO yang menetapkan yang menurunkan fi untuk doktor-doktor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat. Saya sedar Yang Berhormat adalah seorang doktor tetapi sekarang perbahasan guaman profesional.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua amat bijaksana. Sebab itu saya bawa saya melihat perbandingan antara *doctors and lawyers*. Kita tidak mahu *double standard*. Sudah cukuplah peguam-peguam syarie mendapat *double standard* berbandingkan dengan sivil. Akan tetapi hari ini kita lihatlah nasib-nasib doktor yang juga berjuang. Memang kita perjuangkan nasib B40, mereka yang pekebun kecil, nelayan, mereka yang susah, veteran, polis dan sebagainya tetapi jangan dipinggirkan doktor-doktor yang juga banyak berjasa kepada negara ini.

Hari ini kita lihat peguam syarie pula. Rupa-rupanya 30 tahun. *Masya-Allah* 30 tahun buat apa? Adakah buat *continuously*? Adakah buat secara istiqamah? Ataupun buat kemudian tinggal tiga tahun? Buka balik fail tengok balik apa macam mana ini? Sebab apa? Kita ada Raja, kita ada Sultan adakah kita akan menghadap Majlis Raja-raja supaya menyeragamkan undang-undang ini di seluruh negara.

Kita jangan jadi macam – saya lihat banyak isu yang saya bawa dalam Dewan ini berkaitan dengan isu tanah umpamanya. *Federal* kata *state* pegang. *State control*. Negeri *control*. Tidak ada penyeragaman. Jadi sebab itu bila isu-isu alam sekitar, isu-isu hutan ditebang, isu-isu merosakkan tanah, isu-isu kecurian tanah. Tidak dapat diselesaikan. Ini *Federal* kata *state*. *State* kata *Federal*. Rupa-rupanya ini juga berlaku dalam kes peguam syarie pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya melihat sedangkan kita mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada mereka yang berjuang awal-awal dahulu. Jadi hari ini

kita berharap Rang undang-undang Profesional Guaman Syarie ini betul-betul menepati kehendaknya iaitu untuk memartabatkan, untuk memperkasakan peguam-peguam syarie ini supaya jangan ada *double standard* supaya mereka juga diberi peluang dan mereka juga diberi pengiktirafan yang sepatutnya setelah begitu lama belajar dan sebagainya.

Jadi inilah Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya tentang insurans tadi, tentang *chambering* tadi, tentang bagaimana pengiktirafan kepada peguam-peguam syarie ini akan dilakukan selepas ini dan sekali lagi Bagan Serai ingin menyatakan bangunnya Bagan Serai hari ini untuk menyokong Rang Undang-undang Profesional Guaman Syarie dan juga menyentuh sedikit tentang nasib doktor-doktor di Malaysia ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Selalu berkobar-kobar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Setiu untuk menutup tirai.

#### 12.19 tgh.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Membaca sepotong doa]. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang dan peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Profesional Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan).

Perkara pertama yang saya ingin sentuh ialah berkenaan kaedah fi yang terletak di bawah kuasa menteri. Satu, fi pengeluaran perakuan peguam. Kedua, fi cabutan daripada daftar. Ketiga, fi pengeluaran perakuan amalan tahunan. Keempat, fi memeriksa daftar pengamal.

Di mana jumlah fi tersebut tidak dinyatakan. Ini bermakna semuanya tertakluk kepada menteri untuk memutuskan berapa bayaran fi yang dikenakan. Saya kira perkara ini adalah lebih wajar jika fi ini ditentukan sendiri oleh ahli dalam profesion tersebut sebagaimana yang menjadi amalan Majlis Peguam dalam kes sivil. Jika fi ini diletakkan di bawah kuasa Menteri, kita khuatir Menteri boleh menyalahgunakan kuasa untuk menaikkan fi ini.

Kedua, apa yang saya perhatikan dalam rang undang-undang ini, begitu banyak perkara yang diletakkan di bawah kuasa Menteri. Antaranya ialah kuasa untuk membuat kaedah mengawal selia amalan. Kedua, kuasa untuk membuat kaedah-kaedah berhubung dengan penerimaan masuk sebagai peguam syarie. Ketiga, kuasa untuk

membuat kaedah-kaedah berhubung dengan pemeriksaan laporan akauntan dan sebagainya. Keempat, kuasa untuk membuat kaedah-kaedah berhubung dengan tanggung rugi profesional.

Hal ini menunjukkan seolah-olah urusan peguam syarie ini tertakluk kepada kehendak ahli politik, sekali gus mengambil kuasa yang asalnya menjadi milik Majlis Agama Islam yang berada di bawah Sultan.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga tidak dinafikan bidang kuasa peguam syarie adalah di bawah bidang kuasa negeri-negeri. Namun, masih ada peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 76(1)(b) yang memberi kuasa kepada Parlimen untuk menggalakkan keseragaman undang-undang antara dua negeri atau lebih.

Justeru itu, saya berharap agar Perkara 76 dimanfaatkan sepenuhnya bagi mengatasi ketidakseragaman antara negeri-negeri berhubung dengan peguam syarie ini. Sebagai contoh, ketidakseragaman antara umur. Negeri Johor menetapkan 18 tahun sudah layak untuk menjadi peguam syarie. Akan tetapi bagi negeri Pulau Pinang umur 21 tahun. Begitu juga ada negeri yang hanya cukup sekadar ada Ijazah Syariah tanpa diwajibkan ada Diploma Kehakiman. Sebagai contoh Wilayah Persekutuan sendiri dan negeri Perlis. Ada negeri yang tidak cukup dengan sekadar ada Ijazah Syariah bahkan kena ada Diploma Kehakiman dan Undang-undang seperti negeri Selangor, Kedah dan Perak.

Jadi saya mencadangkan supaya dibuat satu penyeragaman antara negeri-negeri ini. Tuan Yang di-Pertua, setakat itu yang dapat saya bahaskan untuk tengah hari ini. Saya mohon menyokong rang undang-undang yang dibentangkan. *[Membaca Sepotong Doa]. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Setakat ini 21 orang Ahli-ahli Parlimen telah mengambil bahagian di dalam perbahasan rang undang-undang ini.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Masa yang diperuntukkan 45 minit. Sila.

#### **12.19 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya ingin merakamkan sebelum membuat penggulungan. Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada semua pihak yang telah memberikan pandangan dan pendapat mereka tentang rang undang-undang ini.

*Jangan tergoda janda berhias,*

*Senyum menawan umpama jerat,  
Terima kasih kepada yang berbahas,  
Semoga RUU mencapai hasrat.*

**■1220**

Tuan Yang di-Pertua, ada lebih kurang dalam cacatan kami 25 isu yang dibangkitkan dan sebahagian besar daripada pembahas-pembahas telah menyinggung perkara yang sama. Jadi saya mohon Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab semua 25 isu itu dalam perkara-perkara yang dibangkitkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Semoga kita boleh tamat pada masa yang telah ditetapkan dan memandangkan kepada RUU ini adalah merupakan RUU yang baharu, profesion guaman syarie. Maka, saya cuba lah sedaya upaya untuk memenuhi permohonan ataupun soalan-soalan yang telah diajukan sama ada pihak pembangkang mahupun daripada pihak kerajaan.

Perkara yang dibangkitkan ini Yang Berhormat Sik dan Yang Berhormat Petrajaya ada menimbulkan isu tentang – tadi pun ada disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat Setiu iaitu bagaimana Rang Undang-undang Profesional Guaman Syarie ini boleh menyelesaikan isu ketidakseragaman antara negeri-negeri. Sedangkan RUU ini terpakai hanya untuk Wilayah Persekutuan. Sememangnya RUU ini terpakai kalau diluluskan oleh Ahli-ahli Dewan yang dihormati sekalian. Ia akan hanya terpakai kepada Wilayah Persekutuan.

RUU ini dibuat di atas fasal (1) Perkara 74 yang dibaca bersama butiran 6(e) Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dan ia hanya terpakai bagi wilayah-wilayah Persekutuan. Sekiranya Rang Undang-undang Profesional Guaman Syarie Wilayah Persekutuan ini hendak dijadikan model – kalau lah dianggap baik untuk dijadikan model bagi maksud menggalakkan keseragaman yang diminta oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Maka, perkara dan harapan ini boleh kita laksanakan melalui platform iaitu Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil, JAKIM dengan negeri-negeri. Maknanya kita ada satu platform untuk membawa model ini di dalam jawatankuasa ini.

Apabila diperbincangkan melalui rundingan, melalui libat urus, maka kemudian dibawa kepada satu platform yang juga tertinggi dalam menentukan dasar-dasar pentadbiran Islam iaitu Malis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam ataupun MKI di mana ahlinya terdiri daripada semua Menteri Besar, Ketua Menteri dan juga Yang di-Pertua-

Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri. Ia dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan Menteri Agama sebagai Timbalan. Manakala Ketua Pengarah JAKIM sebagai sekretariat. Semua perkara yang melibatkan pentadbiran Islam dibawa di sini dan apabila dipersetujui akan dimaklumkan kepada Majlis Raja-raja atau disebut sembah maklum. Ia akan ada dua. Satu, *full council* Majlis Raja-raja. Satu lagi, *pre-council*. Majlis Raja-raja yang prihatin kepada isu-isu pentadbiran Islam akan minta kita persesembahkan di *pre-council* dahulu supaya Majlis Raja-raja ada ruang untuk tanya, ada ruang untuk faham dan bila masuk *Full Council*, perkara itu akan selalunya tidak ada permasalahan.

Jadi kalau yang ditanya tentang tadi Yang Berhormat Kuala Neris tanya apa kita punya pelan perancangan tadi, ya. Itulah kita ada jawatankuasa sivil dan syarak yang telah kita aktifkan semula. Kita juga ada platform pertemuan tiga bulan sekali dengan EXCO-EXCO negeri. Di situlah yang kita sampaikan hasrat dan di situlah juga yang kita akan bagi kepada mereka maklumat-maklumat dan lebih penting ialah mereka yakin bahawa apa yang kita bawa ini bagus untuk dilaksanakan di negeri-negeri. Walau bagaimanapun, saya ingin tegaskan di sini, ia semuanya tertakluk kepada persetujuan negeri-negeri dengan perkenan sultan dan raja sebagai Ketua Agama Islam bagi negeri selaras dengan fasal (2)(3) Perkara 3 Perlombagaan Persekutuan yang menetapkan sultan dan raja-raja dan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam bagi negeri-negeri.

Dengan kata lain, kita di peringkat Wilayah Persekutuan sahaja kita tidak perlu untuk minta Majlis Raja-raja. Tadi ada beberapa sahabat ada sebut Majlis Raja-raja. Majlis Raja-raja ini hanya melibatkan kalau dasar itu hendak dibawa ke negeri-negeri masing-masing. Adapun untuk Wilayah Persekutuan sahaja cukup untuk kita mendapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong. Jadi saya hendak betulkan sebahagian daripada pandangan yang telah diajukan oleh sahabat-sahabat sebelum ini bahawa untuk akta ini kita hanya perlu persetujuan Yang di-Pertuan Agong dan telah pun mendapat untuk pengetahuan rakan-rakan sekalian, persetujuan daripada Yang di-Pertuan Agong untuk kita bawa. Saya hendak *recapture* – sekejap ya, duduk dahulu, nanti saya akan bagi. Duduk dahulu Yang Berhormat Arau. Saya tidak habis lagi. Jangan potong stim saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau, sabar Yang Berhormat Arau.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Jadi saya hendak bagi tahu untuk pengetahuan *just on record...[Disampuk]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya hendak sambung itu Yang Berhormat sebut itu. Hendak sokong. Tidak apa lah. Kita lawan lah. Payah sangat.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** *Sat, sat, sat. Just on record* saya hendak bagi tahu. Saya hendak bagi tahu *just on record*, Akta ini mula-mula hendak dibawa ke kabinet pada sesi yang lalu untuk dipersetujui dan kemudian dibawa ke sini. Akan tetapi oleh sebab kita masa itu masih ada lagi isu-isu persetujuan daripada pihak Yang di-Pertuan Agong yang waktu itu baru dilantik. Maka pada waktu itu kita terus tarik balik. Bukan sahaja bawa di sini, Kabinet pun saya tidak bentang. Terus saya tarik balik. Ini kerana kita faham sangat dia punya proses dan prosedur di mana kuasa Yang di-Pertuan Agong itu kepada Wilayah Persekutuan ini dari segi pentadbiran Islam adalah merupakan perkenan yang mesti kita dapat sebelum kita bawa.

Jadi bukan sahaja bawa parlimen, bawa Kabinet pun kita tidak bawa. Akan tetapi setelah kita dapat perkenan, setelah kita mendapat persetujuan di pihak Yang di-Pertuan Agong, *Alhamdulillah* kemudian baru lah kita bawa ke kabinet dibahaskan dan dipersetujui. Baru lah kita tengok senarai kita bawa ke parlimen sesi pada hari ini. Dengan kata lain saya memberi jaminan pada Ahli-ahli Parlimen sekalian dalam hal pentadbiran Islam kami amat-amat prihatin dalam soal-soal kuasa Raja-raja Melayu dan khususnya Yang di-Pertuan Agong.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Menteri, sedikit. Sedikit sahaja.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Kalau boleh perkara yang sama, ya. Ini kerana saya ada lagi 20 isu. Jadi 20 isu itu kadang-kadang sudah terjawab sebenarnya tetapi bila tanya itu – silakan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Perkara yg sama. Ini hendak cadang kepada Yang Berhormat [*Tidak jelas*]. Tidak, tidak terjawab. Yang Berhormat, ini soal agama. Kita Majlis Kebangsaan, Perdana Menteri, Menteri Besar. Maaflah saya ingin menegur. Mereka bukan pakar agama. Kemudian lagi satu EXCO-EXCO Negeri, mereka bukan pakar agama. Pihak yang pakar agama ialah mufti. Jadi saya ingin bertanya di mana ruang untuk mufti supaya dapat bersama? Saya tahu kita ada Majlis Fatwa Kebangsaan. Akan tetapi masih tidak cukup ruang untuk membolehkan supaya penyertaan mufti bersama dalam majlis membincangkan tentang agama Islam.

Saya bagi tahu agama Islam adalah agama mudah. Akan tetapi dia jadi payah kalau kita mula apa yang jadi di Malaysia sekarang ini payah sebab tiap-tiap negeri ada pentadbiran. Akan tetapi punca kuasa ialah Raja. Yang Berhormat kata tidak perlu Majlis Raja-raja untuk tujuan supaya berlaku keserasian. Apakah boleh benda ini dibawa Majlis Raja-raja? Untuk makluman cukup. Walau apa pun undang-undang sebab di akhirnya

kita hendak minta mereka laksanakan modul wilayah. Hendak modul macam mana? Kita buat pun kita tidak bagi tahu dia. Yang di-Pertuan Agong seorang tidak cukup. Kena bagi tahu Majlis Raja-raja.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit boleh? Sambung sedikit.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya hendak cepat jawab. Tadi dia silap faham.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Boleh?

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya sudah sebut tadi Majlis Raja-raja kalau kita hendak bawa undang-undang negeri mesti mendapat persetujuan Majlis Raja-raja. Dia bermula dengan MKI. Kemudian naik kepada *pre-council*. Kemudian naik kepada *Full Council* Majlis Raja-raja. Jadi saya minta perbetulkan. Saya tidak pernah kata pun kalau hendak buat di negeri-negeri tidak perlu dimaklumkan kepada Majlis Raja-raja. Duduk sat, saya tidak habis cakap lagi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat tidak faham. Saya maksudkan ini Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Jadi bila yang saya kata majlis dalam akta ini, dalam akta ini...[Disampuk]

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya duduk dalam Majlis ini 26 tahun tau. Saya lebih arif daripada Yang Berhormat.

■1230

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau, bagilah Yang Berhormat Menteri jawab dahulu. Selepas itu—jangan buat tuduhan kata Yang Berhormat Menteri tidak fahamlah, kamu lebih ariflah, itu kurang sedap. Biarlah Yang Berhormat Menteri jawab dahulu, selepas itu boleh mencelah. Ya, sila.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Jadi saya hendak tarik balik tadi...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua jangan panggil saya “kamu”, saya Arau. Arau ya.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** ...apa kata Yang Berhormat Arau, tidak betullah tadi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini Yang Berhormat...

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Itu kena tarik balik itu, jangan kata begitu. Saya faham kalau hendak buat di negeri, memang kena beritahu di mana ia...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya kata bukan hendak buat di negeri. Yang Berhormat Menteri sebut model tadi...

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Oleh sebab tadi Yang Berhormat Arau kata, Yang Berhormat Arau kata...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat kata ini adalah model untuk laksanakan negeri.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** ...nak jadi model *pasai pa* tidak beritahu?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kalau model...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau tunggu lepas Yang Berhormat Menteri jawab, saya bagi peluang. Okey?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Jika cakap macam ini, siapa hendak dengar siapa? Sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Jangan kelirukan Dewan Yang Berhormat Arau. Saya bagi kepada Yang Berhormat Paya Besar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila Yang Berhormat Paya Besar.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia tarik balik perkataan...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau, baca peraturan mesyuarat. Ini...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya tidak mengelirukan Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau orang lama memang faham peraturan mesyuarat tetapi jangan sengaja tidak faham. Yang Berhormat Paya Besar, sila. Yang Berhormat Menteri bagi ruang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila duduk Yang Berhormat Arau. Terima kasih atas kerjasama diberikan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya faham bagaimana Yang Berhormat Menteri nyatakan berkaitan MKI – dimaklumkan.

Cumanya, saya hendak dapat *on record*, Yang Berhormat Menteri kena nyatakan di Dewan yang mulia ini, adakah pindaan yang kita akan buat selepas menggubal rang

undang-undang ini Akta 505, menghilangkan atau memotong seksyen 59 itu Yang di-Pertuan Agong dan kemudian diwujudkan dalam rang undang-undang yang kita bincang hari ini? Adakah ini telah mendapat persetujuan Yang di-Pertuan Agong? Adakah Yang Berhormat Menteri akan maklumkan selepas kita selesai perbahasan dan diluluskan di Dewan Rakyat ini? Apakah kerisauan Ahli-ahli Yang Berhormat?

Oleh sebab saya nampak Yang Berhormat Menteri, kita bercakap tentang agama Islam. Dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri menyatakan bersetuju bahwasanya Yang di-Pertuan Agong merupakan Ketua Agama di Wilayah Persekutuan. Akan tetapi apabila seksyen 59 ini dipinda, dipotong Perkara 2 dan Perkara 59, ia jelas menunjukkan bahwasanya meniadakan kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam rang undang-undang ini. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja. Sambung sedikit terus.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Terima kasih. Saya rasa—tidak apa...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Menteri, saya sambung terus sedikit.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Kejap, saya hendak settle-kan...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Supaya jawab sekali gus senang.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** ...Sebab soalan—kalau yang sama saya boleh terus jawablah, *insya-Allah*.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Tidak, ada sedikit lagi saya hendak sambung.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Tidak, tidak. Sekejap, saya bagi settle yang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Biar Yang Berhormat Menteri jawab dahulu.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Paya Besar kerana mempercepatkan saya punya jawapan dan tidak diganggu oleh Yang Berhormat Arau tadi. Dalam subseksyen...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jangan cari pasal dengan saya Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Sabarlah, sekali-sekala melawak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Subseksyen 59(2) yang dimaksudkan tadi itu dalam Akta Pentadbiran Undang-undang Wilayah Persekutuan yang dikatakan meniadakan kuasa-kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk meluluskan kaedah-kaedah – tadilah yang disebut Menteri ada semua kuasa untuk buat kaedah dan sebagainya. Saya ingin jelaskan untuk disebut sebagai bagi jaminanlah ya. Bahawa Akta Pentadbiran Undang-undang Islam yang dimaksudkan tadi itu Wilayah-wilayah Persekutuan 1993, Akta 505 dibuat bagi mengadakan peruntukan bagi Wilayah Persekutuan ialah:

- (i) undang-undang yang berkaitan dengan penguatkuasaan dan pentadbiran undang-undang Islam; dan
- (ii) penubuhan dan organisasi mahkamah-mahkamah syariah dan perkara yang berhubung dengannya.

Itu memang adalah dalam Akta 505 itu. Tujuan yang kita buat ini – tujuan rang undang-undang Profesional Guaman Syarie ini digubal pula untuk mewujudkan, satu untuk mengadakan peruntukan bagi mewujudkan

- (i) Lembaga Kelayakan Profesional Guaman Syarie,
- (ii) Badan Peguam Syarie; dan
- (iii) Majlis Peguam Syarie.

Itu yang besarnya lah yang dahulu tidak ada. Semua ini untuk mengadakan peruntukan memasukkan Peguam Syarie, mengawal selia amalan profesional guaman dan juga tahap profesionalisme Peguam-peguam Syarie di Wilayah Persekutuan. Itu *the whole idea* ataupun itu tujuan besar kenapa rang undang-undang ini – justeru itu, inilah baru hendak jawab itu. Justeru itu, hal perkara substantif dalam Rang Undang-undang Profesional Guaman Syarie ini adalah berkenaan dengan guaman syarie sahaja. Ia tidak termasuk yang besar-besar yang kata tadi benda-benda penguatkuasaan dan sebagainya tadi. Ia hanya tentang profesion guaman syarie dan penubuhan badan bebas untuk mengawal selia profesion tersebut. Bukan berkaitan dengan penguatkuasaan dan pentadbiran undang-undang Islam. Penubuhan dan organisasi mahkamah syariah seperti yang termaktub dalam Akta 505 itu.

Memandangkan hal ehwal berkaitan dengan profesion guaman syarie secara substantifnya diletakkan di bawah ini, yang kita sedang berbicara ini dan berbahas ini. Maka bukan lagi di bawah kawalan dan seliaan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan menurut Akta 505. Makna sudah tidak ada fasal kita sudah buat yang ini. Perkiraan bagi Menteri untuk meluluskan kaedah-kaedah yang berkenaan di bawah rang undang-undang ini – ini penting ya, tidak akan mengurangkan langsung walau

sedikit kuasa Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam di Wilayah-wilayah Persekutuan. Dengan kata lain Yang Berhormat Paya Besar...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Bagi saya *explain*. Apa yang dibangkitkan itu sebenarnya bukan bermakna kita mengambil kuasa Yang di-Pertuan Agong. Ini hanya sekadar untuk kita menjalankan tugas-tugas untuk mengawal selia profesion guaman syarie tanpa kita mengurangkan kuasa yang sedia ada di dalam akta ini. Malah disebut dalam akta ini...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Menteri, sikit.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** ...sebagai ia punya semangat dia ini. Kalau kita tengok akta dalam in, ia sebut Bahagian I permulaan dia kata seksyen 1(2) akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam warta dan Yang di-Pertuan Agong boleh tetap tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan akta ini. Maknanya, kalau benda itu dianggap bercanggah dengan kuasa sultan, dia boleh *stop* benda itu. Maknanya, siapa yang ada kuasa sepenuhnya terhadap akta ini? Masih lagi di bawah Yang di-Pertuan Agong. Saya rasa penjelasan itu *very clear* dan...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Menteri, soalan sikit sahaja.

**Datuk Seri Dr Muja hid Yusof Rawa:** Kita tidak perlu hendak *go details* sebab benda itu amat jelas dan terang sekali.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya bagi Yang Berhormat Kuala Nerus.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** ...boleh saya?

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Isu yang sama Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Kalau kita terima akta ini dengan dalam keadaan dikatakan tadi kuasa Yang di-Pertuan Agong tidak ada tetapi kata Yang Berhormat Menteri tidak mengurangkan sedikit pun. Adakah bermaksud bahawa seksyen 59 akan terus kekal?

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Harap nanti Yang Berhormat Kuala Nerus tunggu, sebab nanti akan ada Akta 59 ini ditarik.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Okey, baik.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Itu sudah terjawab , sebab sudah ada dalam ini.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Soalan kedua saya ialah bila mana jawapan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa kita hanya perlu bawa kepada Yang di-Pertuan Agong sahaja kerana ini melibatkan Wilayah. Akan tetapi nanti kita mengharapkan untuk dikembangkan ke seluruh Malaysia. Tidakkah dari sudut adabnya kalau kita buat macam seolah-olah kita hendak paksa pula Raja-raja untuk menerima apa yang kita bawa di peringkat Wilayah?. Tidakkah cantik kalau kita lebih awal merundingkan terlebih dahulu? Agar apabila kita bawa ke Parlimen nanti akan segera diikuti oleh negeri-negeri yang lain. Ini kerana kita bimbang antara sebab ketidakseragaman berlaku ialah kerana kita barangkali kurang berunding dengan negeri-negeri hingga akhirnya berlakulah perbezaan dari sudut undang-undang. Saya rasa hendak minta jawapan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, itu yang saya tanya tadi.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Ini cerita *chicken and egg*-lah, kan? Nanti dahulu, duduk dahulu.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Tidak ada *chicken and egg* di sini.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Sudah, sudah, duduk sat. Saya tidak habis cakap lagi.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Melibatkan Raja-raja. *[Ketawa]*

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya tidak habis cakap.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *Chicken and egg* macam mana?

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Duduk, duduk. Ini umpama – saya sudah beritahu tadi, saya sudah beritahu tadi. Akta ini diperbuat di atas Perkara 74, makna Wilayah Persekutuan. Okey? Wilayah Persekutuan kita sudah dapat persetujuan Yang di-Pertuan Agong. Pada 27 Februari, kita mesyuarat Majlis Agama Islam Wilayah dan dibawa perkenan kepada Yang di-Pertuan Agong, setuju pada 6 April 2019. Makna, benda itu settle sudah. Dari segi dia tahu – duduk dulu Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Bagi eh?

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Tidak, tidak. Kalau Menteri bercakap Tuan Yang di-Pertua, kalau bercakap yang lain itu diminta duduklah.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Ya lah.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya tidak ingat nombor berapa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli Yang Berhormat semua faham.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Yang Berhormat Paya Besar saya minta duduk dahulu.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Bagi tidak selepas ini?

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Duduk dahulu.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Bagi tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri minta duduk Yang Berhormat Paya Besar. duduk dahulu.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Itu bukan syarat untuk duduk.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Takkanlah tidak bagi?

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Itu bukan syarat untuk duduk.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Takkanlah tidak bagi Yang Berhormat Menteri?

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Itu bukan syarat untuk duduk. Duduk itu adalah hak.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Boleh lah Yang Berhormat Menteri? Sikit sahaja.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Duduk, duduk.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tidak, ini isu Yang di-Pertuan Agong.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Duduk. Duduk.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Bukan isu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Paya Besar.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Paya Besar boleh menghormati....

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya menghormati Yang Berhormat Menteri itu sebab saya bangun.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Kalau hormati, kena duduk apabila saya berdiri. Saya tidak boleh semua berdiri.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Bagilah peluang saya.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Duduklah Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Ini isu Raja-raja Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** *Lailaha illallah.* Yang kita *duk* jawab ini pun isu Raja-rajalah.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Ya, saya minta penjelasan.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Duduklah. Kau tidak faham lagi kah?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya minta penjelasan. Yang Berhormat Menteri tidak bagi kenapa?

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Duduk Yang Berhormat Paya Besar. Saya tidak akan bercakap kalau Yang Berhormat Paya Besar berdiri.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli Yang Berhormat, sukacita saya ingatkan kepada Peraturan Mesyuarat, saya baca ya. Peraturan Mesyuarat 37(1), “*Seseorang Ahli tidak boleh mengganggu Ahli yang sedang bercakap kecuali jika hendak mengeluarkan teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat.*”

#### ■1240

Kedua, jika hendak meminta penjelasan mengenai apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh Ahli yang sedang bercakap itu dalam ucapan dengan syarat, Ahli yang sedang bercakap itu mahu beralih dan duduk dan Ahli yang hendak mengganggu itu dipanggil oleh Pengerusi. Ahli Yang Berhormat semua faham, ini peraturan mesyuarat. Bukan hari ini baru diluluskan, bertahun-tahun diamalkan di Dewan yang mulia ini. Sila Yang Berhormat Menteri. Hendak berucap, minta kebenaran. Sila.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Okay. Saya pergi kepada isu Yang Berhormat Kuala Nerus tadi, yang itu sudah jelas. Kita buat ini di atas tadi lah. Ada satu lagi peruntukan sebenarnya, satu lagi peruntukan yang dibuat ini yang untuk tujuan keseragaman. Akan tetapi kita mengambil yang 74 ini kerana apa, 74 ini kita menggunakan platform yang ada dan tidak timbul bila kita buat ini kita memaksa. Itu adalah istilah yang mungkin dipakai tetapi sebenarnya tidak ada isu memaksa, yang adalah ialah ....

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Duduk dulu. Duduk dulu, saya tak habis cakap. Duduk, duduk. Tidak boleh, tadi baru dengar sudah tadi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Ke tidak dengar tadi? Kalau Menteri bercakap, ke siapa bercakap, dia tidak boleh dua orang berdiri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Duduk, duduk. Jadi, duduk, duduk. Saya tidak habis bercakap lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau, di minta duduk. Sila duduk.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak, saya minta penjelasan.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Yang Berhormat Arau pun minta duduk juga.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Arau minta duduk? Okay, tidak apa. Saya ikut arahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ini lah contoh yang baik sekarang.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa :** Jadi, saya harap Yang Berhormat Kuala Nerus *clear*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Untuk sementara waktu.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Oleh sebab saya ada banyak lagi, Yang Berhormat Kuala Nerus. Jadi, tidak perlulah benda yang kita sudah tahu saja-saja kita hendak timbul, sebab banyak isu lagi. Saya rasa *intention* ini kita sudah jelas, kita sudah jelas, tidak akan membelakangkan Raja-raja, kita ada prosedur. Kita tahu, jangan cuba gambarkan macam kita buat bodoh, kita tidak tahu. Itu, kalau niat yang itu, itu benda lain lah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Jadi, saya hendak sebut di sini...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** ...bahwasanya...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Sik mohon sedikit penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sedikit sahaja, sedikit sahaja. Tak tanya sudah.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Apabila...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Look here, look here.*

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Kalau...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Apabila kita telah buat undang-undang ini sebagai model, Yang Berhormat Kuala Nerus. Sudah tentulah kalau kita hendak hasratkan...

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tumpat minta laluan sedikit.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Sik mohon juga.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Sedikit sahaja minta.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya tidak boleh bercakap Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak habis cakap, semua hendak celah. Jadi, akhirnya...

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Saya minta sedikit sahaja.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** *Point* yang- sat. Beri saya cakap dulu, akhirnya *point* yang betul-betul ditimbulkan itu...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Point of order.*

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** ...dia tidak faham.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, *point of order.*

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Jadi, itu yang...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, *point of order*, duduk.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Yang Berhormat, *point of order* kena minta dekat Tuan Yang di-Pertua, bukan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Point of Order* 3...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tolong baca perkara mana.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** 36(7). Nama Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong tidak boleh disebut dengan tujuan untuk mempengaruhi Majlis. *Point of order.* Jadi Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat kalau sebut perkataan Agong, dia Sultan Pahang tau. Sultan Pahang, bererti kalau model Wilayah ini, Pahang boleh ikut. Itu suatu yang cukup baik. Itu sebab kami kata rujuk kat Majlis Raja-raja untuk keserasian, supaya mereka – Ini bukan salah, Yang Berhormat boleh kata ‘akan pertimbangkan’. Itu sahaja, pasai apa hendak berlawan sangat? *Habaq* kata akan pertimbangkan untuk memaklumkan kepada Majlis Raja-raja.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** *Dak*, saya bukan soal mempertimbangkan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Oleh sebab kalau model Wilayah ini diikut, bererti Pahang juga boleh ikut. Oleh sebab soal Agong dan Sultan Pahang.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Itu saya kata tadi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Benda kecil ja.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Boleh Pahang sedikit?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kami bukan hendak bergaduh, hendak *brief ja*.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak *habaq* tadi...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jangan belakangkan Majlis Raja-raja.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Nampak *dak*?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Nampak Tuan Yang di-Pertua? Itu *point* dia.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit saja.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Dia *landing- sat*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Duduk dulu, saya tidak habis cakap lagi. Dia *landing* apa?

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Menteri, soalan hendak bantu Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Dia *landing*, dia kata membelakangkan Majlis Raja-raja. Adakah itu tujuannya untuk dibahaskan di sini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada udang di sebalik batu.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Ada udang di sebalik batu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak apa, Yang Berhormat Menteri terus jawab.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya rasa itu...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Itu lah *point* dia, Yang Berhormat Arau.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Menteri, hendak bantu Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Yang Berhormat Kuala Nerus.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Hendak bantu.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Yang Berhormat Paya Besar, ini lah *point* dia, saya kata. Model ini dibawa, kemudian akan dibincangkan. Macam saya kata, MKI,

dia kena bawa MKI dulu. Bila sudah siap model ini, maka salah satu agenda MKI yang bersidang dua kali setahun, Yang Berhormat Kuala Nerus, kita bawa lah benda ini. Untuk dengan itu, Majlis Raja-raja di maklumkan. Kalau macam disebut tadi, kalau Pahang dia tengok bagus, Sultan bersetuju kerana dia Yang di-Pertuan Agong, maka sudah tentu memudahkan lagi urusan kita. Sabah, Sarawak, Pulau Pinang, Melaka yang duduk bawah naungan Yang di-Pertuan Agong. Kalau Yang di-Pertuan Agong setuju, lagi cepat benda ini boleh dilaksanakan. Jadi, kalau Perlis, maka saya akan bentanglah nanti dalam Majlis Raja-raja, dia akan bincang di peringkat Perlis. Kalau dipersetujui, *Alhamdulillah*. Maka, berlakulah keseragaman.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Soalan sedikit Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Jadi, saya minta...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Soalan sahaja.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Tuan Yang di-Pertua, kita tamatkan bahas.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kenyataan Yang Berhormat Menteri ini bagus.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Dalam isu ini, sebab...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** ...bila kita bercakap...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau, sila ikut peraturan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, saya hendak sokong dia.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Bila kita...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, saya tahu. Akan tetapi bukan sekarang sokong.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Tidak, bukan soal hendak sokong. Soal dia *intention* tadi kita kena *clear*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Hendak sokong nanti *you* sokonglah.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya jelas ini dengan jelas menyatakan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak, kita minta supaya bawa ke Majlis Raja-raja untuk makluman.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Bahawa *point* dia Majlis Raja-raja tidak akan dibelakangkan dalam isu ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Perkataan kurang jelas]*

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Itu dia punya *bottom line*, Yang Berhormat Paya Besar. Saya rasa tidak perlulah. Kita hendak go, sebab saya ada banyak lagi yang dibangkitkan oleh...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Sedikit sahaja, satu lagi Yang Berhormat Menteri. Untuk pencelahan sahaja.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Yang Berhormat-Yang Berhormat lagi...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** ...tentang isu kaedah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri ada 20 isu dia hendak jawab.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya sudah jalan 20 minit sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Bagi dia jawab dulu, Yang Berhormat Paya Besar.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Dalam isu ini.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, ini perkara penting.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Kalau saya jawab pun...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya tidak bagi, yang lain semua duduk. Yang Berhormat Menteri jawab.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya jawab pun...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** ...dia akan pusing situ nanti.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Ni Majlis Raja-raja, saya sudah jelaskan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Paya Besar, sila duduk.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila duduk.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya sudah terangkan. *[Pembesar suara dimatiikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri telah tegaskan beliau ada 20 isu yang perlu dijawab. Masa kesuntukan, biarlah dia jawab. Sila.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Isu ini paling mendasar Tuan Yang di-Pertua, bagi peluang.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab kepada Yang Berhormat Kuala Nerus.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Kita hanya mahu bertanya dan bantu Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Isu dasar...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Bukan menentang Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** ...yang saya kata tentang kuasa Raja-raja...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** ...Majlis Raja-raja, semua sudah jelas disebut. Apa lagi yang hendak ditimbulkan?

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Soalan saya sedikit Yang Berhormat...

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Kalau boleh saya bantu.  
[Dewan riuh]

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Ini tujuan lain lah.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Tidak ada, tidak ada. Kami hendak bantu Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Oleh sebab tadi *[Pembesar suara dimatiikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli Yang Berhormat, sila baca peraturan mesyuarat sebelum bangun dan kemudian mencelah. Tidak boleh, baca peraturan mesyuarat. Baru tadi saya baca untuk Ahli-ahli Yang Berhormat, jika hendak bangun untuk tertib Mesyuarat saya benarkan. Akan tetapi hendak celah kena minta kebenaran. Apabila kedua belah pihak sama, apabila sebelah sini berucap, di sebelah sana katakan Yang Berhormat Jelutong hendak mencelah, saya juga minta Yang

Berhormat Jelutong minta kebenaran daripada Yang Berhormat Arau. Sekarang Yang Berhormat Menteri hendak jawab, dia tidak bagi. Kita asyik hendak tegur sini, tegur sana, sampai bila dia hendak jawab? Sila Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Arau, sabar belum sampai pukul 4.00 petang. Sabar.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sekurang-kurangnya kami ada tertib, Tuan Yang di-Pertua. Dulu puak-puak belah sana bercakap... *[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli Yang Berhormat, janganlah bazir masa.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Point of Order* 36(7) tadi, dia menggunakan nama Agong untuk mempengaruhi Majlis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sama perkara yang sama tadi Yang Berhormat. Yang Berhormat Arau sudah baca 36(7), Yang Berhormat Menteri sudah jawab. Sekarang bangkit lagi peraturan yang sama, isu yang sama.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Oleh sebab dia...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Hendak buat ulang tayang sampai bila?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia sebut benda yang sama, dia sebut benda yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Dia sudah jawab. Jika Yang Berhormat tidak puas hati dengan jawapan Yang Berhormat Menteri, nanti jangan sokong lah dalam undi. Ada hak, bukannya kita ulang lagi, ulang lagi perkara yang sama saja. Isu yang sama saja.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Benda ini ialah dia tak jawab. Sekarang ni kata minta maklum Majlis Raja-raja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Jawab tak jawab, ini adalah budi bicara Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat sebagai mantan Menteri faham.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Dulu pun tak jawab pun. Itu budi bicara.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, budi bicara sekarang kita minta, merayu. Tuan Yang di-Pertua... *[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, jangan bazir masa lah. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua pulak jawab lebih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri, sila.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Paya Besar, duduk. Saya tidak benarkan, sila.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya akan pergi ke seterusnya.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri, tak payah jawab lah. Tidak payah jawab, cukuplah.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Sedikit.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Benda itu sudah jelas, hendak jawab apa sudah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kita undilah, kita undi.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Semua akan ada pergi kepada proses-proses ia. Kita tidak akan membelakangkan proses itu dan kita tidak akan bentang hari ini untuk pengetahuan Ahli Parlimen sekarang. Kita tidak akan bentang hari ini kalau kita tidak dapat persetujuan yang saya sudah sebut sudah tadi. Mendapat persetujuan daripada Yang di-Pertuan Agong pada 27 Februari 2019 dan diperkenankan pada 6 April 2019 untuk akta ini. Adapun keseragaman yang disebutkan tadi, kita akan bawa ke MKI selepas diluluskan. Selepas MKI dipersetujui oleh semua Menteri besar ada, semua ada. Kemudian, barulah selepas itu dimaklumkan kepada Majlis Raja-raja dan Majlis Raja-raja akan ada *pre-council*. *Pre-council*, dia akan panggil Menteri Agama. Ini apa cerita ini undang-undang ini? Maka, saya akan terangkan dan selalunya Duli-duli yang Maha Mulia Tuanku ini mereka mahu melihat pentadbiran Islam itu jadi lebih baik. Maka, jika...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan, penjelasan Yang Berhormat. Tadi saya tanya...

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Jika mereka menerima...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okay, baik cukup.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Cadangan daripada MKI dan dipakai maka dia- Kemudian, akhirnya proses undang-undangnya Tuan Yang di-Pertua, ia kena pergi Dewan Undangan Negeri. Dewan Undangan Negeri kena bawa, siapa kena bawa? EXCO Agama kena, setelah mendapat perkenan daripada Sultan-sultan. Itu sahaja, kenapa benda ini dibawa jadi satu yang rumit...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** You are very good.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** ...sedangkan prosesnya itu terlalu mudah.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Sedikit.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tumpat, Tumpat minta sedikit.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Kemudian, saya hendak masuk kepada isu-isu lain.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Menteri, Sik.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya hendak move on lah, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Minta penjelasan sedikit.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya ada banyak isu lagi ni.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Ada juga yang timbul dalam hal berkaitan...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh sedikit?

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya rasa sudah jelas sudah benda itu.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Sedikit saja.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Yang Berhormat Tanjung Karang.

■1250

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Bukan, saya bersetuju apa yang Yang Berhormat Menteri cakap tadi. Saya amat faham.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Ya, jelas.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Apa Yang Berhormat Menteri cakap tadi saya amat faham prosedur dia sebab saya bersetuju. Hanya satu saya hendak minta komitmen, Yang Berhormat Menteri pernah membuat kenyataan bahawa mulai tahun hadapan Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa hendak menyelaraskan semua enakmen-enakmen Islam di seluruh Negara. Adakah

Yang Berhormat Menteri berani janji dalam tempoh setahun Yang Berhormat Menteri boleh membuat perkara tersebut?

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Itu saya kurang-kurang saya ada komitmen contohnya Profesional Guaman Syarie contohnya. Setelah 35 tahun tidak dapat kemudian kita ambil balik kalau 95 dihidupkan balik pun tidak dapat. Saya duduk setahun, saya dapat bentang. Itu komitmen sayalah. Jadi, doakanlah.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Minta pencelahan sedikit.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Doakanlah Yang Berhormat Tanjung Karang. Apa yang Yang Berhormat Tanjung Karang harapkan tadi dengan sokongan Yang Berhormat Tanjung Karang, kita boleh selaraskan di seluruh negara pula isu Undang-undang Jenayah Syariah. Doakanlah. Terima kasih di atas semangat yang telah diberikan kepada saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Menteri. Sik minta.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Seterusnya, ada juga isu yang ditimbulkan.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Yang Berhormat Menteri Sik tak apa, Yang Berhormat Sik duduk dahulu.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Apa yang ditimbulkan ialah mengapa tiada ahli daripada Majlis Agama Islam...

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tumpat pula, Tumpat.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** ...Yang Berhormat Paya Besar pun ada timbul benda itu, kan? Mengapa tiada ahli daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dalam keanggotaan Lembaga Kelayakan Profesional Guaman Syarie yang disebut tidak ada. Memang betul tidak ada. Maka saya ingin jelaskan dari kita punya undang-undang ini, RUU ini adalah berkaitan dengan profesion guaman Syarie jangan lupa isu-isu dia.

Profesional guaman syarie yang kata 505 Akta Wilayah itu besar dan masa itu duduk dalam guaman syariah duduk dalam sedikit sahaja di situ. So, kita bawa keluar yang itu sekarang. Maka profesion guaman syarie ini setelah berkuat kuasa *insya-Allah* dengan sokongan semua ahli Dewan, pentadbiran dan pengurusan berkenaan dengan profesion guaman syarie dia sudah tidak duduk sudah di Majlis Agama Islam Wilayah. Dahulu dia menjadi ahli itu sebab dia duduk dalam Majlis Agama Islam Wilayah.

Apabila sudah keluar, sudah dikeluarkan dengan satu yang lebih power lagi untuk guaman syarie, maka dia sudah tidak duduk sudah dalam konteks dia ini terletak di bawah kawalan MAIWP. Sebaliknya diletakkan di bawah kawalan dan seliaan Lembaga Kelayakan Profesional Guaman Syarie, Badan Guaman Sharie Wilayah Persekutuan...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Minta pencelahan sedikit Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** ...Dari Majlis Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan. Justeru itu— saya tidak habis lagi, *what point* hendak...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Saya minta sahaja tidak bagi tak *pe*.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Tidak boleh.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Okey.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Terima kasih, sebab saya hendak layan Yang Berhormat Kuala Nerus tadi banyak tadi ini. Kalau tidak nanti tidak dapat ya, terima kasih.

Justeru tadi itulah maka, memastikan Lembaga Kelayakan Profesional Guaman Syarie dapat melaksanakan segala fungsinya secara bebas dan profesional adalah wajar Lembaga Kelayakan Profesional Guaman Syarie tersebut dianggotai— ini isu dia. Oleh mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang perundangan syariah, dan sivil. Perkara ini telah pun mendapat persetujuan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong. Itu isu dialah. Kalau hendak tanya kenapa MAIWP tidak ada, sebab sudah dikeluarkan. Keluarkan itu bukan sebab tidak mahu mengambil tanggungjawab itu tetapi hendak bagi lagi kuat lagi. Hendak empower lagi pada peguam-peguam syarie. Sebab itulah jawapannya tidak ada Ahli Majlis Agama Islam Wilayah dalam lembaga itu. Okey? *Thank you very much.*

Seterusnya kita *move on* kepada...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri, boleh?

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** ...Cadangan mewujudkan sebuah...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** ...Majlis Peguam Syarie...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri, boleh?

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** ...Untuk seluruh Malaysia dan jawatan. Ini pun penting Yang Berhormat Paya Besar. Ini lagi penting iaitu...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tidak, yang tadi pun penting juga.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** ...Banyak daripada...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Boleh Menteri?

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Tidak boleh. Saya sudah jelaskan tadi.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Lah.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Terima kasih, duduk.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Itu penjelasan Yang Berhormat Menteri, bukan penjelasan saya.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Itu *very simple-lah, it's straight forward* lah. *You are asking something very straight forward dengan izin, I answered in a straight forward manner, so you hendak tanya apa lagi, then there will be another issue.*

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tidak, masa saya jawab.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** So, saya terus masuk kepada cadangan...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tidak, masa saya bahas Yang Berhormat Menteri tidak ada dalam Dewan.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** ...Mewujudkan sebuah...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri tidak tahu apa saya bahaskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Paya Besar tolong minta kebenaran sebelum buka mulut, boleh.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tidak, saya minta kebenaran.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya tidak bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]:** Dia tidak bagi, sila duduk.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tetapi saya hendak juga.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya hendak mula... .

**Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Paya Besar faham peraturan mesyuarat, kan?

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya hendak *move on...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]:** Faham kan?!

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya hendak *move on...*

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Apa Tuan Yang di-Pertua ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]:** Sila.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak *move on* kepada isu yang lebih besar di atas harapan semua orang yang bercakap pada yang lalu yang bercakap tentang perlu atau tidak wujud Majlis Peguam Syarie di seluruh Malaysia dan jawatan yang paling penting itu Peguam Syarie Negara— Yang Berhormat Kuala Nerus. Itu harapan hendak macam itu ya. Kerajaan mengambil maklum cadangan-cadangan itu. Kita ambil maklum untuk mewujudkan sebuah Majlis Peguam Syarie Malaysia yang diminta itu dan mewujudkan sebuah Peguam Syarie Negara yang diminta itu.

Memandangkan cadangan ini melibatkan persoalan dan implikasi undang-undang yang di luar RUU ini sebab yang itu dia kena *another issue* pula. Itu adalah satu isu lain. Bila satu isu lain, kita tidak boleh hendak kata boleh atau kita hendak kata tidak boleh. Kita ambil maklum dan dengan melihat implikasi ini, kami ingin mencadangkan satu kajian yang terperincilah dibuat bagaimana benda ini boleh dilaksanakan selagi tidak bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan juga kuasa yang ada pada negeri-negeri. Itu *bottom line* dia di situ.

So, kita ucap terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk melihat Mahkamah Syariah, peguam-peguam syarie kita menjadi lebih— diberikan satu— dinobatkan dan diiktiraf seperti mana yang telah dibahaskan oleh semua pihak dan kita *online* sama sahaja Yang Berhormat Paya Besar. Dalam isu ini tiada siapa yang kata kita tak nak. Semua ada tetapi kita juga terikat kepada undang-undang, kita juga terikat kepada kajian-kajian terperinci, kita juga— contohnya untuk hendak buat profesion guaman syarie, orang sudah buat kajian 35 tahun sudah. Maknanya betapa susahnya kita hendak sampai kepada tahap ini. Jadi, kalau Yang Berhormat bangkitkan isu tadi Majlis Peguam Syarie, Peguam Syarie Negara tentulah sama juga isu dia.

Bagi pihak kerajaan, sudah tentulah di pentadbiran agama, kita ada Tuan Yang di-Pertua keutamaan-keutamaan yang saya akan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan Yang Berhormat..

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** ...Tumpukan bagi memastikan cita-cita pentadbiran Islam ini menjadi lebih baik.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Seterusnya, saya pergi kepada...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri, penjelasan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri sebut nama saya, bagilah saya Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya sudah hendak masuk *point* nombor lima sudah ini.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri sebut nama saya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya bukan, Yang Berhormat jangan sebut perkataan.....

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Okey, saya bagi kepada Yang Berhormat Paya Besar. Yang Berhormat Arau saya minta duduk diam. Kalau saya tidak bagi izin jangan bercakap. Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Paya Besar, sila.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri bagi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya tak dapat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]:** Tidak dapat Yang Berhormat Arau.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bias.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya harap niat Yang Berhormat Menteri untuk mengangkat peguam syarie ini seperti mana Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi tetapi ada kejanggalan. Ini kerana apa? Dalam lembaga kelayakan yang disebutkan tadi ada proses, seperti mana yang Yang Berhormat Bagan Serai sebut CPD atau CME. Akan tetapi kalau Majlis Agama Islam dipisahkan daripada lembaga kelayakan ini atau keanggotaan yang sepatutnya berada dalam peguam syarie ini, bagaimana dia kena *update* tentang apakah tafsiran-tafsiran dan kefahaman-kefahaman? Contohnya isu *qazaf* yang saya bangkitkan semasa Yang Berhormat Menteri tiada dalam Dewan semasa saya bahaskan tempoh hari. Maknanya ada negeri yang meletakkan liwat dan zina. Ada negeri hanya meletakkan zina sahaja. Ini perkara-perkara yang membezakan Yang Berhormat Menteri.

Itu sebabnya saya minta supaya Majlis Agama Wilayah dimasukkan sekali dan saya tidak nampak adakah ini menjatuhkan peguam syarie punya kredibiliti? Minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Ya, ini benda yang berulang-ulang. Kita sudah jawab secara terus tadi bahawa bila kita buat majlis— kita buat rang undang-undang ini sudah dibebaskan. Dia lebih *empower* dari segi *professionalism* dia, dari segi dia punya kawalan, dari segi hendak meningkatkan dia punya kebolehan dan

sebagainya. Isu yang dibangkit tentang kalaularah saya fahamlah Yang Berhormat Paya Besar kata perlunya ada ahli majlis itu kerana isu-isu perundungan dari segi tidak faham apa yang ada ataupun perlu kepada pakar. Saya rasa peguam-peguam syarie ini semuanya pakar, Yang Berhormat Paya Besar. Semuanya pakar, mereka lebih mengetahui. Cuma kalau hendak perlu *reference* ke apa itu cerita biasa.

Akan tetapi saya bercakap tentang *professionalism* itu mesti dikawal oleh mereka yang punya *professionalism* itu. Saya harap dapat penjelasan. Kalau Yang Berhormat Paya Besar ada *otherwise*, itu pandangan Yang Berhormat Paya Besar. Kita hormatlah tetapi saya menjawab atas semangat yang ada di dalam peruntukan Perlembagaan ini di dalam RUU ini. Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar.

Kelima, iaitu ini penting saya rasa ramai juga timbul termasuk Yang Berhormat Kuala Nerus dan rakan-rakan Yang Berhormat Paya Besar banyak timbul benda ini. Terima kasih kerana prihatin untuk meningkatkan peguam syarie kita. Peguam syarie yang diterima masuk dan beramal di sesebuah negeri sewajarnya dibenarkan beramal di negeri-negeri lain secara automatik. Itu antara yang dibangkitkanlah. Dia sudah terima masuk di sesebuah negeri, sewajarnya dibenarkan beramal di negeri-negeri lain secara automatik. Itu hasratnya begitu, soalannya begitu.

Merujuk kepada apa yang ada dalam RUU ini Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan sub fasal 12(2) RUU PGS ini yang ada dengan kita ini, peguam syarie negeri yang telah beramal di negeri lain boleh memohon untuk diterima masuk dan beramal di Wilayah-Wilayah Persekutuan jika dia telah memenuhi syarat yang disebut dalam perenggan 12(1) (a-g). Ada syarat-syaratnya dan dia telah menjalankan amalan secara aktif sebagai seorang peguam syarie negeri di mana-mana negeri.

Berdasarkan sub fasal 15(2)(b) (i), (ii) dan (iii), RUU PGS ini juga berpandukan kepada ini semua, permohonan tersebut hendaklah disertai dengan salinan perakuan bahawa dia telah diterima masuk ke negeri berkenaan, sedang beramal secara aktif dan tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan tatatertib. Makna bolehlah tetapi *still* dia kena memohon.

**Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Ia bukan automatik ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]:** Masa sudah menunjukkan pukul 1.00. Yang Berhormat Menteri sambung semula.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]:** Mesyuarat ditangguhkan. Sambung semula pada jam 2.30 petang.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]**

■1430

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa Peraturan Mesyuarat sebelum mesyuarat dimulakan, P.M. 18(1).

**Tuan Yang di-Pertua:** P.M. 18(1)?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** P.M. 18(1). Saya telah menghantar usul kepada Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua telah memberi jawapan bahawa tidak perlu disegerakan dan ianya akan dilaksanakan. Saya hendak pertikaikan sebab Menteri Pelancongan telah memberi jawapan di Parlimen ini bahawa beliau akan berbincang dengan Menteri Kewangan untuk menangguhkan *departure levy*.

Jadi, jawapan Speaker dengan Yang Berhormat Menteri bercanggah. Jadi dengan itu saya minta benda ini diperbincangkan kerana ianya merupakan kepentingan orang ramai dan juga agensi-agensi pelancongan, syarikat-syarikat penerangan akan terkesan kalau sekiranya rang undang-undang ini dilaksanakan serta-merta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Awal pagi tadi, Yang Berhormat, saya telah membaca perutusan yang mengatakan bahawa rang undang-undang itu sudah pun diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, sudah pun menjadi akta dan tidak timbul soal untuk menarik balik dan sebagainya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebut rang undang-undang ini tidak ditolak tetapi diminta pelaksanaannya ditangguhkan sehingga tahun 2020. Jadi kita minta pihak kerajaan menangguhkan *departure levy* sehingga tahun 2020, Tahun Melawat Malaysia. Kalau kita hendak pelancong datang, kita kenakan levi, sudah pasti ianya akan membebankan.

Saya telah bagi contoh di mana AirAsia mengenakan tambang RM150 tetapi levi sahaja RM123. Di mana mereka mampu bertahan kalau sekiranya *departure levy* ini diperkenalkan? Itu sebab kita minta supaya penangguhannya itu dibuat pada tahun 2020 iaitu Tahun Melawat Malaysia tahun hadapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mengikut amalan Dewan Rakyat, kalau disebut hendaklah disegerakan, memang ertiannya amat-amat perlu disegerakan. Jadi ini apa

yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah sesuatu hal yang boleh dibahas dalam keadaan biasa sahaja. Jadi itulah, keputusan saya adalah muktamad.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Boleh tidak Speaker beritahu bahawa keputusan kerajaan yang mengatakan mereka sedang berbincang itu dihayati? Dihayati. Meraikan. Sebab apa, Speaker jawab mungkin tidak rujuk kepada jawapan Yang Berhormat Menteri yang kami sangat sukai, Menteri Pelancongan, yang kata, “*Saya akan berbincang dengan Menteri Kewangan*”. Dia cakap itu pada hari itu dan kami semua gembira. Jadi dia setuju bahawa benda itu ditangguhkan. Itu sahaja maksud saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf sebab saya seronok sebab Tuan Yang di-Pertua masuk. Sekejap lagi saya akan pertikaikan sifat seorang Speaker pada seorang Ahli Parlimen dalam Mesyuarat yang lepas. Saya rasa Speaker tidak patut menunjukkan sifat, walaupun dia daripada parti lain, menunjukkan sifat benci kepada kami. Contohnya mengeluarkan perkataan, “*Kamu faham tidak?*”. Mana boleh kita tempik sebegitu kepada Ahli Parlimen yang mulia ini, Yang Berhormat. Tidak boleh. Kena ajar Speaker supaya nampak lebih adil. *[Dewan riuh]*

Macam Yang Berhormat Jelutong buat salah macam-macam, tidak pula ditempik. Yang ini kawan ini, Yang Berhormat Paya Besar bangun tanya soalan dengan lemah-lembut, dia orang muda yang berlemaht-lembut, tiba-tiba dia tempik macam itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Betulkah?

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kalau hendak tempik itu, tempik dekat saya. Saya ialah seorang pejuang kamikaze yang luar biasa. Tidak ada masalah. *[Dewan ketawa]* Akan tetapi, bukan kepada Yang Berhormat Paya Besar. Yang Berhormat Jelutong elok tempik dia habis-habisan. Saya dengan Yang Berhormat Jelutong elok dihukum kerana kami selalu minta pandangan dan sebagainya tetapi bukan kepada Yang Berhormat Paya Besar. Kasihan. Nanti dia sebagai orang muda nanti tergoda pemikirannya sehingga mungkin dia boleh patah semangat untuk berjuang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat Yang Berhormat Paya Besar memang dia handal, tidak perlu pertolongan daripada Yang Berhormat Arau. Walau apa pun...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi, saya minta Peraturan 18(1), jawapan Yang Berhormat itu dirujuk balik kepada Menteri sebab Menteri buat *commitment* terbuka di Dewan yang mulia ini bahawa dia akan membincangkan dengan Menteri Kewangan tentang penguatkuasaan *departure levy*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya lah, itu Yang Berhormat tanya kepada Yang Berhormat Menteri Pelancongan sendirilah secara langsung. Sila.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat juga kah?

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tidak, tidak. Hendak betulkan sedikit. Yang Berhormat Paya Besar bukannya lemah-lembut. Dia berhemah. Lemah-lembut ini bahaya. Isu semburit tengah panas. *[Dewan ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar dan guru-guru daripada *Integrated Islamic School Shah Alam* di hadapan kita. *[Tepuk]*

Juga, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memohon izin. Masa tinggal lima minit 33 saat. Saya ingat ini ialah undang-undang yang baharu. Yang Berhormat Menteri dibaginya 45 minit. Saya, kalau boleh, biar Dewan buat ada perbezaan sedikit. Kalau pindaan undang-undang ini, pindaan, okey. Tetapi kalau rang undang-undang baharu ini, biarlah bagi masa yang lebih kepada Yang Berhormat Menteri supaya kita lebih jelas kerana ini undang-undang yang baharu. Jadi kalau boleh saya hendak merayu bagilah Yang Berhormat Menteri masa yang lebih sedikit kerana ini undang-undang yang baharu, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Maka kami menyokong dengan hebatnya kalau Yang Berhormat Menteri diberi sejam lagi. Sebab, dia tidak jawab fasal dia tidak rujuk kepada Majlis Raja-raja. Dia kena selesai benda ini. Jangan meminggirkan Majlis Raja-raja. Jadi kami minta diberi sejam untuk membolehkan memahami apa yang kami timbul dan dia jawab.

*Speaker*, saya terima kasih *Speaker* sebab *Speaker* seorang yang berbudi bahasa. Terima kasih. Saya minta supaya macam inilah *Speaker*. Sebab, saya bekas Ahli Parlimen masa Tun Zahir dahulu. Tun Zahir perangai macam inilah, hebat, lemah-lembut dan tidak menjerit-jerit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dia pakai lagi lemah-lembut ya. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Berbudi bahasa, berbudi bahasa. Tarik balik, tarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tarik balik ya. Terpulanglah kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri memerlukan berapa banyak masa lagi? Sejam?

## 2.38 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa]:**

Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam penggulungan yang awal pagi tadi diberi masa saya 45

minit tetapi oleh kerana— saya pun setuju dalam saya punya ucapan awal, saya kata oleh kerana ini akta baharu, saya cubalah untuk Ahli-ahli yang bertanya itu kita cuba *satisfy*. Kalau ikut dalam *list* saya, ada 25 isu yang telah dibangkitkan melainkan kalau ada isu baharu, mungkin ada masalah sedikitlah kita hendak lebih *detail* tetapi kalau 25 isu itu, semua kita sudah catat. Terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua. Kalau diberi itu, saya tidak ada masalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, tidak. Terpulang kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ingat setengah jam, sejam. Setengah jam cukup *kot*.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Sebab saya ada satu *bill* lagi. Selepas ini saya satu *bill* untuk Akta 505. Saya setuju, saya tidak ada masalah, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Dengan perintah...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kita hendak tolong sebab Menteri ini bagus kan. Kita hendak tololng supaya Menteri cuma jawab kata, kita akan mempertimbangkan, cukup. Bahawa benda ini mesti dirujuk kepada Majlis Raja-raja.

Yang Berhormat, saya Ahli kepada Majlis Kebangsaan Agama Islam selama 12 tahun.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Arau daripada pagi tadi. Yang jadi panjang fasal inilah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak, tidak, tidak. Panjang pun..

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Walaupun saya sudah jawab..

**Tuan Yang di-Pertua:** Poin ini sudah dibangkitkan..

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi dia tidak jawab bahawa...

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya sudah jelas. Saya sudah jelas tetapi dia masih lagi, Tuan Yang di-Pertua..

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini Yang Berhormat, saya hendak bagi contoh Tuan Yang di-Pertua. Ada seorang...

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya bersetuju kalau sejam dengan kualiti...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Menteri akan jawab poin inilah. Silakan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, ya. Jawab bahawa kita akan mempertimbangkan untuk memaklumkan— bukan minta kelulusan— kepada Majlis Raja-raja. Raja-raja saya hendak bagi contoh, Tuan Yang di-Pertua. Ada Menteri Besar dahulu, jumpa menghadap seorang Raja tunjuk tentang Undang-undang Agama Islam ini.

■1440

Raja dengan marah, Baginda berkata, engkau ingat kami ini tunggu kah? Jadi, makna kata dia sensitif, Raja-Raja. Kita bawa makluman cukup. Kami Ahli-ahli Parlimen menyeru supaya pihak kerajaan menghormati Majlis Raja-Raja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak mengapalah Yang Berhormat. Bagi Yang Berhormat Menteri peluang untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Tidak ada isu sebab kita sudah jawab benda itu dan tidak timbul isu tidak hormat dan sebagainya. Itu hanya persepsi yang cuba dibentuk oleh Yang Berhormat Arau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Menteri.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Oleh itu izinkan saya untuk menyambung Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Setengah jam ya, setengah jam.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Boleh saya tanya? Pagi tadi punya jawapan.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Baru hendak masuk, sudah tanya.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Okey, okey boleh sedikit.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, beri peluang Yang Berhormat Menteri untuk jawab. Duduk dahulu.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya ingat nanti saya bagi untuk Ketua Pembangkang mungkin semasa saya bentang nanti, mungkin saya akan bagi ruang untuk ditanyalah. Yang Berhormat Kepala Batas pun boleh, tidak ada masalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Setengah jam.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Yang Berhormat Arau saya tengok dahululah macam mana. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat Menteri setengah jam untuk menjawab.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Menteri tidak *bias*. Jangan buat macam itu.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Yang Berhormat Arau yang berlemah lembut, sila duduk.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, berbudi bahasa.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Berbudi bahasa. Minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berbudi bahasa. Silakan Yang Berhormat Menteri setengah jam.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya meneruskan lagi *point* yang dibangkitkan antaranya ialah saya sedang cuba hendak sempurnakan *point* iaitu peguam syarie yang diterima masuk dan beramal di sebuah negeri sewajarnya dibenarkan beramal di negeri-negeri lain secara automatik. Itu *point* yang saya pada masa itu diminta berhenti kerana saya sudah beritahu bahawa berdasarkan sub fasal 12(2) dalam rang undang-undang ini, peguam syarie negeri yang telah beramal di negeri lain boleh memohon untuk diterima masuk dan beramal di Wilayah-wilayah Persekutuan tetapi ada syarat-syarat yang perlu dipenuhi yang telah pun disebut di dalam perenggan 12(1)(a) dan (g) dan ia telah menjalankan amalan secara aktif sebagai seorang peguam syarie negeri di mana-mana negeri.

Berdasarkan sub fasal ini, permohonan tersebut hendaklah disertai dengan salinan perakuan bahawa dia telah diterima masuk di negeri berkenaan, sedang beramal secara aktif dan tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan tatatertib.

Oleh itu, peguam syarie negeri perlu memenuhi syarat yang ditetapkan di bawah rang undang-undang ini untuk diterima masuk dan beramal sebagai peguam syarie di Wilayah-wilayah Persekutuan. Itu jawapan kepada syarat-syarat untuk beramal. Cuma saya hendak jelaskan automatik sini tidak timbulah. Dia cuma kena mohon untuk elak kena hukuman.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Menteri ...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak bertanya berkenaan beramal tadi.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Mohon penjelasan tadi.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Silakan, silakan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti kita tahu bahawa sijil ini, bahagian kelayakan sijil akan mengeluarkan sijil untuk praktis ini di Wilayah Persekutuan sahaja dan Yang Berhormat kata *lawyers syariah* ini, peguam

syarie di negeri lain boleh mengambil kes, mengamalkan undang-undang di Wilayah Persekutuan dengan syarat memohon untuk mendapatkan sijil tersebut.

Biasanya, *lawyer* ini, peguam ini dia akan memohon apabila dia ada kes yang nak dibicarakan di Wilayah Persekutuan misalnya baru dia akan memohon. Kalau tidak, tidak perlu peguam daripada Pahang hendak memohon di Wilayah Persekutuan. Persoalannya, oleh kerana dia ada kes baru dia buat permohonan, berapa lama setiap permohonan itu akan diproses? Oleh sebab dia ada kes yang nak dia mungkin hendak *defense client* dan sebagainya dan dia perlu memohon dahulu. Berapa lama permohonan tersebut? Itu yang pertama.

Kedua, itu di Wilayah Persekutuan. Sekarang ini Wilayah Persekutuan mengeluarkan Sijil Amalan Guaman Syariah ini di Wilayah Persekutuan, tidak di negeri lain. Bagaimana negeri lain pula kalau peguam Wilayah Persekutuan yang mempunyai sijil guamannya berbeza daripada negeri lain tersebut? Ini kerana negeri lain tadi dikeluarkan oleh majlis agama dan diluluskan oleh Sultan dan sebagainya. Sedangkan Wilayah Persekutuan tidak melibatkan ketua agama dan sebagainya. Hendak mengendalikan kes di negeri lain yang mempunyai sijil yang berbeza. Bagaimana keadaan itu boleh membantu peguam syarie daripada Wilayah untuk mengendalikan kes di negeri lain tersebut?

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut bahawa di dalam rang undang-undang ini syarat untuk dia beramal dari negeri lain untuk masuk ke Wilayah-wilayah Persekutuan, memenuhi syarat yang disebut dalam Perenggan 12 tadi itu. Semua syarat itu kalau dia penuhi, maka permohonan tersebut cukup yang itu, kemudian dia hendak sertai dengan salinan perakuan bahawa dia telah diterima masuk di negeri berkenaan dan dia itu aktif sebagainya.

Kalau dia cukup kriteria ini Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diajukan, maka permohonan itu terpulanglah, dia akan ada prosesnya, apabila sudah cukup itu baru ia akan diproses. Kita tidak meletakkan berapa lama di sini, dalam kes inilah. So, terpulanglah keberkesanan mereka untuk memproses setelah memenuhi syarat-syarat itu. Adapun soalan yang kedua ...

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Menteri, boleh?

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Sat na. Sekejap lagi saya bagi. Adapun soalan kedua yang kata kalau di negeri lain tidak ada macam ini. Kembali balik kepada persoalan apa yang ada kepada negeri itu, kita tidak kacau. Makna dia kena ikut baliklah. Kalau katalah saya dari Wilayah Persekutuan, saya tidak ada sijil amal saya di Perak

atau di Terengganu contoh, maka saya tertakluk kepada keputusan dan juga syarat-syarat yang ditentukan di Terengganu.

Oleh sebab itu saya kata tadi Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Dewan, kalau semua negeri ada macam ini jadi senanglah sebab syarat itu sudah di-coordinate antara negeri dengan negeri. Silakan Yang Berhormat Kepala Batas.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sebenarnya lihat penjelasan Yang Berhormat Menteri buat tadi memang agak memang mendalam dan cuma timbul satu dua ketidakjelasan daripada kalangan Ahli-ahli Parlimen ini tentang apa yang disebut. Proses yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri bawa ke MKI, kemudian bawa untuk mendapat perkenan Ke Bawah Duli Tuanku Yang di-Pertuan Agong sebelum dibawa ke Kabinet, saya rasa itu adalah proses yang cukup baik.

Cuma yang jadi *contentious* sedikit bilamana dilihat balik bahawa akta ibu, Akta 505 ini untuk dipadamkan atau ditiadakan Seksyen 59(2) yang *utterly express the word* dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong. Kemudian, bagi memungkinkan Rang Undang-undang Profesional Guaman Syarie ini untuk *come into existence* tetapi dengan menggantikan banyak seksyen. Seksyen 66, Seksyen 67 dan Seksyen 68 yang berkaitan dengan semua. Ini termasuk juga Seksyen 5 iaitu berkaitan dengan lembaga. Namun tidak disebut dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong. Jadi, soalan saya untuk menjawab ketidakjelasan itu, apakah perkenan Ke Bawah Duli Tuanku juga merangkumi perkara-perkara tersebut? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas. Sebagaimana disebutkan, rang undang-undang ini yang kita bentangkan dan dibahaskan pada hari ini, tidak sama sekali mengisyaratkan apa-apa isyarat yang boleh dianggap sebagai membela kangkan Yang di-Pertuan Agong atau mengambil kuasa daripada Yang di-Pertuan Agong seperti pagi tadi saya telah jelaskan.

Ini kerana apabila akta ini hendak dibuat, kita mengeluarkannya daripada Akta 505, Akta Pentadbiran Islam Wilayah Persekutuan dan ia dilihat sebagai satu *body* yang akan dikendalikan secara profesional dan perakuan itu sendiri, sebagaimana yang saya sebut pada bulan Mei tidak silap saya, telah pun diperkenankan setelah dibawa ke Majlis Agama Islam yang merupakan *stakeholder* yang asal itu. Saya hendak ambil dekat dia, sudah tentu saya kena rujuk dekat dia. Mereka pun sudah bahas perkara itu dan bersetuju di atas tadi, supaya Majlis Peguam Syarie ini ada satu *empowerment* yang lebih besar, supaya ia lebih profesional.

Makna kesedaran itu berlaku bukan kita mengambil kuasa tetapi kesedaran itu berlaku untuk *empower* dan di atas niat baik ini lah maka yang di-Pertuan Agong tidak ada apa-apa isu dalam memberikan satu kedudukan yang lebih selesa dan juga profesional, kawal selia lebih baik untuk dijalankan tugas-tugas apa yang termaktub dalam akta ini. Jadi ia tidak membelakangkan dan ia tidak menunjukkan isyarat kita mengambil kuasa sebab Yang di-Pertuan Agong tetap punya kuasa dalam Akta 505 dan ia tetap ada dalam kuasa. Tuan Yang di-Pertua, kalau izinkan saya, benda ini dah dibahaskan pagi tadi dah...

**■1450**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tak perlu diulang-ulang lagilah ya.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** ...Untuk pengetahuan. Jadi saya hanya ulang sebab kasih saya kepada Yang Berhormat Kepala Batas, saya tidak mahu mengecewakan dia. Kalau boleh saya...

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Tak. Cumanya Tuan Yang di-Pertua, minta maaf ya. Saya, sebab nak sebut ini, benda ini penting.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Saya faham, saya faham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi saya lihat pada *list* yang tertera di hadapan saya, Yang Berhormat Kepala Batas tidak pun mengambil bahagian.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Saya tak ada di situ Tuan Yang di-Pertua, pada waktu itu tapi tidak bererti saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi tak perlulah sebab Yang Berhormat Menteri sudah pun menjawab, pergi topik lainlah ya.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Saya faham sebab nama-nama yang – saya faham, itu telah dilahirkan di pagi tadi. Telah di...

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Sebab rang undang-undang yang baru ini tak ada yang *expressly mention, utterly express*.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Tidak, perkara itu sudah diselesaikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah dijawab Yang Berhormat, sudah dijawab.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Dalam jawapan saya tentang peranan Yang di-Pertuan Agong serta ia tidak membelakangkan apa-apa kuasa yang ada padanya. Kalau boleh, saya *go on* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, silakan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sikit Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Saya ada daripada Yang Berhormat Baling, daripada Yang Berhormat Sik, daripada Yang Berhormat Beaufort, daripada Yang Berhormat Pengerang...

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya berhak ambil 10 minit sebab saya di antara yang cadang supaya perbahasan dipanjangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tinggal 21 minit lagi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, itu panjang lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat Arau...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri, sebagai kesimpulannya...

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak bentang yang lain ini penting Tuan Yang di-Pertua sebab...

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, ya. Yang Berhormat, sebagai kesimpulannya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, kalau ada baki pada penghujung itu, Yang Berhormat Arau boleh bangun sekali lagi. Silakan. Habiskan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Arau hujung?

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Sekejap sahaja. Yang Berhormat Menteri, boleh?

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Iaitu satu yang dibangkitkan oleh – saya mohon maaf sebab saya boleh nak bagi benda ini berbahas tetapi kalau *repetitive*, itu adalah satu yang saya kata begini, pandangan dia orang begini. Saya ambil maklum atas kesedaran bahawa isu ini jangan belakangkan Yang di-Pertuan Agong, jangan belakangkan Majlis Raja-Raja, itu memang dalam kita punya *consideration*.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin kalau Yang Berhormat Menteri boleh jelaskan, pendek sahaja. Isu dia yang kawan-kawan timbulkan ini ialah berkaitan dengan seksyen 59(2) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993, dia ada menyebut bahawa “*Majlis boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong membuat kaedah-kaedah...*”

Ertinya, di bawah seksyen 59(2) itu ada kuasa Agong tetapi bila kita ubah di sini, kuasa Agong itu dah tak ada. Diberi kepada kuasa Yang Berhormat Menteri dan selepas

ini pula, Yang Berhormat Menteri pula akan bawa, ini adalah satu rang undang-undang yang baru yang mana seksyen 59 ini akan dibatalkan. Jadi itu sahaja yang mungkin kawan-kawan tanya, mengapa di bawah seksyen 59(2) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 ada sebut kelulusan itu daripada Yang di-Pertuan Agong tetapi apabila dipinda RUU ini, mengapa kuasa itu daripada Yang di-Pertuan Agong diganti dengan kuasa Yang Berhormat Menteri? Itu sahaja. Kalau Yang Berhormat Menteri boleh jelaskan.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Sebenarnya kenyataan yang menyatakan bahawa semuanya perlu mendapat – dalam tadi itulah Akta 505, saya ingin sebut di sini, terdapat juga dalam Akta 505 yang dihujahkan sebentar tadi, yang sedia ada, membenarkan sesuatu kaedah dibuat tanpa kelulusan Yang di-Pertuan Agong, ada. Ada kaedah-kaedah yang boleh dibuat. Makna itu nak menjawab bahawa dalam Akta 505 sendiri ada menetapkan selain daripada Yang di-Pertuan Agong...

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, yang ini spesifik berkaitan dengan guaman syarie, seksyen 59(2) tadi.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Tak, tak. Tadi pasal dia cakap Akta 505 itu disebut tentang Yang di-Pertuan Agong. Ada juga di dalam...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang saya sebut tadi seksyen 59(2), Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Seksyen 59(2) itu memang spesifik berkaitan.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Saya nak sebut di sini bahawa ada di dalam Akta 505 itu sendiri...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Bukan Akta 505, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Ya, ya. Seksyen 59(2) itu duduk bawah Akta 505 lah.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya sebut tadi seksyen 59(2) itu.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Saya faham, saya faham.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Yang 505 akta, betul.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Akta 505 itu nama akta dia, seksyen 59(2) duduk bawah itu. Saya nak hujah balik kepada kenyataan yang menyatakan dalam Akta

505 sendiri yang itu dalam klausanya yang lain, ada menyebut kaedah-kaedah dibuat tanpa kelulusan Yang di-Pertuan Agong seperti berikut...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya tanya satu soalan?

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Antaranya apa dia? – Sekejap, sekejap. Kaedah-kaedah rayuan. Seksyen 57, “*Ketua Hakim Syarie boleh membuat kaedah-kaedah tentang prosedur bagi rayuan-rayuan dan permohonan bagi kebenaran merayu.*” Maknanya tak semestinya rujuk kepada Yang di-Pertuan Agong.

“*Kuasa membuat kaedah.*” Ini kuasa untuk dia buat kaedah. Seksyen 94 daripada Akta 505 menyebut, “*Majlis boleh membuat kaedah-kaedah bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan bahagian ini. Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama, Majlis dengan kelulusan Yang Berhormat Menteri...*” Menteri pun ada. “...*Boleh membuat kaedah-kaedah yang mengadakan peruntukan bagi:*

- (a) *prosedur;*
- (b) *prosedur jawatankuasa; dan*
- (c) *elaun yang patut dibayar.”*

Maknanya, hujahan saya, hujah balas saya, kalau jawapan secara tepat nak katakan mesti semua YDPA, dalam Akta 505 sendiri menyebut ada kuasa yang boleh dibuat tanpa YDPA dalam kaedah-kaedah. Maka samalah dalam isu ini...

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Saya setuju...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Menteri, satu soalan boleh?

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** ...Kalau kita menyatakan dia ada kuasa Yang Berhormat Menteri untuk menentukan kaedah-kaedah, maka ia bukan menggambarkan – adakah ini menggambarkan kita belakangkan Yang di-Pertuan Agong? Tidak. Itu hujahan sayalah kepada soalan...

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Cuma seksyen 59(2) itu Yang Berhormat Menteri, spesifik berkaitan dengan soal profesion guaman syarie.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Menteri, minta satu soalan.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Hendak ditiadakan bagi memungkinkan, as *enabler* kepada *the existence of* rang undang-undang yang kita hendak luluskan ini. Akan tetapi di dalam seksyen 59(2), dia *utterly express* ataupun *expressly mention* bahawa dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong.

Maka bilamana dijadikan di bawah rang undang-undang yang sekarang ini, nama ataupun kelulusan Yang di-Pertuan Agong telah dikeluarkan.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Tidak, sebab itu saya kata...

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Sebab itu saya tanya, kalau sudah mendapat perkenan, saya tak ada masalah.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelaskan. Saya telah menjelaskan di awal lagi, sebenarnya pagi tadi, bahawa akta ini dibuat atas semangat Akta 505 yang jadi pemegang utama dia, pemegang utamanya yang disebut dengan jelas tentang Yang di-Pertuan Agong dan sebagainya. Apabila dipindahkan kepada satu akta yang bebas, yang dia tidak tertakluk dengan lagi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, sebab itulah kita menyebut tentang kuasa-kuasa Menteri itu dalam kaedah-kaedah. Bukan ini bermakna kita membelakangkan sebab, ha! Saya katakan itu kenapa? Sebab tidak mungkin kerisauan ini jadi satu yang dibesar-besarkan kalau Yang di-Pertuan Agong sendiri, dia memperkenankan...

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Setuju. Ya, okey.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Begitu juga dengan Majlis Agama Wilayah Persekutuan yang jadi *stakeholder* utama, dia membernarkan supaya dibuat satu akta yang dalam niat mengukuhkan lagi guaman. Jadi tidak timbul di situ, *the spirit* itu...

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Maknanya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan?

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Oh! Sudah tentu. Saya dah jelas pagi tadi dah Yang Berhormat Kepala Batas.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah? Ledang, Ledang.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Okey, boleh saya teruskan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Cela sikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ledang, benarkan?

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Sebab ini ada sebut hari itu ya? Silakan.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Ya, ya.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Kalau boleh lepas ini Tuan Yang di-Pertua, beri saya ruang yang lebih selesa untuk saya selesaikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lepas ini terus menjawablah Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Ada lagi 16 ke 17 poin. Terima kasihlah kepada yang bertanya.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Saya nak bantu, saya nak bantu. Cuma sedikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan juga kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin hormat apa pandangan yang telah diberikan tadi saya percaya dan yakin, sebenarnya tidak ada usaha untuk membelakangkan Yang di-Pertuan Agong ataupun Majlis Raja-Raja dalam hal ini tetapi perkara pokok yang kita ingin lihat ialah berkenaan dengan peguam syarie.

Bagaimana kita hendak menaiktarafkan peguam syarie, melihat daripada segi kebijakan peguam syarie itu terpelihara dan juga daripada segi tatatertib, disiplin mereka juga dapat dikawal selia dengan baik. Jadi saya harap kita boleh *move on* dan perkara itu menjadi pertimbangan yang lebih besar bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan kehadiran staf Pertubuhan IKRAM Malaysia yang hadir pada sidang kita pada kali ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Selamat datang ke Dewan Rakyat.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Menteri, minta saya beri satu soalan sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat biarkan Yang Berhormat Menteri habiskan jawapan dahulu sebab sudah terlalu panjang.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Satu soalan sahaja. Saya nak bagi soalan minta Yang Berhormat Menteri menjawab, satu soalan sahaja. Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Tuan Yang di-Pertua, saya berbesar jiwa saya untuk melayan semua yang bertanya.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Saya berdiri lama dah.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Akan tetapi apakan daya saya?

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Nak tanya satu soalan sahaja.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Masa saya tinggal 13 minit yang dijanjikan setengah jam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Sedangkan saya baru berada poin nombor enam.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja. Soalan sahaja, soalan sahaja.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Saya mohon supaya difahami. Boleh faham tak? Boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin pada penghujungnya, biarkan Yang Berhormat Menteri menjawab dahulu ya. Silakan.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Boleh bagi peluang lepas ini? Satu soalan ya Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Tak apalah, saya rasa Yang Berhormat Kuala Nerus, dia pun dah setuju dan dia balik dia akan...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Setuju, itu yang ada soalan tadi itu.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** ...Usulkan benda ini. Saya akan hendak masuk kepada isu tatatertib ini, yang paling penting ini sebab kita nak jaga kualiti dan kita hendak jaga integriti. Dalam persoalan yang dibangkitkan, adakah rang undang-undang ini menyelesaikan amalan sekarang di mana peguam syarie yang disenaraihitamkan di sebuah negeri tetapi masih boleh beramal di negeri lain. Makna di negeri ini dia senarai hitam tetapi di negeri lain dia boleh beramal.

Ini yang *practice now*. Jawapan kepada ini ialah perkara ini tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa di negeri yang berkenaan sama ada membenarkan mana-mana peguam syarie yang telah disenaraihitamkan di negeri lain untuk beramal di negeri yang berkenaan. Itu tertakluk kepada negeri. Walau bagaimanapun, bagi Wilayah-wilayah Persekutuan rang undang-undang ini telah memperuntukkan bahawa salah satu syarat untuk penerimaan masuk peguam syarie negeri di Wilayah-wilayah Persekutuan ialah untuk mengemukakan perakuan. Dia kena bagi perakuan bahawa dia tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan tatatertib. Itu ada dalam kita punya RUU, Tuan Yang di-Pertua.

## ■1500

Oleh kerana itulah yang dibangkitkan oleh ramai sahabat-sahabat kita bagi maksud penyeragaman. Yang tadi yang ditanya itu, bagi maksud penyeragaman dan mengatasi isu peguam syarie yang telah di senarai hitam di sesebuah negeri tetapi masih boleh beramal di negeri yang lain.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Mencelah sikit Yang Berhormat Menteri. Isu ini.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** ...*which is not good*. Maka dicadangkan di Dewan ini, agar negeri-negeri dengan segera mengadakan peruntukan yang serupa dengannya di negeri masing-masing agar tidak timbul isu kalau di Pahang atau di

Terengganu dia *blacklist*, dia masih boleh beramal di Perlis contohnya. Melainkan negeri itu mensyaratkan dia mesti membuat perakuan bahawa dia tidak ada isu. So, perkara-perkara dalam rang undang-undang kita Tuan Yang di-Pertua jelas menyebut perkara tersebut.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Tuan Yang di-Pertua, minta pencelahan sedikit dalam isu ini. Isu automatik.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Kembali ke....

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri harus menjawab.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Dia tidak jadi automatik sebab dia masih lagi terikat dengan permohonan.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Ya, saya faham. Saya ada satu soalan Yang Berhormat Menteri. Bagi saya peluang bertanya sedikit boleh, jawablah.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya hendak bertanya 11 minit, kalau saya bagi....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri tidak beri. Sila duduk Yang Berhormat Kuala Nerus.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Saya mengikut peraturan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tinggal 10 minit lagi itu.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Daripada awal minta, minta, tidak bercakap pun.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya tinggal 10 minit saja.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** .. pun tidak hendak bagi juga.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Yang ketujuh, okey. Itu sudah selesai sebab kita telah meletakkan kualiti yang tinggi dan juga integriti kepada peguam-peguam syarie kita. Ada juga yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sik tapi dia tidak ada sini sebenarnya, tapi oleh kerana...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah jawablah. Jawapan bertulislah. Kalau tidak ada tidak payahlah.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Tapi oleh kerana benda ini penting kepada Ahli Dewan yang ditimbulkan itu *double jeopardy*, makna dia kena di sini, di sini pun dia kena. Kita tidak mengamalkan *double jeopardy* di sini, ini kerana perkara ini terjumlah dalam masalah *double jeopardy* bercanggah dengan kehendak Fasal 2, Perkara 7

Perlembagaan yang memperuntukkan perlindungan daripada undang-undang jenayah kuat kuasa ke belakang dan perbicaraan berulang, seorang yang telah dibebaskan daripada suatu kesalahan atau disabitkan atas satu kesalahan tidak boleh dibicarakan semula kerana kesalahan yang sama kecuali jika sabitan atau pembebasan itu telah dibatalkan dan perbicaraan semula diperintahkan.

Maknanya kita menghormati *doctrine double jeopardy* ini dan dia tidak jadi di sini, di sini pun dia kena, tidak jadi begitu ya. Kemudian dicadangkan agar RUU ini memperuntukkan juga kuasa untuk merayu terhadap keputusan....

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Soalan Yang Berhormat Menteri, isu yang ini.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** ..... Lembaga Tatatertib sehingga ke Mahkamah Rayuan.....

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Menteri tidak hendak bagi langsung, kita tanya ini.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya bukan tidak hendak bagi Yang Berhormat Kuala Nerus.....

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Saya daripada tadi saya minta soalan bagi peluang saya soal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Nerus, saya ingatkan masa terhad.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya ada 10 minit.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Saya hendak soal untuk pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri sebab saya bangkit isu ini.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya tidak ada masalah.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Tadi Yang Berhormat Menteri kata dalam tidak kena, boleh caj.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri tidak memberikan laluan. Sila duduk.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Soalan saya ketika tadi ialah kalau dia seorang peguam sivil dan juga dia peguam syarie....

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Duduklah, orang tidak bagi laluan.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** ....dia ada kebarangkalian dikenakan dua kali caj. Itu persoalannya.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya rasa saya sudah jawab sudah tadi.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Menteri kata tidak kena tapi dia akan terikat dengan satu lagi Akta Peguam Sivil.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Dia tidak boleh sebab, bila dia tanya, kita jawab, dia hendak pertikai, jadi panjanglah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduklah Yang Berhormat Kuala Nerus.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Soalan saya ialah oleh kerana ini soalan peguam sivil.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tinggal lapan minit 51 saat saja. 50 saat.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya boleh menjawab.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terpulang dekat Yang Berhormat Menteri, tidak hendak bagi ruang.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Bukan tidak bagi ruang, kena faham suasana kita.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Tidak, Yang Berhormat Menteri minta setengah jam kenapa.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Setengah jam ini pun tinggal 8 minit saja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat elok kalau ikut.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Tuan Yang di-Pertua tidak bagi sejam ke tadi?

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Dicadangkan ini tentang.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat. Ya silakan.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Ada isu yang timbul tentang kalau dia sudah dibawa merayu kepada Lembaga Tatatertib, bolehkah dia bawa sampai ke Mahkamah Rayuan Syariah. Jawapannya ialah dia diperuntukkan dalam Fasal 88, memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang terkilan dengan perintah atau keputusan yang dibuat oleh Lembaga Tatatertib dalam menjalankan bidang kuasa tatatertibnya boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi Syariah. Makna dia boleh rayu dan bila dia sudah pergi Mahkamah Syariah, kalau dia tidak puas hati lagi, dia hendak pergi kepada Mahkamah Rayuan, dia boleh. Memandangkan cuma kita tidak sebut. Kita mati sampai ke Mahkamah Tinggi sahaja sebab kalau dia sudah pergi Mahkamah Tinggi maka dia boleh pergi pula ke Mahkamah Rayuan. Itu jawapan dia.

Sungguhpun begitu, ini tidaklah bermaksud keputusan atau perintah Lembaga Tatatertib tersebut tidak boleh dirayu ke Mahkamah Rayuan Syariah macam saya jawab tadi. Berdasarkan Seksyen 52, Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan), Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa

mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam menjalankan bidang kuasa asalnya.

Ada lagi satu yang ditanya tentang isu yang penting juga yang dibawa oleh Yang Berhormat Pengerang dan juga Yang Berhormat Kota Bharu tetapi tidak ada di sini juga. Walaupun demikian soalannya amat penting Tuan Yang di-Pertua. Saya merasakan perlu untuk dikongsi bersama. Bagaimanakah kedudukan peguam syarie yang menjadi rakan kongsi dalam sesebuah firma yang mengamalkan undang-undang sivil. Dia jadi rakan kongsi kepada satu firma yang mengamalkan undang-undang sivil.

RUU ini tidak menghalang seseorang peguam syarie untuk menjadi rakan kongsi dalam sesebuah firma guaman yang mengamalkan undang-undang sivil. Tidak ada halangan. Namun begitu, ada namun dia. Firma guaman tersebut perlu didaftarkan di bawah RUU ini dan akaunnya juga perlu diasingkan. Ini bagi memastikan dua entiti yang berbeza dalam satu firma ini bagi kita meletakkan status peguam syarie itu lebih dihormati melalui RUU ini.

Fasal 91 RUU ini menyatakan bahawa sekiranya nama seseorang peguam syarie itu digugurkan daripada daftar *right* peguam bela dan peguam cara menurut Akta 166, maka secara automatiknya nama peguam syarie tersebut turut terpotong dalam semua daftar yang terdapat dalam RUU ini. Itu dia punya isu dia, kalau dia sudah terpotong dalam senarai yang ada dalam Akta 166, maka dia terpotong dalam semua daftar yang terdapat dalam RUU ini. Adakah peruntukan ini seolah-olah satu ketidak adilan terhadap peguam syarie tersebut.

Yang ini ditanya juga oleh Yang Berhormat Paya Besar dan saya akan jawab dari sudut rang undang-undang ini. Berdasarkan sub fasal 11(b), RUU Peguam Guaman Syarie ini, antara orang yang layak diterima masuk sebagai peguam syarie ialah seorang peguam bela dan peguam cara yang berdaftar di bawah Akta 166. Makna kalau dia itu hendak masuk, dia juga boleh masuk dengan dia ini berdaftar dengan sebelum ini diterima masuk peguam syarie ialah seorang peguam bela dan peguam cara yang berdaftar di bawah Akta 166. Justeru, makna dia masuk itu atas dia ini berdaftar dengan 166. Makna yang sebelah sana. Justeru itu sekiranya seorang peguam bela dan peguam cara yang telah diterima masuk sebagai peguam syarie itu hilang kelayakan dia, makna dia masuk atas dia itu 166 dan dalam 166 itu dia sudah hilang kelayakan.

Maka dia sudah hilang kelayakan untuk beramal sebagai seorang peguam bela dan peguam cara dan digugurkan dari daftar *right*. Peguam bela dan peguam cara menurut Akta 166, maka secara automatik dia juga akan hilang kelayakan untuk beramal sebagai peguam syarie. Oleh itu adalah wajar namanya digugurkan daripada daftar

pegawai syarie. Maknanya tadi dia masuk itu atas tiket dia 166 daripada sana dan dia boleh masuk sebab dia boleh layak untuk memohon dan dia dapat. Tiba-tiba dia di dalam 166 telah digugurkan. Maka secara automatik tiket yang dia masuk itu pun di sini dia juga secara automatik telah digugurkan seperti mana yang termaktub di dalam 11(b) RUU Profesional Guaman Syarie ini.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Mencelah sikit boleh?

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Fasal 20. Oleh kerana dia yang tanya soalan ini, saya bagi walaupun saya ada tiga minit. Silakan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Sedikit saja Yang Berhormat Menteri. Jadi terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya harap sangat jika dapat Yang Berhormat Menteri perinci kan sedikit kalau peguam syarie ini dalam 166 seperti mana yang disebutkan Yang Berhormat Menteri, dia *cease practice*. Jadi dia tidak ada dalam daftar ra'ie ini. jadi adakah ia juga terkeluar untuk praktis dalam peguam syarie seperti 11(b) rang undang-undang ini.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Ya lah, dia peguam syarie, dia berdaftar dengan 166.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Dia begini, dia dalam 166, dia sudah, dia hendak praktis hanya dalam syarie sahaja. So, dalam 166, dia *cease practice*. Jadi dia tidak ada nama dalam daftar ra'ie.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Oh, itu cerita lainlah. Kalau dia masuk itu bukan atas dia itu ada tiket 166 itu, kalau dia tidak masuk kerana itu dia masuk, dia ikut proses *chambering* apa semua atau dia ada kelayakan peguam syarie, walaupun itu dia *cease* untuk praktis, maka dia tidak akan terkesan. Yang ini yang disebut di sini bahawa dia tidak ada - dia masuk ke dalam peguam syarie ini di atas tiket dia itu ada daftar dia dalam 166.

#### ■1510

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Dalam akta ini jelas, mananya peguam syarie menjalankan undang-undang, amalan peguam bela dan peguam cara di bawah Akta 166. Jadi ia terkeluar dalam Akta 166, bukan disebabkan fraud dan bukan sebab kebanyakan, selepas itu..

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** *Cease to practise*

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Ia *cease practise* macam mana pula?

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Perkara yang itu saya kena *check* ia punya *detail on the cease to practise thing*. Perkara yang ini sebab ia ada isu. Ia terkeluar kerana mungkin atas sebab-sebab undang-undang dan sebagainya.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Itu sebabnya Yang Berhormat Menteri hujah saya supaya dalam fasal 91 ini dijelaskan sikit menyalahi..

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Ia ada begini. Tidak, tidak. Saya mohon pegawai saya bantu sayalah sebab saya bukan *lawyer* tapi saya *law maker*. So, dia sebut di sini kalau *cease to practise* sebagai khusus yang disebut tadi ia tidak akan digugurkan sebab nama beliau masih ada dalam *role* cuma dia tidak *cease to practise*, itu *another issue*. Saya rasa Yang Berhormat Tanjong Karang faham yang itu.

Baik, saya masuk kepada fasal 20, RUU dengan berkaitan bantahan pihak ketiga. Ada pihak yang mengandaikan dengan menyatakan kononnya bantahan ini kononnya ada satu masalah apabila ada bantahan pihak ketiga. Sebenarnya fasal ini digubal atas semangat seksyen 17, Akta Profesion Undang-undang juga, semangat itu juga dengan pengubahsuaian untuk membolehkan orang lain selain Ketua Pendakwa Raya, Ketua Pendakwa Syarie dan Majlis Peguam memasukkan bantahan untuk membantah permohonan dengan membawa masuk seorang peguam Syarie dengan alasan yang munasabah dan tertakluk kepada budi bicara hakim yang mendengar permohonan tersebut.

Kalau dalam Rang Undang-undang 166 itu ia menyebut tentang kaveat tapi di sini kita menyebut tentang bantahan pihak ketiga. Bantahan orang lain ini juga dilihat sebagai *check and balance*, tidak ada salahnya pihak ketiga untuk membuat *check and balance* sekiranya apa-apa maklumat berhubung dengan peguam syarie tersebut tiada dalam pengetahuan. Ini adalah untuk menjaga sekuriti dan juga integriti peguam-pegawai syarie kita agar dia orang betul-betul berkualiti sehingga kita memerlukan pandangan pihak ketiga dan membuka ruang pihak ketiga untuk membantah supaya yang kita masukkan dalam guaman syarie ini adalah mereka yang betul-betul ada integriti dan mereka juga sudah selamat dari segi sekuriti skrin ia dan sebagainya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya Tuan Yang di-Pertua suruh tanya penghabisan tadi. Tuan Yang di-Pertua kata, "Yang Berhormat Arau boleh tunggu hujung-hujung", ini hujunglah ini.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: [Ketawa]**

**Tuan Yang di-Pertua: [Ketawa]** Belum menggulung habis lagi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya hendak tanya tentang pendaftaran tadi Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kalau sekiranya negeri-negeri yang mungkin fanatik kepada satu pegangan agama. Apakah akan menjadi masalah bagi orang itu kalau dia sudah dikait dirinya macam faham Sunah Waljamaah kah, Wahabi kah, Syiah kah, apakah akan jadi masalah untuk pendaftaran negeri yang berkenaan kerana Yang Berhormat sebut keseragaman tadi. Apakah keseragaman ini tidak merujuk kepada fahaman yang dipegang oleh peguam-peguam yang berkenaan, itu kesimpulan.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Sebagaimana yang saya sebut tadi adalah untuk menjaga sekuriti contohnya kalau kita tidak tahu bahawa peguam ini kita sudah luluskan tetapi ada maklumat daripada pihak polis menyatakan dia ada isu dengan ISIS contohnya atau dia terlibat dengan Daesh contohnyalah.

Maka di situ kita ada lagi satu *screening* bantahan dan dari situ pihak yang menerima bantahan akan melihat dan meneliti sejauh mana bantahan itu ada kredibiliti. Adapun isu kalau dia memegang fahaman-fahaman agama yang lain, selagi ia tidak bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan yang ada ataupun perkara tersebut tidak menjelaskan dia punya profesionalisme, itu semua terpulanglah kepada Majlis Syarie untuk buat keputusan kepada bantahan-bantahan tersebut dan kalau dia tidak puas hati dia boleh bawa kepada Mahkamah Tinggi Syariah yang akan buat keputusan.

Jadi saya tidak ada jawapan sama ada kalau dia Syiah boleh atau tidak, kalau dia Wahabi boleh atau tidak atau dia ini liberal kah boleh atau tidak itu terpulang kepada - kalau ada bantahan maka mereka akan menerima bantahan itu dan membuat penelitian. Kalau dia tidak puas hati kata dia ditolak kerana itu dia bawalah kepada Mahkamah Tinggi.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua ini penting.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tanjung Karang.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya mohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua adakah saya diberi masa?

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Sikit. Boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya akan tambah masa, silakan.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ini amat penting kerana kita tahu perjuangan untuk menaikkan taraf Mahkamah Syariah, peguam syarie ini kita sudah buat berpuluh-puluh tahun sejak merdekalah. *Alhamdulillah* daripada mahkamah *second class* sekarang sudah sama taraf dengan mahkamah yang lain.

Hanya saya hendak ulang, saya ada bangkit perkara ini dalam ucapan saya. Hendak tahu peranan kerajaan kerana hari ini ada kumpulan-kumpulan tertentu, NGO's ini yang nampaknya tidak bersetuju dengan kewujudan Mahkamah Syariah ini seperti *Islamic Renaissance Front (IRF)* yang mereka mengatakan untuk mengubah serta mereka mencadangkan menghapuskan kuasa undang-undang syariah melalui pindaan, ertinya dia tidak bersetuju. Begitu juga salah satu kumpulan lagi ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ya, sebut dengan penuh.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** *The Joint Action Group of Gender Equality (JAG)* yang telah jelas mengatakan bahawa untuk memansuhkan undang-undang jenayah syariah. Jadi saya hendak tanya pendirian kerajaan bagaimanakah tindakan kerajaan supaya NGOs ini tidak dibiarkan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Berleluasa.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** ...berleluasa. Nanti bila dia terus memainkan isu-isu macam ini saya bimbang akan menimbulkan isu sensitiviti keagamaan, nanti berlaku kecoh.

Bila berlaku kecoh nanti salah UMNO, salah PAS pula. Ini *stand* daripada Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan Yang Berhormat Menteri? Adakah Menteri akan panggil NGOs ini untuk memberikan penjelasan kepada mereka?

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Karang yang sebenarnya memang bertanya sebenarnya dalam ucapan bahas asalnya. Saya ingin menegaskan di sini bagi pihak kerajaan, kita tidak boleh menerima dan tidak boleh bertolak-ansur dengan mana-mana pihak yang menuntut supaya Mahkamah Syariah dihapuskan *[Tepuk]*.

Itu amat jelas dan amat terang dan kita buat ini pun sebab hendak memperkasakan Mahkamah Syariah dengan pendekatan yang sesuai *[Tepuk]* dengan mengikut Perlembagaan yang ada. Itu kita punya *stand* untuk pengetahuan Dewan keseluruhannya. Baik, terima kasih. Saya..

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kenapa orang lain tidak tepuk tangan, kenapa kami yang tepuk. Kenapa geng kerajaan tidak tepuk? *[Ketawa]*

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Terima kasih. Itu kena tanya dia oranglah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Menunjukkan ada yang tidak setuju.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Dia orang tepuk dalam iman [Ketawa]. Benda yang penting begini tidak perlu tepuk sebab dia berada dalam iman.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** [Ketawa] Yang Berhormat P. Ramlee lah.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Baik, saya timbul satu isu lagi mohon Tuan Yang di-Pertua, benda ini amat penting sebab ada beberapa kali timbul. Mengapakah tempoh latihan dalam kamar di bawah rang undang-undang ini adalah selama enam bulan dan tidak sama seperti peguam sivil iaitu selama sembilan bulan. Itu *valid question-lah*.

Kita melihat rasional dalam menentukan enam bulan ini berbanding sembilan bulan ialah tempoh enam bulan dalam latihan kamar ini di bawah rang undang-undang ini adalah satu tempoh yang munasabah kerana amalan dan skop guaman syarie tidak melibatkan latihan berkaitan dengan perkara *conveyancing*. Betul saya sebut ya Yang Berhormat Tanjung Karang? Tidak melibatkan latihan berkaitan dengan perkara *conveyancing* dan bidang undang-undangnya juga tidak seluas undang-undang sivil yang meliputi undang-undang Perlembagaan, korporat, perbankan, komersial, tanah, syarikat, kontrak, kecuaian, kemalangan dan sebagainya.

Selain daripada menjalani tempoh latihan selama enam bulan, mana-mana yang berkelayakan yang memohon untuk diterima masuk sebagai peguam syarie juga perlu menjalani antaranya kursus-kursus pengajaran, latihan pendidikan dan peperiksaan yang berhubung dengan profesion guaman syarie. Oleh itu tempoh latihan selama enam bulan yang dicadangkan ini merupakan satu tempoh latihan yang sesuai untuk dijalani oleh mana-mana yang berkelayakan yang memohon untuk diterima masuk sebagai peguam syarie.

Di samping itu, perkara-perkara yang dinyatakan di atas mereka akan sentiasa ditingkatkan profesionalisme mereka melalui kursus-kursus dan pengajaran yang disediakan. Ini isu yang jelas tentang sama ada orang bukan Islam boleh – adakah seorang peguam syarie dibenarkan untuk beramal di Mahkamah Sivil seperti mana yang diperuntukkan di bawah RUU ini yang membenarkan peguam sivil yang beragama Islam beramal, maknanya *vice versa*.

Berdasarkan sub fasal 11(b) RUU ini, seorang peguam bela dan peguam cara yang hendak memohon sebagai peguam syarie hendaklah mempunyai kelayakan tambahan. Dia mesti ada kelayakan tambahan dalam bidang syariah atau kehakiman syarie iaitu sebagai mana yang ditetapkan di dalam fasal 12. Begitu juga sekiranya seorang peguam syarie hendak beramal di dalam sebagai peguam bela *vice versa* atau

peguam cara di Mahkamah Sivil dia juga kena penuhi kelayakan yang telah ditetapkan di bawah Akta 166 tersebut. Perkara yang itu sebagai amalan biasalah.

■1520

Maknanya kalau berlaku *vice versa* itu, mesti mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Ini cerita bab berkelakuan baik ini. Ini ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu, walaupun Yang Berhormat Kota Bharu tidak ada tetapi mungkin boleh dimanfaatkan. Mana-mana yang berkelayakan untuk terima masuk sebagai seorang peguam syarie, fasal 15 jika dia memenuhi syarat. Antara syaratnya ialah disebut berkelakuan baik. Di sini orang timbul yang kata baik itu macam mana Tuan Yang di-Pertua? Dia baik, dia tidak hisap rokok kah atau baik dia sembahyang jemaah di masjid lima waktu kah? Atau baik maknanya dia ini buat sembahyang sunat kah, selalu? Itu itu ia timbul *interpretation* buat baik. Akan tetapi dalam fasal 15, memperuntukkan bahawa suatu permohonan bagi penerimaan masuk hendaklah disokong oleh afidavit yang melampirkan antaranya dua perakuan terkini mengenai kelakuan baiknya.

Berdasarkan subfasal 15(3) rang undang-undang ini, permohonan afidavit, pengesahan apa-apa dokumen dan keterangan yang dinyatakan dalam fasal ini hendaklah mengikut cara yang ditentukan oleh mahkamah tinggi syariah. Oleh itu, afidavit yang melampirkan perakuan terkini mengenai kelakuan baiknya akan ditentukan oleh mahkamah tinggi syariah. Kita nak minta masuk mana-mana universiti pun kena ia ada *referee*. Kita hendak buat apa-apa mesti ada *referee*. So, saya rasa perkara ini biasa selagi afidavit itu tidak dipenuhi dengan pihak ketiga iaitu *referee* memberikan pandangan terhadap perilaku peguam-peguam yang hendak masuk ke dalam rang undang-undang ini, maka hendaklah dia penuhi afidavit tersebut dengan yang dimaksudkan perlakuan baik di situ. Ini juga ada di dalam peruntukan Akta Profesional Undang-undang 1976, sama juga.

Okey, satu lagi yang penting – saya hendak dekat hujung-hujung sudah iaitu siasatan ke atas perilaku pemohon di bawah subfasal 18(1). Kononnya dikatakan tiada di bawah Akta Profesional Undang-undang. Dia buat perbandingan, yang ini Yang Berhormat Kota Bharu dan Yang Berhormat Pengerang. Dia kata dalam Akta Profesional Undang-undang tidak ada, hanya ada di dalam kami sahaja. Sedangkan kalau kita rujuk peruntukan mengenai siasatan ke atas perilaku pemohon di bawah ini sebenarnya turut diperuntukkan di bawah Akta 166. Maknanya ada juga ya, tidak betul kalau kata tidak ada. Jadi ini hanyalah mungkin perkara-perkara penting yang saya hendak sampaikan

dan sebahagian besar yang terutamanya telah saya sebut tentang kuasa Raja-raja dengan itu undang-undang ini telah dilakukan di dalam Dewan ini.

Saya ada satu lagi yang tadi tanya fasal – kalau perlu saya jawab atau tidak, saya tidak tahu, fasal isu insurans. Ada dua atau tiga, Yang Berhormat Kuala Nerus pun ada tanya fasal isu insurans. Sama seperti peguam sivil, peguam syarie juga perlu mengambil insurans takaful berhubung dengan tanggung rugi terhadap apa-apa kecuaian profesional dan juga yang melibatkan kredibiliti profesion dia sebagai peguam syarie. Ini diperuntukkan dalam fasal 66 rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada apa yang diambil perhatian oleh semua Ahli Dewan ini sebagai satu perkara yang bersejarah pada hari ini kerana kita telah berjaya dengan sokongan semua Ahli Dewan terhadap rang undang-undang ini. Maka, saya dengan ini telah selesai penggulungan dengan meninggalkan di sini beberapa kerat pantun untuk kita ambil iktibar. Ucapan terima kasih saya tidak terhingga kepada semua orang termasuk rakan-rakan di sebelah sana kerana telah memberikan satu sumbangan yang cukup positif kepada akta ini.

*Indah huruf tulisan jawi,*

*Hanya sesekali kita bersua,*

*Tidak perlu kita mendakwa-dakwi,*

*Barang yang baik diambil jua. [Tepuk]*

*Perkara fitnah dibawa jangan,*

*Nanti kelak mendapat tentangan,*

*Semua pihak punya sumbangan,*

*Terima kasih atas sokongan.*

Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas penggulungan ini. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah menyudahi jawapan dengan kata-kata indah itu. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Point of order.* Yang Berhormat, dalam rang undang-undang ini dia sebut bahawa perkataan Islam malah peguam negara pun mesti diwakilkan kepada orang yang beragama Islam. Kenapa dibebankan kepada Ahli-ahli Parlimen yang bukan Islam untuk bersetuju dalam rang undang-undang yang menentukan tentang Islam? Itu poin saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu poin Yang Berhormat, itu bukan *point of order.*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi, kasihan kepada mereka sebab Yang Berhormat Jelutong bukanlah dia reti apa-apa, tiba-tiba dia terpaksa bersetuju. Kasihan dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, sudah. Itu bukan *point of order*. Itu poin sahaja. Silakan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi untuk Yang Berhormat keluarkan order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tidak apa, tidak apa. Yang tidak bersetuju, kata tidak.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Mana boleh tidak bersetuju Yang Berhormat tetapi macam mana beban pada mereka?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya baguslah. Lebih suara yang bersetuju.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri Kulasegaran dia bukan faham apa-apa agama.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

***[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]***

***[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]***

### Fasal-fasal 1 hingga 93 -

**Tuan Pengerusi:** Ada?

#### 3.26 ptg.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, Perkara 6C dengan Perkara 36(2), saya timbulkan benda ini. Untuk Perkara 36(2) itu, saya tarik balik sebab sebenarnya saya hendak cadangkan supaya Perkara 36(2) itu tidak perlu sebut sebab di bawah Perkara 6 telah pun menyebut tentang perkataan agama Islam iaitu wakil peguam negara. Jadi, tidak perlu sebut Perkara 36(2) itu Tuan Yang di-Pertua. Jadi dengan tidak mengadakan benda itu, ia lebih selesa undang-undang ini, tidak perlu disebut sebab kita sudah sebut dalam Perkara 6.

Keduanya Tuan Pengerusi, saya hendak ulang sekali lagi tentang Perkara 92 dan Perkara 93 supaya perkataan "Menteri" itu digantikan dengan perkataan "Yang Dipertuan Agong". Yang Berhormat sedia maklum bahawa undang-undang di Pahang, sekarang ini Yang Dipertuan Agong adalah Sultan Pahang. Undang-undang di Pahang, semua kaedah mesti melalui sultan. Malah untuk melantik wali hakim pun kena melalui

sultan. Kenapa di peringkat Wilayah kita bagi kepada Menteri? Jadi kita kena ingat bahawa kuasa Yang di-Pertuan Agong hendaklah tidak disentuh dalam hal ini.

Saya hendak beritahu Yang Berhormat, dahulu kita telah memperkenalkan Undang-undang Keluarga Wilayah. Masa itu saya Ahli Parlimen, tahun akhir 80-an dahulu kita perkenalkan Undang-undang Keluarga Wilayah. Selepas itu semua negeri ikut tetapi rang undang-undang tersebut dibawa makluman Majlis Raja-raja. Tuan Yang di-Pertua mungkin tengah belajar universiti tetapi Undang-undang Keluarga Wilayah telah dibawa dan lepas itu semua negeri ikut. Negeri Perlis pun ikut kecuali negeri Perlis tidak memasukkan bahagian poligami, *hat* lain semua diikut. Jadi ini menunjukkan bahawa kita pernah membuat undang-undang yang diikuti oleh semua negeri, bukan satu benda yang baharu, benda yang pernah kita buat.

Jadi peguam syarie ini kena ingat ialah peguam yang paling teruk di dunia, di Malaysia ini sebab dia kena arif kaedah, tatacara bagi setiap negeri. Kalau dia datang ke Perlis, faham-fahamlah dia kena ikut Undang-undang Perlis. Agama Islam agama yang mudah, tidak perlu susah-susah, bukan menyusahkan orang, jadi kita masuk Perlis. Akan tetapi negeri-negeri lain, dia kena ikut kaedah negeri yang berkenaan. Jadi, jadi peguam syarie sudahlah kes itu tidak berapa banyak dibandingkan dengan sivil, jadi peguam melalui satu proses yang luar biasa, Wilayah lain dan negeri-negeri lain. Kalau Yang Berhormat nak sebut keseragaman, Yang Berhormat boleh buat maklum kepada Majlis Raja-raja. Raja-raja nak yang itu saja, maklum. Apabila kita maklum, lepas itu kita hendak laksanakan setiap negeri, tidak ada masalah. Akan tetapi Yang Berhormat *check* semula Undang-undang Keluarga Wilayah, betul Yang Berhormat. Yang Berhormat belum jadi Ahli Parlimen lagi, masih belajar.

Jadi, bagaimana kita dapat meletakkan negeri untuk menerima undang-undang yang diperkenalkan di peringkat Wilayah sebab dibawa ke Majlis Raja-raja untuk makluman.

#### ■1530

Jadi saya mencadangkan, Tuan Pengerusi, supaya rang undang-undang ini dimaklumkan, walaupun lulus— mesti lulus punya, kenapa tidak lulus ya di Parlimen ini, sebab Ahli-ahli Yang Berhormat yang menguasai, selepas ini kami akan kuasai— tetapi kita minta supaya dimaklumkan kepada Majlis Raja-raja. Maklum. Bukan minta kelulusan. “*Majlis Raja-raja, ini rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen*”. Maklum. Jadi Yang di-Pertuan Agong pun berpuas hati kerana semua kuasa Yang di-Pertuan Agong itu kita tidak sentuh.

Hal raja, Yang di-Pertuan Agong jangan sentuh. Kami puak-puak Barisan Nasional, PAS dan juga pembangkang tidak pernah menyentuh hal-hal kuasa raja-raja ini. Tetapi nampaknya ada sedikit yang kekurangan di pihak Yang Berhormat dan kerajaan cuba menyentuh kuasa raja-raja dan kuasa Yang di-Pertuan Agong.

Saya bukan ‘ada udang di sebalik batu’ seperti Speaker sebelum ini sebut. Saya ikhlas kerana Allah sebab kita hendak supaya satu keseragaman undang-undang wujud di negara ini. Malu. Yang Berhormat, cukup malu sebuah negara yang kecil ada 13 rang undang-undang yang kena diikuti tetapi di seluruh dunia, kita tahu bahawa kebanyakan negara-negara hanya pegang satu undang-undang dan dia ada mufti besar, *grand mufti*. Kita Malaysia, kalau boleh Yang Berhormat, masukkan di mana-mana supaya ada mufti besar negara. Bagi Mufti Perlis dahulu jadi mufti untuk keseragaman yang indah. Sebagai contohlah, sebagai contoh. Jadi dengan itu orang melihat kehebatan agama Islam. Bukan Yang Berhormat kata, “*Ini kita telah memperkenalkan satu rang undang-undang*”. Orang tidak nampak hebat. Hebat apabila semua negeri ikut. Hebat apabila negara Islam di Malaysia ini diikuti dengan kaedah-kaedah yang sama di setiap negeri.

Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya menyokong rang undang-undang ini. Walaupun suara agak tinggi sedikit tetapi menyokong. Yang Berhormat kena terima.

Dan saya hendak beritahu, saya hendak protes kepada *netizen* dan juga rakyat yang bubuh gambar Yang Berhormat macam singa *dok* menguap itu. Saya hendak beritahu ini adalah aib yang tidak harus kita buat. Jangan buat macam itu. Walaupun kita hendak mempertikaikan Menteri ini, kita pertikai, tetapi jangan buat gambar-gambar yang tidak manis. Yang Berhormat, lihat betapa murninya pihak-pihak kami tentang baik sangka kepada orang lain. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Paya Besar, silakan.

### 3.32 ptg.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak menyentuh fasal 9 dan saya masih agak rasa tersinggung apabila perkataan “*dengan kelulusan Menteri*”. Mengapa kita tidak letak “*dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong*”? Kerana apa, Yang Berhormat Menteri dalam peringkat dasar tadi ada sebut mengeluarkan satu subseksyen 59(1) dan (2) semata-mata untuk menjadikan satu badan yang besar. Tetapi apabila kita hanya letak kepada Menteri, kita

tidak letakkan kepada Yang di-Pertuan Agong, saya rasa ia seolah-olah merendahkan peguam syarie ini.

Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri supaya beritahu Dewan yang mulia ini yang saya yakin Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan supaya rang undang-undang ini dipinda dan digubal satu rang undang-undang baharu. Adakah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengetahui sedalam-dalamnya bahawasanya nama Yang di-Pertuan Agong tidak terletak di bawah seksyen 9, seksyen 65, seksyen 66, seksyen 67 dan seksyen 68? Itu saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak menyentuh juga berkaitan fasal amalan tahunan iaitu fasal 29, “*Ketua Pendaftar hendaklah berpuas hati dengan semua dokumen yang perlu disebutkan dalam subseksyen (2)*”. Jadi saya hendak minta— sebab dalam perbahasan saya di peringkat dasar, saya ada sebut, Yang Berhormat Menteri, perintah saraan peguam, *solicitors' remuneration order* (SRO). Sebab apa? Sebab dalam penghujahan Yang Berhormat Menteri tadi dalam membezakan antara enam bulan dengan sembilan bulan ada menyebut tentang urusan-urusan *conveying* dan urusan ini tidak termasuk dalam peguam syarie dan kenapa pula peguam syarie kena membuat laporan akauntan tahunan? Kerana apa, kalau betul hendak buat, mesti ada SRO itu.

Adakah perintah saraan peguam cara atau peguam bela ini akan diputuskan oleh Yang Berhormat Menteri mengikut Akta 166 atau akta ini akan sendiri mengeluarkan jadual dan perintah saraan peguam itu? Itu persoalan saya, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada pembahas lain? Silakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

### 3.34 ptg.

#### **Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa]:**

Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau tadi adalah soalan yang berulang. Ia telah pun dijelaskan di peringkat dasar. Jadi, kalau seseorang itu dia sudah berpengalaman, benda yang berulang itu seolah-olah sia-sialah. Jadi apabila saya sudah jawab di peringkat dasar— soalan tadilah fasal hendak maklumkan dekat Majlis Raja-raja.

Saya sudah menjawab pagi tadi, Tuan Pengerusi, bahawa perkara ini setelah diluluskan di sini akan dimaklumkan kepada Majlis Raja-raja supaya diadakan tindakan. Akan tetapi sebelum Majlis Raja-raja ini hendak dimaklumkan, dia kena melalui dahulu

Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI). Jangan pura-pura tidak tahu. Selepas itu daripada MKI inilah, apabila diputuskan, barulah disembah maklum kepada Majlis Raja-raja. Saya mungkin sudah sebut mungkin semasa itu Yang Berhormat Arau tidak dengar atau Yang Berhormat Arau semasa itu...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Penjelasan.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** ...Dia ada sedang memikirkan apa benda macam-macam, maka...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Fikir hendak pergi Mekah.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** ...Saya menyatakan bahawa saya, Menteri agama akan dijemput untuk *pre-council* sebelum majlis *full council*.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ya.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** So, dalam itu saya akan menjelaskan kepada *pre-council* Majlis Raja-raja tentang ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, saya faham.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Makna kata...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Saya cadangkan tadi supaya perkataan "Menteri" diganti dengan "Yang *di-Pertuan Agong*".

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Tadi...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Jawapan Jawatankuasa ini adalah bukan itu. Itu jawapan semasa Majlis boleh. Jawatankuasa menjawab bahawa...

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Kita sudah jawab kenapa Menteri dan ia tidak membela...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** ...Kerajaan tidak bercadang perkataan "Menteri" diganti dengan "Yang *di-Pertuan Agong*". Itu sahaja. Jawab tak boleh sudahlah.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Tidak boleh.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tidak perlu ulas. Tuan Pengerusi, tolong beritahu ini. Cara menjawab jJawatankuasa lain.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri telah menjawab. Perkara ini telah dibangkitkan pada peringkat dasar.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Ya, sudah dijawab.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ya, tahu tetapi sekarang ini kita hendak minta di peringkat Jawatankuasa...

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Tidak ada, tidak ada.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** ...Tukar perkataan "Menteri" kepada "Yang di-Pertuan Agong". Sebagai menghormati raja-raja.

**Tuan Pengerusi:** Menteri tidak berniat untuk...

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Kita tidak berniat untuk menukar, Tuan Pengerusi, sebab telah pun dijelaskan—

*Dunia ini sementara Yang Berhormat Arau,  
Ikhlas diri nanti adalah saham,  
Mulut manis berbicara,  
Kalau sudah lama patut-patutlah faham.*

Okey, saya kembali kepada Yang Berhormat Paya Besar.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Boleh?

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Sama kah?

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Benda yang...

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Yang Berhormat Tanjung Karang, saya dah banyak jelaskan tentang benda ini kenapa...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Pengerusi, isunya *very simple* kerana di bawah Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) seksyen 59(2) disebut Yang di-Pertuan Agong diberikan kuasa untuk membuat peraturan-peraturan tetapi apabila rang undang-undang ini dibentangkan, kuasa Yang di-Pertuan Agong ini telah tiada dan diberikan kepada Menteri. Itu persoalannya. Bagaimana...

**Tuan Pengerusi:** Sudah di peringkat dasar tadi.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ya lah, itu yang dibangkitkan tadi tetapi Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Pengerusi:** Ya lah, pada peringkat Jawatankuasa kita tengok kepada butir-butirnya.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Jawatankuasa....

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, dasar okey. Jawatankuasa kita minta tukar perkataan "Menteri" kepada "Yang di-Pertuan Agong". Jawab tidak boleh kah? Hendak dengar itu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri sudah menjawab.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Dia jawab tadi tidak boleh?

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak berhajat untuk menukar. Itu sahaja.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya sudah menjawab tadi, saya kata tidak boleh.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Jadi Yang Berhormat Menteri tidak mahu tukar "Menteri" kepada "Yang di-Pertuan Agong"?

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Jadi kalau Yang Berhormat Arau ini tidak faham-faham daripada pagi yang saya maksudkan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ya Allah ya Tuhan ku, saya hendak jawapan dia bahawa kerajaan tidak bersetuju untuk menukar perkataan "Menteri" kepada "Yang di-Pertuan Agong". Habis.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Bukan. Itu cerita lain.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tidak. Ini Jawatankuasa, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat tidak bersetuju...

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Tidak, tidak. Sekarang ini kami telah menetapkan bahawa semua ini telah diambil kira sebab isunya isu takut nanti di belakang membuat sesuatu di belakang Majlis Raja-raja, tidak ada itu...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tidak.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Jadi jawapan saya itu tidak membawa makna kata oleh sebab itu, kita hendak tetapkan Menteri, kita tidak mahu ambil nama raja. Itu lain. Itu lain, Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, saya kata perkataan "Menteri"...

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Jadi, saya rasa saya sudah menjawab dengan cukup sopan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** ...Tukar kepada "Yang di-Pertuan Agong".

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya harap Yang Berhormat Arau memahaminya juga dengan penuh sopan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Cakap kerajaan tidak mahu tukar sudahlah.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah itu.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya rasa benda itu...

**Tuan Pengerusi:** Telah dijawab dari segi butirannya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Saya mencadangkan supaya perkataan "Menteri" ditukar kepada "Yang di-Pertuan Agong".

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Sudah jelas.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Kalau Yang Berhormat tidak bersetuju...

**Tuan Pengerusi:** Menteri sudah jawab. Sudah jawab.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Dia bukan jawab, dia pusing. Ini jawab bagi betul bahawa kerajaan tidak bercadang, bersetuju menukar perkataan "Menteri" kepada "Yang di-Pertuan Agong".

**Tuan Pengerusi:** Sudah, sudah dijawab tadi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Itu sahaja. Yang Berhormat cuba tengok pegawai-pegawai di belakang sana.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Peraturan mesyuarat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Pegawai kata tidak bersetuju.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Peraturan mesyuarat?

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Ya, ya. P.M.  
36(7)

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya rasa kalau— sat, sat na. Kalau Yang Berhormat Arau ini dia orang lama dia kata, saya ini memanglah budak baru, Yang Berhormat Arau, tetapi kalau ada hendak pinda, semua kita tahu dia perlu membuat usul dahulu. Buat usul. Yang ini tidak buat usul tiba-tiba hendak bahas suruh tukar, mana boleh. Usul pun tidak ada dekat meja saya.

**Tuan Pengerusi:** Betul juga.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Jadi kalau kata faham...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat jawablah oleh sebab tidak ada usul, maka— habis.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Masalahnya Yang Berhormat Arau dia hendak saya jawab apa yang dia hendak. Mana boleh.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Bukan. Yang Berhormat jawab...

■1540

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya Menteri. Saya ada dasar saya. Saya ada saya punya *stakeholder*.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini bukan sayalah.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya menjawab...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini saya hanya bercakap bagi pihak Barisan...

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Tidak, tidak, tidak.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bagi pihak UMNO dan PAS.

**Tuan Pengerusi:** *[Tidak jelas]*

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Begitulah cara Menteri menjawab.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, Yang Berhormat Menteri beginilah...

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Jadi, kalau tidak faham, saya rasa...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya tidak akan *implicate* Yang Berhormat...

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Tidak, tidak ada. Itu tidak timbul.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kerana membelakangkan Yang di-Pertuan Agong. Tidak!

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** *[Tidak jelas]* Jadi kalau...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini bukan kerja saya hendak buat macam itu.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Kalau hendak pinda, saya harap...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat tidak bersetuju, masukkan nama Yang di-Pertuan Agong...

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Kita dapat buat usul tetapi sekarang tidak ada...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Perkataan 'Menteri', okeylah

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Usul yang datang ke pejabat saya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Terima kasihlah.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi:** Itu memang benar, ya. Tidak ada usul, jadi tidak perlu dibahaskan. Ya. Ada peraturan mesyuarat tadi? Tidak ada? ...yang terbaik.

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Habis? Baik.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya rasa itu sekali menjawab Yang Berhormat Paya Besar tentang isu Raja...

**Tuan Pengerusi:** Itu pun isu dasar, ya.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** ...dan sebagainya. Saya rasa tidak perlu repetitive. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** SRO, SRO.

**Tuan Pengerusi:** Fasal. Fasal.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** SRO. Soalan yang kedua tadi. SRO, laporan akauntan?

**Tuan Pengerusi:** *[Tidak jelas]*

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri jawab bertulis, eh?

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Itu perkara dasar. Sudah dijawab tadi itu.

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tidak. Laporan akauntan, Yang Berhormat tidak jawab, sebab saya menyentuh fasil 20 berapa tadi.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Ya, ya saya faham. Yang Berhormat minta supaya laporan akauntan.

**Tuan Pengerusi:** Sudah.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Itu ada. Nanti saya akan bagi jawapan bertulis.

**[Fasal 1 hingga Fasal 93 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Jadual jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]**

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Fuziah binti Salleh) dan diluluskan]**

## **RANG UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) (NO.2) 2019**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **3.46 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) (No.2) 2019, satu akta untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 dibacakan kali kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penyokong?

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Saya sokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Tuan Yang di-Pertua, seksyen 59, Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) merupakan peruntukan yang memberi kuasa kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) untuk menerima mana-mana orang yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang hukum syarak menjadi peguam syarie.

Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah berhubung dengan kelayakan bagi penerimaan peguam syarie dan mengawal selia kelakuan peguam syarie iaitu Kaedah-kaedah Peguam Syarie 1993.

Memandangkan Akta Profesional Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019 yang diluluskan sebentar tadi, merupakan satu undang-undang khusus untuk mengawal selia segala amalan yang berhubungan dengan profesion guaman syarie dan seterusnya menggantikan undang-undang sedia ada, maka Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 hendaklah dipinda dengan memotong seksyen 59 bagi mengelakkan pertindihan undang-undang.

Justeru, RUU ini adalah merupakan pindaan berbangkit daripada penggubalan Akta Profesional Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019 yang diluluskan sebentar tadi. Tuan Yang di-Pertua, RUU yang bertujuan untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) mengandungi empat fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan;

Fasal 2 bertujuan untuk memotong takrif "peguam syarie" berbangkit daripada pemotongan seksyen 59 Akta 505 dalam fasal 3.

Fasal 3 bertujuan untuk memotong seksyen 59 Akta 505 untuk meniadakan peruntukan mengenai kuasa Majlis dalam perkara yang berhubungan dengan peguam syarie. Pemotongan ini berbangkit daripada penggubalan Akta Profesional Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019 yang dicadangkan. Perkara yang berhubungan dengan peguam syarie akan diperuntukkan dalam Akta Profesional Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019 yang dicadangkan.

Fasal 4 mengandungi peruntukan kecualian dan peralihan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan pindaan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Silakan, Yang Berhormat Kuala Nerus. Saya tidak ada senarai daripada pihak pembangkang, ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak, kami pakat bangun macam itu saja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bangun macam itu saja?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sikit saja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, saya berikan kesempatan kepada Yang Berhormat Arau dulu, ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Orang yang kanan, silakan.

**Seorang Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Selepas Yang Berhormat Arau, Kuala Nerus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya dibagi 29 minit itu, lama sangat. Saya tidak mahu.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Lima minit cukup.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lima minit? Baik, lima minit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi 29 minit...

**Tuan Yang di-Pertua:** ...10 minit?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...10 minit okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** ...10 minit cukuplah.

■1550

3.50 ptg.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini Tuan Yang di-Pertua yang arif lagi bijaksana. Kepada Menteri, ini ialah satu kejayaan yang patut diberi penghargaan. Jadi tahniahlah Menteri tetapi ada sesuatu benda Yang Berhormat Menteri kena fikir bahawa bila kita pindah rang undang-undang ini, bukan ini. Ada dua rang undang-undang

yang kita pinda selepas itu *mari* rang undang-undang kedua dia sebut baru dilulus sebentar tadi. Mana dia tahu bahawa dilulus sebentar tadi ataupun sebentar tadi mungkin lulus dengan pindaan. Sewajarnya yang ini dibawa sehari Tuan Yang di-Pertua, dibawa sehari barulah kita nampak roh undang-undang itu, kehebatan undang-undang itu di mana selepas sehari, baru kita bawa rang undang-undang ini.

Ini baru sebentar tadi kita terus pinda yang ini. Katalah tadi tak lulus, sudah pasti Yang Berhormat Menteri kena bangun untuk tarik balik akta ini. Jadi, tak nampak cantiklah, tak manislah. Yang Berhormat ini seorang suka yang cantikkan, idola janda-janda kan, jadi Yang Berhormat mesti melihat kecantikan undang-undang itu mesti dibuat dibentangkan selepas sesuatu tempoh, bagi tempoh bernafas. Yang Berhormat, ini baru lulus sekarang, bawa undang-undang ini untuk dipinda. Jadi, nampak sangat kejanggalan yang luar biasa. Tadi Yang Berhormat baca teks, makna kata pegawai ada sedia belakang, baca teks bahawa yang dilulus sebentar tadi seolah-olahnya pegawai pun sudah tahu bahawa rang undang-undang ini diluluskan.

Tak bagus buat macam itu Yang Berhormat, rang undang-undang kena diberi tempoh bernafas, esoklah terbaiknya. Ini teguran yang tidak semestinya kalau teguran daripada pembangkang semua tak elok, ini yang perlu Yang Berhormat ambil ingatan. Bukan Yang Berhormat sahaja, termasuk Menteri sebelum ini. Habis kita lulus sahaja, sekejap lagi bawa undang-undang yang baru dilulus sebentar tadi. Mana boleh tahu, kalau dulu...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Oh! Ya silakan, 20 minit okey.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Mencelah. Setuju tak Yang Berhormat Arau supaya pihak yang berkaitan menubuhkan Majlis Peguam Syarie Kebangsaan ataupun Majlis Peguam Syarie Malaysia. Yang Berhormat Arau, boleh tak Yang Berhormat Arau tolong tanyakan, berapa jumlah terkini ikut negeri-negeri daripada Perlis sampailah ke Sabah, jumlah peguam syarie yang ada supaya kita boleh memikirkan tentang perkara-perkara yang seterusnya iaitu dari segi yuran tahunan, dari segi kuorum mesyuarat dan lain-lain. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, itu ialah soalan saya minta Yang Berhormat Menteri tolong jawab. Itu termasuk sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Keduanya, tadi Yang Berhormat Menteri mungkin hendak jawab soalan saya, mungkin Menteri satunya ialah mungkin tak ada ilmu. Kedua, mungkin Yang Berhormat Menteri meremehkan saya, jadi tak apalah saya terimalah.

Akan tetapi, walau bagaimanapun saya hendak ulang balik kes-kes yang tertangguh yang dahsyat berlaku dalam Mahkamah Syariah di mana kes fasakh sebagai contoh. Jadi bekas suami sudah berkahwin lain sudah anak dua tetapi isterinya tergantung, itu kes fasakh. Kemudian kes tuntutan nafkah tergantung sampai ada anak yang terpaksa berhenti belajar kerana menuntut nafkah dan dalam masa yang sama kena bayar wang guaman. Yang Berhormat, kita hendak tunjukkan kehebatan Mahkamah Syariah ini dengan Yang Berhormat keluarkan kenyataan bahawa hasil daripada apa yang telah dibentangkan ini, kita akan mengurangkan kes-kes yang tertunggak yang berleluasa kerana kaedah-kaedah yang dikeluarkan oleh negeri.

Peguam daripada wilayah hendak datang negeri lain, dia kena ikut kaedah negeri itu tetapi kalau keseragaman yang pertama Yang Berhormat buat syarat supaya kes fasakh tiga bulan. Jadi orang laki-laki tidak boleh memain-mainkan wanita lagi. Kalau dia tak hadir mahkamah, tujuannya hendak hukum bekas isterinya, jadi tiga bulan selesai. Dulu pernah Perlis buat macam ini, tiga bulan selesai. Jadi, banyak orang rujuk kes ini ke Perlis, Yang Berhormat tak mahu sebut ada dua, tiga benda kes Perlis hebat sebab Yang Berhormat mungkin malu ataupun dan sebagainya. Kes Perlis, kes talak tiga Yang Berhormat. Kes talak tiga, tanya pegawai-pegawai di belakang. Semua dirujuk kepada Perlis.

Negeri lain kalau jatuh talak tiga, tiga jatuh tetapi Perlis hanya satu. Sekali satu, kalau dua, dua, lepas itu tiga, tiga kali. Ini semua rujuk kepada Perlis. Jadi, peguam-peguam juga kena berhati-hati kalau dia masuk ke Perlis. Dia kena tengok undang-undang negeri Perlis. Kena Pahang, Pahang. Bayangkan peguam syarie bayaran tak tinggi sebab orang yang bermasalah ini sudah tentu juga tidak mempunyai kewangan yang cukup, bayaran tak tinggi. Kes tertangguh tinggi, akhirnya peguam dia hilang semangat untuk memperjuangkan satu-satu kes. Kalau Yang Berhormat bagi *time frame* tempoh kes fasakh tiga bulan, kes tuntutan nafkah tiga bulan. Kes talak tiga, Perlis sahaja, yang lain tak mahu buat tak apalah.

Sebab apa, kena ingat ini melibatkan hukum, sebab tadi saya cadang supaya Yang Berhormat adakan Majlis Mufti ini Yang Berhormat tak hendak jawab saya. Jadi, Yang Berhormat meremehkan saya. Padahal kalau sekiranya kita hendak selesaikan kes talak tiga ini supaya negeri semua sama, saya ingat ini tidak ada masalah sebab hampir semua negeri rujuk kepada Perlis. Dulu Tuan Yang di-Pertua mungkin tengah *dok* belajar, Perlis pada tahun 1956, saya pun jadi tahun 1956, Perlis memperkenalkan undang-undang bahawa boleh bayar zakat dengan menggunakan wang. Bukan dengan bijirin.

Mazhab Syafie mesti bayar dengan bijirin, Perlis buat wang, dengan itu Perlis di antara negeri yang paling tinggi pendapatan sebab semua orang yang hendak bayar dengan wang datang Perlis. Akhirnya negeri lain pun ubah fatwa mengikut Perlis bahawa negeri lain juga boleh dibayar dengan wang. Cuba tengok kehebatannya, demikian juga kes talak tiga sebagai contoh, boleh dirujuk bahawa kes talak tiga oleh sebab kita mempunyai nas yang cukup bahawa semua orang menerima bahawa kes talak tiga sekali talak satu, sekali talak satu bukan *pi* hukum tiga-tiga sekali ya. Yang ini ada nas yang boleh kita rujukkan. Ya, memang saya minta jawab benda ini supaya dalam usaha kita memperkasakan Mahkamah Syariah, dia dilihat sebagai mahkamah yang hebat ,mesti tertib dan saya rasa Mahkamah Sivil pun tak boleh buat macam kita buat.

Kita bagi syarat bahawa mesti diselesaikan dalam masa tiga bulan dan semua kes tertangguh itu dapat dikurangkan. Inilah nombor satu. Nombor dua iaitu tentang keseragaman. Yang Berhormat, keseragaman ini sebenarnya benda yang cukup mudah. Kalau sekiranya negeri-negeri boleh ikut Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan). Yang Berhormat boleh buka dalam *Google*, boleh minta pegawai bagi Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) semua negeri ikut sekarang ini. Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan), kenapa negeri ikut, padahal yang buat di wilayah? Ini kerana benda itu dibincangkan dengan cara berhemah dan dengan ada persetujuan bersama.

Kecuali rang undang-undang ini telah ditolak di peringkat Dewan Negara sekejap selepas itu diterima balik kerana ada beberapa seksyen yang kurang manis termasuk beberapa kes yang saya tidak mahu sebut perkataannya di sini tetapi ada dalam Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan), itu dipinda balik. Akan tetapi pada keseluruhannya semua negeri menerima, kalau semua negeri menerima Yang Berhormat, peguam-peguam kita dia tidaklah ada masalah sangat untuk pergi ke negeri-negeri. Sekarang dia kena ikut kaedah negeri dan bila negeri meletakkan kaedah, ini syaratnya, akhirnya peguam juga menghadapi masalah.

Jadi, kita minta supaya tempoh masa diberikan kepada semua kes-kes yang hendak dibicarakan dan ini akan jadilah keseragaman itu berlaku secara tak langsung. Akan tetapi dalam keadaan sekarang ini susah hendak buat keseragaman kerana beberapa benda yang merupakan hak negeri itu ataupun hak Raja itu kita hendak kena bincang dulu tetapi kalau kita bawa contoh tiga bulan fasakh, tiga bulan ini, tiga bulan ini, sudah pasti semua negeri akan ikut dan semua orang akan bergembira, rakyat

Malaysia bergembira, PH akan gembira. Kami lagi gembiralah sebab kami yang cadang benda ini.

Jadi, terima kasih di samping menyokong saya minta Yang Berhormat tolong jangan meremehkan persoalan saya, sebab benda ini besar Yang Berhormat, yang saya berdasarkan realiti kenyataan yang berlaku di sana. Jadi indahkanlah bahasa mu bila menjawab nanti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Arau, sekarang giliran di sebelah kanan. Saya menjemput Yang Berhormat Lembah Pantai. Tak ada? Ada dalam senarai tidak ada? Balik kepada sebelah sini Yang Berhormat Kuala Nerus.

### 3.59 ptg.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah, wa salatu wa salamu ala rasulillah.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya hendak rakam dahulu rasa kecewa saya kerana ketika mana saya berdiri dalam sesi perbahasan jawapan Menteri tadi, saya tak diberikan peluang yang banyak untuk bertanya walaupun saya berdiri dan tidak mencelah, hanya minta izin sahaja. Sedangkan rakan saya yang lain diberi peluang, Yang Berhormat Paya Besar dan juga Yang Berhormat Arau.

Jadi, saya rakamkan dalam ucapan saya pada kali ini agar Menteri memberi lebih peluang untuk saya mencelah ketika perbahasan.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tumpat tidak diberi peluang juga Tumpat.

### ■1600

Apa yang kita bincang sekarang adalah untuk yang terutamanya apabila kita terima dan luluskan Akta Guaman Syarie tadi di peringkat Wilayah Persekutuan, maka tentulah ada keperluan untuk kita memotong antaranya seksyen 59, yang mana telah kita pindahkan asal kuasa meluluskan itu dalam seksyen 59 adalah milik Yang di-Pertuan Agong, dipindahkan kepada Menteri. Itu soalan yang ditanya berkali-kali oleh rakan-rakan kita sebentar tadi.

Cuma, hasrat daripada kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri, tentulah agar apa yang kita buat sekarang di peringkat Wilayah Persekutuan, akan menjadi ikutan pula di peringkat negeri. Itu disebut sendiri oleh Yang Berhormat Menteri yang nanti akan dirundingkan di peringkat Majlis Hal Ehwal Islam peringkat kebangsaan dan seterusnya Majlis Raja-raja untuk akhirnya diselaraskan.

Soalan saya sangat mudah, iaitu kalau kita lihat dalam enakmen-enakmen yang ada di peringkat negeri-negeri. Kita lihat perkara berkaitan dengan peguam syarie ini dibincangkan di peringkat dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam. Kalau kita lihat seksyen-seksyen yang ada, kita lihat ada empat kaedah kuasa diberikan. Kalau kita ambil contoh negeri Selangor, negeri Terengganu, negeri Perak, negeri Perlis meletakkan di situ bahawa dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan. Itu di peringkat negeri yang saya sebutkan tadi. Kalau negeri Johor dan Pahang, dia tidak sebut kelulusan Sultan, cukup dengan Majlis. Kalau negeri Sarawak, diluluskan oleh Ketua Hakim. Negeri yang seperti Melaka dan Pulau Pinang, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong.

Kalau hasrat Menteri ialah untuk agar apa yang kita buat di peringkat Wilayah Persekutuan, diikuti oleh semua negeri-negeri yang lain, maka soalan saya ialah, nanti hasrat Menteri nanti, kalau negeri yang dahulunya meletakkan Sultan berhak untuk meluluskan, hendak pindah kepada siapa cadangan itu? Pindah kepada MB? Kalau peringkat Wilayah Persekutuan, pindah kepada Menteri. Terengganu? Selangor? Perak? Perlis? Hendak pindah kepada MB? Negeri seperti mana Melaka dan Pulau Pinang yang kita beri kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk meluluskan perkara melibatkan peguam syarie, hendak pindah kepada siapa? Ketua Menteri atau macam mana? Pulau Pinang siapa Ketua Menterinya?

Ini persoalan yang saya rasa perlu dibincangkan di sini kerana hasrat Menteri adalah sangat jauh, iaitu mahu ia menjadi undang-undang yang kita boleh wujudkan Majlis Peguam di peringkat Malaysia. Negeri Sarawak sebagai contoh, Ketua Hakim dikekalkan atau macam mana? Itu saya rasa soalan-soalan yang perlu dijawab oleh Yang Berhormat Menteri untuk kita melihat relevannya apa yang sedang kita bincang.

Kemudian, soalan saya seterusnya ialah tentang perkara-perkara yang masih belum selesai, dengan merujuk kepada akta yang telah kita potong sekarang. Mana-mana kes kalau kita baca pada seksyen 4 ini. Mana-mana kes yang belum selesai, akan merujuk kepada akta yang belum kita pinda, seolah-olah kita tidak pinda. Saya rasa ini menimbulkan satu persoalan dari segi undang-undang. Saya bukan peguam syarie atau peguam civil, saya mahukan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, dari sudut kaedah undang-undang. Bagaimana satu kes yang sedang berjalan hendak dirujuk pada satu akta yang sudah tidak wujud sebab, kita telah pinda akta tersebut. Dari sudut kaedah undang-undangnya macam mana?

Itu sahaja soalan saya, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh berikan jawapan dan pencerahan, kerana kita di sini hendak menyokong hasrat Yang Berhormat

Menteri. Saya sebut tadi dekat Yang Berhormat Menteri, saya sokong hasrat Yang Berhormat Menteri. Ini hasrat rakyat dan hasrat para peguam syarie agar segera kita wujudkan ruang dan peluang untuk Majlis Peguam Syarie ini berdiri sendiri sehebat Majlis Peguam yang ada pada seperti peguam sivil yang ada pada hari ini. Terima kasih. Assalamualaikum... [Disampuk]

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Kuala Nerus, mencelah sedikit.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Baru hendak sebut Assalam. Sila. [Ketawa]

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Di Malaysia ini sejak tahun 1998, kita sudah ada apa yang dipanggil sebagai Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Jadi, saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat Kuala Nerus, apakah fungsi yang sepatutnya Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia ini lakukan dari segi penyelarasang segala apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Nerus tadi? Ia sepatutnya lebih dimartabatkan segala usaha JKSM ini yang telah wujud sekian lama. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Perjuangan untuk kita nobatkan guaman syarie ini panjang sejarahnya. Daripada zaman penubuhan Fakulti Undang-undang di UIA oleh Profesor Ahmad Ibrahim dan disambung oleh anak murid beliau yang menguasai JKSM. Kita tahu bahawa perbincangan dalam tempoh yang panjang dan hari ini, rezeki diberikan oleh Allah kepada Pakatan Harapan, mereka yang membentang zaman dia. Sedangkan usaha yang panjang dan rundingan dengan pelbagai pihak, *stakeholder* termasuklah Persatuan Peguam Syariah dan sebagainya, begitu panjang. Hari ini kita lihat hasilnya. Cuma, apa yang kita tidak puas hati ialah pindah kuasa Yang di-Pertuan Agong kepada Menteri menimbulkan persoalan yang banyak. Saya rasa itu sahaja. Wassalamualaikum... [Disampuk]

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Sekali lagi, sekali lagi Yang Berhormat Kuala Nerus. Minta laluan sekejap.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Ada tiga minit lagi. [Ketawa]

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana boleh meringankan sedikit kerenah birokrasi. Sekarang ini, kita tengok di Perlis, Wilayah Persekutuan, Selangor dan juga Kedah ataupun Kelantan, Islam ini berbeza-beza. Adakah Islam sampai macam ini? Sekarang ini kita hendak ucap

terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana mengurangkan sedikit kerentang birokrasi, itu yang pertama.

Setelah kita luluskan rang undang-undang ini, keduanya kita minta juga Yang Berhormat Menteri buat persediaan untuk kita meringankan sebab sekarang ini anak-anak kita yang belajar di universiti dia syariah *compliance*. Tiba-tiba bila mai *practice* di negeri-negeri, dia berbeza. Adakah Islam begini dilihat oleh mata orang luar yang bukan Islam? Berbeza-beza.

Keduanya, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri— Yang Berhormat Kuala Nerus bersetuju atau tidak— Selepas selesai yang ini, bukan selesai, tidak selesai. Cuma, mengurangkan kerentang birokrasi kita dalam pelaksanaan Islam. Minta juga Yang Berhormat Menteri supaya melihat balik untuk kemudahan hakim bagi menjalankan keputusan syariah *compliance* seperti mana sekurangnya RUU 355 dilihat kembali bagi menyesuaikan dalam pelaksanaan undang-undang dari segi peguam syarie dan juga hakim yang hendak memutuskan hukuman-hukuman. Saya minta yang itu, macam mana pandangan Yang Berhormat Kuala Nerus?

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Kalau kita bincang dari sudut birokrasi, sememangnya kita mahu ia dipermudahkan dan apa yang sedang kita usahakan keseragaman itu ke arah untuk kita mengurangkan birokrasi yang ada. Akan tetapi, kita perlu ingat juga kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan untuk negeri-negeri yang berdaulat dengan Perlembagaan masing-masing. Kuasa diberikan kepada Sultan dan Raja dalam perkara berkaitan dengan agama. Perlu kita faham juga perbezaan itu ada rahmatnya kerana itulah dalam fiqah Islam pun ada pelbagai mazhab. Walaupun satu hadis yang disebut daif oleh para alim ulama. *[Membaca sepotong Hadis]* Perbezaan kadang-kadang memberi kebaikannya.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempergerusikan Mesyuarat]*

Ada negeri yang urusan perkahwinan keduanya begitu mudah. Ada negeri yang begitu sukar. Itu semua ada rahmat masing-masing. Hendak yang senang pergi negeri senang, Perlis sebagai contoh. Hendak yang sukar, pergi yang sukar. Ia ada kebaikan dia *insya-Allah*. Akan tetapi, hasrat kita di sini ialah, mana yang boleh kita permudahkan menerusi landasan undang-undang, menurut peruntukan Perlembagaan, itu kita usahakan, menjadi kewajipan Yang Berhormat Menteri dan kita sokong usaha yang seumpama ini. Saya rasa itu sahaja daripada saya, terima kasih *wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Ada lagi sesiapa yang ingin mengambil bahagian? Yang Berhormat Tampin sudah kah belum? Okey, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tampin selepas itu Yang Berhormat Paya Besar dan Yang Berhormat Tanjung Karang menutup tirai.

#### 4.08 ptg.

**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* *[Membacakan sepotong doa] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil bahagian untuk membahaskan usul mengadakan pindaan kepada Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 yang dikenali dengan Akta 505. Pindaan kepada akta ini adalah rentetan daripada perbahasan kepada Rang Undang-undang Profesional Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019.

Jadi, undang-undang yang diguna pakai sekarang ini, sekiranya kalau kita tidak pinda ataupun tidak ubah suai untuk dilaksanakan ataupun diluluskan, yang mengawal selia hal ehwal berhubung kait dengan profesion guaman syarie di Wilayah Persekutuan adalah berdasarkan kepada Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993. Jadi, usaha untuk membawa rang undang-undang bagi mengawal selia profesion guaman syarie yang sudah pun bermula sejak tahun 1984 itu harus kita lihat secara tuntas dan secara lebih sempurna supaya undang-undang guaman syarie ini dapat dilaksanakan secara lebih baik dan lebih sempurna.

#### ■1610

Kita mengangkat kedudukan peguam syarie itu di kedudukan yang sesuai dengan profesion yang dilaksanakannya. Saya yakin dan percaya dengan perubahan ataupun dengan pindaan ini, akan menjadikan profesion guaman syarie lebih mantap dan lebih kuat. Ini kerana faktor-faktor yang menyebabkan rang undang-undang ini diadakan adalah undang-undang yang diguna pakai bagi mentadbir peguam syarie di Wilayah Persekutuan pada masa ini iaitu Kaedah-kaedah Peguam Syarie adalah sangat terhad dan tidak meliputi semua aspek yang berkenaan dengan pentadbiran dan pengawalseliaan profesion guaman syarie.

Ia memperuntukkan tentang jawatankuasa peguam syarie, kelayakan dan penerimaan masuk peguam syarie serta prosiding tatatertib sahaja. Oleh yang demikian, ia dilihat kurang berkesan untuk menjamin kebajikan, kepentingan peguam syarie dan lebih penting ialah kepentingan pelanggan-pelanggan yang menggunakan khidmat

pegawai syarie. Sebagai contoh, Kaedah-kaedah Peguam Syarie, tiada peruntukan mengenai keperluan mengadakan latihan dalam kamar ataupun *chambering* dan sebaliknya.

Kedua, kaedah-kaedah peguam syarie yang digubal pada tahun 1993 tidak pernah dipinda ataupun ditambah baik selepas penggubalan dan penguatkuasaannya. Justeru itu, rang undang-undang kali ini akan menggantikan kaedah-kaedah peguam syarie, profesion peguam-pegawai syarie lebih terjamin. Rang undang-undang ini bukan sahaja memberikan fokus kepada kelayakan dan penerimaan masuk semata-mata malah ia mengambil kira kesemua aspek yang material termasuk peruntukan yang berkaitan dengan penubuhan Lembaga Kelayakan Peguam Syarie, Badan Peguam Syarie dan Majlis Peguam Syarie yang lebih bebas.

Ketiganya, apa yang saya hendak bawa ialah pada masa ini ialah pentadbiran dan pengawalseliaan hal ehwal yang berkaitan dengan profesion guaman syarie terletak di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Sudah tiba masanya ia ditadbir dan dikawal selia oleh satu badan bebas sebagaimana peguam cara dan peguam bela yang beramat di bawah sistem perundangan sivil yang dikawal selia dan ditadbir oleh satu badan bebas yang dikenali sebagai Majlis Peguam yang ditubuhkan di bawah Akta Profesional Undang-undang 1976 [Akta 166]. Jadi, sudah pastilah dengan wujudnya Akta Profesional Guaman Syarie ini, ia lebih menjurus ke arah untuk kita meletakkan peguam syarie itu lebih mantap dan lebih profesional lagi.

Keempat, rang undang-undang ini merupakan salah satu inisiatif dan langkah kerajaan dalam memartabatkan syariah dan profesion guaman syarie. Melalui rang undang-undang ini, kompetensi peguam syarie boleh digarap dan ditambah baik daripada semasa ke semasa melalui pelbagai inisiatif seperti kursus dan latihan.

Akhir sekali yang saya hendak sebutkan ialah apabila negeri-negeri telah pun menggubal dan membawa ke Dewan Undangan Negeri sebab undang-undang ataupun soal agama adalah terletak di bawah negeri. Maka, bukan sahaja Wilayah Persekutuan dan seluruh negara dan negeri-negeri yang telah meluluskan di peringkat enakmen negeri, pastinya akan mempertingkatkan lagi profesion guaman syarie di seluruh negara dan meletakkan profesion guaman syarie ini di suatu tahap yang lebih baik dan lebih diyakini untuk mengendalikan urusan-urusan keagamaan di negara kita ini.

Cumanya, saya ingin mengingatkan kepada pihak yang bertanggungjawab dalam mengendalikan apabila kita meluluskan undang-undang ini, memastikan soal segala urusan undang-undang ataupun kes-kes yang berlaku di Mahkamah Syariah

dapat diselesaikan mengikut masa dan juga tidak banyak kes yang tertangguh sebagai mana yang ada pada hari ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong usul ini untuk dipinda.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Paya Besar. Sila.

#### 4.15 ptg.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberikan ruang dan peluang untuk saya turut serta membahaskan pindaan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505]. Kita amat jelas sekali Tuan Yang di-Pertua, kita hendak meminda atau memotong seksyen 59 yang berkaitan dengan peguam syarie. Saya kira saya juga agak tersinggung kerana dalam pindaan yang dibuat ini seolah-olahnya ultra virus pada Perkara 38(4) Perlembagaan Persekutuan.

Saya baca Yang Berhormat Menteri. Dalam Perkara 38(4) Perlembagaan Persekutuan amat jelas mengatakan di bawah Bab II Majlis Raja-Raja, 38(4), “*Tiada undang-undang yang secara langsung menyentuh keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-raja boleh diluluskan tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja*”. Itu sebabnya Yang Berhormat Menteri, saya agak tersinggung apabila Yang Berhormat Menteri dalam penghujahan penggulungan semasa rang undang-undang yang kita telah luluskan tadi, seolah-olah mengatakan baru hendak rujuk kepada Majlis Raja-Raja selepas pindaan diluluskan. Saya juga agak tersinggung dan rasa terkilan kenapa perkataan “*Yang di-Pertuan Agong*” seolah-olah dihilangkan apabila kita memansuhkan peguam syarie. Saya yakin Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai kementerian amat maklum berkaitan perkara ini.

Akta 505 – saya baca satu persatu Yang Berhormat Menteri. Ia jelas menunjukkan bahwasanya seksyen 4, menubuhkan majlis dengan kuasa Yang di-Pertuan Agong. Seksyen 4 penubuhan majlis, kuasa untuk menubuhkan perbadanan. Seksyen 8(1) dan (2). Seksyen 8A juga terkandung perkataan “*Yang di-Pertuan Agong*”. Keanggotaan majlis, seksyen 10(2) dan (4). Jelas menunjukkan penamatan pelantikan. Seksyen 11, seksyen 12. Ini yang saya sebutkan Yang Berhormat Menteri. Minit pun perlu mendapat *consent* Yang di-Pertuan Agong. Seksyen 22(1), seksyen 22(3), bertindak dalam hal-hal tergempar. Seksyen 26(1) dan (2). Kerahsiaan Yang Berhormat Menteri, seksyen 28. Ada terkandung perkataan yang saya bangkitkan setiap kali Yang Berhormat Menteri.

Saya bukan ada masalah dengan Rang Undang-undang Peguam Syarie ini. Saya amat menyokong sangat kerana ramai anak muda di luar sana, selepas mereka ada sivil, peguam sivil, mereka hendak jadi peguam syarie. Saya amat sokong tetapi isunya adalah kenapa perkataan “*Yang di-Pertuan Agong*” dinafikan haknya, meniadakan haknya dalam rang undang-undang yang telah kita luluskan tadi. Ini disebabkan dalam Akta Pentadbiran Undang-undang Islam jelas kerana dalam Kerahsiaan dalam seksyen 28, Kuasa Majlis seksyen 31, Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti seksyen 32, Kuasa Mufti seksyen 33, seksyen 34, semua ada terkandung perkataan “*Yang di-Pertuan Agong*”.

Penubuhan Mahkamah Syariah seksyen 40, Yang di-Pertuan Agong boleh atas nasihat Yang Berhormat Menteri. Seksyen 41, Pelantikan Ketua Hakim Syarie. Seksyen 42, seksyen 43, seksyen 44, seksyen 45. Ini semua jelas. Seksyen 43(3), “*Yang di-Pertuan Agong boleh dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam Warta memperluaskan bidang kuasa mal Mahkamah Rendah Syariah*”. Ini semua, yang saya sebutkan Yang Berhormat Menteri, kerana seksyen 58 pelantikan pendakwa syarie dan pegawai penguat kuasa agama, Yang di-Pertuan Agong boleh atas nasihat Menteri. Akan tetapi yang mengecewakan dan menyenggung dan menyebabkan saya rasa terkilan ialah seksyen 59 juga terkandung perkataan “*Yang di-Pertuan Agong*”.

Yang Berhormat Menteri, sepatutnya kita berunding dulu dengan Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja. Bukannya Yang di-Pertuan Agong dahulu dan kemudiannya habis perbahasan penggulungan dan diluluskan, dibawa kepada Majlis Raja-Raja. Ini terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan Yang Berhormat Menteri.

Saya belum lagi sentuh perkataan kerana ini jelas menunjukkan rang undang-undang Akta 505 ini digubal kerana ingin memenuhi Perkara 3(5) seperti mana yang selalu saya sebutkan. Jadi itu sebabnya Yang Berhormat Menteri saya harap sangat kita jangan ada perkara-perkara yang seolah-olahnya menganggap ini feudal perundangan kerana ingin mempercepatkan satu segi tetapi kita melupakan bahawasanya kita telah ultra virus kepada Perlembagaan Persekutuan Perkara 3 dan Perkara 38(4).

## ■1620

Saya juga hendak menyentuh dan minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Jika Yang Berhormat Menteri dengan kelulusan fasal 9, fasal 65, fasal 66 dan fasal 67 melibatkan Yang Berhormat Menteri. Saya juga ingin— seperti mana Yang Berhormat Menteri Kuala Nerus beritahu tadi, adakah di peringkat negeri— sebab saya refer kepada Enakmen Pentadbiran Negeri Pahang di bawah seksyen 66 yang jelas memperuntukkan berkaitan dengan peguam syarie. Jelas Duli Yang Maha Mulia Seri

Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terlibat. Adakah selepas ini, apabila ia hendak diseragamkan, siapa yang akan menggantikan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Raja-raja di setiap negeri? Ini kerana apa Yang Berhormat Menteri, kita jangan lupa bahwasanya peguam syarie adalah komponen dalam memperkasakan hal ehwal undang-undang Islam.

Saya juga harap sangat Yang Berhormat Menteri juga memberi komitmen. Kalau betul kita hendak menegakkan hak ehwal agama Islam dan saya bersetuju supaya Rang undang-undang 355 ini juga harus diberi komitmen di dalam Dewan yang mulai ini. Adakah pihak kementerian bersetuju untuk membuat pindaan agar mahkamah syariah ini diperkasakan? Selaras dengan pemerkasaan peguam syarie yang telah kita bincangkan begitu panjang lebar. Jadi saya harap sangat Yang Berhormat Menteri, saya tidak mahu mengambil masa yang agak panjang. Akan tetapi peranan dan tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong ini mesti selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tanjong Karang menutup perbahasan, sila.

#### 4.22 ptg.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya pun sama dengan rakan-rakan yang lain dan sama dengan Yang Berhormat Paya Besar. Saya hendak pergi *direct to the point*, seksyen 59 ini telah ditiadakan. Dengan pindaan ini, kita telah *delete* seksyen 59. Hanya saya hendak ulang lagi seperti mana Yang Berhormat Paya Besar juga menyatakan bahawa, apabila seksyen asal seksyen 59(2) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1993 jelas menyebut bahawa, “*Majlis boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat kaedah-kaedah*”, disebut itu, disebut.

Apabila kita telah tiadakan seksyen 59(2) ini, bermakna satu kuasa Yang di-Pertuan Agong ini telah pun tiada di dalam Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah-wilayah Persekutuan. Apabila kita telah tiadakan seksyen 59(2) ini, yang kalau kita baca ada terbabit dengan kuasa Yang di-Pertuan Agong, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah, apakah tindakan kita apabila kita *delete* ataupun kita memotong seksyen 59 ini? Adakah ia sejajar ataupun sama dengan Artikel 38(4) Perlembagaan Persekutuan?

Tadi, Yang Berhormat Paya Besar pun sudah sebut sebab perkara ini kita kena tengok serius, ini melibatkan Perlembagaan. Kalau Perlembagaan menyatakan Perkara 38(4) bahawa hendak meminda kedudukan Raja-raja dan sebagainya ini, kena mendapat kelulusan daripada Majlis Raja-Raja. Maka saya hendak tahu, sama ada dengan hendak meminda ataupun kita hendak memotong seksyen 59 ini, adakah telah pun mendapat kelulusan daripada Majlis Raja-Raja? Adakah ia mengikut kehendak dan juga Artikel 38(4) Perlembagaan? Saya ingat itu sahaja yang saya hendak jelaskan mengenai ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, sedikit Yang Berhormat Tanjong Karang, boleh? Sedarkan Yang Berhormat Tanjong Karang bahawa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya bagi 10 minit kepada Yang Berhormat Pontian untuk bahas.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tidak mengapa, saya tanya sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sedarkan Yang Berhormat Tanjong Karang bahawa ada satu perkara yang perlu diselaraskan iaitu apabila peguam sivil untuk menjadi peguam syarie amat mudah sebenarnya, iaitu perlu menambah setahun lagi untuk mengambil *Diploma in Shariah Law and Legal Practice* (DSLP), hanya satu tahun. Namun kalau peguam syarie untuk menjadi juga peguam sivil, dia terpaksa mengambil empat tahun, bukan satu tahun. Seolah-olah dia kena mengambil semula apa yang dipanggil sebagai Sarjana Muda Undang-undang Tambahan.

Dengan lain perkataan, ini sudah berlaku satu perkara yang tidak adil, yang sivil hendak jadi syarie cuma tambah satu tahun, tetapi yang syarie hendak juga sivil kena tambah empat tahun. Tidak bolehkah empat tahun itu dikurangkan kepada *Diploma Civil Law and Practice*, katalah kalau perlu tidak sampai empat tahun, perlu dua tahun pun jadilah. Apa pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang?

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ini juga saya bangkitkan dalam ucapan saya, tetapi mungkin Yang Berhormat Menteri tidak sempat jawab. Ini respons daripada Yang Berhormat Hulu Langat dia sebut hari itu. Supaya peguam syarie dengan peguam sivil ini duduk sama rendah, berdiri sama tinggi. Saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat Pontian tetapi saya juga memahami, bahawa ini bukan di bawah *jurisdiction* ataupun bawah bidang kuasa Yang Berhormat Menteri Agama. Ini kerana kalau kita hendak buat supaya peguam-peguam syarie yang juga kita tahu

mereka ini juga mengambil masa empat tahun untuk mendapat ijazah syarie, jadi ini sudah tentulah kita kena ubah *Legal Profession Act*. Ini di bawah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Saya hanya hendak Yang Berhormat Menteri supaya tolol perjuangkan supaya perjuangan kata duduk sama rendah, berdiri sama tinggi tadi, Yang Berhormat Hulu Langat *duk cakap* itu. Hendak kena tolong Yang Berhormat Hulu Langat, jangan hendak jadi peguam syarie mudah, tetapi apabila peguam syarie hendak praktis jadi bawah *Legal Profession Act* susah. Akan tetapi sudah tentulah ada pelbagai syarat akan dikenakan, kita tahu bukannya mudah dia ada enam *core subjek* dan sebagainya. Akan tetapi kalau boleh dibincangkan, kemungkinan dengan pengalaman-pengalaman yang ada, boleh kita beri peluang juga kepada peguam syarie ini, boleh praktis undang-undang sivil. Ini saya sudah cadang dan minta perhatian daripada pihak Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Memandangkan ia adalah *consequential amendment*, berapa minit Yang Berhormat Menteri perlukan?

#### 4.27 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa]:**

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua kerana soalannya lebih kurang, semua tentang kuasa raja dan sebagainya, saya perlu 10 minit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, 10 minit. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada rakan-rakan yang telah berbahas dalam *consequential*. Maknanya kita buat ini di atas keperluan apabila seksyen 59 itu diambil dengan wujudnya Akta Profesional Guaman Syarie. Maka, tidak boleh tidak perkara ini dibuat untuk mengelakkan pertindihan. Cuma isunya yang dibahaskan di dalam Dewan ini sebentar tadi ialah, pertama ialah Yang Berhormat Arau itu okeylah, saya terimalah apa-apa dia bagi cadangan.

Okey, *fine* lah saya terima dan Yang Berhormat Kuala Nerus kalau rasa saya tidak jawab, saya mohon maaflah sebab itu bukan kehendak saya tetapi untuk menghormati Dewan dan sebagainya. Akan tetapi apa yang lebih penting dalam masa sembilan minit yang berbaki ini ialah tentang isu yang dikatakan sebagai ultra virus. Ini

amat-amat bahaya sebab kalau kita buat sesuatu undang-undang yang ultra virus sudah tentulah undang-undang itu dianggap sebagai tidak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak sah.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** ...berketepatan dengan undang-undang, saya amat bersetuju itu. Di atas sebab itu, saya ingin tegaskan dan jelaskan sekali lagi bahawa pindaan Akta 505 ini sebagaimana yang telah dinyatakan berulang kali, Rang Undang-undang Profesional Guaman Syarie yang ada kaitan *consequential* ini dan pindaan akta ini sebab dia datang sekali, adalah berkaitan dengan Wilayah Persekutuan, ia hanya Wilayah Persekutuan. Apabila kita kata Wilayah Persekutuan, Perkara 38 yang dibangkitkan tadi itu, Perlembagaan Persekutuan berkenaan dengan Majlis Raja-Raja, tidak berbangkit sama sekali. Oleh sebab yang kita bincangkan ini, kalau tadi Yang Berhormat Tanjung Karang tanyakan tadi *direct*lah kan, saya pun jawab *direct*lah, tidak berbangkit.

Rang undang-undang yang dipinda ini, kerana kita meletakkan rayuan profesion guaman syarie, rang undang-undang ini adalah berkaitan dengan profesion guaman syarie. Ia tidak menyentuh mengenai keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-raja. Ia tidak ada kena mengena di situ.

#### ■1630

Sebab itu saya ingin bacakan yang dibangkitkan tadi Perkara 38(4) yang duduk di bawah *Conference of Rulers*. Perkara 38(4) ini dia sebut, “*No law directly affecting the privileges, position, honours or dignities of the Rulers shall be passed without the consent of the Conference of Rulers*”. Oleh sebab yang ini kita buat bukan berkenaan dengan itu semua tadi, maka dia tidak ada ultra vires dalam kita memperkenalkan dan juga meminda undang-undang ini.

Saya jawab secara *direct* dan terus sebab kami juga sebelum dibuat apa-apa perundangan ini, kita adalah dinasihat oleh Pejabat Peguam Negara yang memberikan kita dia punya pandangan dan sudah tentulah perkara terakhir yang kita tidak hendak buat ialah kita buat sesuatu itu sebagai ultra vires. Saya harap saya *direct* jawapannya, tidak *ultra vires* dan tidak bercanggah.

Adapun isu yang dibangkitkan oleh...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri. Boleh?

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Saya rasa sudah jawab. Sudah cukuplah.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tidak. Kita hendak debat berkaitan *position of the rulers*.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Saya sudah sebut tadi benda itu tidak ultra vires dan *is a direct answer to the question, the lengthen debate you have just put forward*, dengan izin. Saya hendak layan Yang Berhormat Kuala Nerus.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Bukan isu layan.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Saya hendak tengok— sebab dia kecil hati dengan saya tadi sebab saya *dok* bagi dekat Yang Berhormat Paya Besar sahajakan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Bukan, Paya Besar sebab saya yang bangkit banyak perkara.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab Yang Berhormat Kuala Nerus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Terima kasih. Ada isu yang melibatkan dua perkara yang dibangkitkan agak relevan. Iaitu pertama isu kes yang belum selesai. Adakah terpakai kalau kita luluskan ini?

Rang undang-undang ini memberi kuasa bahawa mana-mana kes yang belum selesai diuruskan mengikut akta ibu, dia kena ikut akta ibu iaitu Akta 505 dan perkara ini adalah lazim. Kalau dia tidak selesai lagi, maka automatik dia kena ikut yang dahulu. Yang akta ibu ini yang berlaku, bila adanya undang-undang baharu— dan kerana itu fasal 4. Ini yang kita kemukakan ini, fasal 4 ini. Di bawah kecualian dan peralihan, dia kata... *[Membaca petikan]*

*“Apa-apa permohonan oleh mana-mana orang bagi penerimaan sebagai peguam syarie, atau bantahan mengenai permohonan itu atau penerimaan sebagai peguam syarie, atau rayuan terhadap keputusan yang berhubungan dengan permohonan bagi penerimaan itu, atau prosiding tatatertib yang berhubungan dengan peguam syarie, yang belum selesai sebelum mula berkuat kuasanya akta ini hendaklah diuruskan di bawah akta ibu seolah-olah akta ibu tidak dipinda.”*

Dalam kes yang macam itulah. Itu satu.

Kedua, Yang Berhormat Kuala Nerus tanya satu soalan yang agak relevan dan Yang Berhormat Paya Besar pun ada sentuh dalam perbahasan iaitu soalan dengan negeri-negeri. Kita tahu bahawa penyeragaman ini tidak boleh dibuat sehingga negeri-negeri menerimanya. Sudah tentulah apabila ia dibawa ke negeri-negeri, kita tidak kata kena ikut 100 peratus daripada model ini. Kita hanya meletakkan model Wilayah

Persekutuan. Mungkin bila turun di negeri-negeri, maka kemungkinan dari segi keperluan negeri-negeri itu boleh berlaku kita kata apa-apa pindaan.

Contoh, bila ditanya kepada saya kalau di sini Menteri yang ada kuasa untuk kaedah-kaedah dan sebaginya, apakah di negeri maka kuasa yang sebelumnya ada, contoh pada negeri itu kuasa sultan, adakah dipindahkan kepada Exco? Itu saya tidak tahu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Itu terpulang kepada pendekatan negeri mengikut undang-undang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Akan tetapi...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri, penjelasan.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** ...Apa yang saya ada di hadapan saya ini ialah model yang mengikut rohnya dan semangatnya ialah supaya peguam-peguam syarie diletakkan pada kedudukan yang lebih mulia dan lebih dihormati.

Jadi apa yang berlaku di negeri itu terpulanglah kepada cara dan bagaimana negeri-negeri itu hendak sesuaikan. Akan tetapi rohnya di situ. Macam mana dia hendak buat, saya sebagai yang mewakili Persekutuan tidak ada kuasa untuk menentukan sebaliknya tetapi rohnya ialah untuk penyeragaman.

Adapun dibangkitkan tadi JKSM.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Dalam penyelarasan rang undang-undang iaitu kita ada beberapa platform, bukan sahaja Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, penjelasan.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Akan tetapi juga yang ada di bawah kita ialah platform yang kita namakan sebagai...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat kalau tidak bagi, cakap tidak bagilah.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** ...Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syariah dan Sivil di mana dalam Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syariah dan Sivil ini...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** ...Akan ada satu program di mana mereka akan melibat uruskan negeri-negeri. Dia akan turun ke negeri-negeri, dia akan libat urus dengan pemegang-pemegang taruh.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Minta penjelasan. Kalau tidak boleh, cakap tidak bolehlah.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Kita sudah ada *roadmap* macam mana isu-isu penyeragaman ini termasuklah Akta Profesional Guaman Syarie ini dan juga Akta Jenayah Syariah juga kita sudah ada *roadmap* macam mana kita hendak *engaged*, libat urus pihak-pihak negeri. Semuanya akan berada di dalam KPI bahagian agama iaitu hendak memartabatkan undang-undang Islam dan keseragaman yang paling terbaik yang kita akan cuba usahakan mengambil pengalaman-pengalaman daripada yang terdahulu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Itu isu-isu yang dibangkitkan.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Sedikit pencerahan, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Jadi saya ingat Yang Berhormat Arau tidak ada banyak bangkit. Yang Berhormat Arau hanya sebut tentang ada Perlis lebih baik kalau bab kahwin tiga. Yang itu 10 kali dah dia sebut dalam Dewan. Takkan saya hendak ulang di sini? Jadi, bukan saya hendak merendahkan soalan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, penjelasan. Penjelasan.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** ...Tetapi kadang-kadang isu itu tidak relevan untuk saya hendak jawab. Selepas itu saya hendak bagi pantun dekat Yang Berhormat Arau.

*Yang Berhormat Arau umpama panglima jebat,*

*Siang malam tetap berjaga,*

*Tuan Arau memang hebat,*

*Sudah lama lagi bertenaga.*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey. Bereh. Thank you very much.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Jadi saya rasa, Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Pencerahan sedikit, Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Kena bagi pantun baru Yang Berhormat Arau puas hatilah.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjimatkan masa....

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Apa ini...

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Saya sudah habis penggulungan saya kerana ini *consequential*.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini saya minta penjelasan sedikit.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Bila *consequential*, ia tidak perlu....

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, di bawah 34.

*Point of order. Point of order.*

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Sebab kita hanya perlu untuk meluluskan sebagai turutan daripada Akta Profesional Guaman yang telah kita bentangkan tadi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Point of order. Point of order.*

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Jadi dari itu, saya mohon Tuan Yang di-Pertua untuk menggulung perbahasan untuk petang ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya minta Speaker bawah 34(1).

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempergerusikan Jawantankuasa]**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** P.M. 36(6). Saya minta direkodkan Menteri bersangka jahat kepada apa yang saya sebutkan tadi kerana Yang Berhormat Menteri tidak faham tentang undang-undang, Yang Berhormat jangan cakap. Yang Berhormat memperlekehkan kononnya tentang undang-undang talak tiga tadi,

Yang Berhormat memperlekehkan saya. Yang Berhormat tidak tahu, Yang Berhormat jawab kata ini akan dipertimbangkan. Yang Berhormat tidak boleh perlehkan macam itu. Tiap-tiap negeri ada hak mereka dan Yang Berhormat telah mengeluarkan sangkaan paling jahat dalam dunia. P.M. 36(6).

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kepada saya, dengan menuduh saya bercakap benda-benda yang remeh. Kalau sekiranya benda ini yang ditimbulkan ini remeh, akhirnya Yang Berhormat, daripada Menteri yang hebat jadi Menteri remeh. Yang Berhormat sudah diberi gelaran menteri LGBT, sekarang hendak kena beri gelaran Menteri remeh? Saya tidak mahu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri seorang yang hebat lagi gagah perkasa tetapi kurang arif tentang agama.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Jangan lempar tuduhan. Inilah sangkaan jahat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau, sebenarnya bukan Menteri tidak mahu layan. Baca Perkara 36(1). Dalam perbahasan mesti adalah perkara yang relevan. Talak tiga kah, talak dua kah, tidak ada kaitan dengan pindaan hari ini. Sebab itu Menteri tidak layan. Sila setiausaha.

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Maaf, Yang Berhormat Menteri. Undang-undang peguam syarie itu, Yang Berhormat tidak boleh pertikai *hat* talak tiga. Yang Berhormat tidak faham. Sebab sekarang ini orang Kuala Lumpur ini kalau dia bercerai dia kata talak tiga, tiba-tiba dia sayang kepada isterinya, dia pergi Perlis. Itu saya sebut. Jadi Yang Berhormat Menteri kalau tidak tahu, Menteri menjawab bahawa, "Saya akan melihatnya dan mempertimbangkan".

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau, jangan merapu, jangan merepek. Sila. Sila Setiausaha.

■1640

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tak boleh sebut Yang Berhormat, kata yang talak tiga tak termasuk dalam tu. Ini di antara benda yang terlibat. Keterlibatan peguam ini ialah berhubung kes-kes...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Mana satu fasal dari pindaan tadi itu ada berkaitan dengan talak tiga?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, ini kaedah negeri Tuan Yang di-Pertua di bawah kaedah negeri.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sini Parlimen!

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, ini Parlimen.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Setiausaha, jangan bazir masa.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua menjerit di Dewan Negeri Perak itu bukan Dewan Negeri kah?

*[Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berucap.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berucap fasal 1 hingga 4. Tuan Yang di-Pertua menyalahi peraturan di Parlimen. Tuan Yang di-Pertua pergi... *[Tidak jelas]* macam itu.

#### 4.40 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa]:** Terima kasih. Saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak boleh! Ini...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk Yang Berhormat Menteri kerana meremehkan Perkara 38(4)...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Bacaan kali yang ketiga. Sila Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Perkara 38(4) memperlekehkan Majlis Raja-Raja. Saya hendak rujuk Yang Berhormat Menteri sekarang. Ini masuk

bawah peraturan mana? Oleh sebab, Yang Berhormat Menteri kata tentang kedudukan Raja-raja tadi disebut, tidak perlu dirujuk...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Padahal ia berkaitan. Jadi...

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa]:**

Saya rasa masa saya baca dalam bahasa Inggeris Yang Berhormat Arau dia tidak faham gamaknya itu tentang Perkara 38(4) itu.

Oleh sebab, yang kita bincang ini tidak ada kena mengena dengan yang disebutkan Perkara 38(4).

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** So, saya tidak perlu jawablah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, tidak perlu jawab.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *Position* itu, *position*. Takrifan. Yang Berhormat Menteri? *Position* punya takrifan itu. Jangan mengelirukan Dewan.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri? Yang Berhormat Menteri memperlekehkan saya.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Saya memohon maklumkan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Perbuatan inilah satu perbuatan yang kurang ajar dan bertaraf 'kepala bapak'. Yang Berhormat Menteri memperlekehkan saya. [*Sistem pembesar suara dimatikan*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau, ini adalah Dewan yang mulia. Janganlah lontarkan kata-kata kesat seperti *kepala bapak*lah, kurang ajarlah. Sebagai orang lama, sepatutnya tunjukkan teladan yang baik. Tuan Yang di-Pertua sudah buat *ruling*, di mana ia tidak relevan. Jangan buang masa Dewan yang mulia ini. Saya menghargai kerjasama dari Yang Berhormat Arau. Sila, sila duduk.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maklumkan bahawa rang undang-undang...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri telah meremehkan perkara. [*Sistem pembesar suara dimatikan*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Itu perkara tidak benar. Sila, sila.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa:** Dewan ini menghormati sebab ini adalah penting untuk kita pertama-tamanya meluluskan. Jadi, saya harap kita dapat tidak mengganggu ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) (No.2) 2019, suatu akta yang meminda akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua saya protes kerana Yang Berhormat Menteri memperlekehkan Perkara 38(4) dan menuduh saya tidak faham. Saya dengan ingin protes dan saya keluar sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila, sila. Sila tinggalkan Majlis atas kesudian sendiri. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri Sumber Manusia (Tuan M. Kulasegaran) dan diluluskan]*

#### **RANG UNDANG-UNDANG STANDARD MINIMUM PERUMAHAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA (PINDAAN) 2019**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

##### **4.44 ptg.**

**Menteri Sumber Manusia [Tuan M. Kulasegaran]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019 iaitu suatu akta untuk meminda Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-undang Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019 telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini untuk bacaan kali yang pertama pada 11 Julai

2019. Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) selepas ini disebut sebagai Akta 446 menetapkan standard minimum perumahan dan menyediakan kemudahan asas bagi pekerja dan tanggungan mereka yang perlu disediakan oleh majikan hanya (*only*) yang menyediakan perumahan kepada pekerja.

Akta 446, terpakai untuk majikan dalam sektor perladangan dan perlombongan yang menyediakan perumahan kepada pekerja. Rang undang-undang ini mencadangkan supaya liputan Akta 446 diperluaskan kepada semua sektor di negara kita. Akta 446 ini tidak mewajibkan, saya menekankan lagi ya Tuan Yang di-Pertua, tidak mewajibkan menyediakan perumahan atau penginapan kepada pekerja. Akan tetapi, sekiranya majikan menyediakan perumahan atau penginapan, ia hendaklah mematuhi standard minimum yang ditetapkan di bawah akta ini. Perluasan akta ini kepada semua sektor yang juga mengguna pakai prinsip yang sama iaitu tidak mewajibkan majikan menyediakan perumahan ataupun penginapan.

Selain itu, rang undang-undang ini juga dicadangkan untuk terpakai di Semenanjung Malaysia dan Labuan sahaja. Bagi Sabah dan Sarawak, Akta 446 ini dikecualikan pemakaianya sejak akta ini mula dikuatkuasakan pada tahun 1990. Bagi memanfaatkan pekerja di Sabah dan Sarawak, peruntukan setara akan dimasukkan dalam Ordinan Buruh Sabah (Bab 67) dan Ordinan Buruh Sarawak (Bab 76) tertakluk kepada persetujuan kerajaan negeri masing-masing. Akta 446 ini dikuatkuasakan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) sejak dikuatkuasakan pada tahun 1990, Akta 446 tidak pernah dipinda.

Dalam menggubal pindaan Akta 446, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengadakan sesi libat urus yang menyeluruh dengan pihak berkepentingan khususnya kesatuan sekerja, persatuan majikan dan agensi kerajaan yang berkaitan untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas mengenai pindaan Akta 446 ini. Kerajaan berpandangan sudah tiba masanya Akta 446 dipinda bagi meningkatkan dan memperluaskan perlindungan dan kebijakan golongan pekerja dalam aspek perumahan, penginapan dan kemudahan yang berkaitan.

Pindaan ini juga akan menjadikan Akta 446 selaras dengan perkembangan standard buruh antarabangsa terutamanya dari segi pemantauan kepada standard piawaian antarabangsa iaitu R115 ILO - *Workers' Housing Recommendations* yang telah dibuat pada tahun 1961. Secara amnya, rang undang-undang bagi meminda Akta 446 ini adalah bertujuan untuk menemui hasrat berikut, iaitu:

- (i) menjunjung Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan penggal

kedua, Majlis Parlimen Ke14, pada 11 Mac 2019. Baginda antara lain bertitah bahawa kerajaan akan mereformasi undang-undang buruh bagi memastikan ia mematuhi standard antarabangsa di samping menambah baik aspek perlindungan ke atas pekerja;

- (ii) meningkatkan faedah-faedah *statutory* Akta 446 bagi memastikan pekerja dalam semua sektor pekerjaan menikmati perumahan dan penginapan yang lebih baik, kemudahan asas yang selesa serta tahap kesihatan dan keselamatan yang lebih terjamin. Majikan perlu agar mempunyai pilihan sama ada untuk membina, menyewa atau menetapkan pekerja mereka dalam penginapan berpusat;

#### ■1650

- (iii) mematuhi standard perburuhan antarabangsa berhubung penyediaan perumahan kepada pekerja yang akan memudah cara perdagangan antara Malaysia dengan negara-negara lain. Pemantauan ini juga membolehkan Malaysia menyertai perjanjian perdagangan bebas dan boleh mengelakkan syarikat Malaysia daripada dikenakan sekatan perdagangan; dan
- (iv) memenuhi janji kerajaan bagi memastikan perlindungan hak pekerja di Malaysia setara dengan piawaian antarabangsa kerajaan antarabangsa. Kerajaan Pakatan Harapan telah berjanji untuk meningkatkan martabat golongan pekerja dan memastikan perlindungan hak pekerja di Malaysia setara dengan piawaian antarabangsa termasuklah konvensyen-konvensyen yang digariskan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa, *International Labor Organization* (ILO).

Rang Undang-undang Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, secara amnya rang undang-undang ini melibatkan pindaan ke atas peruntukan sedia ada dan memperkenalkan bahagian baharu iaitu Bahagian IIIA. Seterusnya, saya akan menjelaskan fasal-fasal rang undang-undang ini.

Nombor satu, tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa. Fasal 1 adalah mengenai tajuk ringkas rang undang-undang ini dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa pindaan ini.

Kedua, pindaan tajuk panjang. Fasal 2 rang undang-undang mencadangkan pindaan kepada tajuk panjang Akta 446 seperti berikut. Menggantikan perkataan *workers* dengan perkataan *employees* dalam teks bahasa Inggeris selari dengan cadangan penggunaan perkataan *employee* dalam keseluruhan Akta 446 dan memasukkan selepas perkataan ‘tanggungan mereka’ perkataan ‘penginapan untuk pekerja yang tidak ditemani oleh tanggungan dan penginapan berpusat’.

Pindaan ini bertujuan memperluaskan ruang lingkung Akta 446 supaya merangkumi sektor pekerjaan lain sebagai tambahan kepada sektor estet yang terdiri daripada perladangan dan perlombongan. Akta 446 akan mempunyai kuasa untuk mengawal selia standard minimum penginapan untuk pekerja yang tempat pekerjaannya adalah selain daripada estet.

Nombor tiga, pindaan am. Fasal 3 rang undang-undang mencadangkan pindaan am seperti berikut. Menggantikan perkataan *worker*, *workers and a worker* dengan perkataan *employee*, *employees and an employee* dalam seksyen-seksyen yang berkaitan dalam teks bahasa Inggeris Akta 446 agar selaras dengan Akta Kerja 1955 (Akta 265) dan menggantikan perkataan dua ribu dengan perkataan lima puluh ribu dan perkataan seratus dengan perkataan ‘satu ribu’ bagi setiap hari kesalahan individu itu berterusan. Ini bertujuan bagi meningkatkan hukuman yang dikenakan bagi kesalahan di bawah seksyen 18 mengenai mengangkut pekerja yang sakit ke hospital seksyen 20 mengenai kewajipan melaporkan penyakit berjangkit dan seksyen 33 berhubung penalti am.

Secara amnya cadangan menaikkan denda dalam rang undang-undang ini bertujuan untuk meningkatkan pemantauan dan menyeragamkan *stream line* dengan undang-undang buruh yang lain.

Pindaan seksyen 1, fasal 4 rang undang-undang akan meminda seksyen 1 Akta 446 seperti berikut. Satu, menggantikan perkataan standard minimum perumahan dengan perkataan standard minimum perumahan penginapan. Selari dengan cadangan perluasan skop Akta 446 melalui peruntukan ini. Akta 446 akan dikenali sebagai Akta Standard Minimum Perumahan Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 dan menggantikan perkataan seluruh Malaysia dengan perkataan Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Cadangan peruntukan ini akan meminda ruang lingkup pemakaian Akta 446 supaya hanya terpakai di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Hal ini adalah kerana Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak secara prinsipnya telah bersetuju supaya peruntukan setara dengan Akta 446

diperuntukkan dalam Ordinan Buruh Sabah (Bab 67) dan Ordinan Buruh Sarawak (Bab 76) masing-masing. Susulan itu, fasal 5 rang undang-undang memperuntukkan bahawa segala sebutan Akta 446 dalam undang-undang bertulis atau dokumen lain hendaklah merujuk kepada nama baharu apabila pindaan akta ini berkuat kuasa.

Fasal 6 rang undang-undang bertujuan meminda seksyen 2 Akta 446 untuk mengehadkan pemakaian Bahagian II berhubung dengan peruntukan perumahan dan kemudahan pekerja. Ini adalah untuk menjelaskan bahawa Bahagian II Akta 446 tidak terpakai kepada Majlis Bandar raya, Majlis Perbandaran atau Wilayah Persekutuan iaitu semua ini *government quarters*.

Pindaan kepada seksyen 3. Fasal 7 rang undang-undang ini adalah untuk meminda tafsiran yang digunakan dalam seksyen 3 Akta 446. Selain bertujuan untuk menyeragamkan penggunaan istilah *employee* dalam teks bahasa Inggeris Akta 446, fasal ini meminda tafsiran Menteri mengikut penggunaan semasa dan pindaan yang berbangkit kepada pegawai perubatan kesihatan yang tidak lagi meliputi di Sabah dan Sarawak.

Fasal 8 rang undang-undang akan meminda seksyen 10 akta yang bertujuan menggunakan istilah *employee* dalam tafsiran teks bahasa Inggeris. Selain itu, fasal ini bertujuan untuk memperuntukkan bahawa majikan berkewajipan untuk menyediakan pusat asuhan kanak-kanak jika pekerja-pekerja mempunyai sekurang-kurang lima orang tanggungan di bawah umur empat tahun yang tinggal bersama mereka, berbanding 10 orang tanggungan sebelum ini. Ini hanya terpakai di ladang dan perlombongan sahaja.

Rang undang-undang ini juga mencadangkan penalti bagi kesalahan dalam seksyen 10 berkaitan pusat asuhan kanak-kanak ditingkatkan daripada RM2,000 ke RM50,000 dan daripada RM100 sehari kepada RM1,000 sehari bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

Fasal 9 dan 10 adalah pindaan kepada 11 dan 12 yang masing-masing berbangkit dengan pindaan *worker* kepada *employee* dalam teks bahasa Inggeris akta ini.

Fasal 10 dan 11 bertujuan meningkatkan hukuman yang dikenakan bagi kesalahan di bawah seksyen 11 mengenai peruntukan-peruntukan tanah dan seksyen 12 mengenai dewan komuniti, kemudahan sukan dan rekreasi lain. Rang undang-undang ini juga mencadangkan hukuman dinaikkan daripada RM1,000 kepada RM50,000 dan daripada RM50 sehari kepada RM1,000 sehari bagi kesalahan berterusan.

Pindaan kepada seksyen 13, fasal 11 melibatkan pindaan kepada seksyen 13 yang antara lainnya bertujuan untuk menghalang majikan daripada mengenakan apa-apa bayaran sewa atau caj ke atas pekerja estet yang disediakan perumahan kemudahan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, bahagian baharu 3A. Sebagaimana saya sebutkan awal tadi, cadangan pindaan Akta 446 termasuk perluasan skop pemakaian kepada majikan yang menyediakan penginapan untuk pekerja yang diambil untuk bekerja di tempat lain selain dari estet.

Bagi maksud ini, fasal 13 bertujuan memasukkan Bahagian 3A berhubung dengan penginapan untuk pekerja. Fasal 13 ini mengandungi 15 seksyen baru. Seksyen baharu 24(a) menjelaskan bahawa Bahagian 3A ini hanya terpakai bagi pekerja yang diambil bekerja selain untuk bekerja di estet.

#### ■1700

Seterusnya, takrifan yang digunakan dalam Bahagian ini diperuntukkan dalam seksyen baharu 24B seperti berikut:

- (i) orang yang bertanggungjawab bagi penginapan, ertiya mana-mana orang yang dilantik oleh seseorang majikan atau penyedia penginapan berpusat yang bertanggungjawab bagi pengurusan penginapan serta keselamatan dan kesihatan pekerja dan kemudahan lain di dalam penginapan;
- (ii) penginapan, ertiya mana-mana bangunan atau struktur kekal atau sementara termasuk apa-apa rumah, pondok, bangsal atau kepungan berbumbung yang digunakan bagi maksud kediaman manusia;
- (iii) penginapan berpusat, ertiya mana-mana bangunan yang digunakan oleh perumahan pekerja yang diambil kerja oleh seorang atau lebih majikan; dan
- (iv) penyedia penginapan berpusat, ertiya mana-mana orang yang menyediakan dan menguruskan penginapan berpusat dan menyedia perkhidmatan yang disediakan di dalamnya bagi seseorang atau lebih majikan tetapi tidak termasuk majikan yang menyediakan penginapan bagi pekerjanya sendiri.

Seksyen baharu 24C bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasa Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sumber Manusia berhubung dengan

penginapan. Fungsi-fungsi Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sumber Manusia yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (i) mentadbir dan mengawal selia semua perkara berhubung dengan penginapan;
- (ii) mengarahkan majikan atau penyedia penginapan berpusat untuk mengemukakan apa-apa maklumat dan dokumen yang berhubung dengan penginapan pekerja;
- (iii) mengeluarkan apa-apa arahan kepada majikan atau penyedia penginapan berpusat untuk menyediakan apa-apa kemudahan lain yang berhubung dengan penginapan;
- (iv) mengeluarkan perakuan penginapan; dan
- (v) melakukan apa-apa perkara yang bersampingan dengan mana-mana fungsinya di bawah Bahagian ini.

Seksyen 24C juga memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sumber Manusia untuk melakukan semua perkara yang perlu dan sesuai manfaat atau yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Bahagian ini.

Seksyen baharu 24D mewajibkan supaya penginapan untuk pekerja hendaklah diperakukan dengan Perakuan Penginapan. Majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah memohon Perakuan Penginapan daripada Ketua Pengarah JTKSM dalam bentuk dan cara yang ditentukan dan disertakan dengan fi pemprosesan. JTKSM akan menjalankan pemeriksaan di atas penginapan sebelum suatu kelulusan diberikan. Kewajipan mempunyai perakuan penginapan ini bertujuan untuk memastikan pemantauan kepada standard minimum yang ditetapkan.

Majikan yang menyediakan penginapan tanpa perakuan penginapan boleh didenda tidak melebihi RM50,000. Hukuman bagi penyedia penginapan berpusat yang melakukan kesalahan yang sama adalah boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Seksyen baharu 24E menghendaki majikan untuk memaklumkan kepada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sumber Manusia jika pekerjanya telah menduduki mana-mana penginapan yang disediakan olehnya atau melalui penyedia penginapan berpusat. Hal ini bertujuan untuk memastikan Jabatan Tenaga Kerja Sumber Manusia dapat menguatkuasakan akta ini dengan berkesan. Kegagalan mematuhi obligasi ini boleh menyebabkan majikan dikenakan denda tidak melebihi RM10,000.

Seksyen baharu 24F menetapkan bahawa penginapan yang disediakan untuk pekerja oleh majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah mematuhi standard

minimum yang dinyatakan di bawah akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya. Standard minimum ini akan diperincikan dalam peraturan-peraturan.

Seksyen baharu 24G memperuntukkan bahawa tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Menteri, majikan boleh mengutip sewa atau caj daripada pekerja bagi penginapan yang disediakan olehnya atau melalui penyedia penginapan berpusat. Sewa atau caj tersebut hendaklah dipungut melalui potongan upah pekerja.

Seksyen baharu 24H menetapkan bahawa majikan atau penyedia penginapan berpusat tidak boleh menggunakan mana-mana bangunan sebagai penginapan jika bangunan itu tidak sesuai untuk didiami manusia mengikut undang-undang bertulis yang berkaitan. Seksyen ini dicadangkan bertujuan memastikan pemantauan kepada kehendak bangunan dan pembinaan di bawah undang-undang pihak berkuasa tempatan sebagai tambahan kepada pemantauan yang dikehendaki di bawah Akta 446. Majikan dan penyedia penginapan berpusat yang melanggar seksyen ini boleh didenda tidak melebihi RM50,000.

Secara amalannya, majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah mendapatkan perakuan yang diperlukan di bawah undang-undang bertulis yang berkaitan dengan bangunan dan pembinaan sebelum mengemukakan permohonan kepada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sumber Manusia untuk mendapatkan perakuan penginapan di bawah seksyen baharu 24D yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini.

Seksyen 24I memperuntukkan bahawa majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah menyediakan kemudahan yang sesuai dan mencukupi mengikut akta atau peraturan yang dibuat di bawahnya. Keperluan bagi kemudahan ini akan dibuat dalam peraturan-peraturan.

Seksyen baharu 24J rang undang-undang ini meliputi kewajipan dan tanggungjawab majikan atau penyedia penginapan berpusat mematuhi aspek keselamatan dan kesihatan. Berhubung penginapan yang disediakan untuk pekerja, kewajipan dan tanggungjawab tersebut adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan penginapan yang berasingan untuk pekerja yang berlainan jantina;
- (ii) mengambil langkah pencegahan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja;
- (iii) memastikan langkah keselamatan kebakaran mengikut undang-undang bertulis yang berkaitan. Dalam hal ini, undang-undang

yang perlu dipatuhi termasuklah Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;

- (iv) memastikan supaya sistem pendawaian elektrik mematuhi kehendak keselamatan undang-undang bertulis yang berkaitan seperti Akta Bekalan Elektrik 1990;
- (v) memastikan bahawa pekerja menerima bantuan perubatan yang diperlukan; dan
- (vi) mengambil langkah menghalang pencegahan untuk membendung penyebaran penyakit berjangkit sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan Kesihatan mengikut undang-undang bertulis yang berkaitan seperti Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. Majikan juga berkewajipan untuk menanggung apa-apa perbelanjaan bagi imunisasi.

Seksyen baharu 24K pula menghendaki setiap penginapan yang disediakan hendaklah diselenggarakan dengan sewajarnya sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah JTKSM.

Seksyen baharu 24L memperuntukkan bahawa majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah melantik orang yang bertanggungjawab bagi penginapan. Orang yang dilantik ini akan bertanggungjawab bagi kebajikan dan disiplin pekerja di penginapan tersebut.

Seksyen baharu 24M adalah untuk mengadakan peruntukan bagi pengosongan penginapan sekiranya pekerja meletak jawatan atau diberhentikan kerja.

Seksyen baharu 24N ialah seksyen terakhir dalam Bahagian IIIA ini memperuntukkan bahawa majikan tidak berkewajipan untuk menyediakan penginapan untuk tanggungan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, fasal 14 rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 25 Akta 446 yang melibatkan perkataan ‘employees’ dalam teks bahasa Inggeris dan menggantikan perkataan ‘air dan elektrik’ dengan perkataan ‘bekalan air boleh diminum dan bekalan elektrik.’

#### **■1710**

Fasal 14 ini juga bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan berhubung hal-hal berkaitan penginapan, kemudahan asas berkaitan dan kadar sewa atau caj maksimum yang boleh dikenakan.

Fasal 15 rang undang-undang akan mewujudkan seksyen baharu 26A yang memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk mengeluarkan apa-apa arahan yang

perlu bagi memastikan pematuhan akta ini. Cadangan pindaan fasal 16, 17 dan 18 rang undang-undang ini bertujuan mengemas kini peruntukan akta mengikut standard gubalan semasa seperti berikut.

Fasal 16 akan meminda seksyen 28 mengenai permulaan pendakwaan.

Fasal 17 akan mewujudkan seksyen baharu 28A dan 28B berhubung dengan pengkompaunan kesalahan dan perlindungan terhadap guaman dan tindakan undang.

Fasal 18 akan mewujudkan seksyen 29A berkenaan dengan kesalahan oleh syarikat dan sebagainya.

Fasal 19 rang undang-undang meminda hukuman denda dalam seksyen 31 mengenai kegagalan mematuhi perintah di bawah seksyen 5, seksyen 8, seksyen 12 atau seksyen 19 akta ini. Denda dicadangkan dinaikkan daripada RM5,000 kepada RM50,000 dan seterus daripada RM100 kepada RM1,000 bagi setiap hari kesalahan ini berterusan.

Fasal 20 pula meminda hukuman dalam seksyen 32 mengenai kegagalan mematuhi seksyen 20 atau 21 akta ini. denda dicadangkan dinaikkan daripada RM2,000 kepada RM10,000 dan daripada RM100 kepada RM1,000 setiap hari kesalahan ini berterusan.

Fasal 21 adalah fasal terakhir rang undang-undang ini yang memperkatakan peruntukan kecuaian dan peralihan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-undang Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019 adalah satu langkah pembaharuan undang-undang yang signifikan bagi menambah baik perlindungan golongan pekerja dalam semua aspek perumahan, penginapan dan kemudahan pekerja. Perluasan skop Akta 446 memastikan pekerja dalam semua sektor pekerjaan menikmati perumahan dan penginapan yang lebih baik, kemudahan asas yang selesa dan tahap kesihatan dan keselamatan yang lebih terjamin.

Pada masa yang sama, pihak majikan diberikan fleksibiliti untuk menentukan sama ada ingin membina, menyewa atau menempatkan pekerja mereka di dalam penginapan berpusat mengikut kesesuaian mereka. Rang undang-undang ini juga mencerminkan komitmen kerajaan dalam memastikan undang-undang buruh negara selari dengan piawaian dan instrumen sejagat. Seterusnya meningkatkan imej dan memudah cara penyertaan Malaysia dalam apa-apa jua perdagangan antarabangsa.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama yang tidak berbelah bahagi dalam menjayakan rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:** Mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja Tahun 1990 dibuka untuk perbahasan. Boleh saya menjemput sesiapa yang ingin berbahas? *[Disampuk]* Yang Berhormat Arau ada berminat? Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Batu Kawan, selepas itu Yang Berhormat Pontian 20 minit.

#### 5.14 ptg.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang Batu Kawan mengambil bahagian dalam pindaan kepada Rang Undang-undang Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019.

Tuan Yang di-Pertua, pada asalnya latar belakang akta ini seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri adalah untuk kegunaan majikan dalam sektor perladangan dan perlombongan yang menyediakan perumahan kepada pekerja-pekerja estet yang khas untuk pekerja estet sahaja. Saya menyambut baik cadangan Yang Berhormat Menteri dan Kementerian Sumber Manusia yang prihatin dengan kebijakan, keselamatan dan produktiviti pekerja-pekerja sama ada pekerja tempatan atau pekerja asing bagi menyediakan satu persekitaran yang baik, kondusif untuk majikan dan pekerja.

Dalam pindaan rang undang-undang ini supaya aplikasi dan liputan akta ini diperluaskan kepada semua sektor di luar sektor perladangan dan perlombongan. Ini bererti, semua warga tenaga kerja dengan izin, *labor force* sama ada pekerja asing atau pekerja tempatan akan diberikan perlindungan yang selaras dengan roh dan semangat undang-undang pekerja di Malaysia. Memandangkan kini wujud lebih 2 juta pekerja asing di Malaysia setakat Jun ini, iaitu 13.2 peratus yang berada dalam lingkungan 15 peratus kebergantungan tenaga kerja mengikut apa yang termaktub dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya difahamkan bahawa pindaan akta ini tidak mewajibkan untuk majikan menyediakan perumahan dan penginapan bagi pekerja-pekerja mereka. Saya faham bahawa sekiranya majikan memilih untuk

menyediakan kemudahan ini kepada pekerja mereka, maka rang undang-undang ini menyediakan standard minimum yang perlu dipatuhi oleh pihak majikan.

Saya ingin bertanya di sini, apakah industri-industri lain yang terlibat dalam pelaksanaan akta ini apabila akta ini lulus nanti? Adakah F&B terlibat? Adakah *construction* terlibat? Adakah sektor perkhidmatan, *services* terlibat? Bagaimana pula dengan pembantu rumah? Bagaimana pula dengan pegawai-pegawai yang bekerja di Pusat Khidmat Rakyat Ahli-ahli Parlimen di sini? Adakah mereka juga termaktub dan diberi perlindungan yang sama di bawah pindaan ini?

Pindaan asas daripada *worker* kepada *employees*. Saya ingin tanya, adakah ini akan mengambil impak ataupun *effect* ke atas semua pekerja tidak kira gred pekerjaan mereka? Juga apakah “gaji” mereka? Kita faham bahawa gaji minimum hari ini adalah RM1,100. Akan tetapi, kita ingin tahu sama ada dengan pangkat-pangkat yang jawatan-jawatan yang dimiliki oleh pekerja-pekerja, adakah mereka juga dilindungi oleh pindaan kepada akta ini?

Tuan Yang di-Pertua, mengikut konvensyen dan protokol antarabangsa, saya menyahut baik isu keselamatan dan kesihatan pekerja yang diberikan penekanan yang tinggi oleh bukan sahaja Kementerian Sumber Manusia, malah Kerajaan Pakatan Harapan. Kita mendengar saban hari majikan-majikan ada yang tidak bertanggungjawab ke atas keselamatan pekerja-pekerja mereka terutama sekali sebagai pekerja di tapak pembinaan dan juga sebagai pembantu rumah.

Banyak kali kita baca dalam berita, pekerja-pekerja yang dibawa masuk menggunakan pas pekerja yang rasmi, pas pekerja yang *valid* dengan *travel document*. Akan tetapi, selepas pas itu luput, maka pihak majikan tidak bertanggungjawab untuk *renew* pas-pas mereka dan biarkan mereka untuk terus bekerja. Maka, pekerja-pekerja ini takut dengan *enforcement* pihak penguat kuasa, maka mereka akan selalu hidup dalam keadaan ketakutan atau mencari tempat-tempat untuk selalu bersembunyi.

Itu yang berlaku dalam banyak-banyak kes. Di mana kita melihat kecelakaan, kemalangan yang berlaku ke atas pekerja-pekerja asing yang tidak ada dokumen sah walaupun mereka masuk dengan dokumen sah, tetapi apabila ia telah luput, mereka bagaikan pihak majikan cuci tangan ke atas kebijakan, keselamatan dan keadaan mereka di Malaysia. Jadi, dalam isu ini saya ingin bertanya, apakah tindakan pihak Jabatan Tenaga Kerja ke atas majikan yang tidak menjaga hal ehwal kebijakan dan keselamatan pekerja-pekerja mereka?

Saya faham, dalam pindaan rang undang-undang ini ada kenaikan dalam (denda) yang akan dikenakan tetapi kita faham dan kita tahu banyak majikan boleh

membayar denda tersebut. Mereka mampu untuk membayar denda. Apabila mereka membayar denda itu, mereka masih berdegil dengan cara-cara mereka melayan atau memberi keadaan atau persekitaran yang selamat dan bersih untuk pekerja-pekerja mereka.

Kita juga tahu, sekiranya pekerja asing dibawa ke hospital, mereka perlu membayar kos perubatan yang jauh lebih tinggi daripada pekerja tempatan. Ini secara tidak langsung akan menggalakkan pihak majikan untuk tidak membawa pekerja-pekerja mereka ke hospital. Kalau kamu patah kaki, kamu gunalah minyak apa-apa untuk gunakan atas luka tersebut dan balut kaki mereka.

#### ■1720

Kita selalu lihat banyak pekerja asing dan juga ada pekerja tempatan juga mereka masih lagi bekerja walaupun mereka tidak sihat. Mereka masih lagi kerja walaupun mereka mengalami kecederaan walaupun mereka mengalami kemalangan di tempat kerja. Oleh sebab mereka tidak mahu dibayar gaji separuh hari, oleh sebab mahu mengambil cuti sakit yang mungkin akan dipotong daripada gaji mereka, mereka akan tahan sakit itu yang mungkin akan membawa padah pada masa depan di atas produktiviti mereka.

Saya ingin tahu dengan pindaan ini, adakah wujud juga pindaan kepada pembayaran kos bagi pekerja-pekerja asing di hospital? Supaya ini secara tidak langsung juga akan menggalakkan majikan untuk tidak berfikir dua kali untuk membawa pekerja-pekerja asing untuk mendapat rawatan di hospital kita. *When the cost is high, Yang Berhormat Menteri, mereka tidak akan membawa pekerja mereka. Jadi, saya ingin tahu kalau cadangan untuk pindaan rate untuk membawa pekerja asing ke hospital akan dipertimbangkan atau tidak?*

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya juga bertanya di sini berhubung kuasa Menteri untuk membenarkan majikan untuk memungut apa-apa jumlah bagi sewa atau caj berkenaan dengan mana-mana penginapan yang disediakan oleh majikan atau menyediakan penginapan berpusat dan jumlah sewa atau caj boleh dibuat melalui potongan upah pekerja.

Maka, saya ingin tahu dan dapat penjelasan, apakah amaun yang telah ditetapkan secara potongan dan bagaimana caj ini akan ditetapkan? Adakah ia ditetapkan oleh majikan itu sendiri? Apakah proses konsultasi? Ataupun bagaimana Yang Berhormat Menteri akan *achieve rate* yang akan dikenakan? Adakah ia mengikut industri? Adakah ianya mengikut gred ataupun gaji pada masa sekarang yang diterima

oleh pekerja-pekerja asing dan tempatan tersebut? Adakah ianya juga RM50 ataupun lebih daripada itu?

Sekiranya tidak ditetapkan, maka mungkin ada majikan yang akan menyalahgunakan *provision* ini untuk memotong jauh lebih banyak amaun daripada RM50 atau lebih daripada itu dengan memberi justifikasi, sebagai contoh, sekiranya pekerja kilang bekerja di kilang tetapi menetap di *workers hostel* iaitu satu macam apartmen atau pangsapuri yang menempatkan pekerja asing yang ada kemudahan-kemudahan yang lebih daripada yang biasa. Mungkin mereka ada tenis *court* di sana, atau *laundromat* di sana. Adakah potongan itu akan mencecah satu per empat daripada gaji mereka?

Saya rasa ini adalah satu isu yang kita perlu melihat. Ramai *developer* di luar sana membina *workers' hostel* dan selepas itu menetapkan satu kos yang tinggi untuk memotong gaji daripada pekerja mereka dan ini akan mengakibatkan ejen-ejen dan majikan tidak mahu menghantar pekerja di sana sebab mereka yang menanggung potongan tersebut atau sebahagian daripada potongan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya, bagaimanakah pendakwa raya akan memutuskan peraturan-peraturan bagi menetapkan apa-apa kesalahan kriteria, kaedah dan tatacara untuk pengkompaunan kesalahan? Apakah proses pengkompaunan kesalahan ini dan siapakah yang akan, dengan izin, *enforce* peraturan ini? Pada masa yang sama, saya ingin juga tahu, apakah impak pindaan ini bagi pekerja wanita, sama ada pekerja asing ataupun tempatan di negara kita ini?

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Soalan.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Saya mungkin akan habis awal sedikit.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Soalan, mohon mencelah.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Dekat mana ini?

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Lembah Pantai.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Oh! Boleh. Sila.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan.

Saya tertarik bila dibangkitkan isu pengkompaunan. Perkara seperti itu, saya melihat salah satu daripada fasal yang dibangkitkan berkenaan dengan pelantikan orang yang bertanggungjawab bagi penginapan. Di sini diperuntukkan seseorang majikan

atau penyedia penginapan berpusat hendaklah melantik sekurang-kurangnya seorang yang bertanggungjawab bagi penginapan yang disediakan di bawah Bahagian ini.

Akan tetapi, apa pandangan Yang Berhormat Batu Kawan kerana di dalam— saya tidak lihat apakah kesan sekiranya majikan atau penyedia penginapan gagal melantik seorang yang bertanggungjawab kerana tidak ada peruntukan untuk dikenakan kompaun ataupun dikenakan denda akibat kegagalan. Apakah pandangan Yang Berhormat Batu Kawan tentang perkara ini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai di atas keprihatinan dan soalan yang begitu baik sekali. Saya mohon ia dimasukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya dan mohon Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan.

Saya juga ingin membangkitkan satu isu dan saya pasti ramai daripada Ahli Parlimen di sini telah mengharungi isu ini. Walaupun ianya isu denggi tetapi kita tahu ramai pekerja-pekerja asing yang duduk di rumah-rumah di taman-taman perumahan yang telah menjadi mangsa pekerja asing dan juga pekerja tempatan.

Denggi ini isu dia pelik sedikit. Bukan satu penyakit berjangkit. Jadi saya tidak tahu kalau ianya termasuk dalam pindaan rang undang-undang ini. Tetapi ianya sebahagian besar daripada faktor bagaimana terjadinya penyakit ini adalah tempat pembiakan nyamuk di kawasan saya di Taman Inderawasih di DUN Prai, satu rumah dengan hampir 20 pekerja asing duduk sana, 13 orang telah menjadi mangsa kepada jangkitan denggi ini. Jadi, ini merupakan kelalaian mereka untuk menjaga keselamatan dan kebersihan tempat yang mereka duduk.

Adakah majikan perlu disaman atau dipertanggungjawabkan di atas kecuaian pekerja-pekerja yang tidak menjaga kebersihan rumah mereka? Mereka tidak tahu bahawa nyamuk aedes ini boleh menetas telur di satu tempat dengan air dalam *one tea spoon* pun, mereka tidak tahu. So, saya rasa mungkin kita perlu melihat sekiranya ada tanggungjawab ini boleh diselaraskan di antara dua-dua pihak iaitu pekerja dengan majikan.

Selepas membaca pindaan ini, saya telah berhubung dengan beberapa orang majikan di dalam sektor F&B yang ada restoran, yang ada kedai makan dan mereka mengatakan walaupun telah banyak kali mereka mengingati pekerja-pekerja tempatan dan asing mereka untuk menjaga keselamatan dan menjaga kebersihan, namun ada juga pekerja-pekerja yang ingkar untuk mengikut garis panduan yang ditetapkan

mengikut peraturan-peraturan yang ada di sini. Jadi, bila jadi satu musibah ke atas pekerja-pekerja tempatan atau asing ini, banyak kali jari akan dituding kepada majikan.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Jadi, saya rasa perlu ada a *sense of responsibility* oleh pekerja-pekerja tersebut bersama dengan majikan. Walaupun saya faham roh pindaan ini berpihak kepada menjaga keselesaan, keselamatan, kebersihan dan kebajikan pekerja-pekerja tempatan dan asing tetapi kita juga faham ada *rule of law* dan kita juga faham tanggungjawab mereka sebagai orang dewasa. *These are not children. They are adults and they are working here in our country.*

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Mohon mcelah.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Ya, sila.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik juga dengan aspek keselamatan ataupun kesihatan yang disebutkan. Adakah Yang Berhormat sedar— sebagai contoh, bila kita lihat di kawasan saya sendiri di Lembah Pantai contohnya, berdekatan dengan kawasan Bangunan Parlimen ini adalah satu tempat yang disebut sebagai Apartmen Putra Ria. Di situ sering kali penduduk merungut kepada saya bila masa terdapat pekerja yang menjadikan unit-unit apartmen itu sebagai kuarters mereka yang mana disumbatkan 12 orang, 15 orang. Tetapi dari segi *standard* bila kita lihat dan rujuk kepada Pesuruhjaya Bangunan, sebagai contoh, ataupun *Commissioner of Building* (COB), bagi struktur seperti apartmen, kondominium dan sebagainya, bila kita sebut pembetungan, sebagai contoh, bila direka, ianya sesuai untuk diduduki dan digunakan oleh sejumlah mungkin empat, lima orang dewasa.

Akan tetapi bila dalam keadaan seperti F&B ataupun bagi pekerja-pekerja di tapak pembinaan, mereka kebiasaannya aspek pembetungan ini mungkin tidak diambil kira. Boleh saya dapat pandangan Yang Berhormat berkenaan juga dengan aspek pembetungan dan kesihatan ini? Terima kasih.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai kerana membangkitkan satu isu yang sangat relevan kepada pindaan rang undang-undang ini. Saya harap pihak Kementerian Sumber Manusia mungkin dapat duduk semeja dengan Kementerian KPKT, sebab yang ini adalah di bawah KPKT dan mungkin satu program pemutihan boleh dibuat. Saya faham kita masih lagi menggunakan UUK, menggunakan garis panduan, menggunakan polisi-polisi, menggunakan even undang-undang yang lama yang belum atau tidak dipinda untuk

berdekad-dekad. Tetapi hari ini tahun 2019, kita ada dua juta pekerja asing di negara kita dan mereka ini selalunya majikan atau ejen sumbatkan mereka untuk mendiami pangsapuri kos rendah atau *affordable home* yang sepatutnya secara dasar adalah khas untuk warganegara Malaysia. Jadi, di sini ada isu pertindihan *demand and supply*.

■1730

Saya harap pihak kementerian akan mengambil kira dan memberikan jawapan kepada kami sebab semua kawasan-kawasan Ahli-ahli Parlimen di sini, Yang Berhormat di sini semua ada rumah-rumah yang disalahgunakan untuk menyumbat lebih daripada 10, 20 sampai hingga 20 pekerja asing duduk dalam satu rumah yang ada kapasiti seperti Yang Berhormat Lembah Pantai nyatakan, kapasitinya untuk menampung lima orang sahaja atau enam orang sahaja. Jadi saya harap kita boleh melihat isu ini sebab sekiranya sistem pembetungan tidak baik, maka ia akan membuka ruang untuk penyakit berjangkit yang disebut dalam RUU ini untuk merebak sebab ianya melibatkan isu kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tanya di sini apakah usaha kerajaan untuk memberikan kesedaran sivik kepada para majikan dan hak-hak pekerja mereka. Kita dapat lihat iltizam politik Kerajaan Pakatan Harapan yang tidak wujud sebelum ini dan dalam hal ehwal kebijakan pekerja, namun undang-undang berkelas antarabangsa tiada maksud jika *mindset* majikan dan orang ramai yang masih mendiskriminasikan pekerja warga asing dan kadang-kadang melayan mereka seperti *second-class citizen* atau *third-class citizen*.

Maka saya ingin bertanya seperti soalan saya tadi, apakah usaha kerajaan untuk menimbulkan satu perasaan untuk menghormati hak-hak pekerja asing ini menghormati hak-hak pekerja tempatan juga untuk kita memastikan produktiviti negara kita ini tidak akan terganggu dengan pindaan rang undang-undang ini. Saya faham selepas ini mungkin ada banyak keluhan daripada pihak majikan, mungkin ada banyak keluhan daripada tauke-tauke besar yang ada di luar sana kerana mereka perlu mengeluarkan wang ataupun peruntukan mereka untuk menjaga kemaslahatan dan kebijakan pekerja-pekerja ini.

Namun demikian, kita juga perlu faham dengan izin, *the bigger picture is that* untuk negara Malaysia maju ke hadapan sebagai *Tiger of Asia*, kita juga mesti pastikan bahawa kebijakan dan hak asasi pekerja-pekerja tempatan kita dan juga pekerja-pekerja asing ini dilindungi oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, Batu Kawan mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Batu Kawan. Sekarang saya menjemput, Yang Berhormat Pontian. Sila.

### 5.32 ptg.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih, Yang Berhormat Speaker. Saya ingin mengambil bahagian mengenai Rang Undang-undang Standard Minimum Perumahan Kemudahan Pekerja (Pindaan) dan dari segi dasarnya, saya bersetuju terhadap rang undang-undang ini atas sebab ia memberikan kebajikan kepada pekerja, menjaga kesihatan pekerja, memberikan kemudahan asas kepada pekerja, sesuai dengan piawai Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), sesuai dengan Perjanjian Perdagangan Bebas, sesuai untuk menjadikan negara kita sebagai negara yang mesra kepada pekerja sama ada pekerja itu pekerja tempatan ataupun pekerja asing.

Apa yang saya ingin timbulkan beberapa perkara Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Menteri. Saya kira penginapan berpusat adalah melibatkan semua pekerja, sama ada pekerja itu pekerja tempatan, pekerja asing, pekerja profesional, pembinaan, lombong, perladangan, pekerja di kebun-kebun, amah ataupun pembantu rumah, pekerja sektor perkhidmatan, pekerja kilang.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempergerusikan Mesyuarat]*

Apa yang saya ingin tanyakan dalam perkara pertama ini ialah dari segi tempoh sesuatu pekerjaan itu. Katalah kalau sektor pembinaan itu hanya dua bulan misalnya sudah siap bangunan yang ingin dibina, adakah diwajibkan dibina penginapan yang dikehendaki ini. Jadi saya tidak tahu di dalam RUU ini ada perkataan, "tempoh" itu.

Kedua ialah dari segi tempat di mana patut dibina penginapan berpusat ini. Kalau terlalu jauh ia akan menimbulkan kos tambahan kepada pekerja maka ia membebankan pekerja dari segi pengangkutan misalnya kecualilah jika majikan itu menyediakan pengangkutan. Itu hal pertama yang ingin saya timbulkan.

Hal kedua ialah mengenai fasiliti di penginapan berpusat itu. Saya ingin mencadangkan supaya ada fasiliti paling kurang ialah ruang untuk rekreasi kerana mereka bukan bekerja 24 jam, mereka bekerja separuh hari. Mereka ada masa cuti, jadi kena ada ruang rekreasi satu lagi ialah ruang untuk beribadat. Pekerja-pekerja Islam Bangladesh, Indonesia, pekerja-pekerja yang beragama Islam misalnya, mereka

memerlukan satu ruang khas untuk solat dan bersembahyang. Jadi saya tidak nampak ada di mana-mana tentang perkara itu. Itu tentang perkara kedua yang saya ingin timbulkan. Perkara pertama tadi tempoh dan tempat, perkara kedua ruang ibadat dan ruang rekreasi.

Perkara ketiga ialah fasal 24J mengenai keselamatan kawasan penginapan itu. Saya ada beberapa kes yang saya ingin kongsi kan di sini. Pada 22 Januari 2019 misalnya pekerja Bangladesh maut akibat lantai runtuh di kawasan pembinaan di Subang Jaya. Pada 2 Februari 2019, seorang pekerja maut dihempap jentera kilang barang lusuh di Kuala Lumpur. Pada 25 Januari 2019, seorang pekerja maut di timpa tembok dinding di kilang kayu, Kedah. Pada 18 Januari 2019 seorang pekerja maut terkena renjatan elektrik di sebuah ladang, di Sabah. Itu antara kes-kes yang dapat saya lihat di bawah Jabatan Keselamatan Kesihatan Kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Jadi yang saya ingin timbulkan di sini ialah keselamatan kawasan penginapan itu. Ia perlu dilihat dari segi keselamatan di mana tempat penginapan berpusat itu diletak supaya tidak terlalu hampir dengan kawasan pembinaan kerana kawasan pembinaan punya risiko-risiko yang tertentu. Itu perkara ketiga.

Perkara keempat ialah sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Batu Kawan tadi ialah mengenai keluasan penginapan yang wajar. Saya tidak lihat ada di mana-mana di sini. Apakah maksud keluasan penginapan wajar ini? Kita jangan jadikan pekerja itu macam ikan sardin, Yang Berhormat Menteri berlonggok di satu bilik sampai 10–15 orang. Jadi tentu ada SOP yang tertentu supaya keluasan untuk hidup yang agak selesa, walaupun tidak berapa selesa tetapi yang sepatutnya selesa untuk kehidupan seorang manusia.

Perkara kelima ialah mengenai insurans pekerja. Ia agak berbeza sedikit tetapi apa yang ada kaitan dengan kehidupan pekerja sehari-hari ini, kita telah ada *Employee Insurance System* (EIS) ataupun Sistem Insurans Pekerja 0.2 peratus potongan majikan, 0.2 peratus potongan daripada pekerja, dapat kemudahan bila bantuan segera ditamatkan pekerjaan atas sebab-sebab tertentu, maka diberikan kewangan maksimum enam bulan, RM10,800.00 maksimum.

Ia adalah suatu perkara yang bagus yang telah dibuat sebelum ini lagi dan juga untuk bantuan mobiliti, penempatan semula dan beri latihan baru dan vokasional. Apa yang saya ingin tanyakan ialah jika berlaku sebagaimana contoh empat perkara yang saya sebut tadi, adakah *Employee Insurance System* (EIS) ini boleh membantu mereka ini dan keluarga mereka yang terlibat.

Perkara yang keenam ialah 24G ini mengenai sewa untuk penginapan. Juga tadi telah ditimbulkan, saya ingin timbulkan sekali lagi supaya kita jangan mendiskriminasikan dengan potongan-potongan yang besar terhadap - apabila dibenarkan sewa itu maka dipotong misalnya peratusan yang tertentu. Oleh kerana itu kita perlu ada SOP yang tertentu supaya potongan tidak melebihi peratusan yang tertentu daripada gaji. Ini penting, jika tidak, ia akan membuka kepada diskriminasi terhadap pekerja terhadap gaji minima RM1,100 itu.

Seterusnya lagi, ialah apa yang kita buat ini, saya rasa ia akan menarik sedikit sebanyak pekerja tempatan untuk bekerja dan ia adalah suatu perkara yang bagus daripada pekerja asing. Kita juga memberikan kemudahan tempat tinggal untuk pekerja tempatan dan dengan itu saya kir,a kita boleh mengurangkan sedikit pergantungan kepada warga asing untuk kerja-kerja terutama sukar, kotor, berbahaya (*demanding, dirty, dangerous*) sebagaimana yang kita tahu 3D ini.

Satu lagi yang ingin saya timbulkan ialah fasal 24N ini, majikan tidak berkewajipan untuk menyediakan penginapan bagi tanggungan pekerja kecuali pekerja lombong dan pekerja ladang. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, kalau kerja kilang, ia mengambil masa yang lama juga. Kalau kerja pembinaan mungkin tanggungan tidak perlu duduk di tempat penginapan sebab pembinaan mungkin setahun, dua tahun sudah selesai.

#### ■1740

Akan tetapi kalau kerja kilang, selagi kilang itu tidak ditutup 10 tahun, 15 tahun, 20 tahun, selagi itu pekerja boleh duduk di tempat-tempat yang disediakan. Jadi, saya ingin mencadangkan agar tempat-tempat yang tertentu seperti kilang-kilang ini perlu menyediakan tempat-tempat juga untuk tanggungan. Jika asrama itu, sediakan asrama kepada siapa yang ada anak seorang dua, yang sudah berkahwin misalnya.

Jadi, itu lagi menambah kebijakan pekerja. Setakat ini saya lihat kalau 24N itu tidak ada tentang perkara yang berkaitan kecuali ladang dan juga lombong. Ladang dan lombong itu sebab ladangnya lama, lombongnya lama. Akan tetapi kilangnya juga lama Yang Berhormat Menteri. Selagi kilang itu ada wujud, maka kilang itu memerlukan pekerja dan kita tidak boleh menghalang daripada mereka berkahwin dan mempunyai anak dan tanggungan ini perlu juga diberikan penginapan.

Satu lagi ialah tentang apa yang disebut oleh Malaysian Employers Federation (MEF), Datuk Shamsuddin Bardan juga Presiden Master Builders Association, Encik Foo Chek Lee yang ada 17,000 orang ahli. Kemudian Datuk Soh Tian Lai, Presiden FMN atau *Federation of Malaysian Manufactures*. Mereka ada 10,200 ahli.

Ada di dalam akhbar ini menyatakan bahawa *compulsory housing is news to us* kata mereka. Dengan lain perkataan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri setakat mana libat urus telah dilakukan dengan mereka ini. Adakah perbincangan itu hanya perbincangan permulaan atau perbincangan sehingga peringkat akhir? Saya difahamkan mereka kompelin, tidak tahu akta yang *final* dan mereka tidak jangka perkara itu sedemikian rupa.

Antara beberapa perkara yang mereka sebut ialah jika pekerja itu adalah pekerja tempatan misalnya, pekerja tempatan, mereka tidak mahu duduk di kawasan berpusat kerana mereka ada rumah sendiri. Adakah pekerja tempatan itu patut diberikan elaun penginapan kerana pekerja yang ingin duduk di kawasan berpusat, mereka mempunyai rumah yang tertentu. Akan tetapi pekerja yang ingin duduk di rumah sendiri sepatutnya diberikan elaun penginapan yang tertentu. Itu satu perkara yang dicadangkan oleh pihak yang saya sebutkan tadi.

Satu lagi, ketiga-tiga pihak itu mencadangkan supaya ada kawasan khas untuk sewaan yang digazetkan oleh kementerian di mana-mana kawasan. Katakanlah kawasan baru misalnya yang boleh dijadikan khusus untuk pekerja-pekerja binaan misalnya, di sebuah bandar yang tertentu misalnya. Di Kuala Lumpur ini misalnya ada satu kawasan khusus diletakkan di situ. Jadi, senang penjagaan dan senang untuk sewaan. Itu juga cadangan daripada mereka yang saya kira pihak kementerian boleh meneliti cadangan yang baik itu.

Satu lagi yang saya ingin tanyakan ialah tentang proses kelulusan untuk membina dan menyewa penginapan berpusat itu. Bagaimana tentang pelannya, keluasannya, tempoh masa kelulusan itu bagaimana? Bagaimana permit penggunaan air misalnya. Bagaimana dari segi tapak tangki septik, pendawaian elektrik, kelulusan pelan-pelan itu hendak diberikan kepada siapa? Berapa lama ia boleh diluluskan dan kita kalau boleh kurangkan *red tape* supaya segala yang boleh cepat dan sesuai dengan keadaan masa sekarang ini. Segala-galanya perlukan perkara yang diluluskan dengan cepat. Itu sahaja yang ingin saya timbulkan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bukit Bendera. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Rantau Panjang.

#### 5.44 ptg.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Ya okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut berbahas terhadap...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada 10 minit.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Ya boleh. Terhadap Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019. Pertama sekali rang undang-undang ini telah- sebelum ini ruang lingkup akta yang sebelum ini hanya terpakai untuk pekerja estet dan perlombongan. Akan tetapi melalui cadangan pindaan ini telah termasuk juga sektor lain, termasuk juga pembinaan, pembuatan dan sektor-sektor yang lain.

Mengikut pemahaman saya, ia juga meliputi pekerja tempatan dan pekerja asing. Saya difahamkan tadi Yang Berhormat Menteri telah menyebut dalam perbahasan beliau bahawa rang undang-undang ini bukan mandatori, hanya nyatakan standard minimum. Saya ingin merujuk kepada seksyen 24F yang antara lain, seseorang majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah memastikan bahawa setiap penginapan yang disediakan untuk pekerja mematuhi standard minimum yang dikehendaki di bawah akta ini.

Oleh itu satu perkataan baru, ‘penginapan berpusat’ telah diperkenalkan melalui rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengkaji perundungan ataupun standard piawaian antarabangsa, saya ingin memetik dua piawaian sahaja. Pertama ialah ILO, *International Labour Organization, Workers' Housing Recommendation* serendah 61 atau lebih dikenali sebagai *Recommendations 115* dan juga satu lagi piawaian antarabangsa *Code of Conduct for Responsible Business Alliance*. Formerly sebelum ini dikenali sebagai *the electronic industry citizenship coalition* yang mengawal selia piawaian EICC untuk keadaan kerja dalam industri elektronik.

Akan tetapi saya membaca seksyen 24C dalam rang undang-undang ini ada beberapa perkara tentang deskripsi, *description* bahawa bagaimana penginapan standard minimum ini diguna pakai. Akan tetapi saya ingin memetik *Recommendation 115 ILO Standard*. Antara contoh *Recommendation 115* adalah *International Labour Organization Standard* hendaklah dengan izin *housing should ensure structural safety and reasonable levels of decency, hygiene and comfort*. Terdapat 19 syarat. Saya hanya petik beberapa. *A separate bed for each worker*. Setiap pekerja hendaklah ada katil berasingan. *Bed shall not be arranged in tier if more than two*. Kalau penyediaan katil *double decker*, tidak boleh lebih daripada katil *double decker*.

Dalam piawaian ini juga menyatakan *separate accommodation of the sexes gender*. Maksudnya, penginapan untuk pekerja lelaki dan pekerja perempuan hendaklah berasingan dan juga banyak lagi. Semua 19 terdapat dalam *International Labour*

*Organization Standard.* Saya harap, 19 syarat daripada *Recommendation 115* ini boleh dinyatakan secara pentadbiran dalam garis panduan dan kelulusan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Bahagian Sumber Manusia.

Apabila saya membaca rang undang-undang ini, saya juga meneliti bahawa terdapat tiga pemerhatian saya iaitu penyediaan penginapan ini tidak nyatakan kuantum sewa dan ini bermakna ia bukan seperti perundangan sebelum ini dikenakan secara percuma. Majikan boleh mengutip sewa. Kuantum tidak dinyatakan sama ada RM100, RM500, RM1,000 tidak dinyatakan.

Juga saya memerhatikan bahawa dalam rang undang-undang ini, tidak ada majikan seksyen 24M. Majikan tiada kewajipan menyediakan penginapan bagi tanggungan pekerja. Tanggungan pekerja maksudnya anak-anak ataupun isteri pekerja.

Seksyen 24L(2)(a) keperluan pekerja mematuhi peraturan tatatertib sebagaimana yang ditentukan oleh majikan. Maksudnya disiplin pekerja perlu dipatuhi dan sama ada perlu dirunding bersama pekerja itu. Ini kerana keperluan pekerja mematuhi peraturan tatatertib sebagaimana ditentukan oleh majikan. Maksudnya hanya majikan *unilateral* boleh menentukan peraturan tatatertib dan sama ada rujukan ataupun perbincangan dengan pekerja ini perlu diadakan.

Saya ingin menyatakan secara prinsip tadi bahawa terdapat beberapa *observation* saya dan meminta untuk Yang Berhormat Menteri untuk memberikan penjelasan lebih lanjut.

#### ■1750

Saya ingin berkongsi apa yang berlaku di negeri Pulau Pinang. Di negeri Pulau Pinang terdapat lebih kurang 100,000 orang pekerja asing yang sah di pelbagai industri. Kebanyakannya ialah pembinaan dan juga ada yang di sektor elektronik. Seramai 100,000 orang pekerja asing ini ada yang duduk di rumah-rumah kos rendah, *flat-flat* kos rendah dan ada juga duduk di rumah teres dan sebagainya. Baru-baru ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan inisiatif untuk membina asrama pekerja. Asrama pekerja ini dengan konsep yang baharu. Setiap satu boleh memuatkan lebih kurang 5000 orang pekerja, asrama pekerja untuk 5000 orang pekerja. Satu asrama pekerja telah siap dan lima buah lagi masih dalam perancangan dan telah diluluskan.

Masalah yang saya *observe* berlaku di Seberang Perai Tengah, apabila asrama pekerja ini telah siap, yang boleh memuatkan 5000 orang pekerja ini, buat masa ini hanya 100 lebih orang pekerja yang dipindah masuk. Asrama pekerja ini dibuka sama ada pekerja tempatan ataupun pekerja asing tetapi hanya 100 lebih orang pekerja yang

dipindah masuk. Ramai yang masih duduk di taman-taman perumahan, masih duduk di rumah-rumah kos rendah.

Saya meminta supaya Kementerian Sumber Manusia melihat kepada satu penyelesaian secara perundangan kerana ini bukan wajib menyediakan standard minimum tetapi ada kes-kes seperti saya kata di Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang, asrama pekerja telah siap tetapi kerana majikan ataupun pekerja perlu membayar yuran RM200, maka terdapat masalah pelaksanaan.

Tidak ada peruntukan undang-undang yang memastikan bahawa pekerja-pekerja sama ada tempatan ataupun asing perlu duduk dalam asrama pekerja. Oleh itu, mereka masih duduk di rumah-rumah kos rendah. Rumah kos rendah sebenarnya perlu dikosongkan supaya penduduk-penduduk tempatan dapat duduk dalam rumah kos rendah. Akan tetapi sekarang rumah-rumah kos rendah ada banyak yang diduduki oleh pekerja asing.

Oleh itu, kita ada satu *mismatch*, masalah *mismatch*. Walaupun kita siapkan 5,000 tempat untuk pekerja-pekerja tetapi terdapat masalah pelaksanaan kerana tiada undang-undang khusus sama ada undang-undang negeri atau undang-undang Persekutuan yang mewajibkan pekerja mesti duduk dalam asrama pekerja. Saya khasnya rujukkan kepada pekerja-pekerja asing.

Oleh itu, saya meminta supaya satu perbincangan dilakukan kerana kita ada garis panduan. Di Pulau Pinang ada garis panduan asrama pekerja yang sepanjang 11 muka surat dengan pelbagai syarat dan sebagainya yang begitu baik dan asrama pekerja telah siap tetapi pekerja tidak pindah masuk. Itulah masalah yang perlu kita tangani. Sebagai rumusan, saya mengalu-alukan standard minimum ini dan harap standard minimum ini pada masa depan boleh diangkat kepada tahap lebih tinggi kepada satu *acceptable standard* dengan memenuhi keperluan internasional.

Saya ambil maklum juga, dalam tahun 2019, Malaysia masih dalam senarai *watchlist* untuk *human trafficking* dalam *Tier 2 Watch List on the human trafficking*. Salah satu sebab kita masih dalam *Tier 2 Watch List on the human trafficking* ialah kerana kita tidak mempunyai perundangan yang mencukupi untuk pekerja asing. Oleh itu, kita masih dalam *watch list* dalam *human trafficking* yang dikeluarkan oleh *United States*.

Kita sering dengar tadi, wakil rakyat lain tidak ada membangkitkan bahawa masalah perumahan pekerja-pekerja. Ada pekerja-pekerja *construction* yang duduk dalam kontena di tapak pembinaan. Itu adalah satu keadaan yang kurang memuaskan. *Ventilation*, pencahayaan, *sanitation* dan sebagainya dan ini memang kalau nak ikut ILO *standard for minimum housing standard*, itu memang tidak dipatuhi.

Saya rasa bukan sahaja kita perlu meluluskan undang-undang ini dalam semangat ataupun *spirit* sahaja tetapi juga perlu pelaksanaannya. Pelaksanaan undang-undang ini supaya standard antarabangsa terhadap perburuhan, terhadap buruh atau *labour standard* dan juga *minimum standard for housing* dan ini dapat diangkat ke satu tahap yang lebih tinggi sejajar dengan *international standard*. Dengan itu, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Rantau Panjang diikuti oleh Yang Berhormat Tebrau kemudian Yang Berhormat Arau dan kemudian Yang Berhormat Kalabakan. Sila Yang Berhormat Rantau Panjang.

#### 5.55 ptg.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Pindaan) 2019.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sebuah negara bergantung besar kepada kemahiran tenaga pekerja yang mahir dan produktif. Jadi justeru, kita mengalu-alukan pindaan Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja ini dengan harapan kita supaya pindaan ini dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara dan dapat menarik pelabur asing terutamanya dalam industri yang berteknologi tinggi yang memberi impak yang besar kepada pembangunan ekonomi negara.

Kalau kita melihat daripada pindaan yang dibuat pada hari ini, kita melihat disebutkan di sana pindaan akta standard minimum untuk pekerja. Jadi, saya cadangkan supaya di masa akan datang, bukan setakat minimum malah kita meletakkan satu standard yang tinggi terutama tentang keperluan dan kemudahan pekerja. Bukan soal saja di sudut perumahan, pekerja mesti kita bela kebijakan mereka daripada semua sudut termasuk yang sudah beberapa kali saya suarakan di sini, isu hak pekerja daripada sudut ibadah, hak pekerja dalam penutupan patuh syariah yang masih lagi sampai hari ini tidak ada penentuan yang khas terutama di sektor swasta.

Jadi saya ingin penjelasan mengenai sejauh mana perancangan pihak kementerian untuk membolehkan apa jua pindaan akta yang boleh memberi kemudahan dan keselesaan kepada pekerja kita akan dipinda seterusnya dalam semua sektor supaya kita dapat melahirkan pekerja yang berkualiti, yang produktif dengan penyediaan

ruang yang amat selesa bagi mereka untuk membolehkan kita mendapat impak yang besar daripada perkhidmatan mereka.

Siapalah majikan tanpa pekerja. Kalau kita melihat daripada sudut Islam, Islam sangat menekankan tentang kebajikan pekerja. Pekerja tidak boleh dieksplotasi oleh pihak majikan. Begitu juga tidak boleh membebangkan pekerja lebih daripada sepatutnya dan hubungan antara pekerja dengan majikan mestilah dalam keadaan harmoni dengan ihsan, bertolak ansur dan berperikemanusiaan supaya dapat melahirkan prestasi kerja yang cemerlang. Jadi seharusnya kita sebagai sebuah negara membangun dalam penggubalan akta ini bukan semata-mata untuk memenuhi standard buruh antarabangsa ataupun pematuhan standard di sudut hubungan ekonomi semata-mata tetapi di sudut kemanusiaan, seharusnya hak pekerja ini dibela.

Saya ingin menyentuh tentang pindaan yang dibuat dalam Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja ini. Kita melihat bagaimana dalam akta ini, kerajaan menyatakan bahawa kerajaan tidak berhasrat untuk mewajibkan penyediaan penginapan dengan standard minimum kemudahan pekerja bagi majikan untuk pekerja yang ramai. Jadi saya ingin tahu, apakah kekuatan pada undang-undang ini sekiranya ini tidak menjadi satu kewajipan, ia hanya satu pilihan. Mungkin ini akan diambil kesempatan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab untuk menjimatkan kos mereka untuk mereka tidak menyediakan perumahan yang diperlukan oleh pekerja.

Bayangkan kalau satu majikan yang memiliki 100 orang pekerja, kalau mereka tidak menyediakan kemudahan penginapan dan kemudahan lain iaitu dia hanya pilihan bukan mandatori, jadi kita lihat akan berlakunya masalah penempatan pekerja. Isu yang ada dalam sekarang ini sebagaimana yang dibahaskan oleh rakan-rakan kita dalam Dewan ini, kita mempunyai berjuta-juta pekerja asing dalam negara kita, yang berdaftar lebih daripada 2 juta pekerja yang bekerja dalam negara kita. Ini belum dikira lagi pendatang asing tanpa izin. Begitu juga kita tengok bagaimana pekerja-pekerja asing ini mereka tinggal di merata-rata, di kampung-kampung. Ada di kalangan mereka yang mengambil kesempatan berkahwin dengan orang tempatan untuk membolehkan mereka menetap lama di Malaysia.

#### ■1800

Jadi, apa penyelesaian isu ini? Satu lagi kita lihat begitu juga pekerja asing yang menyewa secara berkumpulan di rumah-rumah teres, rumah pangsa dan sebagainya yang mengundang banyak keresahan terutama di kalangan masyarakat tempatan. Jadi, apa penyelesaian sekiranya ada majikan yang mengambil sikap supaya mereka tidak

menyediakan kemudahan ini? Oleh sebab ini bukan satu peraturan mandatori. Jadi, apa tindakan yang akan dikenakan?

Jadi, saya ingin penjelasan juga daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Setakat ini, berapakah jumlah syarikat ataupun majikan ataupun estet yang berdaftar di bawah pihak kementerian yang telah menyediakan perkhidmatan kepada kemudahan penginapan dan perumahan kepada pekerja mereka? Berapa yang belum menyediakan?

Saya ingin tahu juga sebagaimana yang disebut tadi iaitu kemudahan sebagaimana dalam seksyen 8 iaitu penyediaan pusat asuhan kanak-kanak. Jadi setakat ini kemudahan kepada pekerja yang diberi. Kita berterima kasih di atas pindaan akta yang mewajibkan supaya tanggungan daripada sepuluh kepada lima orang.

Soalnya sekarang, berapa jumlah pusat asuhan yang telah disediakan setakat ini? Apakah satu galakan kepada majikan diberi kepada mereka selain daripada hukuman? Adakah galakan diberi kepada majikan swasta ini yang menyediakan pusat asuhan kanak-kanak bagi kemudahan pekerja-pekerja mereka? Jadi, adakah setakat ini tindakan ataupun hukuman telah dikenakan kepada mereka yang telah melanggar peraturan setakat ini?

Begitu juga, saya ingin menyentuh dengan berkaitan dengan hak pekerja juga iaitu berkaitan dengan kebajikan pekerja terutama pekerja-pekerja yang bekerja di kilang-kilang. Oleh sebab bukan sahaja estet, perlombongan, khususnya pekerja yang berkaitan dengan pekerja wanita. Jadi ada peraturan untuk menjamin keselamatan.

Bayangkan satu kilang yang pekerja wanitanya bekerja di sebelah malam yang mungkin pulang pukul 3.00 pagi, pukul 4.00 pagi. Kita bimbang, yang paling penting ialah keselamatan mereka. Jadi, sejauh mana jaminan sekiranya pekerja ini tidak, kilang ataupun tempat bekerja ini tidak menyediakan kemudahan tempat tinggal yang selamat dengan keadaan perjalanan yang tidak selamat? Jadi, apakah tindakan terhadap pengusaha-pengusaha kilang seperti ini?

Begitu juga, saya ingin tahu berkaitan dengan standard minimum perumahan dan kemudahan pekerja. Adakah kerajaan bercadang untuk mengenakan syarat supaya penginapan yang disediakan kepada pekerja ini yang menyediakan segala infrastruktur yang bersesuaian? Contoh, penginapan untuk wanita dan penginapan untuk lelaki. Akan tetapi tidak disebutkan di sini macam mana sekiranya pihak majikan hanya menggunakan bilik air. Contohnya, penggunaan bilik air yang sesuai. Jadi, saya bimbang sekiranya perkara ini tidak disebut secara khusus, ini akan diambil kesempatan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab untuk meminimumkan kos mereka.

Begitu juga dalam fasal 11 yang menyebutkan tentang tiada cas, seksyen 24G, fasal baharu yang mana caj penginapan dipungut melalui potongan upah pekerja. Adakah ini satu ketetapan berapa minimum ataupun maksimum potongan yang dibuat? Oleh sebab kita bimbang apabila berlakunya ruang pemotongan caj ini dibuat, ada majikan yang mungkin mengenakan caj yang besar ataupun tinggi yang menjelaskan pendapatan pekerja dengan gaji minimum yang terhad apa lagi mereka perlu menyara kehidupan berkeluarga dan sebagainya. Jadi, sejauh mana perkara diberi perhatian untuk memastikan pematuhan kepada arahan dalam akta ini tidak memberi kesan yang merugikan pekerja-pekerja yang kita hendak lindungi?

Saya ingin tahu juga tentang program-program latihan, kursus-kursus yang disediakan untuk melahirkan pekerja yang mahir, yang bertanggungjawab seperti *employee training*. Apakah syarat-syarat yang telah dikenakan kepada pihak majikan untuk memastikan pekerja-pekerja mereka diberi latihan yang selayaknya? Begitu juga, sejauh mana peranan mereka dalam memberi kemudahan? Terutama seperti contoh hak pekerja untuk berkeluarga, untuk cuti rehat. Oleh sebab kita mendapat aduan ada pekerja terutama di restoran-restoran, rumah-rumah, di kedai-kedai makan, mereka ini seminggu penuh, tujuh hari seminggu bekerja tanpa rehat. Jadi, apakah pemantauan dibuat untuk tidak berlakunya kezaliman, penganiayaan terhadap pekerja?

Begitu juga pekerja-pekerja yang diberhentikan. Mereka sudah ada tempat penginapan tetapi kerana kes-kes tertentu, mereka dibuang pekerjaan. Ini kerana kita tengok apa yang berlaku hari ini ramai pekerja yang dibuang. Apa hak mereka, kebijakan mereka sekiranya mereka dihalau keluar daripada rumah penginapan yang disediakan? Apa jadi pada keluarga mereka, anak-anak mereka yang masih bersekolah? Jadi banyak isu yang berkaitan pekerja yang saya harap mendapat penjelasan yang jelas daripada pihak kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Tebrau, 10 minit.

#### **6.06 ptg.**

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana izinkan saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019. Isu-isu perumahan dan penginapan yang teruk telah berterusan lama. Akhirnya, Kerajaan Pakatan Harapan telah ambil tindakan yang baik untuk membaiki keadaan yang begitu teruk di Malaysia.

Seolah-olahnya rakyat Malaysia tidak mengambil berat keselamatan dan juga kesihatan pekerja-pekerja khususnya pekerja datang dari negara asing. Jadi satu langkah yang baik, saya mengalu-alukan. Dalam sini ada disebut adalah standard minima yang akan ditetapkan supaya pekerja-pekerja dapat menikmati perumahan dan penginapan yang lebih selesa dan tahap kesihatan juga keselamatan yang lebih terjamin.

Jadi, saya berharap dengan isu-isu seperti 20 orang hingga 40 orang yang berkongsi satu rumah atau satu rumah kedai tidak berlaku lagi dan keadaan setiap bilik tidur pun jadi dapur itu bukan tidak akan berlaku lagi. Pembuangan sampah merata-rata oleh pekerja asing itu di tempat kediaman mereka tidak berlaku kerana itu akan menjadikan kesihatan. Bukan sahaja pekerja-pekerja sendiri tetapi jiran-jiran khususnya warganegara kita sendiri.

Jadi, saya berharap dengan kuasa yang diberi kepada Yang Berhormat Menteri untuk mengeluarkan arahan yang difikirkan sesuai untuk mematuhi undang-undang yang akan dipinda. Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan wujudkan garis panduan apa yang secara minimum sebagai tahap yang akan menjamin keselamatan dan juga kesihatan setiap pekerja.

Saya pun berharap bukan kita lakukan atau wujudkan peraturan dan juga garis panduan sahaja tetapi saya berharap ada satu pasukan penguasa juga diwujudkan untuk memastikan kediaman ataupun tempat perumahan atau penginapan yang disediakan oleh majikan betul-betul mematuhi tahap yang ditetapkan oleh kementerian. Ini supaya apa yang dijanji dalam pindaan ini dapat ditunaikan.

#### ■1810

Di sini kita nampak pindaan ini setakat sekarang, ia tidak termasuk negeri Sabah dan negeri Sarawak. Tapi kita difahamkan Kerajaan Negeri Sabah dan juga Sarawak telah bersetuju supaya undang-undang bersamaan akan diperuntukkan di dalam Ordinan Buruh masing-masing. Jadi saya hendak bertanya Menteri, bilakah ini akan dikuatkuasakan di negeri Sabah dan Sarawak?

Saya mengakhiri perbahasan saya. Saya akan sokong tapi saya berharaplah apa-apa yang kita gagal untuk memastikan pekerja-pekerja yang menyumbang besar kepada pembangunan negara kita ini dapat dijamin betul-betul di bawah pindaan rang undang-undang ini. Dengan ini saya sudi menyokong pindaan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Arau, diikuti oleh Yang Berhormat Kalabakan, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Jelutong dan kemudian Yang Berhormat Rasah. Sila Yang Berhormat Arau.

**6.11 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman dan juga Menteri, kawan baik saya. Jadi kawan baik ini, apa pun kena sokonglah ya.

Yang keduanya, rang undang-undang ini saya hendak beritahu saya menyokong dengan penuh hebatnya tetapi beberapa teguran yang saya ingin buat kepada Yang Berhormat supaya Yang Berhormat perhatikan sebab Yang Berhormat timbulkan benda ini semasa Yang Berhormat jadi pembangkang dulu. Yang Berhormat timbulkan. Jadi kami pun bagi jawapan akan ambil tindakan. Sekarang kami pula bercakap, saya harap Yang Berhormat jangan cakap akan ambil tindakan serta-merta lagi sebab tindakan ini nampaknya tidak berjalan.

Pertama, Yang Berhormat, bila kita syaratkan benda ini, saya tidak nampak satu usaha untuk memberi galakkan kepada pekerja tempatan. Kita sekarang ini memang kita kena *support* industri, kilang-kilang, perladangan di sini, kita kena *support*. Itu kena *support*. Akan tetapi, kita nampaknya apa pun kita buat, tidak nampak kehadiran orang tempatan untuk sama-sama berjuang dalam bidang pekerjaan. Pekerja tempatan sering kali diperlekehkan kononnya tidak mahu bekerja, kerja-kerja bawahan ini mereka tidak mahu, walaupun kita tidak ada satu bukti yang kukuh mengatakan mereka tidak mahu. Padahal kita tengok semua *cleaner*, *cleaner* orang tempatan. Orang yang jaga bilik air di sepanjang *highway* orang tempatan kecuali satu, dua tempat sajalah. Jadi makna kata, mereka sanggup buat kerja. Tapi ia lebih kepada majikan. Setengah majikan seronok ambil orang asing kerana mereka senang kumpulkan, hendak kawal, tetapi orang tempatan mereka terpaksa berada di pelbagai tempat dan sebagainya, susah untuk kita mengangkut mereka.

Jadi kita berharap supaya pengenalan akta ini akan memberi galakan kepada orang tempatan. Sebab apa? Yang Berhormat, sayanglah kepada orang tempatan sebab orang tempatanlah kita berada di tempat yang berada sekarang. Orang asing ini cuma datang kemudian-kemudian sahaja. Sekarang ini bila kita membenarkan terlalu ramai orang asing dan memperlehkan orang tempatan, sampai tidak ada satu usaha di pihak majikan untuk mengambil orang tempatan.

Apakah Yang Berhormat bercadang— Yang Berhormat bercadang sebab Yang Berhormat Menteri yang berkuasa sekarang— bagi syarat tiap-tiap peluang pekerjaan mesti ada sekurang-kurangnya 30 peratus orang tempatan? Sebab, Yang Berhormat, cara kita memperkenalkan penginapan ini akan menyebabkan orang asing terkumpul di satu tempat yang tidak bagus. Bagi sesebuah negara, kalau mereka berada di satu

tempat yang besar mereka bersama, ia tidak bagus dari segi keselamatan sosial dan lain-lain lagi. Tetapi kalau mereka berada di merata tempat, jadi senang kita hendak jaga dari segi keselamatan.

Jadi kehadiran orang asing yang nampaknya tidak ada hadnya— padahal pembukaan kilang-kilang kita perlahan. Hendak buat bangunan pun *it may two, three years*, dengan izin, baru siap satu bangunan. Akan tetapi, pekerja asing ini nampaknya kemasukannya macam tidak dapat ditahan-tahan lagi. Masuk tidak berhenti. Kilang ini dulu sudah minta 2,000 orang pekerja, sebagai contohnya, tiba-tiba dia minta lagi. Sebab apa, pekerja ini dia kata sudah balik, sudah habis kontrak. Tapi bila mereka habis kontrak—

Saya hendak ulang sekali lagi di Parlimen ini dan saya perlu jawapan yang mantap. Yang Berhormat jangan jawab seperti kawan kita tadi, dia jawab dia baca rang undang-undang kononnya saya tidak faham. Bagaimana saya boleh tidak faham? Selama 12 tahun saya jadi Ahli Majlis Kebangsaan Agama Islam. Selama 12 tahun saya bersama dengan raja-raja. Jadi saya tidak faham tentang peranan raja-raja padahal Yang Berhormat tahu bahawa peranan raja-raja ini diserahkan kepada Agong untuk negeri yang Agong jadi sultan. Akan tetapi, Agong itu sendiri datang daripada negeri dan sudah pasti kalau kita serasikan, perlahan-lahan negeri-negeri akan ikut. Maka dengan itu kita dapat seragamkan undang-undang agama Islam.

Jadi, Yang Berhormat, berhubung dengan tajuk ini, kita tidak pernah dapat maklumat. Yang Berhormat pun tidak dapat. Malah Menteri yang jaga imigresen pun tidak dapat satu bentuk kawalan bahawa pekerja yang telah habis kontrak dia balik ke negara mereka. Dia orang tidak balik dan mereka berada dalam pasaran buat kerja-kerja yang kita tidak benarkan. Saya minta Yang Berhormat kawal ini supaya kuasa Yang Berhormat itu jangan serah pada Menteri lain. Ini kuasa Yang Berhormat. Dulu Yang Berhormat mempersoalkan kenapa kuasa ini ada dekat Menteri Dalam Negeri, ini hak Menteri Sumber Manusia. Kita pertikaikan. Sekarang ini, Yang Berhormat, hal sumber manusia, Yang Berhormat kuasa mutlak dibantu oleh Timbalan Menteri. Dia cuma bantu sajalah, lain-lain tidak boleh. Jadi, Yang Berhormat berkuasa untuk memastikan bahawa pekerja yang habis kontrak balik, lepas itu kita ambil orang baru. Sebab apa? Tidak ada kilang baharu— tidak banyak kilang baharulah sebab lambat hendak buat bangunan. Ini kilang lama boleh berulang kali dapat pekerja. Kita tidak ada bukti yang pekerja yang telah habis kontrak, mereka balik.

Jadi dengan cara bentuk kediaman ini juga kita boleh membuat kawalan supaya mereka dapat ditentukan berada di sini mengikut tempohnya. Bila siap, balik. Dan

pastikan supaya majikan buktikan kepada kita bahawa pekerja ini telah balik setelah kontraknya habis ataupun mereka dibenarkan kerja ke sektor lain. Akan tetapi yang bahayanya satu saja, sebab nanti ada perniagaan dalaman berlaku di antara syarikat-syarikat nanti supaya kalau orang ini serah pekerja, jadi mereka akan caj fees bawah meja yang sering berlaku sekarang ini dengan hebatnya.

Kemudian yang kedua, Yang Berhormat, berhubung dengan industri estet. Jadi negeri-negeri yang buat industri estet ini, di peringkat awalnya memang mereka tidak sediakan perumahan. Perlahan-lahan kita sediakan perumahan. Tetapi oleh kerana hendak sediakan tempat penginapan ini lambat, jadi kita minta supaya rumah-rumah termasuk rumah-rumah kampung yang banyak kita jadikan *homestay* dan sebagainya boleh kita jadikan kawasan kediaman.

Kedua, Yang Berhormat, saya hendak tanya, berapa pekerja yang mensyaratkan mereka sediakan tempat kediaman? Sebab kalau dari segi *construction*, dia dapat projek RM100 juta, sudah pasti pekerjanya banyak mana. Kalau dia dapat projek RM10 juta ataupun RM2 juta, RM3 juta, dia kena buat juga kontena dan sebagainya. Jadi yang itu bolehlah diletakkan syarat bahawa pekerja *construction* tidak boleh dibuat rumah-rumah setinggan macam itu. Bagi syarat mesti dibina kontena untuk pekerja-pekerja ini. Cuma, satu, ia akan melibatkan kos kepada *construction*. Jadi, Yang Berhormat, kita minta supaya pekerjaan *construction* ini termasuk yang lain, syaratnya berapa orang untuk membolehkan kita sediakan perumahan ataupun 10 orang pun kita sedia perumahan. Itu sesuatu yang wajar ditanyakan.

Jadi akhir sekali, Yang Berhormat, sebagai menyokong usul ini, Yang Berhormat tolong lihat sejauh mana undang-undang ini mampu untuk memberi ruang, peluang yang lebih kepada pekerja tempatan supaya mereka juga sama-sama berminat untuk bekerja. Dulu-dulu masa industri estet di *Penang*, dia sediakan perumahan untuk pekerja tempatan. Ini zaman dahulu. Sampai ada gelaran, kita dapat gelaran orang ini kata perkataan minah dan sebagainya. Ada gelaran zaman dulu. Kerana orang tempatan.

## ■1820

Kenapa dulu orang tempatan boleh bekerja? Kenapa sekarang tidak boleh bekerja? Orang tempatan yang dulu bekerja itu sekarang sudah bercucu dan mereka beritahu mereka berbangga, mereka ini asal pekerja kilang. Akan tetapi tiba-tiba pada zaman moden ini, kilang tak bertambah banyak, tiba-tiba pekerja asing dilambakkkan di tahap yang luar biasa. Jadi saya ingin pecah rekod bahawa saya habiskan sebelum tempoh masa. Jadi saya menyokong dengan pindaan-pindaan. Terima kasih.

**6.20 ptg.**

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini, pindaan Standard Minimum Penginapan Pekerja yang sangat dekat di hati saya sebab saya ini lahir di estet, membesar di estet, anak estet.

**Seorang Ahli:** Apa nama estet?

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Bal Plantation Sdn. Bhd. - *Borneo Abaca Limited.* [Tepuk] Jadi saya ini anak estetlah.

**Seorang Ahli:** Dahsyat, dahsyat.

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Dahsyat, dahsyat, betul dahsyat.

**Seorang Ahli:** Kalabakan dahsyat.

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Jadi dalam menyokong pindaan ini, kita juga melihat bahawa garis panduan ini bertujuan menjelaskan kaedah pelaksanaan dasar kerajaan mewajibkan majikan menyediakan penginapan mengikut standard minimum pekerja tempatan dan asing yang digajikan. Standard minimum penginapan yang terkandung dalam garis panduan ini hendaklah mematuhi kehendak Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 berlandaskan kepada *Recommendation 115 Workers Housing Recommendation 1965* Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Ia berobjektif memperuntukkan standard-standard minimum penginapan untuk pekerja, menjaga kebijikan dan keselamatan pekerja, mengekalkan ketenteraman dan keharmonian sosial di kalangan masyarakat dan mematuhi standard antarabangsa berhubung pengurusan pekerja.

Akta ini boleh diaplikasikan sebagai garis panduan terpakai kepada semua majikan yang menggajikan pekerja asing bagi semua sektor di Malaysia kecuali kepada majikan yang menggajikan perkhidmatan domestik asing. Garis panduan ini juga tidak terpakai kepada tempat-tempat pekerjaan yang diliputi bagi Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 Akta 446. Bagi sektor pembinaan, penyediaan kemudahan penginapan sementara adalah tertakluk kepada *Temporary Construction Site Workers Amenities and Accommodation Code of Practice* yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Bagi sektor-sektor lain yang menyediakan kemudahan penginapan sementara, majikan boleh mengguna pakai *Temporary Construction Site Workers Amenities and Accommodation Code of Practice* seperti dalam perkara di atas.

Saya ingin mencadangkan bagi tempat penginapan yang menggunakan bangunan yang sedia didiami, setiap pekerja hendaklah diberi ruang tertutup

sepenuhnya tidak kurang daripada 4.5 meter persegi bagi tujuan pengiraan bilangan penghuni sebuah unit kediaman. Formula pengiraan adalah seperti berikut; jumlah keluasan tertutup keseluruhan 4.5 meter persegi, jumlah penghuni dibundarkan kepada nombor yang terdekat.

Bagi pengubahsuaian kegunaan bangunan bukan kediaman kepada kegunaan kediaman, kerja ubah suai hendaklah mematuhi UKBS 1984 dan standard ruang minimum seperti berikut;

- (i) ruang tertutup sepenuhnya tidak kurang daripada 4.5 meter persegi bagi setiap pekerja dan ketinggian dinding hendaklah mematuhi Undang-undang Kecil 44 dan 45 UKBS 1984;
- (ii) ruang dapur tidak kurang daripada satu meter persegi bagi setiap pekerja termasuk ruang makan;
- (iii) ruang guna sama untuk setiap 10 orang pekerja tidak kurang daripada 9 meter persegi;
- (iv) tandas dan bilik mandi dengan nisbah satu untuk enam pekerja dan ada dapur gas, bekalan air bersih dan bekalan elektrik;
- (v) kemudahan asas minimum hendaklah disediakan untuk setiap pekerja dan tidak boleh dikongsi;
- (vi) katil bujang, tilam dan bantal dan almari pakaian berkunci, keselamatan dan kebersihan. Majikan hendaklah memastikan suatu unit bangunan kediaman tidak boleh dikongsi oleh pekerja asing yang berlainan jantina;
- (vii) pengalihudaraan dan cahaya semula jadi yang mematuhi Undang-undang Kecil 39 UKBS 1984;
- (viii) tandas, bilik mandi dan dapur dijaga dengan keadaan bersih dan boleh digunakan;
- (ix) persekitaran halaman dan bangunan sentiasa dalam keadaan selamat dan bersih;
- (x) penyediaan kemudahan tempat pembuangan sampah, pendawaian elektrik dibuat tanpa kelulusan pihak berkuasa tidak dibenarkan sama sekali; dan
- (xi) penyediaan peti kecemasan (*first aid kit*) dan alat pemadam api yang mencukupi.

Mana-mana majikan yang memohon pekerja asing hendaklah membuat surat komitmen berkaitan penyediaan tempat penginapan pekerja asing yang ditandatangani oleh pengarah syarikat, pemilik atau rakan kongsi di hadapan pegawai tenaga kerja.

Sebagai input tambahan, pindaan Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja Akta 446 akan membolehkan bukan sahaja pekerja estet malah semua pekerja industri menerima kemudahan kesihatan dan keselamatan yang lebih baik. Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye berkata menerusi akta itu, majikan yang menyediakan kemudahan penginapan kepada pekerja perlu menepati piawaian ditetapkan bagi mengelakkan daripada didenda. Katanya sebelum ini, Akta 446 hanya mengawal kemudahan penginapan untuk pekerja di estet, selain diguna untuk sektor perlombongan dan pertanian.

Walau bagaimanapun, pindaan yang dibentangkan di Parlimen pada sesi ini menerusi Kementerian Sumber Manusia akan memperluaskan lagi akta itu daripada segi kemudahan kepada pekerja estet dan semua pekerja industri yang lain. Akta itu juga memerlukan majikan menyediakan kemudahan penginapan secara berpusat mengikut standard ditetapkan selain perkhidmatan perubatan kepada pekerja mereka. Beliau juga berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan seminar perubatan terkini untuk pembantu perubatan ladang baru-baru ini.

Jadi, itu sahaja hujah saya. Saya mohon menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Jelutong, kemudian Yang Berhormat Rasah dan kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Jerai dan yang terakhir Yang Berhormat Kapar.

### 6.27 ptg.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih, memang patut dan cocok bahawa Yang Berhormat Kapar menjadi penggulung perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk turut serta dalam perbahasan yang cukup menarik pada petang yang begitu mulia ini. Kita lihat banyak daripada Ahli-ahli Parlimen Pakatan Harapan yang masih sibuk berada di Dewan yang mulia ini memberi perhatian kepada subjek yang begitu penting tetapi kita lihat bahawa di sebelah sana tidak ada seorang pun Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional, UMNO tidak ada, MCA tidak ada, MIC tidak ada, hanya tinggal seorang sahaja daripada PAS. [Tepuk] Kita mengucapkan terima kasih, GPS pun langsung tidak ada. Ini menunjukkan

sikap Barisan Nasional, sikap UMNO, sikap MCA, sikap MIC yang tak mementingkan isu yang begitu penting.

Kita membincangkan tentang masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja, masalah di mana kita perlu puji kepada Menteri kita yang telah mengangkat perkara ini, menggubal undang-undang yang begitu penting, membawa kepada Dewan yang mulia ini untuk diperbahaskan tetapi langsung tidak ada seorang pun Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional, UMNO. Walaupun berjalan berkeliaran di sana sini tetapi tidak duduk di tempat dan memberi pemerhatian kepada perkara yang begitu penting. Saya berharap bahawa pekerja-pekerja di luar sana yang menyaksikan sidang Dewan yang mulia ini akan mengambil petanda dan dalam pilihan raya yang akan datang memberi sokongan penuh kepada semua wakil Pakatan Harapan yang bertanding di kawasan-kawasan Barisan Nasional.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Arau, saya tidak bagi laluan. Duduk dulu, duduk dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ini *floor* Yang Berhormat Jelutong, 10 minit sahaja.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Peraturan Mesyuarat 36(6).

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya di sini.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Pontian ada.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya di sini ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat kepada Yang Berhormat Jelutong. 36(6) dia sangkaan jahat kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Kota Tinggi pun ada. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ya, saya tahu. Baik, baik, baik.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sebab apa, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, masa saya berucap tadi memperjuangkan nasib pekerja Yang Berhormat Jelutong tak ada.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak bagi. Saya ada, saya ada di sini. Masih tercegat duduk di sini Yang Berhormat, so saya tak bagi laluan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tajuknya ialah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya tak bagi laluan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Eh Yang Berhormat Jelutong, tak bagi laluan kat saya?

■1830

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jelutong, BN sekarang sudah masuk dah. Teruskan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi rupa-rupanya mereka sedang beristirahat di kantin tadi, minum kopi dan sebagainya dan setelah melihat perbahasan saya telah masuk kita puji, kita puji.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya sedang menunaikan solat Yang Berhormat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, baik terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi 36(6) sangkaan jahat kepada kami.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Jangan buat tuduhan Yang Berhormat Jelutong.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi dia rekod apa.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Apalah tuduhan. You ingat ini urusan you seorang sahaja kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik terima kasih. Yang Berhormat Jelutong teruskan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya di sini ingin menyatakan bahawa kepujian yang tertinggi harus diberikan kepada Menteri. Ini kerana undang-undang yang telah digubal pada tahun 1990, baru sahaja terfikir, baru sahaja Kerajaan Pakatan Harapan, Menterinya telah mengambil masa untuk menggubal undang-undang ini untuk...

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Alah sudahlah, Menteri pun seorang sahaja yang adalah, besar pula kuli.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Untuk membentangkan undang-undang ini.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Menteri seorang sahaja ada. Apa cakap Yang Berhormat Jelutong?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Janganlah ganggu saya.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** You yang ganggu semua orang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ini perbahasan sayalah! Dengar perbahasan saya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dapat seorang Menteri sahaja Yang Berhormat nampak. Saya ingin merekodkan kepada rakyat Malaysia bahawa hanya seorang sahaja Menteri hadir masa rang undang-undang untuk memberi pembelaan kepada...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya tak bagi laluan, saya tak bagi laluan, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, dia cari pasal dengan kami. Kalau tidak, kami okey. Kami menyokong rang undang-undang ini.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Timbalan dia, timbalan.  
*[Ketawa]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, di sini saya ingin menarik perhatian kepada peruntukan-peruntukan yang telah digubal terutamanya 24J sungguh menarik.

- (a) menyediakan penginapan yang berasingan untuk pekerja yang berlainan jantina;
- (b) mengambil langkah pencegahan yang perlu bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan pekerja;
- (c) mengambil langkah keselamatan kebakaran mengikut undang-undang yang bertulis yang berkaitan;
- (d) memastikan bahawa sistem pendawaian elektrik mematuhi kehendak keselamatan mengikut undang-undang yang bertulis yang berkaitan;
- (e) memastikan bahawa pekerja menerima bantuan perubatan yang diperlukan; dan

- (f) mengambil langkah pencegahan untuk membendung penyebaran penyakit berjangkit sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai perubatan kesihatan.

Semua undang-undang dan peruntukan-peruntukan ini merangkumi perkara-perkara yang akan menjamin kesejahteraan pekerja. Pada masa yang sama dengan izin Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya boleh menyeru kerajaan baru untuk memberi perhatian kepada perkara yang mungkin menyimpang sedikit. Saya berterima kasih merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan yang baru ini, yang menggubal undang-undang ini. Pada masa yang sama Menteri, kita juga jangan abaikan kesejahteraan, kebijakan penjawat-penjawat awam.

Saya dengan izin ingin menyimpang, terutamanya anggota-anggota Polis Diraja Malaysia. Di mana saya menyeru kerajaan yang baru, memastikan bahawa berek-berek polis yang ada, semua tempat-tempat penginapan anggota polis yang ada dinaikkan taraf di seluruh negara. Ini adalah perkara yang begitu penting. Di kawasan saya di Jelutong, berulang kali saya sudah berbahas. Kita lihat berita baru-baru ini tergempar! Yang Berhormat Pekan membelanjakan RM3.5 juta menggunakan kad kredit. Kenapa kerajaan dahulu tidak memberikan perhatian kepada perkara ini?

Yang Berhormat Pekan membelanjakan RM3.5 juta menggunakan kad kredit, tetapi kebijakan anggota polis diabaikan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Point of order*, ini tidak ini. Tajuknya lari Yang Berhormat, ini adalah kerja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tambahan, tambahan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Arau, saya tidak bagi laluan, sila duduk.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Eh! Yang Berhormat Jelutong, kau nak bermusuh dengan saya?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tak, saya bagi. Biar saya habiskan dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau, jep lagi bagi Yang Berhormat Jelutong habiskan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Perkara ini perkara penting Yang Berhormat. Perkara berkenaan kebijakan anggota polis adalah begitu penting saya memperjuangkan dari hari pertama saya masuk ke sini. Saya memperjuangkan hak...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kita juga memperjuangkan tetapi ini lari tajuk, lari tajuklah Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Pontian sibuk bela Yang Berhormat Pekan sahaja, angkat bakul Yang Berhormat Pekan sahaja. Yang Berhormat Pontian selalu ambil bakul Yang Berhormat Pekan sahaja.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ini usul lain, ini usul lain.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Apa, apa menyimpang?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Standard rumah kepada para pekerja...

*[Dewan riuh]*

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Ya inilah, kalau tak faham kerja! Balik kampung sahaja. Apa punya MP.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Nasib polis, tentera setuju tetapi tajuk kerajaan ini gagal untuk bawa rang undang-undang untuk memberi pembelaan kepada polis.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua 36(6) Tuan Yang di-Pertua. Apa fasal bagi sangkaan jahat kepada...*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, Yang Berhormat Jelutong, sila tidak lari daripada tajuk, sila teruskan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya minta supaya kerajaan akan bawa rang undang-undang untuk membela polis dengan pekerja. Jangan cakap...*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau. Dipersilakan. Baik Yang Berhormat Jelutong kata, dia akur. Baik sila.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ha! Dia akur? Tetapi dia ada cakap dia kononnya memperjuangkan polis dan tentera, tetapi tidak ada rang undang-undang. Dia Menteri ini, dia bukan jaga polis dan tentera.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, ini *floor* saya, ini *floor* saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat baik.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Rang undang-undang cabar. Cabar supaya bawa rang undang-undang untuk memberi pembelaan kepada polis dan tentera dan juga penjawat awam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih. Baik, baik, terima kasih. Sekarang Yang Berhormat Jelutong hanya tinggal 2 minit setengah sahaja sila.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mereka mengganggu saya. Kita tahu, kita tahu bahawa dahulunya bila beradanya dalam kerajaan, Yang Berhormat Arau yang sungguh berwibawa, Yang Berhormat Pontian yang sungguh berwibawa sibuk dengan mengangkat bakul Yang Berhormat Pekan. *[Ketawa]*

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, ini Peraturan 36(6) Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tapi tak ada masa, so saya sekarang berbalik kepada tajuk ini... *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Sangkaan jahat, takkan Tuan Yang di-Pertua benarkan Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Bahawa undang-undang ini adalah undang-undang yang baik yang akan mengelakkan masalah sosial daripada berlaku.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Dia terus terang Tuan Yang di-Pertua, kuasa kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada seminit lebih sahaja tak apa.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tak bolehlah seminit lebih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Eh! Yang Berhormat Paya Besar, duduklah! You budak kecil, duduk, duduk! Duduklah. Sudahlah you pun ambil bakul Pekan sahaja selalu, duduklah.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Eh! Apa you lagi teruk, you lagi teruk!

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Ketawa]* Ini sangkaan paling jahat dalam dunia, 36(6).

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya minta tarik balik Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Apa tarik balik?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tarik balik!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Dah, dah Yang Berhormat Jelutong teruskan perumahan *workers village* ya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** So, di sini undang-undang ini adalah undang-undang yang baik yang akan mengelakkan masalah sosial.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tarik balik, Tuan Yang di-Pertua 36(6) Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Apa tarik balik?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tarik baliklah *you* sudah sangka jahat pada saya!

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tarik balik apa? Tarik balik apa?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini Yang Berhormat, Yang Berhormat tuduh kami angkat bakul... [*Sistem pembesar suara dimatikan*]

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Buat usullah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya tidak benarkan untuk mencelah. Sila, hanya tinggal 50 saat sahaja lagi sila Yang Berhormat Jelutong.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Jelutong, tarik baliklah perkataan itu sangkaan jahat, tarik baliklah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Di sini ingin menyatakan bahawa undang-undang ini adalah undang-undang yang baik yang digubal oleh kerajaan baru yang akan memastikan semua masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh pekerja-pekerja dan pekerja-pekerja-pekerja...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat tidak langsung memperjuangkan pekerja tempatan. Yang Berhormat Kena ingat, pekerja tempatan sekarang ini tidak mendapat perlindungan yang sewajarnya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Arau, saya tidak bagi laluan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, Yang Berhormat cakaplah tajuk itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Arau.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** So, kita pastikan bahawa dengan undang-undang ini, masalah-masalah sosial yang berlaku di kawasan-kawasan tertentu tidak akan berulang dan saya mengambil kesempatan ini untuk ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Menteri dan juga kerajaan baru di atas undang-undang yang telah digubal ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Dulu, kini dan selama-lamanya Pakatan Harapan, hidup Pakatan Harapan. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Podah!

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat kata memperjuangkan, penulisan Yang Berhormat bohong selama ini! *[Tepuk meja] [Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, baik. Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Rasah, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Jerai dan juga Yang Berhormat Kapar.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** "Masuk bakul angkat sendiri".

### 6.38 ptg.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya turut mengambil bahagian dalam perbahasan untuk rang undang-undang pada petang ini. Saya, bagi saya yang pertama saya hendak menyatakan sokongan saya terhadap pembentangan rang undang-undang ini pada petang ini, sebab akta asal yang telah digubal pada tahun 1990 kini kita mengangkat akta ini ke satu anjakan yang baru dalam memberikan kebajikan kemudahan minimum kepada pekerja yang terlibat.

Jadi, tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan walaupun hanya menjadi kerajaan lebih kurang setahun sahaja, tahniah kepada kementerian di bawah Menteri kita di atas usaha yang saya nampak kesungguhan, kegigihan daripada pihak kementerian untuk mengangkat martabat pekerja kita khasnya kebajikan, penginapan dan perumahan mereka ke satu anjakan yang baru yang tidak pernah dirasai, tidak pernah diberikan perhatian oleh rejim sebelum ini. Cuma beberapa perkara yang saya hendak sebutkan pada hari ini. Pertamanya saya hendak mengatakan, saya secara dasarnya saya bersetuju seksyen 24A yang baru dimasukkan ke dalam rang undang-

undang ini sebab ia dapat meluaskan skop kepada pekerja yang terlibat iaitu selain daripada di estet.

**■1840**

Cuma, persoalan saya di sini, apakah selain daripada mereka yang bekerja di estet itu, ayat ini cukup meluas untuk merangkumi semua pekerja dan semua bidang yang terlibat. Tidak kira di mana, di pihak perkhidmatan, pembuatan dan sebagainya.

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pemberesan suara]*

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Ataupun hanya merujuk kepada beberapa bidang tertentu sahaja. Kalau kita tengok skop asal yang lebih merujuk kepada pertanian yang dikatakan estet dan perlombongan. Tahun 1990 mungkin sesuai, mungkin sesuai untuk ketika dan masa itu. Akan tetapi, hari ini, zaman telah berubah. Sektor pekerjaan telah berubah dan sudah lebih ramai pekerja kita tidak kira di mana-mana peringkat terlibat dengan sektor pembuatan dan sebagainya.

Jadi saya hendak tahu, setakat mana skop yang digariskan, yang dikatakan bahawa selain daripada mereka yang bekerja di estet itu. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ketika membuat penggulungan nanti.

Begitu juga, kalau kita ikut tafsiran estet. Ia merujuk kepada sektor pertanian yang melibatkan keluasan tanah lebih daripada 20 hektar. Kalau lebih 20 hektar itu, lebih kurang 50 ekar. Jadi, macam mana dengan mereka yang terlibat dalam sektor pertanian yang melibatkan tanah yang kurang daripada 20 hektar tersebut? Apakah ada perlindungan dan ada klausa tertentu dan perenggan tertentu untuk melindungi kebijakan mereka khasnya dari segi perumahan?

Saya menyambut baik pindaan yang dibuat, rang undang-undang ini selaras dengan komitmen Kerajaan Pakatan Harapan sebagaimana yang dijanjikan dalam Manifesto Pakatan Harapan pada tahun lepas untuk kita mengangkat kebijakan dan keperluan pekerja-pekerja ke satu tahap yang lebih tinggi yang tidak pernah diberikan. Tidak pernah difikirkan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Betul.

**Seorang Ahli:** Betul.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Ataupun tidak pernah dilaksanakan *[Tepuk]* oleh rejim yang pernah berkuasa di bumi Malaysia selama 61 tahun.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *[Ketawa]*

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Hari ini, kita berjaya melaksanakannya. Ia juga membolehkan kita memuaskan ataupun mematuhi peraturan-peraturan dalam konvensyen antarabangsa berkaitan dengan Undang-undang Buruh supaya dunia luar,

pelabur dari peringkat antarabangsa melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang bukan setakat menawarkan prasarana yang terbaik untuk pelabur. Akan tetapi, turut menghormati pekerja sebagai entiti penting dalam pembangunan menjana ekonomi negara.

Jadi, saya berharap dan saya juga percaya dengan adanya rang undang-undang baharu ini, ia akan dapat membolehkan lebih ramai dan lebih banyak pelabur berskala besar antarabangsa dapat melabur di bumi Malaysia. Seterusnya, membawa anjakan kepada pembangunan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak menyatakan sokongan perpaduan saya adalah berkenaan pindaan terhadap seksyen 10, seksyen 11 dan seksyen 12. Hal ini terutamanya berkenaan dengan hukuman denda yang dikenakan terhadap majikan ataupun pihak-pihak yang ingkar ataupun gagal mematuhi syarat yang ditetapkan. Bagi saya, lonjakan denda yang dikenakan tersebut akan bersifat *deterrent* atau akan bersifat mendatangkan satu tekanan kepada pihak-pihak tersebut supaya mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan.

Ini disebabkan kalau sebelum itu kita tengok ketidakpatuhan hanya denda setakat RM1,000 atau RM2,000. Kalau majikan yang mempunyai kuasa kewangan yang besar, tidak ada apa. Mereka tidak akan takut. Setiap hari RM50. Apa ada pada setiap hari RM50? Akan tetapi, hari ini, kita tengok dengan pindaan tersebut, setiap hari naik kepada RM1,000. Inilah yang akan memaksa sesiapa yang ingkar dan degil itu supaya mahu tidak mahu terpaksa mematuhi peraturan yang kita tetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak katakan di sini adalah berkenaan dengan pindaan ini telah mengecualikan negeri Sabah dan Sarawak daripada akta ini. Jadi, akta ini, selepas pindaan ini dikuatkuasakan dan diwartakan hanya akan berkuat kuasa di Semenanjung dan juga Wilayah Persekutuan Labuan.

Saya hendak bertanya, walaupun Yang Berhormat Menteri tadi ada menyatakan bahawa kedua-dua negeri, Sabah dan Sarawak, mereka akan meminda Ordinan Buruh masing-masing yang membawa maksud yang lebih kurang sama. Jadi, saya bertanya kenapa hendak keluarkan itu? Ini disebabkan saya merujuk kepada Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan berkenaan dengan bidang kuasa kerajaan-kerajaan baik Persekutuan mahupun negeri. Saya dapati hal ehwal berkenaan dengan buruh dan tenaga kerja, ia di bawah Senarai 1 yang sepatutnya bidang kuasa tersebut ada pada Kerajaan Persekutuan.

Saya nampak pengecualian yang dibuat di Senarai 2(a) untuk Sabah dan Sarawak tidak menyebut – tidak silap saya rujukan saya tidak sebut pun kuasa yang

khas diberikan kepada Sabah dan Sarawak. Jadi, saya mohon pencerahan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Kenapa dan apakah justifikasinya untuk kita mengeluarkan Sabah dan Sarawak berkenaan dengan perkara ini?

Perkara terakhir yang saya hendak sebutkan pada petang ini adalah berkenaan dengan asas kepada akta ini. Di awal pembentangan tadi, Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa rang undang-undang yang dicadangkan ini sebenarnya tidak mewajibkan semua majikan yang terbabit untuk menyediakan perumahan dan penginapan kepada pekerja mereka. Ini bermakna di sini kalau kita tengok dari segi bahasa dan secara literalnya, majikan mempunyai pilihan. Pilihan di tangan mereka untuk mereka patuhi atau tidak.

Akan tetapi, sekiranya mereka pilih untuk mematuhi bagi menyediakan kemudahan perumahan dan penginapan kepada pekerja barulah mereka tertakluk kepada akta ini. Apa akan terjadi kepada majikan yang tidak memilih supaya mereka tidak tertakluk kepada akta ini? Jadi, apakah *safeguard*? Apakah jaminan kepada penginapan, kepada pekerja yang terlibat sekiranya majikan tersebut enggan ataupun memilih untuk tidak tertakluk kepada akta yang kita bentangkan dan bincangkan ini?

Jadi, saya secara dasar, saya menganggap ia sesuatu yang baik. Sesuatu yang menunjukkan komitmen daripada Kerajaan Pakatan Harapan walaupun saya membuat beberapa teguran tersebut yang saya harap supaya ia boleh diperbaiki dan boleh mendapat penjelasan. Saya percaya Yang Berhormat Menteri sebagai seorang pejuang kepada hak asasi pekerja yang telah sekian lama. Kalau tadi Yang Berhormat Arau tadi, Yang Berhormat mengakui bahawa Yang Berhormat Menteri ketika menjadi pembangkang dulu banyak membangkitkan soal-soal fasal pekerja.

Saya cukup percaya Yang Berhormat Menteri kita mempunyai pengalaman yang cukup meluas dan mempunyai pengetahuan berkenaan dengan sektor ini. Sudah tentunya Yang Berhormat dalam keadaan dan posisi yang terbaik untuk menyediakan draf rang undang-undang ini untuk kepentingan secara menyeluruh semua pekerja yang terbabit. Jadi, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jerai.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Jerai tidak ada. Diganti Yang Berhormat Sik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Oh, Yang Berhormat tidak ada.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Jerai, tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Silakan Yang Berhormat Sik.

**6.48 ptg.**

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Sik. Ya. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga ingin bersama memberi pandangan dalam perbahasan meminda Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990.

Pertamanya, saya yakin sudah pasti pihak kementerian sebelum membentangkan pindaan akta ini, sudah mempunyai data dan statistik pekerja-pekerja di beberapa sektor yang utama yang mereka masih belum mempunyai kediaman yang standard seperti mana yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian.

Jadi, saya memohon pihak kementerian mengeluarkan data ini khususnya dalam sektor perkilangan, sektor pembinaan, perkilangan dan juga perlombongan, ia empat sektor utama ini. Kedua, Yang Berhormat Menteri, saya bersetuju tadi dengan Yang Berhormat Rasah. Dalam akta ini, kita sudah membuat satu ketetapan bahawa ada hukuman kepada majikan yang tidak menyediakan standard perumahan dan kemudahan kepada pekerja.

**■1850**

Namun begitu, kita telah melepaskan hak dan tanggungjawab ini kepada majikan yang tidak menyediakan langsung kemudahan perumahan ini. Seolah-olah kita hanya menghukum kepada mereka, majikan yang ingin menyediakan kemudahan perumahan ini. Namun mendapat standard yang diputuskan atau ditetapkan oleh pihak kerajaan. Jadi, sudah pasti kita lihat ada kelompongan dalam akta ini dan sudah pasti ada majikan yang akan mengambil jalan keluar untuk dia langsung tidak akan menyediakan kemudahan perumahan, standard yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya ingin membangkitkan, bagaimanakah spesifik kepada standard minimum kepada perumahan yang perlu disediakan oleh pihak majikan? Itu tidak disebut dalam akta ini dari segi contohnya keluasan rumah yang perlu disediakan, bilik dan sebagainya. Jadi perlu dijelaskan oleh kementerian soal spesifik...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Sik...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** ...standard minimum perumahan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Sik, sikit.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Ya.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua – eh Yang Berhormat Jelutong tidak ada? Yang Berhormat Jelutong keluar?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan, teruskan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Keluar berkeliaran. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Sik, adakah Yang Berhormat Sik bersetuju agar pihak kementerian sedang meletakkan 100 pekerja bilangan itu, adakah perlu diturunkan lagi? Seramai 100 orang bilangan pekerja dalam akta yang sedia ada, supaya ia lebih tertumpu kepada hak. Oleh sebab apa yang dilakukan pada hari ini ialah 100 pekerja ini adalah jumlah yang agak besar kerana ia tidak melibatkan tanggungan, silakan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Paya Besar, Jelutong ada di sinilah.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Oh, baru masuk? Baru masuk.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Bukan baru masuk, sentiasa ada di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila teruskan Yang Berhormat Sik.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Saya sangat bersetuju dengan...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ingat takutkah?

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** ...pandangan Yang Berhormat Paya Besar supaya kementerian melihat jumlah minimum 100 pekerja itu untuk dilihat jumlah yang lebih munasabah setiap majikan perlu sediakan perumahan ini. Jadi mohon masukkan dalam ucapan saya.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri saya ingin bertanya, adakah pihak kementerian ada mempunyai insentif ataupun galakan kepada pihak majikan yang mereka ini telah membelanjakan sedikit kos untuk menyediakan perumahan yang standard yang minimum ini? Contohnya dari segi pelepasan cukai dan sebagainya. Ini agak penting apabila kita ingin menggalakkan seluruh majikan, mereka bersungguh-sungguh untuk memberikan satu hal yang sangat penting dalam soal kebaikan kepada seluruh pekerja-pekerjanya. Ia juga akan memberikan satu nilai tambah kepada majikan itu sendiri di samping mereka telah membantu pihak kerajaan dalam menyediakan kemudahan atau memberi ruang pekerjaan kepada rakyat tempatan itu sendiri.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri, dalam soal galakan membina penempatan pekerja yang berpusat (CLQ) ini, apakah pihak kementerian mempunyai garis panduan yang diberikan kepada majikan untuk mereka mewujudkan penempatan berpusat ini?

Supaya ia lebih tersusun dan ia tidak memberi satu gambaran. Seperti mana yang ada sekarang, iaitu kita melihat –khususnya di dalam sektor pembinaan, majikan-majikan hanya menyediakan rumah-rumah kongsi yang sangat daif, yang tidak ada langsung standard sebagai rumah yang sesuai didiami dengan tidak ada kemudahan asas, sistem perparitan, contohnya sistem elektrik. Juga ada di antara rumah-rumah kongsi ini menjadi tempat pembiakan ataupun masalah kesihatan pembiakan nyamuk aedes yang menyebabkan merebaknya penyakit demam denggi dan sebagainya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, minta laluan sedikit.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Ya?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya cuba hendak membantu atas isu yang sama. Adakah Yang Berhormat bersetuju juga bahawa kawasan-kawasan ini juga menjadi sarang maksiat? Sering kali menyebabkan masalah rumah tangga dan juga selalunya didatangi oleh warganegara-warganegara Malaysia ke tempat tersebut. So, kita perlu memastikan bahawa pekerja-pekerja ini diletakkan di sebuah tempat supaya pemantauan lebih efektif. Ini kerana kita lihat bahawa sering kali apabila mereka berada di tempat-tempat perumahan yang awam, tempat-tempat yang terbuka kepada orang lain, kawasan perumahan dan sebagainya, perkara ini sering kali berlaku.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Pandangan yang bagus dan sepatutnya Yang Berhormat Jelutong sentiasa memberikan pandangan sebegini. *[Ketawa]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sentiasa, sentiasa – saya sentiasa. Cuma saya hentam BN sebelah sana sahaja. *Depa* tidak buat apa-apa, cakap saja banyak.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Jangan fitnahlah.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** ... Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Jelutong rumah-rumah kongsi ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Ahli Yang Berhormat, jangan ganggu. Sila Yang Berhormat Sik, teruskan.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Rumah-rumah kongsi pekerja khususnya pembinaan ini menjadi sarang maksiat yang sangat memberi kesan kepada masalah sosial kita.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri, saya ingin membangkitkan berkaitan dengan perumahan kepada pekerja kilang ataupun industri khususnya di kawasan utara.

Saya mengambil contoh, ada sebahagian pekerja-pekerja kilang yang jauh mereka tinggal di daerah Sik, daerah Baling dan mereka bekerja di Perai, di Pulau Pinang dan sebagainya. Adakah pihak kementerian melihat ada kuarters-kuarters kerajaan yang ditinggalkan dan tidak dihuni? Contohnya kuarters guru di Sungai Petani dan di bandar-bandar yang tidak didiami lagi oleh sektor perkhidmatan awam ini khususnya guru. Adakah pihak kementerian melihat rumah-rumah yang ditinggalkan dan banyak unit rumah ini yang telah menjadi rosak dan menjadi sarang kepada penagihan dadah dan sebagainya untuk digunakan oleh sektor ataupun pekerja-pekerja kilang ini dengan persetujuan dengan kementerian yang terbabit?

Seterusnya, saya merujuk berkaitan dengan seksyen 24J iaitu 24J(a) menyediakan penginapan yang berasingan untuk pekerja yang berlainan jantina. Ini perlu juga dijelaskan jika ada pekerja itu yang berkeluarga serta mempunyai suami isteri dan anak, perlu diletakkan dengan jelas bagaimana kedudukan mereka, rumah yang disediakan.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** *[Bangun]*

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Seterusnya juga 24J(e) iaitu memastikan bahawa pekerja menerima bantuan perubatan yang diperlukan. Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat Sik. Saya tertarik dengan apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat berkaitan dengan kebijakan dan keperluan pekerja. Di antara isu yang berbangkit juga ada majikan yang tidak menyediakan kemudahan pengangkutan terutamanya bagi pekerja-pekerja Muslim lelaki untuk pergi solat Jumaat. Mereka terpaksa berjalan kaki jauh dengan keadaan tidak ada kemudahan. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat? Seharusnya majikan bukan sahaja kemudahan penginapan, kemudahan dari segi kesihatan, infrastruktur tetapi kemudahan untuk mereka melakukan ibadah terutama fardu adalah menjadi satu tanggungjawab yang harus diambil perhatian. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Ya, saya sangat bersetuju bahawa pihak majikan perlu mengambil tahu hal kebijakan termasuklah soal pengangkutan mereka, soal ibadah mereka kerana tidak adillah jika pihak majikan hanya memerah keringat pekerja ini dengan sesungguh-sungguhnya tetapi kebijakan mereka diabaikan begitu sahaja.

Saya rumuskan tadi dalam 24J(e) itu soal bantuan perubatan. Ada satu laporan yang saya baca bahawa ada pekerja yang mereka ini telah disahkan oleh pihak hospital mempunyai penyakit yang kritikal seperti kanser dan sebagainya. Mereka apabila dipohon untuk mendapatkan peruntukan daripada SOCSO sebanyak enam *percent* daripada gaji mereka itu, mereka disyaratkan untuk berhenti kerja dahulu barulah SOCSO akan memberi peruntukan enam *percent* ini. Adakah kementerian membenarkan dakwaan ini untuk dijelaskan kepada rakyat?

Terakhir ialah saya membangkitkan – juga berkaitan dengan satu isu yang melibatkan perumahan kepada 245 buah keluarga pekerja ladang di Syarikat Berjaya di Batang Berjuntai. Isu ini sudah sekian lama, berlarutan lebih 20 tahun. Bagaimana lima buah ladang, pekerja-pekerja ini masih lagi belum mempunyai rumah yang selesa untuk mereka? Walaupun hal ini katanya adalah tanggungjawab kementerian KPKT, adakah pihak kementerian sumber manusia mencelah ataupun juga mengambil tahu berkaitan dengan kebijakan lebih daripada 245 buah keluarga pekerja ladang ini yang mereka ini menuntut hak mereka untuk disediakan perumahan yang selesa?

Jadi Yang Berhormat Menteri, itu sahaja pandangan saya. Mohon saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sik. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kapar yang terakhir, sila 10 minit.

#### **7.59 mlm.**

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Meneliti rang undang-undang ini yang bertujuan untuk meminda Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990.

#### **■1900**

Saya sambut baik sebab ia berselari ataupun bersekali dengan ILO yang mana *recommendation* 115 itu memang tepat dan ia melibatkan *Workers' Housing Recommendation 1961*. Sebenarnya itu sepatutnya dilakukan tatkala seruan itu dibuat. Namun, kita telah bersedia dan saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan yang sambut Konvensyen ILO ini sebagai satu daripada kategori untuk mengangkat martabat dan juga keselamatan rakyat bekerja di dalam negara ini.

Apabila kita membincarakan soal sebelum ini—ini dinamakan dasar. Oleh sebab itu, apabila dasar, sekarang ini ia rang undang-undang. Jadi, bila dibuat rang undang-undang, itu menjadikan satu perkara wajib. Sebelum ini, kesatuan-kesatuan yang

mengamalkan yang dipanggil *housing allowance* yang ada perjanjian bersama, tetapi malangnya kesatuan dalam negara ini hanya sekitar lapan peratus dan 92 peratus tidak berkesatuan dan mereka tidak langsung dikawal selia oleh rang undang-undang.

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

Jadi, saya mengambil peluang ini untuk menegaskan bahawa ia melibatkan pekerja. Apabila *employees* ataupun *employee*, itu sesungguhnya mewakili seluruh dalam jadual pekerjaan. Jadi, tidak perlu gusar kepada pekerja tempatan atau pekerja asing, semua terlindung. Jadi, tidak perlu ada suara yang mengatakan bahawa kita mengetepikan pekerja tempatan. Itu lontaran yang tidak menterjemah segala *details* yang ada dalam rang undang-undang ini. Jadi, saya minta Yang Berhormat yang ada pandangan sebegini, simpan dalam poket, nanti balik rumah, *go through* balik secara *detail* rang undang-undang ini.

Saya ingin menyinggung akta ini yang terpakai kepada semua termasuklah mereka-mereka pekerja asing dan tempatan tanpa mengirakan implikasi daripada apa yang berlaku. Ada di kalangan kita yang mengatakan bahawa pekerja itu ada kumpulan-kumpulan. Sebelum ini ya, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum ini perladangan, perladangan memang diberikan perumahan. Dan juga pembuatan. Akan tetapi, sekarang ini meliputi seluruh sejumlah 13 juta orang pekerja yang terlibat termasuklah apa yang Yang Berhormat Jelutong perjuangkan itu. Itu termasuk sebab ia melibatkan pekerja ataupun *employees*.

Jadi, pindaan Akta 466 ini peruntukan baharu iaitu seksyen 24(1) yang ditambah baik untuk dikawal selia, *di-supervision-kan* ataupun dipastikan melibatkan seluruh daripada pindaan— bukan pindaan sahaja, tetapi undang-undang baharu dimasukkan sebagai syarat wajib. Saya mengucapkan syabas kerana ia akan memberikan standard minimum yang tidak boleh dikompromikan. Inilah salah satu daripada pertanggungjawaban kita untuk memastikan pekerja itu dapat keselesaan. Maka, kita dengan secara automatik, kita menggalakkan anak-anak daripada desa-desa dan kampung boleh meraih pekerjaan dengan berpeluang di atas kos sara hidup itu dapat dikurangkan.

Sebenarnya natijah itu amat besar. Kita kena melihat ia daripada segi tanpa sempadan. Inilah salah satu cara untuk kita meraikan pengangguran itu akan dikucupkan daripada 509,613 ini akan dapat dikurangkan. Satu atur cara yang cukup—

saya fikir rakyat pekerja yang akan menerpa selepas remaja mereka ini mendapat peluang yang seluas-luasnya.

Untuk meneruskan ucapan saya, dalam segi konteks, saya melihat satu perkara yang sebeginu kritikal, Tuan Yang di-Pertua, bila membicarakan soal kawal selia, soal penguatkuasaan, soal akta tidak boleh kita ragut ataupun kita biarkan ia berlalu. Saya di sini 11 tahun dalam Dewan yang mulia ini. Macam-macam akta, Tuan Yang di-Pertua, kita telah buat. Saya kadang-kadang tengok akta ini rasa cukup ngeri. Kerana apa? Kerana *protection* itu nampak dia gah tetapi implementasinya itu menjadi persoalan. Maka dengan demikian, bagaimanakah kementerian boleh memantau, menguatkuasakan akta ini secara total sedangkan terdapat kekurangan pegawai penguatkuasaan JTK?

Tuan Yang di-Pertua, bayangkan, JTK kita ada sebanyak 400 orang sahaja. Hendak jaga syarikat sebanyak 1.2 juta. *Huh!* Dahsyat! Kemudian, kita hendak jaga 13 juta orang pekerja. Mak hoi! Macam mana agak-agaknya yang 400 orang nak *perform*? Saya sudah minta— dahulu ada dibicarakan dan diluluskan Kabinet tetapi sekarang ini sepi tanpa bahasa. Ini tidak boleh kita biarkan.

Maka, saya ingin menegaskan bahawa pegawai JTKSM ini yang menjalankan pemantauan dan pemeriksaan berkanun ke tempat-tempat pekerjaan dan mengambil tindakan penguatkuasaan bersepadu di kalangan agensi-agensi kementerian dan pendekatan lain juga diteliti termasuklah pendekatan penguatkuasaan secara *self-regulation*.

Sebab, Tuan Yang di-Pertua, bayangkan kalau kita ada 400 orang JTK hendak jaga 1.2 juta syarikat yang melibatkan 13 juta orang, cuba bayangkan di mana relevannya? Di mana rasionalnya yang kita hendak *implement*? Ada 13 akta lain dijaga oleh 400 orang ini. Apa ini? Saya sudah minta berkali-kali tambah lagi 400 orang untuk menguatkuasakan. Akan tetapi, kita biarkan begitu berlalu.

Saya hendak tegaskan ini, saya hendak menyinggung sedikit atas penguatkuasaan ini. Baru-baru ini di mahkamah perusahaan, Tuan Yang di-Pertua, Mahkamah 30, hakimnya nama apa? Hakimnya nama Yang Arif Param. Menjaga baru tiga bulan mahkamah itu. Selepas itu, kes *Megasteel* yang sepatutnya tiga tahun penantian, dia kata KPI daripada kementerian mesti selesaikan dalam masa tiga tahun itu kena dibatalkan kes tersebut. Saya hendak beritahu dengan Yang Berhormat Menteri, kalau inilah pendekatan KPI yang kita ambil, di tangan kanan kita zalim pekerja, di tangan kiri arahan kita, kita memang tidak peri kemanusiaan! Hati mana kita letak ini?

Saya hendak beritahu dengan Yang Berhormat Menteri, siasat Mahkamah 30, Yang Arif Param dan tegaskan kepada dia, jangan dizalimi mereka! *Settlement* boleh dibuat. Daripada total, dia minta dia hendak bagi 0.54 peratus. *Fuh!* Tuan Yang di-Pertua, RM16,000 daripada 0.54 peratus ini apa ini? Apa *settlement* ini? Syarikat yang mempunyai *network* yang banyak—*Parkson*-nya, *Amsteel*-nya, perumahannya *Lion Group*—Tuan Yang di-Pertua, hendak bagi pekerjanya RM80, RM70? Saya hendak maki tidak boleh sebab *backbencher* kerajaan. Kalau tidak, saya maki sudah. Akan tetapi, ini yang berlaku.

**Tuan Yang di-Pertua:** Keluar peraturan.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Kalau penguatkuasaan yang saya minta ini untuk diangkat kedudukan akta itu, saya rasa itu adil. Akan tetapi, kalau begini yang berlaku, katakan KPI atas arahan Yang Berhormat Menteri, ini saya rasa keterlaluan, kalau betul itu yang dimaklumkan kepada saya. Ingat, kezaliman yang berlaku kepada pekerja-pekerja yang kita sudah ada undang-undang, yang kita ada penguatkuasaan, tetapi kita biarkan berlalu begitu sahaja. Kita boleh bermegah dengan kekuatan undang-undang kita tetapi kita tidak boleh menetapi kehendak implementasi undang-undang itu. Kita mengkhianati atas apa yang dipersetujui. Saya minta kementerian ada manusiawi lah sedikit. Manusiawi.

Tuan Yang di-Pertua, merumus daripada apa yang saya hendak bicarakan isu ini. Sebenarnya isu ini memang isu yang dinanti-nanti. Sebab, ini adalah saranan daripada *International Labor Organization*. Saya terkejut baru-baru ini Konvensyen 87—saya sudah beritahu MUTC tolak, tunggu 10 tahun. Ini semua mengarut. Saya sendiri terlibat secara langsung. Selepas 30 tahun Konvensyen 87 itu hendak diangkat. Sezaman Tan Sri Zainal Rampak. Saya pemuda masa itu. Kami lawan untuk Konvensyen 87. Akan tetapi, yang saya sedih dan saya rasa tersentuh apabila mewakili pekerja-pekerja menolak atas apa yang telah kita janjikan dalam manifesto. Melombong semua hujah-hujah saya.

Undang-undang ini undang-undang terbaik. Akta yang ada di samping itu ada 13 akta di bawah JTK. Saya mengagumi hasrat murni kita tetapi saya hendak ingatkan, akta tidak cukup kalau tidak ada penguatkuasaan. Akta hanya boleh berlalu kalau tidak ada kekuatan penguatkuasaan. Akta itu hanya menjadi paten iguan buruk kepada mereka yang mengalaminya.

Maka, saya sarankan akta yang baik ini, rang undang-undang yang molek dan comel ini perlu diangkat bersekali dengan penguatkuasaan, diberikan faedah-faedah yang telah pun dijanjikan dalam perumahan dengan standard yang kita hendak, yang

ILO hendak. Akan tetapi dalam masa yang sama, harus ingat, ini adalah komitmen kerajaan yang bermaruah. Pakatan Harapan milik rakyat.

■1910

Maka, saya memohon kementerian bersungguh-sungguh untuk memastikan akta ini menjadi akta yang terbaik, yang diimplementasikan, yang berjumlah syarikat 1.2 juta yang melibatkan 13 juta. Maka saya tidak ada langsung keraguan menyokong sepenuhnya-penuhnya akta ini diluluskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar yang merupakan pembahas yang terakhir. Jadi saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**7.10 mlm.**

**Menteri Sumber Manusia [Tuan M. Kulasegaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]. Dahsyat.*

**Tuan M. Kulasegaran:** Bagi pihak Kementerian Sumber Manusia, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Standard Minimum Perumahan ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri memerlukan berapa minit? Sejam? 45 minit?

**Tuan M. Kulasegaran:** Setengah jam ke 40 minit, *I think.*

**Tuan Yang di-Pertua:** 40 minit.

**Tuan M. Kulasegaran:** Rang Undang-undang Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019. Kementerian amat menghargai pandangan dan cadangan mahupun teguran Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, seramai 11 orang Ahli Yang Berhormat telah berbahas iaitu Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Sik dan Yang Berhormat Kapar.

Saya mulakan dengan jawapan Yang Berhormat Batu Kawan yang merupakan pertama yang berhujah hari ini. Akan tetapi sebelum itu, saya ingin memberitahu Dewan ini bahawa pada 26 hari bulan 1990, bapa kepada Yang Berhormat Batu Kawan telah membahaskan mengenai akta ibu ini dengan mengambil banyak masa dan telah

bertanya banyak soalan kepada Menteri-menteri pada masa itu. Beliau juga merupakan seorang kawan karib kepada saya yang telah mengajak saya masuk DAP pada tahun 1990-an. Saya berterima kasih kepada beliau.

Saya mula ingin menjawab perkara pertama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Kawan iaitu pindaan tidak mewajibkan majikan menyediakan penginapan kepada pekerja. Apakah industri lain yang terlibat dalam pindaan diluluskan? Jawapan, semua sektor pekerjaan terlibat termasuklah sektor *F&B*, perkhidmatan yang dinyatakan tadi tetapi tidak merangkumi sektor awam sahaja. Ia juga terhad kepada pekerja seperti yang didefinisikan di bawah Akta Kerja 1955. Bagi pekerjaan sebagai pembantu rumah, majikan yang menggajikan mereka telah pun diisyiharkan untuk menyediakan tempat tinggal bersama dengan majikan.

Kedua, penalti yang dikenakan ke atas majikan yang gagal mematuhi Akta 446. Cadangan meningkatkan kadar penalti ini kepada RM50,000 adalah sebagai satu langkah pencegahan dalam menunjukkan ketegasan dan keseriusan kerajaan dalam menangani isu-isu perumahan dan penginapan pekerja yang tidak menemui standard minimum yang ditetapkan. Perkara ini dipandang serius oleh masyarakat antarabangsa kerana perumahan pekerja sering dikaitkan dengan isu buruh paksa (*force labour*) dan hak asasi manusia. Diharapkan dengan peningkatan kadar penalti akan meningkatkan pemantauan dan seterusnya meningkatkan kualiti kehidupan pekerja.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan M. Kulasegaran:** Ya.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Sedikit penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ini bukan di dalam ucapan perbahasan saya tadi tetapi adalah soalan yang berhubung kait sekiranya majikan mempunyai seorang pekerja yang telah lari meninggalkan premis ataupun melarikan diri, maka sekarang ini denda terpaksa dibayar oleh majikan. Contohnya sekiranya majikan itu selalu mengingatkan pekerja itu untuk membersihkan tempat mereka tidur ataupun memotong kuku yang dalam *F&B*, tetapi tidak juga dibuat. Dengan izin, *when they nagged their workers* dan pekerja itu tidak tahan dan melarikan diri. Maka wajarkah majikan itu dikenakan denda di atas tindakan pekerja itu sendiri? Mohon Menteri memberikan sedikit penjelasan. Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Itu adalah daripada segi peraturan yang sedia ada, yang mewajibkan bahawa majikan perlu membayar denda. Jika ada satu polisi yang baharu, kemungkinan ia dapat ditukar tetapi setakat ini kalau pekerja lari daripada majikan dan jika majikan melaporkan kepada pihak

imigresen, dia perlu, dia dimestikan membayar denda. Dia tidak boleh lari. Itu adalah keperluan daripada segi regulasi yang kita ada.

Potongan ke atas gaji pekerja, berapakah kadar potongan tersebut? Mengikut seksyen 24 Akta Kerja 1955, Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja menerusi permohonan majikan akan mengeluarkan permit potong gaji selepas siasatan dilakukan. Pada masa ini, kadar maksimum yang dibenarkan bagi seorang pekerja adalah sebanyak RM50 sebulan. Pada masa akan datang, perbincangan antara majikan dengan kesatuan sekerja serta kesatuan majikan akan membincangkan kadar tersebut bagi menetapkan kadar yang dipersetujui kemudian.

Yang Berhormat Batu Kawan juga. Apakah kriteria dan kuasa Menteri untuk menetapkan peraturan kompaun? Peraturan berkaitan kompaun akan digubal berdasarkan kepada peruntukan baharu seksyen 28A dan peraturan ini hanya akan digubal setelah libat urus bersama semua pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) dilakukan. Semua kriteria, kaedah dan tatacara mengkompaun tersebut akan digubal berdasarkan penglibatan semua *stakeholders*.

Yang Berhormat Lembah Pantai, perkara yang dibangkitkan, adakah tindakan yang akan diambil kepada penyedia penginapan yang gagal melantik orang bertanggungjawab. Penalti ya. Penalti adalah sebanyak RM50,000 dikenakan bagi kesalahan ini.

Yang Berhormat Batu Kawan juga, majikan **mibenarkan** pekerja asing di rumah murah ataupun pangsapuri yang sepatutnya didiami oleh pekerja tempatan. Kelulusan daripada PBT atau lain-lain agensi diperlukan dan JTKSM akan juga membuat siasatan dan pemantauan untuk memastikan perkara seperti ini tidak berlaku.

Pembetungan dijaga oleh siapa?

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, boleh saya tahu secara terperinci sebab yang ini penting. Yang Berhormat Menteri katakan ada kelulusan daripada PBT. Contoh di satu taman perumahan, ada syarikat tersebut telah menempah 10 buah rumah untuk mereka menghantar atau mibenarkan pekerja mereka mendiami rumah tersebut. Apakah prosedur untuk mendapat kelulusan daripada PBT? Ini disebabkan sekarang ini, garis panduan minimum yang digunakan, yang itu pun jiran-jiran warga tempatan banyak merungut kepada kami dan memberitahu bahawa jiran mereka ada 10 orang warga asing duduk, 20 orang, mereka khawatir akan keselamatan, kebersihan dan sebagainya. Saya pasti kita semua di sini ada isu-isu yang kita berdepan di kawasan-kawasan kita sendiri. Apakah tanggungjawab ataupun peranan PBT dalam pindaan rang

undang-undang ini daripada segi penempatan mereka di rumah-rumah, di taman-taman ataupun di pangsapuri kos murah ataupun *affordable homes*? Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran:** Perbincangan telah dibuat dengan PBT. Itu nombor satu. Nombor dua, kita sedang meluaskan akta ini kepada selain daripada pekerja estet dan pekerja ladang dan *mining industry*. Akan tetapi bila diluaskan kepada bandar-bandar, ia dirangkumi bidang kuasa dengan PBT. Majikan sepatutnya membuat permohonan kepada PBT. Semasa itu juga, PBT perlu memberitahu kepada JTK di kementerian supaya kita dapat memberikan pandangan kita mengenai apakah tindakan yang perlu diambil dan seterusnya, jika ia adalah di taman-taman, kerap kali kuasanya adalah dengan PBT. Kita harapkan PBT tidak memberikan kelulusan atau memberi *conditions* tertentu. Maka dengan sekali gus, itu adalah di kuasa PBT, bukan dengan kementerian.

Pembetungan dijaga oleh siapa? Pembetungan dikawal selia oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

#### ■1920

Penginapan yang dibenarkan ialah bangunan untuk kediaman manusia yang dikeluarkan oleh *Certificate of Completion and Compliance (CCC)* oleh PBT. Ini kerana rang undang-undang ini akan melihat dari segi standard minimum kemudahan perumahan dan penginapan pekerja, sebagai contoh ruang tidur, ruang dapur dan sebagainya.

Yang Berhormat Pontian, apakah pekerja yang mempunyai tempoh pekerjaan yang singkat tertakluk kepada akta ini? Majikan yang menyediakan penginapan dan perumahan kepada pekerja walaupun dalam tempoh pekerjaan yang singkat adalah tertakluk di bawah akta ini. Apakah saiz penginapan yang wajar disediakan di bawah akta ini? Saiz penginapan akan ditetapkan dalam peraturan yang akan digubal selepas sesi libat urus diadakan dengan pihak-pihak berkepentingan *stakeholders*. Sebagai contoh, setiap pekerja mestilah diperuntukkan keluasan tidak kurang sembilan meter persegi setiap seorang sebagaimana akta sedia ada.

Di dalam cadangan meminda akta ini, Kementerian Sumber Manusia telah mengadakan sesi libat urus yang menyeluruh dengan semua pihak termasuklah menubuhkan jawatankuasa teknikal di bawah Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan secara *tripartite* antara kerajaan, majikan dan kesatuan sekerja untuk meneliti cadangan pindaan ini. Sekiranya majikan menyediakan penginapan dan perumahan kepada pekerja, tiada elau penginapan yang boleh dituntut oleh pekerja yang memilih untuk menginap di rumah sendiri. Cadangan kadar caj yang akan dipungut dan ditentukan dalam peraturan selepas sesi libat urus diadakan. Pada masa ini, akta ini tidak

memperuntukkan kewajipan untuk majikan menyediakan penginapan kepada pekerja, justeru akta ini juga tidak meliputi orang tanggungan pekerja tersebut.

Akhir sekali, kelulusan bagi tangki adalah tertakluk kepada undang-undang Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ada kuasa.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri, di sini Batu Kawan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, maaf mengganggu. Saya bangkitkan isu tanggungjawab majikan ke atas kebersihan dan kesihatan pekerja-pekerja mereka. Realiti hari ini adalah kos rawatan di hospital kerajaan bagi pekerja asing adalah lebih tiga kali ganda daripada apa yang perlu dibayar oleh warga tempatan. Jadi, pada satu masa kita ingin menggalakkan majikan untuk ambil lebih tanggungjawab untuk menjaga kesihatan pekerja-pekerja mereka dan sekiranya mereka cedera untuk membawa mereka untuk mendapat rawatan dengan cepat. Akan tetapi pada sebaliknya kos untuk rawatan adalah tinggi, jadi secara tidak langsung majikan akan mengira kos *at the end of the day is dollar and cents* Yang Berhormat Menteri, *they were choose not to take their workers to the hospital to get treatment*. Seperti yang saya katakan akan minta pekerja itu urutlah dengan minyak kah apa *with bandage and work*. Oleh sebab keesokan harinya kalau pekerja itu tidak kerja, maka upah untuk hari itu tidak kan dibayar. *If they take three-day leave because they can't work, then three days the majikan doesn't pay. So we have strike a balance* Yang Berhormat Menteri. Saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang Berhormat, apabila seorang majikan mengabaikan perkara yang diberitahu oleh Yang Berhormat, tindakan boleh diambil oleh kementerian, itu nombor satu. Nombor dua, saya ingin beritahu ada satu cadangan yang baru yang telah dibuat oleh kementerian, ini terkena kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Di mana kita mencadangkan, saya telah mencadangkan kepada kabinet iaitu *social compliance audit report*. Ini adalah seperti yang dikatakan oleh beberapa Ahli Parlimen. *Reasonable business alliance* yang membuat cadangan ini dan kita telah mengadakan beberapa pertemuan dan *social compliance audit report* ini akan merangkumi semua yang majikan perlu buat dari segi undang-undang. Ini adalah satu pemikiran dan satu tindakan yang baharu yang hanya negara-negara yang makmur atau yang telah *developed* melaksanakan itu.

Apakah *social compliance audit report*? Sebelum pekerja asing diluluskan, kita akan tidak lama lagi akan *condition precedent* bahawa mereka – majikan-majikan perlu memberi satu *report* iaitu *social compliance audit report*. *Report* itu adalah menyeluruh dan ini telah dengan sukses dibuat di beberapa buah negara di Amerika dan sebagainya.

Di mana dengan *thorough studies* ia adalah *independent report* di mana majikan tidak boleh mengelak kewajipan mereka dan mereka bukan sahaja mendapat pandangan daripada majikan Tuan Yang di-Pertua, mereka juga mendapat dari *their own private investigation* berjumpa dengan pekerja-pekerja dan jika ada aduan-aduan ini akan diserapkan dalam *report* tersebut.

Apakah itu beza dengan apa yang kita ada? Kita ada sekarang, kita perlukan macam Yang Berhormat Kapar selalu bangkitkan bahawa tidak cukup pegawai, tidak cukup kakitangan. Dengan sekali gus kalau kita ada kana *social compliance audit report* ini kita tidak perlu lagi mengawasi apa yang terjadi di dalam rumah-rumah yang diberikan kepada pekerja atau apa-apa yang dibuat oleh majikan. Ini semua akan merangkumi dan akan menyelesaikan perkara sekali gus kepada kerajaan. Saya rasa ini ada satu *move on* yang sangat *progressive movement*, saya telah memberitahu kepada Kabinet dan sekarang kabinet telah menujuhkan satu *sub-committee* dan juga di antara menteri-menteri, Agensi Kawal Selia (AKS) juga akan meneliti perkara ini dan ia akan menyelesaikan, saya rasa keperluan pegawai-pegawai terus pergi tempat majikan untuk menyiasat atau untuk mencari adakah mereka telah mengikuti undang-undang atau tidak. Ini satu peraturan yang baru dan saya rasa ini satu kerangka, satu *new set up* yang akan menolong menyelesaikan banyak masalah di antara majikan dan pekerja.

Saya ingin merujuk kepada Yang Berhormat Rantau Panjang, isu hak pekerja. Di dalam akta ini, kemudahan penginapan perlu disediakan oleh majikan secara berasingan di antara lelaki dan perempuan dan tidak boleh bercampur. Kegagalan majikan mematuhi perkara ini adalah kesalahan yang boleh dikenakan penalti. Pekerja juga mempunyai hak dan kebebasan untuk mengamalkan ibadah dan hak beragama, pegangan masing-masing. Untuk tempat penginapan berpusat, antara syarat yang boleh dikenakan oleh Ketua Pengarah adalah untuk menyediakan tempat beribadat untuk pekerja mereka.

Akta ini tidak mewajibkan...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Penjelasan sedikit Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tahu, apakah peraturan ini juga dikenakan kepada majikan yang mempunyai pembantu rumah. Pembantu rumah ini tinggal bersama dengan tuan rumah dan perkara ini apabila pekerja tinggal bersama tidak berasingan, maknanya dalam satu rumah, berlaku perkara-perkara yang tidak dingini. Contoh, kes rogol yang melibatkan pembantu rumah. Ini adalah satu perkara yang melibatkan maruah, jadi apa komen, apakah satu peraturan

akan dibuat untuk memastikan keselamatan pekerja terutamanya bagi yang bekerja sebagai pembantu rumah agar kes-kes merogol pembantu rumah ini tidak berlaku dalam negara, minta penjelasan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai pembantu rumah ini, setakat ini mereka dibenarkan untuk membuat amal ibadat di sana, dibenarkan. Jika ada aduan tindakan boleh diambil, tetapi cadangan Yang Berhormat akan diambil kira dan kita tengok macam mana kita boleh melaksanakan perkara tersebut. Ini satu topik yang luar dari perkara yang sedang dibincangkan.

Akta ini tidak mewajibkan mana-mana majikan menyediakan kemudahan penginapan. Tidak ada – dimestikan diberi penginapan, bagaimanapun mana-mana majikan yang ingin menggaji pekerja asing, secara dasarnya perlu menyediakan penginapan pekerja dan hendaklah mematuhi akta ini.

Bilangan ladang yang ada di Semenanjung Malaysia di bawah Akta 446 sehingga 31 Mei 2019 adalah sebanyak 1,631 buah ladang. Manakala bilangan ladang yang ada perumahan adalah sebanyak 1,230 buah ladang. Sebanyak 184 buah ladang menyediakan pusat asuhan kanak-kanak di kawasan estet.

#### ■1930

Yang Berhormat Bukit Bendera. Standard minimum seperti kawasan ruang bilangan tandas dan sewajarnya termasuk yang dinyatakan di dalam *Recommendations 115 - Workers' Housing Recommendation 1961* akan dinyatakan di dalam peraturan yang akan digubal. Ia mematuhi standard antarabangsa dan sesuai didiami oleh manusia. Berhubung dengan arahan supaya pekerja mengikuti arahan tatatertib yang dikeluarkan oleh majikan, arahan ini hanya terpakai bagi perkara yang berkaitan dengan penginapan sahaja.

Yang Berhormat Tebrau. Secara prinsipnya, Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak telah bersetuju supaya peruntukan Rang Undang-undang 443 diperuntukkan dalam Ordinan Buruh Sabah (Bab 67) dan Ordinan Buruh Sarawak (Bab 76) pada tahun hadapan. Kementerian Sumber Manusia juga menyambut baik cadangan-cadangan Yang Berhormat Tebrau bagi memastikan majikan tidak menetapkan 20 orang ke 30 orang dalam satu unit rumah dan menubuhkan pasukan penguatkuasaan serta penambahan pegawai bagi memastikan Akta 446 ini berjaya dikuatkuasakan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 13(1) adakah kita cukup bilang pada saat dan ketika ini? Saya

lihat cukup bilang ialah 26 orang. Akan tetapi, saya bilang dalam Dewan masih tidak cukup.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, 27 orang? 28 orang? Ya, baru masuk. Cukup, cukup.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kena bagi amaran pada Yang Berhormat Pontian. Selalu suka mengganggu Dewan dengan isu-isu yang remeh. Sebagai seorang yang senior di dalam Dewan, janganlah ganggu Dewan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Semasa saya kira tadi, tidak cukup.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kira silap itu. Balik ke sekolah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri baru masuk.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Apa ini Yang Berhormat Pontian, ingat macam Barisan Nasionalkah?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Kita berterima kasih, sebab Yang Berhormat Pontian dia stay. Dia selalu stay.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Selalu saya kira tepat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, kita mulakan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Ya, itu hak Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Jelutong, kadang-kadang dia – tidak apa teruskan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih. Terima kasih. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita sama-sama mengira ya. Mencukupi atau tidak. Silakan. Tadi saya kira ada 30 orang ya. Mungkin ada dua orang keluar tadi. Okey, silakan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang Berhormat Kalabakan mengemukakan cadangan-cadangan seperti di dalam panduan penginapan pekerja. Kementerian Sumber Manusia menyokong cadangan-cadangan Yang Berhormat Kalabakan yang selain daripada pandangan Akta 446. Yang Berhormat, saya berasa bangga Yang Berhormat dari estet dan berada di sini. Saya rasa Yang Berhormat semestinya tahu latar belakang – *I am really appreciate* Yang Berhormat. *Congratulations.* Yang Berhormat Arau? Dia sudah lari ya?

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Bukan larilah.

**Tuan M. Kulasegaran:** [Ketawa] Saya tanya. Yang Berhormat Arau saya punya kawan yang baik. Saya akan baca jawapan. Sekiranya perumahan disediakan, dijangka pekerja tempatan yang lebih tertarik untuk berhijrah keluar dari kampung untuk memasuki tempat pekerjaan di bandar dan di kawasan lain. Di samping itu, pekerja tempatan juga menikmati semua faedah yang diwujudkan di bawah rang undang-undang ini. Berapakah bilangan pekerja yang boleh ditempatkan dalam satu rumah? Bilangan maksimum pekerja yang boleh ditempatkan dalam rumah akan ditetapkan dalam peraturan yang akan menepati kehendak yang ditetapkan di bawah Konvensyen Buruh Antarabangsa dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh PBT.

Yang Berhormat Jelutong, berek polis untuk menaik taraf dan kualiti penginapan di berek polis. Saya ingin beritahu bahawa kerajaan akan mengumumkan bahawa kerajaan akan mengagihkan wang untuk berek-berek ini. Pihak kementerian akan memanjangkan perkara ini kepada pihak KDN yang bertanggungjawab ke atas perkara ini.

Yang Berhormat Rasah, apakah selain daripada pekerja di estet cukup luas untuk merangkumi semua pekerja? Perkara ini telah dijawab sebentar tadi berbangkit soalan Yang Berhormat Batu Kawan. Apakah pekerja lain selain daripada yang bekerja di estet yang akan diliputi di dalam cadangan pindaan akta ini seperti yang dinyatakan dalam fasal 24A? Jawapan, perkara ini telah dijawab sebelum ini. Apakah justifikasi Sabah dan Sarawak dikeluarkan daripada pemakaian akta ini? Ini adalah kerana kehendak Sabah dan Sarawak, MA63 dan sebagainya.

Dalam hal ini, Sabah dan Sarawak, kerajaan negeri meminta mereka supaya inti pati akta ini dimasukkan di dalam ordinan buruh masing-masing bagi menyesuaikan dengan isu-isu *peculiar* yang wujud di Sabah dan Sarawak. Memandangkan Ordinan Buruh Sabah dan Sarawak adalah undang-undang Persekutuan, ini akan membangkitkan apa-apa isu yang berkait dengan Perlembagaan Persekutuan. Saya sendiri telah mengadakan perbincangan dengan Sabah dan Sarawak. Walaupun beberapa persetujuan telah pun dipersetujui dengan semua terma-terma, tetapi mereka perlukan sedikit masa lagi untuk menyerapkan beberapa isu yang lain.

Akhir sekali, Yang Berhormat Kapar, kekurangan pegawai JTK. Ini perkara yang kerap kali dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar. Saya setuju. Saya telah mohon KSN supaya lebih banyak pegawai dilantik. Seperti yang saya katakan sebelum ini, bahawa *social compliance audit report* ini, pada pandangan kita akan menyelesaikan semua perkara. Jika tidak ada pegawai atau tidak ada pihak yang aktif di dalam

melaksanakan penguatkuasaan ia akan merangkumi perkara ini dalam *social compliance audit report* itu dalam sekali gus akan menyelesaikan perkara itu.

Perkara yang lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar mengenai mahkamah di Kuala Lumpur. Perkara itu akan disiasat oleh kami dan kemungkinan saya akan memberikan jawapan kepada Yang Berhormat terus. Saya ingin ingatkan di sini Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah membuat arahan kepada semua pengerusi di mahkamah perusahaan bahawa kes-kes yang dirujuk kepada mereka patut diselesaikan dengan seberapa segera yang boleh.

Apa yang menjadi masalah sekarang adalah ramai di antara peguam dan juga dari kesatuan pekerja yang membuat aduan mengatakan Pengerusi Mahkamah Perusahaan Malaysia katakan bahawa mereka ingin tidak memberi *adjournment* atau penangguhan tetapi ingin meneruskan kes-kes tersebut. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat menolong saya kerana bila mereka seseorang pekerja hilang kerja kita berusaha untuk mendamaikan perkara tersebut. Bila kita tidak boleh selesaikan perkara itu kita rujuk kepada Mahkamah Perusahaan Malaysia supaya satu keputusan dibuat oleh hakim di Mahkamah Perusahaan Malaysia dengan seberapa segera yang boleh dan jangan kita mengabaikan perkara ini dan memberi lagi lanjutan.

Sebenarnya Yang Berhormat cadangan yang kita sedia ada adalah kes-kes ini patut diselesaikan dalam tempoh satu tahun. Baru-baru ini saya telah berjumpa dengan mereka dan memberi arahan bahawa kes-kes ini patut diselesaikan dalam tempoh sembilan bulan. Ini adalah Yang Arif pun tahu dalam kes-kes sivil sekarang di mahkamah boleh diselesaikan dalam tempoh sembilan bulan. Kita tidak ada masalah sedemikian untuk menyelesaikan kes-kes industri dalam tempoh sembilan bulan juga. Jika ada...[Disampuk]

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Tuan Yang di-Pertua, mohon saya mencelah sikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Saya hendak ucapkan terima kasih Yang Berhormat Menteri kepada JTK Negeri Johor kerana dalam kes pekerja-pekerja ladang di kawasan saya, pekerja-pekerja ladang di Ladang Awang Timur. Apabila dirujukkan kepada Pengarah dan Timbalan Pengarah JTK Negeri Johor, mereka telah pun turun berjumpa dengan pekerja-pekerja ladang ini yang pihak majikan tidak membela nasib dan kebajikan pekerja ladang dan pekerja ladang telah pun mengadakan dua perjumpaan dengan JTK Negeri Johor. Saya harap mudah-mudahan kes ini akan selesai. Jadi, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan terima kasih kepada JTK Negeri Johor. Perkara yang betul kita cakap.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih Yang Berhormat, a very good hearted person. Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan beritahu kepada JTK Negeri Johor mengenai perkara yang diberitahu oleh Yang Berhormat.

Akhir sekali Yang Berhormat, saya masih bercakap dengan Mahkamah Perusahaan Malaysia, saya rasa saya harap peguam-peguam dan juga kesatuan pekerja dan *Malaysian Employers Federation* akan mengakui dan memberikan kerjasama supaya kita menyelesaikan kes-kes di Mahkamah Perusahaan Malaysia dengan seberapa segera yang boleh. Saya telah merujuk lebih dari 1,000 kes tahun ini ke Mahkamah Perusahaan Malaysia.

Saya telah memberitahu kepada Pengurus-pengurus Mahkamah Perusahaan Malaysia supaya mempercepatkan penyelesaian kes-kes tersebut dan kita harap semua kerjasama dari semua pihak supaya seberapa awal kes-kes ini dapat diselesaikan.

Sekali lagi pihak Kementerian Sumber Manusia bagi pihak Kementerian Sumber Manusia saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pandangan dan cadangan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberikan perhatian dengan merangka dasar dan program-program kementerian dengan lebih cekap dan berkesan. Sekiranya ada isu-isu yang tidak sempat dijawab, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mengemukakan selepas ini dan saya mohon menjawab secara bertulis sekian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

***[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]***

***[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

***[Fasal-fasal 1 hingga 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]***

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

***[Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga; disokong oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar) dan diluluskan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan itu. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa, 16 Julai 2019. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat malam.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.45 malam]**